

LAPORAN TAHUNAN
BERSEPADU **2024**



**MEMBANGUN BERSAMA DEMI
HARI ESOK YANG LEBIH BAIK**



MEMBANGUN BERSAMA DEMI HARI ESOK YANG LEBIH BAIK

Agrobank telah memacu lanskap pembangunan pertanian Malaysia selama lebih lima dekad. Berpaksikan tema “Membangun Bersama Demi Hari Esok yang Lebih Baik”, impak kami terserlah menerusi penciptaan pekerjaan di dalam segmen perniagaan pelanggan kami, sokongan peningkatan penarafan kredit menerusi program-program pembinaan ilmu, dan perluasan akses kepada produk-produk dan perkhidmatan kami untuk komuniti tani yang terpinggir. Kami membantu memperkukuhkan daya tahan sektor, meningkatkan pendapatan, dan mengukuhkan keterjaminan makanan negara dengan cara memperkasakan usahawan menerusi penyediaan modal, bimbingan dan peningkatan kemahiran generasi baharu, serta sokongan kewangan untuk inisiatif modenisasi. Inilah manifestasi komitmen kami untuk “Membangun Bersama”, dengan impak yang meresap ke seluruh ekosistem pertanian.

“Demi Hari Esok yang Lebih Baik” mencerminkan usaha kami dalam membina sektor pertanian yang lebih moden, berdaya tahan, dan inklusif untuk masa hadapan. Agrobank sedang membentuk masa hadapan sektor pertanian di Malaysia menerusi pembiayaan strategik, kerjasama institusi, dan sokongan bersasar. Kami telah memberi akses kewangan kepada 627,139 pelanggan baharu, meningkatkan kecekapan perkhidmatan kewangan kami, dan merangkumkan tindakan iklim dalam operasi kami menerusi pelaksanaan Pelan Sifar Bersih.

Laporan ini membentangkan prestasi kami pada 2024 yang merangkumi kemajuan yang dicapai sepanjang tahun, komuniti yang diperkasakan, dan kerjasama yang terjalin. Ia memperincikan sokongan kami terhadap keterjaminan makanan negara dengan kerjasama pelanggan dan komuniti, pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan, dan pembinaan ekosistem yang mantap di mana penyertaan dari perusahaan mikro hingga organisasi korporat boleh berkembang maju. Agrobank terus mengutamakan aspek keterangkuman, inovasi, dan kerjasama dalam memastikan bahawa pertumbuhan sektor pertanian Malaysia menjana kemakmuran yang boleh dikongsi dengan semua tanpa ada yang tercicir.

LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2024

Hak Cipta © Agrobank 2024
Hak cipta terpelihara.

Mana-mana bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula, atau ditukar dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Agrobank.

Diterbitkan oleh:
Bank Pertanian Malaysia Berhad
(Agrobank)


Alamat Ibu Pejabat:
Leboh Pasar Besar, City Centre,
50726 Kuala Lumpur, Malaysia

Penerbitan ini boleh didapati
dalam bentuk bercetak dan
elektronik.

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan
Rekod katalog untuk penerbitan
ini boleh didapati daripada
Perpustakaan Negara Malaysia.

Laporan ini diterbitkan setiap
tahun.

eISSN 3122-7074



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Agrobank memperkasa usahawan tani muda di bawah Program Pembangunan Usahawan Tani Muda (Probest 2.0 2024), dengan peruntukan dana RM1.69 juta, menyokong generasi baharu inovator pertanian.

KANDUNGAN LAPORAN

BAB 1			
PRAKATA			
Kandungan Laporan			
Tentang Laporan Ini	2	Strategi Perniagaan dan Operasi Kami	50
Perjalanan Gemilang Melebihi Lima Dekad dari 1969 hingga 2023	4	Strategi Risiko dan Mitigasi Kami	56
Sorotan Acara 2024	6	Lanskap Operasi Kami	60
Pencapaian Utama 2024	10	Nilai Tercipta Kami	66
		Tambahan Pelaporan Kami	68
BAB 2		BAB 5	
TENTANG AGROBANK		PRESTASI MANDAT KAMI DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI	
Agrobank Seimbias Lalu	14	Pemeriksaan Masyarakat dan Komuniti	74
Aspirasi dan Komitmen Kami	16	Memperkasakan Usahawan	76
Produk dan Perkhidmatan Utama Kami	19	Melabur dalam Komuniti	82
Struktur Organisasi Kami	20	Hasil dan Impak Sosial	85
Struktur Korporat Kami	22	Memperkasakan Modal Insan	86
Kehadiran Kami di Malaysia	23		
BAB 3		BAB 6	
PERUTUSAN UNTUK PEMEGANG TARUH		ULASAN KELESTARIAN KAMI	
Perutusan Pengerusi	26	Perubahan Iklim dan Pengurusan Alam Sekitar	92
Perutusan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif	30	Strategi Kelestarian Kami	93
		Pendekatan Kami terhadap Tindakan Iklim dan Kelestarian	95
		Prestasi Kelestarian Kami	106
BAB 4		BAB 7	
TINJAUAN STRATEGIK KAMI		TINJAUAN PRESTASI PERNIAGAAN DAN KEWANGAN KAMI	
Model Perniagaan Kami	36	Prestasi Pasaran Pertanian dan Perniagaan	114
Nilai-nilai Teras Kami	37	Analisis Lanskap Pasaran	116
Pemegang Taruh Kami	38	Tinjauan Kewangan	120
Perkara-perkara Material Kami	46	Ringkasan Kewangan Lima Tahun	121
Modal Kami	47		
Model Penciptaan Nilai Kami	48		
		BAB 8	
		KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS KAMI	
		Integriti Institusi dan Etika Perniagaan	136
		Profil Lembaga Pengarah	137
		Profil Jawatankuasa Syariah Kumpulan	145
		Profil Jawatankuasa Pengurusan	149
		Penyata Tadbir Urus Korporat	158
		Penyata Pematuhan	175
		Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	177
		Laporan Pendedahan Syariah	184
		Jadual Indeks TCFD	190
		BAB 9	
		PENYATA KEWANGAN	
		Penyata Kewangan	191
		BAB 10	
		MAKLUMAT PEMEGANG TARUH	
		Status Korporat	345
		Maklumat Korporat	346

RASIONAL MUKA HADAPAN

Imej pada muka depan mengungkap dengan sempurna semangat kerjasama. Logo Bank di bahagian tengah diapit oleh dua tangan yang bersalaman, menggambarkan konsep yang mudah tetapi penuh bermakna iaitu kolaborasi dan kepercayaan. Latar belakang landskap pertanian yang menghijau menyerlahkan asas kerjasama yang berteraskan pertumbuhan, kelangsungan dan hubungan erat dengan alam. Garis-garis yang disulam secara halus melambangkan mesej kemajuan dan kelancaran perjalanan bersama menuju ke hadapan.

TENTANG LAPORAN INI

- Laporan Tahunan Bersepadu (AIR) 2024 ini diterbitkan bagi memperincikan kemajuan yang dicapai oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad, di sini dirujuk sebagai "Agrobank" atau "Bank" sepanjang tempoh 1 Januari – 31 Disember 2024.
- Laporan ini merangkumi Kumpulan Agrobank dan Bank, termasuk semua cawangan-cawangannya, anak-anak syarikat, dan entiti-entiti operasinya di Malaysia.
- AIR 2024 ini disediakan dengan merujuk kepada Kerangka Pelaporan Bersepadu, Kerangka <IR> Framework, yang mengambil kira:

Tinjauan organisasi dan persekitaran luaran

Matlamat, aktiviti-aktiviti utama, dan pasaran Agrobank serta faktor-faktor penting yang mempengaruhi persekitaran luaran serta kemampuan Bank untuk mencipta nilai



Tadbir urus

Bagaimana struktur tadbir urus Agrobank membolehkan Bank mencipta nilai jangka pendek, sederhana, dan panjang



Model perniagaan

Sistem Agrobank untuk mengubah input menjadi output menerusi aktiviti-aktiviti perniagaan Bank, dengan matlamat memenuhi objektif Bank dan mencipta nilai



Risiko dan peluang

Risiko-risiko dan peluang-peluang yang mempengaruhi kemampuan Agrobank untuk mencipta nilai jangka pendek, sederhana, dan panjang, serta bagaimana Bank menanganinya



Strategi dan peruntukan sumber

Aspirasi dan matlamat Agrobank serta perancangan Bank untuk mencapainya



Prestasi dan jangkaan masa hadapan

Sejauh mana Agrobank telah mencapai objektif strategiknya untuk tempoh tinjauan serta hasil-hasil berkaitan daripadanya, selain cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi oleh Bank



- Pernyataan laporan bersepadu ini juga adalah berlandaskan:

- Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
- Dokumen-dokumen Dasar dan Garis Panduan BNM.
- Intermediasi Berasaskan Nilai (VBI) BNM untuk Bank-bank Islam.
- Panduan Aplikasi Pasukan Bertindak mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim ("JC3") untuk Institusi-institusi Kewangan Malaysia.
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa ("ISSB")
 - > S1: Kehendak-kehendak Umum untuk Pendedahan Maklumat Kewangan berkaitan Kelestarian, dan
 - > S2: Pendedahan berkaitan Iklim.




IKON

Agar maklumat yang disampaikan lebih padat dan berkesinambungan, laporan ini menggunakan pelbagai ikon perwakilan:

Pemegang Taruh



Modal



Perkara-perkara Material



Bidang Fokus Strategik (Sustainability Focus Area, SFA)



Keutamaan Strategik



Matlamat Pembangunan Mampan PBB (UN SDGs)

UN SDG adalah pelan tindakan untuk masa hadapan yang lebih mampan dan saksama, dan peranan Agrobank sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) untuk sektor pertanian Malaysia menjadi penghubung langsung kepada aspirasi global ini. Laporan ini memperincikan bagaimana usaha Agrobank menyumbang secara langsung kepada beberapa UN SDG utama seperti berikut:



PERNYATAAN KE HADAPAN

Laporan Bersepadu ini mendedahkan wawasan dan prospek masa hadapan Kumpulan termasuk keutamaan dan pelan-pelan strategik akan datang. Maklumat ini disediakan berdasarkan andaian-andaian dan ramalan-ramalan berwajaran, selain data yang tersedia ketika laporan ini dibuat. Namun, aplikasi pernyataan-pernyataan ini berkemungkinan tertakluk kepada sebarang perubahan dalam persekitaran operasi luaran.

Faktor-faktor di luar kawalan Agrobank berkemungkinan menjadikan hasil dan keputusan berbeza dari ramalan. Budi bicara dan usaha berwajaran pembaca disarankan sebelum membuat sebarang kesimpulan atau keputusan pelaburan. Agrobank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, atau impak negatif yang ditanggung oleh pembaca dari pernyataan laporan bersepadu ini.

HUBUNGI KAMI

Kami mengalu-alukan maklumbalas, soalan, dan cadangan daripada para pembaca.

Hubungi kami di:
customer@agrobank.com.my

PERJALANAN GEMILANG MELEBIHI LIMA DEKAD DARI 1969 HINGGA 2023

Sejak penubuhannya, usaha berterusan Bank dalam memangkin pertanian mampan dan menyokong keterjaminan makanan diterajui inovasi, kerjasama strategik, dan komitmen teguh terhadap keterangkuman kewangan. Berikut adalah peristiwa-peristiwa penting yang menggariskan peranan signifikan Bank dalam memajukan pembangunan luar bandar, keterjaminan makanan, dan pertumbuhan ekonomi yang inklusif di Malaysia.

1969



1 OGOS 1969 DITUBUHKAN

Penubuhan Bank Pertanian Malaysia (BPM)

2007



19 DISEMBER 2007 DIPERBADANKAN

Dewan Negara meluluskan rang undang-undang untuk memperbadankan BPM

2008



24 JANUARI 2008 DIGUBAL

Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) diwartakan

1 APRIL 2008 DIKORPORATKAN

Dikorporatkan dan menjadi milik penuh Kementerian Kewangan, secara komersial dikenali sebagai Agrobank

2023



- Pelancaran Perkhidmatan Bank Bergerak (9 Februari 2023)**
 Agrobank melancarkan perkhidmatan bank bergeraknya yang pertama, justeru meluaskan akses perbankan untuk komuniti luar bandar.
- MOU dengan Kumpulan Petani Kelantan Berhad (16 Februari 2023)**
 Memorandum Persefahaman dimeterai dengan Kumpulan Petani Kelantan Berhad bagi memperkukuhkan sokongan terhadap petani tempatan.
- MOU dengan Farmbyte (12 Mac 2023)**
 Agrobank memeterai kerjasama strategik dengan Farmbyte, justeru menegaskan komitmennya terhadap inovasi dan pembangunan pertanian.
- MOU dengan PKNS (13 Julai 2023 & 2 Ogos 2023)**
 Dua Memorandum Persefahaman dimeterai dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi meneruskan kerjasama dalam projek-projek pembangunan negeri.
- Pelancaran Skim Pembiayaan Padi Madani (SPPM) oleh Perdana Menteri (18 Julai 2023)**
 Skim Pembiayaan Tanaman Padi dirasmikan oleh Perdana Menteri, lantas menegaskan sokongan negara kepada komuniti pesawah.
- MOU dengan Sabah Land Development Berhad (SLDB) (21 Julai 2023)**
 Agrobank memeterai MOU dengan SLDB, menegaskan komitmennya terhadap pembangunan pertanian di Sabah.
- MOU dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) (3 Ogos 2023)**
 Agrobank bekerjasama dengan MDEC dalam inisiatif-inisiatif transformasi digital sektor pertanian.
- Forum Iklim Belia (19 Ogos 2023)**
 Agrobank menyertai Forum Iklim Belia, menegaskan komitmennya terhadap usaha kelestarian dan libat urus belia.
- MOU dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (26 September 2023)**
 Agrobank memeterai MOU dengan FAMA, memperkukuhkan usaha kerjasama dalam pemasaran dan sokongan pertanian.
- Majlis Anugerah Diploma Kemahiran Malaysia (MOU Agrobank X UPM) (13 Disember 2023)**
 Agrobank menghadiri Majlis Anugerah Diploma Kemahiran Malaysia sebagai sebahagian MOU dengan UPM.
- Pelancaran PROBEST di Persidangan Perladangan Antarabangsa ke-3 (21 Disember 2023)**
 PROBEST dilancarkan di persidangan ini, menegaskan kerjasama akademik dan industri.
- Pelancaran Agro-Pelancongan & Agro-Belia KPKN (3 Februari 2023)**
 Agrobank menyokong pelancaran inisiatif-inisiatif agro-pelancongan dan agro-belia oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- Majlis Konvokesyen Pertanian ke-11 (16 Mac 2023)**
 Agrobank menyertai Majlis Konvokesyen Pertanian ke-11.
- Program Qurban 2023 (29 Jun 2023)**
 Agrobank menjalankan program Ibadah Qurban tahunannya dan mengagihkan daging kepada komuniti di seluruh negara.
- Pelancaran Program 'Hijrah Asnaf Tanaman' (11 September 2023)**
 Agrobank melancarkan program 'Hijrah Asnaf Tanaman' bagi menyokong golongan Asnaf dalam penanaman pertanian.
- Asia Smart Farming Exhibition (3-5 Oktober 2023)**
 Agrobank menyertai Asia Smart Farming Exhibition, menegaskan penglibatannya dalam dunia pertanian moden.
- HPPNK Agrobank (10-12 November 2023)**
 Agrobank mengadakan program cabutan bertuah tahunan HPPNK, menawarkan petani, penternak, nelayan, dan peserta kempen lain peluang untuk memenangi hadiah lumayan.
- Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Negeri Pulau Pinang 2023 (8-10 Disember 2023)**
 Agrobank menyertai acara peringkat negeri ini untuk peladang, penternak, dan nelayan.



2015



1 JULAI 2015 BANK ISLAM

Agrobank menjadi Bank Islam sepenuhnya

MERANCANG KE HADAPAN

Agrobank merangka Pelan Perniagaan Strategik (SBP) untuk 2016-2020

2019



7 NOVEMBER 2019 PERMULAAN BAHARU

Agrobank memperbaharui Visi dan Misinya bagi mencerminkan hala tuju baharu dan agenda transformasinya

2020



22 DISEMBER 2020 TRANSFORMASI

Lembaga Pengarah Agrobank meluluskan Pelan Perniagaan Strategik 2021-2025 (SBP 2021-2025)

2022



- **Diiktiraf sebagai Institusi Kewangan Pembangunan Runcit Terbaik Dunia**
Agrobank menerima anugerah global berprestij ini yang mengiktiraf kecemerlangannya dalam kewangan pembangunan runcit Islam.
- **Menerima Tiga Anugerah di Malaysia Public Relations Awards 2022**
Agrobank menerima tiga anugerah dalam majlis ini untuk kecemerlangan dalam strategi komunikasi.
- **Perjanjian Strategik dengan MYDIN Kelantan untuk Pembiayaan Pembedor**
Perjanjian dengan MYDIN Kelantan dimeterai untuk pembiayaan sehingga RM500,000 untuk pembedor MYDIN, justeru mengukuhkan rantai bekalan tempatan.
- **Program Sukuk Wakalah Memenangi Anugerah Sukuk Terbaik 2022**
Program Sukuk Wakalah Agrobank diiktiraf dengan Anugerah Sukuk Terbaik untuk instrumen kewangannya yang inovatif.
- **Menerima Anugerah Laporan Penilaian Pematuhan Bebas Terbaik daripada PayNet untuk Tahun Ketiga Berturut-turut**
Untuk tahun ketiga berturut-turut, Agrobank menerima pengiktirafan ini daripada PayNet, justeru membuktikan kecemerlangannya dalam aspek pematuhan.
- **Pelancaran Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur bersama UPM**
Dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Agrobank melancarkan program incubator keusahawanan akuakultur bagi memupuk pertumbuhan sektor perikanan.
- **MOU dengan LPP bagi Menguruskan Sumbangan Takaful RM5 Juta untuk Peladang**
Memorandum Persefahaman (MOU) dimeterai dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi menguruskan sumbangan Takaful berjumlah RM5 juta bagi meningkatkan perlindungan sosial peladang.
- **Kerjasama Strategik dengan SADC Perak untuk Program Ladang Untuk Rakyat**
Agrobank memeterai perjanjian strategik dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) di bawah Program Ladang Untuk Rakyat ('Farm for the People') bagi mempromosi inisiatif-inisiatif pertanian komuniti.
- **Kolaborasi dengan IBM untuk Pendigitalan Operasi**
Agrobank bekerjasama dengan IBM bagi mendigitalkan operasinya, justeru meningkatkan kecekapan perkhidmatan untuk komuniti pertanian menerusi penggunaan teknologi.
- **Menerima Anugerah Laporan Penilaian Pematuhan Bebas Terbaik** daripada PayNet untuk tahun ketiga berturut-turut.

2021



- **Pelancaran Program Keusahawanan Asnaf**
Agrobank melancarkan program ini bagi memperkasa usahawan Asnaf dan memupuk kemandirian ekonomi dalam kalangan komuniti terpinggir.
- **Kerjasama dengan FELDA untuk Program Pembangunan Peneroka Baharu**
Perjanjian penting dimeterai bersama FELDA untuk satu model baharu program pembangunan peneroka yang bermatlamat meningkatkan kelangsungan hidup komuniti petani.
- **Kolaborasi dengan MTDC bagi Mempercepatkan Industri 4.0 dalam Pertanian**
Agrobank menjalin kerjasama dengan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) bagi merangkumkan amalan-amalan Industri 4.0 ke dalam sektor pertanian Malaysia.
- **Pelancaran ATM Bergerak Pertama Malaysia di Sarawak**
Agrobank melancarkan perkhidmatan ATM bergerak pertama di Sarawak bagi memberi akses kewangan asas kepada komuniti pedalaman.
- **Pelancaran Program Sukuk Wakalah RM1 Bilion**
Bank melancarkan Program Sukuk Wakalah bernilai RM1 bilion langkah signifikan dalam tawaran kewangan Islamik.
- **Memacu Pemulihan Sosio-Ekonomi menerusi SBP 2021-2025**
Agrobank berusaha membantu pemulihan sosio-ekonomi sektor pertanian menerusi Pelan Perniagaan Strategik (SBP) 2021-2025.
- **Skim Kredit Mikro RM2.02 Juta untuk Usahawan Sarawak di Lawas**
Seramai 85 usahawan mikro di Lawas menerima manfaat Skim Kredit Mikro Sarawak bernilai RM2.02 juta bagi menyokong perusahaan tempatan secara langsung.

SOROTAN ACARA 2024

Bank berusaha memupuk satu ekosistem di mana setiap pemegang taruh boleh bertumbuh maju bersamanya, seperti yang dicerminkan menerusi acara-acara dan pencapaian penting sepanjang tahun ini.

JANUARI

Pelancaran Pusat Pembangunan Komuniti (CDC) yang Pertama

Pelancaran CDC Agrobank yang pertama di RTC Tunjong, Kelantan, menjadi hab untuk inovasi luar bandar, pendidikan, dan akses pembiayaan agri.



Bantuan Banjir Cakna

Agrobank menghulurkan bantuan asas kepada pelanggan yang terkesan dengan bencana banjir, mencerminkan sokongan segera untuk komuniti yang dilanda musibah.



FEBRUARI

Pelancaran Kempen Heng Loong Huat

Pelancaran kempen perayaan dengan tawaran hadiah wang tunai berjumlah RM888 kepada 50 pelanggan bertuah bagi menggalakkan pembayaran tanpa tunai menerusi Agro Debit-i dan simpanan menerusi AgroPrimaS.



Agrobank X Mydin: Penyerahan Program Pemborong dan Peruncit

Program bagi memperkasakan pemborong dan peruncit ini berjaya diserahkan dengan kerjasama Mydin bagi menyokong nadi perniagaan tempatan.



MAC

Sumbangan Bubur Lambuk Ramadan & Zakat

Mengagihkan 11,100 pek bubur lambuk di seluruh negara dan menyumbang zakat berjumlah RM50,000 kepada golongan asnaf dan anak-anak yatim, mencerminkan tanggungjawab sosial Agrobank sempena Ramadan.



Pelancaran Kempen Tanpa Tunai Pasar Ramadan 2024 di Sungai Koyan

Agrobank melancarkan Kempen Tanpa Tunai Pasar Ramadan 2024 di pasar Ramadan Sungai Koyan sebagai permulaan kepada kempen lebih meluas merangkumi 19 lokasi di seluruh negara dari 1 Mac hingga 9 April. Kempen ini bertujuan menggalakkan bayaran tanpa tunai dalam kalangan peniaga dan pembeli. Di tapak pelancaran di Sungai Koyan, Bank juga mempromosikan skim pembiayaan PEMULIH NewBiz yang menyediakan pilihan pembiayaan mudah akses kepada usahawan mikro dan peniaga tempatan.



Promosi Literasi dan Keterangkuman Kewangan di Kelantan

Agrobank menjalankan inisiatif mempromosi literasi dan keterangkuman kewangan dalam kalangan komuniti Kelantan, memperkasakan individu dengan ilmu kewangan.

APRIL

Pelancaran Filem Web Janji Amir

Pelancaran filem pendek sempena Aidilfitri, Janji Amir, yang mengetengahkan nilai-nilai kekeluargaan dan ketakwaan, menekankan libat urus komuniti Agrobank menerusi penceritaan.



Majlis Iftar dan Pengimarahan Ramadhan

Agrobank mengadakan majlis iftar (berbuka puasa) di Masjid Muhammadiyah Angkasapuri dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sempena Ramadan, memperkukuhkan lagi hubungan komuniti.

MEI

Anugerah Media Agrobank 2023/2024

Meraikan 18 wartawan dengan ganjaran wang tunai dan hadiah-hadiah bernilai lebih RM200,000, mencerminkan penghargaan Agrobank terhadap peranan media dalam memajukan kesedaran mengenai usaha pertanian.



Menyokong Pembangunan Sektor Agro-Makanan Kelantan menerusi Skim Kredit Mikro bernilai RM4 Juta

Agrobank menyumbang RM4 juta kepada skim kredit mikro bagi memajukan sektor agro-makanan di Kelantan, menyediakan akses kewangan asas kepada perniagaan setempat.

Program Usahawan Akua Asnaf Agrobank di Sabah

Agrobank membantu usahawan B40 di Sabah menjana pendapatan menerusi penternakan udang karang, mendorong kemampanan kelangsungan hidup dan kepelbagaian ekonomi.

JUN

Pelancaran Komuniti Tanpa Tunai di Kundasang dan Tanjung Manis

Agrobank memperkenalkan perkhidmatan kewangan digital di Kundasang, Sabah dan Tanjung Manis, Sarawak bagi memacu penggunaan teknologi digital serta keterangkuman kewangan menerusi pembayaran QR. Usaha ini membantu mempercepatkan transformasi negeri-negeri ini ke arah menjadi masyarakat tanpa tunai dan memperkasa komuniti dengan pembayaran digital mudah akses.



Memperkukuh Sektor Pertanian Sabah

Agrobank menegaskan komitmennya dalam memperkukuhkan sektor pertanian di Sabah, sejajar dengan agenda pembangunan ekonomi negeri ini iaitu Sabah Maju Jaya.

SOROTAN ACARA 2024

JULAI

Skim Perumahan Peneroka FELDA berjumlah RM200 Juta

Peruntukan RM200 juta sebagai pembiayaan pemilikan rumah untuk peneroka FELDA, meningkatkan standad kehidupan luar bandar dan menyumbang kepada kestabilan sosio-ekonomi.

**Perluasan Khidmat Tanpa Tunai untuk SME di Pantai Timur**

Agrobank memperluaskan khidmat tanpa tunai kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Pantai Timur bagi memupuk transformasi digital dalam kalangan perniagaan.

Pelancaran Program Pembangunan Usahawan Tani (PROBEST) Sabah

Program pembangunan usahawan tani muda dilancarkan di Sabah, satu pelaburan dalam memupuk generasi pemimpin baharu dalam sektor pertanian.



OGOS

Skim Kredit Mikro Sarawak (Road to MAHA) berjumlah RM1.1 Juta

Pengagihan pembiayaan mikro berjumlah RM1.1 juta kepada usahawan Sarawak, selain pembiayaan KPKM berjumlah RM6.23 juta bagi memperkukuh perniagaan agri luar bandar dan keterjaminan makanan.

**Agrobank Membuka Semula Cawangan Spaoh bagi Meningkatkan Keterangkuman Kewangan di Kawasan Luar Bandar Sarawak**

Usaha strategik ini mencerminkan komitmen Agrobank dalam memastikan komuniti di Sarawak mendapat akses langsung kepada perbankan moden, justeru merapatkan jurang keterangkuman kewangan menerusi perkhidmatan setempat yang dipertingkatkan.

SEPTEMBER

Pelancaran Skim Takaful Tanaman Padi (STTP)

Pelancaran skim perlindungan takaful pertama di Malaysia untuk para pesawah, dengan liputan bencana sehingga RM3,000 dan perlindungan Takaful asas bagi melindungi mata pencarian pesawah daripada kejadian tidak diingini selain menjamin bekalan beras negara.

**FarmByte dan Agrobank Menjalinkan Kerjasama Strategik bagi Memperkukuhkan Keterjaminan Makanan Malaysia**

Kerjasama strategik ini diumumkan bagi memperkukuhkan sektor agro-makanan negara, dengan Agrobank memperuntukkan hampir RM12 juta bagi membiaya program-program pertanian kontrak FarmByte, justeru mencerminkan komitmen teguh terhadap keterjaminan makanan.



Agrobank Meterai Perjanjian RM15 Juta Memperkasa Program Pembiayaan Pertanian Kontrak

Satu perjanjian untuk peruntukan RM15 juta dimeterai bagi menyokong pertanian kontrak, memperkukuhkan lagi rantai bekalan pertanian.



OKTOBER

Pelancaran Bulan Kelestarian

Menganjurkan kempen kelestarian alam sekitar selama sebulan bagi menerapkan kesedaran ESG dalam kalangan kakitangan dan menyelaraskan operasi perbankan dengan amalan-amalan mampan.



Hari Makanan Sedunia

Agrobank menghulur bantuan kepada golongan B40 dan Asnaf di seluruh negara menerusi inisiatif bakul makanan sempena Hari Makanan Sedunia pada 16 Oktober 2024, bagi menangani isu keterjaminan makanan untuk kumpulan rentan.



NOVEMBER

Cawangan Luar Bandar Baharu di Sungai Koyan, Pahang

Pembukaan cawangan baharu bagi memperluaskan akses kewangan di kawasan terpinggir luar bandar, serta menyumbang zakat berjumlah RM10,000 kepada penerima setempat.

Agrobank menerima Anugerah Khas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2024



Agrobank menerima Anugerah Perhubungan Awam Malaysia, Anugerah Hal Ehwal Awam untuk Program Rakan Tani Muda



DISEMBER

Enam Anugerah di Malaysia Public Relations Awards (MPRA) 2024

Menerima enam anugerah kebangsaan untuk kecemerlangan komunikasi, membuktikan kepimpinan Agrobank dalam perhubungan awam bagi menyokong peranannya sebagai Institusi Kewangan Pembangunan.

Agrobank Melaksana Pelan Bantuan Banjir dengan Moratorium 6 Bulan

Dalam menangani isu banjir yang berlarutan, Agrobank telah memulakan pelan bantuan banjir komprehensif, termasuk moratorium 6 bulan untuk pembayaran semula pembiayaan bagi pelanggan yang terjejas. Ini menggariskan komitmen Bank dalam menyokong komuniti yang terjejas ekoran bencana alam.

Agrobank menerima Anugerah Gangsa di Anugerah Integriti, Governans, and Antirasuah (AIGA)

PENCAPAIAN UTAMA PADA 2024

Pada 2024, di sebalik pertumbuhan sederhana dalam lanskap agro-makanan dan komoditi Malaysia, Agrobank terus melangkah yakin ke hadapan. Bukan angka yang menentukan kejayaan perjalanan ini, tetapi kepercayaan pelanggan dan daya tahan sektor di mana ia berkhidmat. Pembiayaan terus berkembang, mencerminkan peranan Bank dalam memacu pertumbuhan yang bernilai.

Tahun ini mencatatkan kekuatan prestasi yang merentasi semua segmen. Portfolio Komersial terus mencipta tanda aras baharu; segmen Mikro menunjukkan daya tahan perusahaan kecil dengan prestasi tertinggi setakat ini, manakala Ar-Rahnu terus menjadi saluran kewangan yang dipercayai. Kesemua ini bukan sekadar pencapaian, tetapi gambaran matlamat Agrobank yang selari dengan harapan komuniti.

Agihan Tertinggi



sebanyak RM10.44 bilion pada tahun kewangan berakhir 2024, pertumbuhan 25.46% berbanding RM8.32 bilion pada tahun lepas. Ini adalah peningkatan lebih dua kali ganda kadar pertumbuhan tahunan terkumpul lima tahun (CAGR) Bank yang mencapai 11.37%.



Mencapai Pertumbuhan Kewangan yang Kukuh



dengan jumlah aset melonjak 8.20% kepada RM22.46 bilion, dipacu oleh peningkatan RM1.13 bilion dalam pembiayaan berterusan bagi memperkasa komuniti pertanian. Keuntungan naik berganda dengan pengembangan aset pelaburan kepada RM6.33 bilion, peningkatan sebanyak RM745.90 juta berbanding tahun kewangan berakhir 2023.



Kewangan Dagangan mencatat **pencapaian agihan tertinggi sebanyak RM6.01 bilion** dan baki tertunggak sebanyak RM1.83 bilion.



Agrobank meraih Kedudukan Pertama di antara DFI lain sebagai Pemeroleh DNQR oleh PayNet

Peningkatan penggunaan teknologi digital juga memacu pertumbuhan transaksi pada tahun kewangan berakhir 2024:

- Transaksi Masuk QR meningkat 368.75%.
- Transaksi Saluran Digital bertumbuh 48.82%.

Pertumbuhan ini dipacu menerusi pelaksanaan 35 program tanpa tunai dan 18 kempen digital di seluruh negara dengan kerjasama rakan strategik bagi mempromosi literasi digital.



Menerajui Perlindungan dan Keterangkuman Kewangan untuk para pesawah



menerusi Skim Takaful Tanaman Padi (STTP), program takaful tanaman pertama Malaysia, serta pengoperasian anak syarikat pertama Bank, Agro Captive Takaful Limited (ACTL). STTP akan memberi manfaat kepada 200,000 petani perseorangan di seluruh negara, di mana lebih 130,000 telah mendaftar sebagai pemegang akaun Agrobank.

Memeterai Kerjasama Strategik



dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), di mana dana sebanyak RM100 juta akan diagihkan kepada 20 syarikat Bumiputera pertumbuhan tinggi untuk tujuan pengembangan perniagaan, pelaburan dalam teknologi baharu, dan penciptaan peluang-peluang pekerjaan baharu.


Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE)



, jentera latihan dalaman Bank, telah melatih 2,675 ahli komuniti pertanian menerusi 118 program khas. Inisiatif ini berjaya mendaftar 528 peserta sebagai pelanggan baharu Agrobank.

Program Usahawan Tani Muda telah mengagihkan dana berjumlah RM4.9 juta, justeru mencipta peluang besar untuk peserta Asnaf dan B40. ACE turut membimbing 120 usahawan lain dari kumpulan berpendapatan rendah menerusi Program-program Hijrah Asnaf.

Program Pembangunan Usahawan Komuniti Berstruktur



memberi akses kepada pendapatan berterusan untuk komuniti terpinggir menerusi perniagaan agri.

Program ini berjaya menarik minat 23 rakan strategik baharu dan menjana nilai projek berjumlah RM12.90 juta dalam bentuk aset biologi, infrastruktur pertanian, dan sumbangan korporat.

Melancarkan Format Cawangan Baharu



seperti Pusat Pembangunan Komuniti di RTC Tunjung yang menyediakan khidmat nasihat serta manfaat untuk 206 komuniti perniagaan di kawasan tersebut.

Dianugerahi "Graduates' Choice of Employer to Work for in 2025"



dalam kategori Perbankan Pembangunan, Anugerah Pilihan Graduan. Anugerah berprestij ini membuktikan jenama majikan Bank yang kukuh, berdasarkan undian pelajar universiti di seluruh negara sebagai majikan pilihan di Malaysia.

Peningkatan Titik Hubungan Terakhir



termasuk 3 Bank Bergerak (BBI), 3 ATM Bergerak, 5 ATM Luar Premis (OPA), serta pengenalan AgroTouch, pengantara bergerak bagi mempercepatkan masa pembukaan akaun selain menawarkan perkhidmatan perbankan di luar cawangan Agrobank.

Menyediakan Pembiayaan Perumahan



di bawah Program Kediaman Mampu Milik-i, yang memberi manfaat kepada keluarga dari kumpulan B40.

Menerima Anugerah Presiden *Malaysian Society of Occupational Safety & Health* (MSOSH) 2024 untuk



Kepimpinan Cemerlang dalam OSH

TENTANG AGROBANK

Merujuk kepada kejayaan Alihuddin B. Ricky sebagai contoh, bab seterusnya tertumpu kepada mandat teras dan rangkaian agihan Agrobank. Seorang usahawan tani dalam penternakan rumpai laut dan penerima manfaat inisiatif PROBEST, kisah kejayaan Alihuddin membuktikan bagaimana kerjasama strategik boleh meningkatkan keterjaminan makanan dan kelangsungan hidup penduduk setempat. Menerusi usaha kerjasama peningkatan kemahiran di antara Agrobank, UniKL, serta Kementerian Pertanian and Keterjaminan Makanan (KPKM), Alihuddin menternak rumpai laut di Kunak, Sabah menggunakan kaedah inovatif pembuatan raga ciptaan beliau. Kaedah ini telah mencuri tumpuan ramai berikutan keberkesanannya melindungi rumpai laut daripada pemangsa marin, justeru meningkatkan hasil ternakan dan memajukan amalan-amalan mampan.

Kehadiran meluas Agrobank melalui 211 titik hubungan serta komitmen padu terhadap pembangunan pertanian menjadi asas penting kejayaan Alihuddin. Kisah beliau bukan kes terpencil, tetapi hasil langsung daripada strategi Bank memperkasakan komuniti luar bandar.

Modal



Modal Kewangan



Modal Insan



Modal Intelek



Modal Sosial



Modal Semulajadi

Perkara-perkara Material



Keterangkuman
Kewangan



Integriti Institusi
dan Etika
Perniagaan



Prestasi Pasaran
Pertanian dan
Perniagaan



Pembiayaan
Mampan



Perubahan Iklim
dan Pengurusan
Alam Sekitar



Pemeraksanaan
Rakyat



AGROBANK SEIMBAS LALU

Nisbah Modal Risiko Berwajaran

26.32%

Jumlah Perolehan Kasar

**RM1.26
bilion**

Keuntungan Operasi
(Tidak Termasuk Kemerosotan
& Pemulihan)

**RM273.09
juta**

Keuntungan sebelum
Cukai dan Zakat

**RM188.78
juta**

Jumlah Aset

**RM22.46
bilion**

Ekuiti Pemegang Saham

**RM3.45
bilion**



Pembiayaan diluluskan
untuk Pertanian Utama

RM2
bilion



Jumlah pembiayaan diluluskan untuk
bukan SME, SME, dan perusahaan mikro

RM2.56
bilion



Subsidi disalurkan kepada penternak ayam
dan pembekal telur

RM325.70
juta



Jumlah sumbangan zakat

RM6.88
juta



Agihan Pembiayaan
Tertinggi sebanyak

RM10.44
bilion




Lebih

130,000
penanam padi

mendaftar akaun deposit menerusi
Agro Captive Takaful Limited (ACTL)

ASPIRASI DAN KOMITMEN KAMI



VISI



Memperkasakan Pertanian Melangkaui Perbankan



Memajukan Pertanian

- Memangkin dan mengubah sektor pertanian
- Memodenkan pertanian menerusi penggunaan proses-proses mekanisasi dan automasi, selain penyertaan belia
- Memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi
- Memacu pertumbuhan ekonomi menerusi penciptaan pekerjaan dan pasaran baharu



Melangkaui Perbankan

- Mengutamakan perbankan berasaskan nilai dalam mencapai pembangunan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang mampan
- Menginovasi produk-produk dan perkhidmatan melangkaui perbankan tradisional, serta memperkenalkan penyelesaian kewangan menyeluruh melangkaui pembiayaan (termasuk pelaburan, pengurusan aset, perlindungan takaful, dan khidmat nasihat)

MISI



Meningkatkan taraf pertanian dan menyediakan sokongan berterusan bagi mencipta nilai untuk komuniti, ekonomi, alam sekitar, dan pemegang taruh



Meningkatkan taraf pertanian

- Menyokong pembangunan teknologi baharu, industri baharu, dan format-format perniagaan baharu
- Membiaya projek-projek transformatif pertanian dan pembangunan luar bandar
- Menyuntik semangat baharu ke dalam sektor pertanian
- Menggalakkan penggunaan standad-standad dan amalan-amalan mampan terbaik dalam kalangan usahawan tani dan petani



Menyediakan bantuan berterusan bagi mencipta nilai untuk komuniti, ekonomi, alam sekitar, dan pemegang taruh

- Menginovasi produk-produk, perkhidmatan, dan model-model perniagaan untuk manfaat komuniti pertanian, ekonomi, dan alam sekitar
- Menyediakan pelanggan dengan rangkaian penuh perkhidmatan kewangan termasuk pembiayaan, pelaburan, khidmat nasihat, pengurusan aset, dan perlindungan takaful di seluruh segmen perniagaan
- Memberi khidmat kepada pelanggan di seluruh rantaian nilai pertanian dan kitaran hidup perniagaan (dari peringkat awal, perniagaan baharu, perniagaan sedang berkembang, dan syarikat yang telah kukuh)
- Memupuk dan melengkapi usahawan dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi agar mereka berjaya dalam perniagaan pertanian

ASPIRASI DAN KOMITMEN KAMI

Menyokong Matlamat Pertanian Malaysia

“Kepakaran mendalam Agrobank dalam bidang pertanian, rangkaian meluasnya merangkumi 211 titik hubungan khususnya di kawasan luar bandar, serta jalinan perhubungan yang kukuh di dalam ekosistem pertanian menjadikannya aset strategik Malaysia dalam usaha pembangunan sektor pertanian. Hal ini memudahkan pelaksanaan agenda-agenda pembangunan dan keterangkuman sosial demi manfaat industri pertanian Malaysia serta komuniti luar bandar yang menjadi tunjangnya.”

Sektor pertanian sememangnya mencabar kerana sifatnya yang berisiko tinggi. Tidak seperti industri lain, ia berhadapan dengan cabaran-cabaran unik, seperti tempoh matang tanaman yang panjang dan tidak menentu di antara fasa penanaman dan penuaian serta ketersediaan benih dan baja yang sukar diramal. Petani juga menghadapi ancaman berterusan turun naik harga, penyakit tanaman, dan kesan negatif berkaitan iklim seperti banjir dan kemarau. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan hasil dan sasaran pengeluaran, justeru menjejaskan komitmen pembayaran balik kepada institusi kewangan.

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dengan mandat khusus, Agrobank menyediakan penyelesaian kewangan dan sokongan strategik merentasi keseluruhan rantaian nilai pertanian, khususnya sektor agro-makanan. Perniagaan teras dan aktiviti pembangunan Bank diselaraskan secara strategik dengan keutamaan negara, seperti yang dinyatakan dalam Dasar Agro-Makanan Negara 2.0 (NAP 2.0), Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), serta Pelan Tindakan Sektor Kewangan (FSB) Bank Negara Malaysia. Komitmen ini merangkumi keseluruhan rantaian nilai pertanian, daripada input hulu seperti benih dan baja kepada aktiviti hiliran seperti pemprosesan dan pengedaran.

Halatuju strategik Bank ini terhasil daripada jalinan mandat teras, misi, visi, dan nilai-nilainya bagi memperkukuhkan landskap pertanian Malaysia di bawah visi “Memajukan Pertanian Melangkaui Perbankan”. Dengan saluran dana merentasi keseluruhan rantaian nilai pertanian, Agrobank secara langsung

menyokong inisiatif keterjaminan makanan negara dan merangsang pembangunan ekonomi luar bandar. Perkara ini dicapai menerusi peningkatan akses kepada pembiayaan, pemupukan pertumbuhan keusahawanan menerusi program-program khusus, dan tawaran khidmat nasihat perniagaan kepada komuniti pertanian, sekaligus menyokong kemampunan sektor ini.


Selain peranannya sebagai sebuah bank, Agrobank juga menjadi pemangkin pertumbuhan dan pembangunan, menarik pelaburan luar ke dalam sektor pertanian. Ia sedang giat meneroka model pelaburan alternatif untuk merangsang pertumbuhan sektor menerusi penyertaan yang lebih meluas. Tonggak asas misi Agrobank adalah untuk memajukan kedudukan sosioekonomi komuniti pertanian di Malaysia, termasuk segmen terpinggir seperti komuniti luar bandar, pekebun kecil, kumpulan B40, dan usahawan tani mikro dan kecil. Justeru, Bank menyediakan pembiayaan mikro yang bersesuaian, menjalankan program literasi kewangan, dan membangunkan produk-produk khusus untuk pekebun kecil dan usahawan tani, dengan matlamat memupuk kemakmuran komuniti ini.

Kesemua produk dan perkhidmatan Agrobank adalah patuh Syariah sejak ia menjadi bank Islam sepenuhnya pada tahun 2015. Selain memenuhi pelbagai keperluan pelanggannya, perkara ini juga penting dalam menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab global bagi kewangan Islam.



PRODUK DAN PERKHIDMATAN UTAMA KAMI


Sejajar dengan mandatnya, Agrobank secara aktif berusaha mencapai pertumbuhan kewangan dan pembangunan yang seimbang. Komitmen ini meraih hasil yang signifikan pada 2024, dengan pencapaian pembangunan utama serta catatan agihan pembiayaan tertinggi dalam sejarah Bank.




STRUKTUR ORGANISASI KAMI

PADA DISEMBER 2024

Struktur organisasi yang kukuh dan bermatlamat menyokong objektif teras Agrobank dalam memacu pertumbuhan strategik dalam sektor pertanian Malaysia serta mendukung piawaian tadbir urus dan pengurusan risiko tertinggi. Kerjasama semua bahagian dan jabatan adalah penting untuk kejayaan keseluruhan Agrobank dalam memenuhi peranan ekonominya dalam Malaysia.



Pada tahun ini, Bank telah mengutamakan inisiatif-inisiatif pematuhan yang lebih ketat, diperkukuhkan dengan pelaksanaan barisan pertahanan ketiga serta tinjauan komprehensif risiko kredit. Struktur ini memastikan Bank memenuhi mandat pembangunannya secara berhemah, dan melindungi semua pemegang taruh.



STRUKTUR KORPORAT KAMI

Agrobank telah menjalani transformasi strategik, daripada sebuah institusi kewangan pembangunan kepada sebuah kumpulan kewangan berkepelbagaian. Evolusi penting ini menandakan satu era baharu pertumbuhan, kecanggihan, dan penyampaian perkhidmatan bersepadu.

Penubuhan Agro Captive Takaful Limited (ACTL) pada Oktober 2023, susulan kelulusan asas daripada Bank Negara Malaysia (BNM), menjadi tonggak asas struktur kumpulan baharu ini. Diperbadankan pada 13 September 2024, operator takaful berlesen Labuan ini dimiliki sepenuhnya oleh Agrobank dan ditubuhkan bagi memperkukuh daya tahan sektor pertanian negara dan keterjaminan makanan.

Mandat ACTL adalah untuk menguruskan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP), skim takaful subsidi kerajaan pertama yang menyediakan perlindungan risiko komprehensif kepada semua pesawah padi di Malaysia. Dengan subsidi penuh oleh Kerajaan Malaysia, ACTL melindungi petani daripada risiko perubahan iklim dan pengeluaran seperti banjir dan bencana alam.

ACTL juga memacu transformasi digital dalam proses penyelarasan petani, pengurusan tuntutan, dan penyepaduan data antara agensi bagi meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan, dan akses untuk komuniti pertanian. Menerusi inisiatif strategik ini, Agrobank berhasrat mewujudkan kestabilan untuk komuniti pesawah dan seterusnya menggalakkan lebih banyak penyertaan dalam sektor padi.

Ministry of Finance
Incorporated (MOF Inc)



Bank Pertanian Malaysia
Berhad (Agrobank)



Agro Captive Takaful
Limited (ACTL)



21 Februari 2023
Kelulusan bersyarat
dari BNM untuk
penubuhan

24 Mac 2023
Diperbadankan sebagai
Syarikat Labuan

Peristiwa Utama

11 September 2024
Menerima Pewartaan Kerajaan Persekutuan:
Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam
(Pengecualian) (Agro Captive Takaful Limited)
2024 daripada Menteri Kewangan

13 September 2024
Menerima lesen
operasi daripada
Labuan Financial
Services Authority

13 September 2024
Pelancaran rasmi STTP
di seluruh negara

Membentuk Masa Hadapan Perlindungan Petani Padi

STTP merupakan inisiatif sosial yang menyediakan perlindungan takaful menyeluruh untuk petani padi. Skim ini diagihkan menerusi Persatuan Peladang Kawasan dan cawangan-cawangan Agrobank.

Pada September 2024, ACTL mula beroperasi dan STTP dilancarkan. STTP dijangka memberi manfaat kepada 200,000 petani di seluruh negara, di mana lebih 130,000 telah mendaftar sebagai pemegang akaun di Agrobank. Pada akhir tahun, usaha kerjasama telah bermula dengan agensi-agensi di bawah Kementerian bagi mendaftarkan petani-petani yang berkecualan.

KEHADIRAN KAMI DI MALAYSIA

Agrobank telah mewujudkan satu rangkaian pengedaran strategik dengan 211 titik hubungan. Tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar, Bank memastikan akses langsung kepada perkhidmatan kewangan asas, sokongan khidmat nasihat, dan program-program pembangunan untuk para petani dan usahawan tani yang menjana keterjaminan makanan negara dan pertumbuhan ekonomi luar bandar.



CAWANGAN AGROBANK MENGIKUT WILAYAH

WILAYAH	LUAR BANDAR	BANDAR	JUMLAH
Melaka/Johor	10	11	21
Kuala Lumpur/ Negeri Sembilan/Selangor	9	21	30
Perak	17	5	22
Terengganu/Kelantan	19	5	24
Pahang	16	3	19
Pulau Pinang/ Kedah/Perlis	6	18	24
Sarawak	19	5	24
Sabah	16	5	21



Rangkaian
211

(Jumlah termasuk Cawangan-cawangan Agrobank, Saluran Perbankan Maya, Pusat Kredit Padi, Pusat-pusat Komersial, dan Pusat Pembangunan Komuniti)



PERUTUSAN PENTING KEPADA PEMEGANG TARUH

Kejayaan Ahmad Zafar Bin Ahmad Khairul Nizam dalam pertanian cili menjadi salah satu bukti kukuh komitmen Agrobank dalam memodenkan sektor pertanian. Sebagai penerima manfaat program Penanaman Cili PROBEST, Ahmad Zafar mewakili generasi petani baharu yang secara aktif menggabungkan teknologi dalam pertanian tradisional. Tanaman satu tan cili Kulai besar beliau telah memberi pulangan yang lumayan hasil penggunaan platform pemasaran digital seperti Facebook, Instagram, dan WhatsApp. Pencapaian ini melayakkan Zafar memperoleh Geran Usahawan Tani Muda daripada Bank yang memudahkan fasa pengembangan projek beliau.

Penyelesaian perbankan moden Agrobank, seperti perkhidmatan perbankan bergerak dan digital serta pembayaran tanpa tunai untuk kawasan luar bandar, terus menjadi sokongan tambahan untuk usahawan tani seperti Zafar untuk mengembangkan operasi mereka. Hal ini mencerminkan strategi berwawasan Bank dalam menyokong kemajuan usahawan tani. Pencapaian Ahmad Zafar membuktikan prestasi dan komitmen strategik Bank seperti yang diperincikan dalam Perutusan Penting kepada Pemegang Taruh.

Modal



Modal Kewangan



Modal Insan



Modal Intelek



Modal Sosial



Modal Semulajadi

Perkara-perkara Material



Keterangkuman
Kewangan



Integriti Institusi
dan Etika
Perniagaan



Prestasi Pasaran
Pertanian dan
Perniagaan



Pembiayaan
Mampan



Perubahan Iklim
dan Pengurusan
Alam Sekitar



Pemeraksanaan
Rakyat



PERUTUSAN PENGGERUSI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Para Pemegang Taruh yang Dihormati,

Mengimbas kembali prestasi Agrobank pada tahun 2024, saya dengan sukacita ingin berkongsi kemajuan strategik dan komitmen yang lebih mendalam terhadap mandat kami. Liku perjalanan kami mencerminkan pertumbuhan bersama yang seiring dengan usaha memperkukuh komuniti pertanian Malaysia serta aspirasi ekonomi negara yang lebih meluas.



MENGEMUDI LANDSKAP YANG DINAMIK

Ekonomi Malaysia berdaya tahan pada tahun 2024 dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.1%. Sektor pertanian mencatat prestasi terbaiknya dalam tempoh tujuh tahun, dengan KDNK berkembang sebanyak 3.1%. Pemulihan ini membuktikan iltizam serta daya adaptasi para petani, nelayan, dan usahawan tani yang merupakan tunjang sektor ini dan membentuk asas kepada misi Agrobank.

Di sebalik kemajuan yang memberangsangkan ini, kami sedar masih terdapat cabaran struktur yang perlu ditangani, khususnya dalam usaha mencapai potensi penuh pengeluaran dan memperkukuh keterjaminan makanan negara. Peranan Agrobank adalah menyediakan pembiayaan strategik serta sokongan yang diperlukan untuk menangani cabaran ini secara tuntas.

Komitmen ini dizahirkan menerusi usaha bersepadu setiap jabatan di Agrobank dengan tumpuan kepada penyelarasan proses serta peningkatan kepantasan dan kualiti perkhidmatan kami. Usaha inilah yang membawa kepada pencapaian kadar pertumbuhan pembiayaan sebanyak 7.92% pada tahun 2024 iaitu tertinggi dalam tempoh tiga tahun. Angka ini mengatasi purata keseluruhan sektor perbankan serta penanda aras khusus sektor pertanian. Pertumbuhan ini mencerminkan keyakinan ribuan pemegang taruh dalam rantai nilai pertanian untuk terus melabur, mengembangkan, dan memodenkan operasi masing-masing.

SEHALUAN DENGAN ASPIRASI NEGARA

Seiring dengan tumpuan yang lebih terperinci terhadap aspek keterjaminan makanan menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0, mandat kami sebagai satu-satunya Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) berasaskan pertanian kini menjadi lebih kritikal. Haluan strategik kami diselaraskan sepenuhnya dengan rangka kerja nasional ini bagi meningkatkan pengeluaran pertanian serta pendapatan pengeluar, selain memacu kemampanan.

Dipandu oleh Pelan Perniagaan Strategik 2021-2025 kami yang menekankan pembangunan pertanian, keterangkuman, transformasi, dan integrasi ESG, impak kami pada tahun 2024 dizahirkan menerusi tiga teras utama.

Pertama, pembangunan sektor. Pembiayaan berjumlah RM2 bilion yang diluluskan untuk pertanian asas merupakan pelaburan strategik dalam memperkukuh infrastruktur keterjaminan makanan negara serta memperkasa pengeluar tempatan agar lebih berdaya saing.

PERUTUSAN Pengerusi

Kedua, menyumbang kepada masa hadapan yang hijau dan lestari. Sebanyak RM250 juta diperuntukkan di bawah Program Pembiayaan Agroteknologi MADANI bagi menyokong penggunaan tenaga solar dan kecerdasan buatan (AI) dalam memodenkan operasi. Selain itu, kami memperkenalkan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) patuh Syariah yang pertama di Malaysia, menawarkan perlindungan kewangan yang dijangka memberi manfaat kepada 200,000 pesawah.

Ketiga, teknologi dan pemodenan. Kami menyalurkan dana bersasar untuk agroteknologi bagi mengubah amalan tradisional, meningkatkan hasil, serta membina sektor yang lebih cekap dan menarik untuk generasi seterusnya.

MEMPERKASA KOMUNITI

Pelaburan strategik kami bertujuan memperkasa individu dan perniagaan dalam ekosistem pertanian negara. Prestasi kami diukur berdasarkan komitmen strategik terhadap pembangunan Bumiputera, sekaligus menyokong agenda ekonomi nasional. Ini melibatkan penyediaan landasan yang membolehkan perniagaan usahawan beralih ke tahap seterusnya dan layak menerima pembiayaan berskala lebih besar, sehingga mampu menjadi tonggak ekonomi setempat.

Sehubungan itu, kami telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM423.55 juta untuk perusahaan Bumiputera pada tahun 2024. Di samping menyediakan modal, kami turut menjadi penghubung antara usahawan tani berpotensi dan institusi komersial yang mampu menawarkan satu ekosistem sokongan. Pada tahun yang sama, kami merekodkan pertumbuhan 43% dalam jumlah pendanaan khalayak, menyumbang RM195 juta daripada sumber sektor swasta bagi menyokong segmen tumpuan serta membantu pelanggan memperoleh pembiayaan daripada institusi komersial. Ekosistem kerjasama ini amat penting kerana masa hadapan yang makmur dan lestari memerlukan lebih daripada modal kewangan semata-mata.

MEMACU KELESTARIAN DAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

Perjalanan ini juga menuntut kita untuk kekal teguh dalam mempertahankan nilai, sumber, dan kelestarian bumi kita. Saya dengan bangganya melaporkan bahawa pada tahun 2024, Lembaga Pengarah menegaskan komitmennya untuk merangkumkan kelestarian ke dalam strategi serta operasi kami. Salah satu langkah penting adalah penubuhan fungsi khusus ESG & Perniagaan Halal bagi menyokong pelanggan yang memerlukan pembiayaan selaras dengan prinsip-prinsip tersebut.

Kami sedang mempertingkatkan pembiayaan untuk pertanian lebih daya tahan menghadapi cabaran iklim dan lebih cekap mengurus sumber dengan memberi keutamaan kepada pensijilan seperti MyGAP, MSPO, dan MyOrganic bagi memacu pertumbuhan sektor yang inklusif. Kelestarian turut diterapkan dalam operasi teras serta tawaran kepada pelanggan menerusi program bersasar, di samping membina budaya berorientasikan hasil yang menitikberatkan tanggungjawab sosial dan alam sekitar.

Dengan memanfaatkan kepakaran sektor Bank, kami terus berusaha memperkukuh kelestarian industri. Dengan kerjasama Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), kami telah menyumbang kepada Penyediaan Panduan Sektor Kerangka Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF) bagi sektor Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan, yang membuktikan peranan kepimpinan kami dalam kohort ketiga panduan tersebut. Panduan ini menjadi rujukan institusi kewangan dalam menyokong pengurusan risiko berasaskan impak yang merangkumkan pertimbangan kelestarian, selaras dengan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) Bank Negara Malaysia.

Menjelang 2025, kami akan mempergiat agenda tindakan iklim dengan melaksanakan Pelan Sifar Bersih serta membangunkan Rangka Kerja Kelestarian Agrobank yang komprehensif berpandukan senario iklim dan pelan mitigasi yang telah ditetapkan. Inilah komitmen kami terhadap generasi petani masa hadapan.

MEMPERKUKUH TADBIR URUS DAN PENGURUSAN RISIKO

Dalam dunia yang semakin kompleks, kepercayaan pemegang taruh adalah aset paling bernilai bagi kami. Sebagai sebuah DFI, kewibawaan dan kestabilan operasi adalah keutamaan mutlak. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memelihara kepercayaan ini, bukan sahaja dengan memastikan wujudnya dasar yang kukuh dan dipatuhi, tetapi bahawa ia benar-benar diterapkan di dalam budaya serta disiplin kerja harian setiap warga Agrobank.

Sepanjang tahun lalu, kami telah memperkukuh pengurusan risiko di seluruh organisasi, merangkumi risiko kredit, pasaran, Syariah, siber, dan iklim. Perkara ini dicapai menerusi penilaian kredit yang lebih teliti, kepelbagaian portfolio, serta kawalan dalaman yang dipertingkatkan, disokong oleh semakan dasar secara berkala, latihan kakitangan, dan perancangan kesinambungan perniagaan. Langkah-langkah ini memastikan kestabilan dan integriti perkhidmatan kami dalam jangka panjang.

KEMAJUAN STRATEGIK DAN PEMBINAAN KAPASITI

Dalam menghampiri fasa akhir Pelan Perniagaan Strategik, kemajuan yang dicapai kini dapat dilihat dengan jelas. Jumlah pembiayaan yang telah disalurkan mencapai rekod tertinggi RM10.44 bilion, peningkatan daripada RM8.32 bilion pada TK2023, justeru menyokong bidang tumpuan negara seperti ternakan, perikanan, dan tanaman. Lebih penting lagi, pencapaian ini menyumbang kepada keterjaminan makanan negara, kelangsungan hidup luar bandar, serta daya tahan komuniti di mana kami berkhidmat.

Bagi pelanggan kami, usaha terus diperluas untuk memastikan pengalaman perkhidmatan yang lebih inklusif dan cekap di semua titik hubungan. Ini termasuk kejayaan pelaksanaan AgroTouch, platform pembukaan akaun dengan bantuan yang kini tersedia di 71 cawangan di seluruh negara. Menggunakan teknologi satelit, pelanggan di kawasan tanpa liputan internet boleh membuka akaun dalam hanya beberapa minit, menjadikan Agrobank antara yang terpentas dalam industri ini.

Impak pembangunan kami turut diperkukuh dengan inisiatif Dana Pembiayaan Pertanian untuk Pelaburan (D3P) yang dilancarkan menerusi libat urus bersasar bersama penggubal dasar bagi menangani halangan struktur yang dihadapi oleh Perusahaan Mikro. Oleh kerana pembiayaan tradisional tidak memadai untuk perniagaan kecil, D3P menawarkan bukan sahaja modal tetapi juga pembiayaan khusus yang direka bagi merapatkan jurang pelaburan untuk aset penting, justeru membolehkan pemodenan operasi dan peningkatan kapasiti.

Satu pencapaian utama ialah sokongan kepada 1,016 perniagaan menerusi program pemajuan berstruktur yang membolehkan mereka beralih daripada status mikro kepada komersial. Ini mencerminkan kejayaan model perkongsian kami serta keupayaan usahawan tani untuk meningkatkan operasi dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi luar bandar. Usaha ini membawa kepada penciptaan pekerjaan, pengembangan perniagaan, serta pertumbuhan yang dipacu tadbir urus bagi memperkasa komuniti. Kami bangga melihat perniagaan-perniagaan ini berkembang ke skala lebih besar, dan kami komited untuk menambah baik program-program yang menyokong perjalanan ini. Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE) turut memainkan peranan penting dengan melaksanakan 118 program latihan di seluruh negara untuk 2,675 peserta, sekali gus mengukuhkan jaringan komuniti pertanian kita.

Keyakinan terhadap usaha pembangunan kapasiti ini turut diterapkan dalam kalangan warga kerja yang merupakan aset terpenting kami. Saya amat berbangga dengan 178 warga Agrobank yang sedang menjalani program kelayakan Jurubank Bertauliah menerusi AICB pada tahun ini, serta 168 yang lain yang telah berjaya menamatkannya. Pelaburan dalam kepakaran ini memberi manfaat langsung kepada pemegang taruh kerana usaha ini memastikan bahawa mereka menerima perkhidmatan profesional dan berwawasan yang memenuhi piawaian tertinggi industri. Program pelarasan gaji tahun kedua bagi warga Agrobank bertauliah mengukuhkan lagi komitmen kami dalam mendorong warga kerja agar terus meningkatkan kemahiran, di samping memperkukuh kestabilan dan kualiti perkhidmatan untuk para pelanggan dan rakan kerjasama dalam jangka panjang.

PENGHARGAAN

Bukan sekadar ukuran masa, tempoh setahun ini adalah rangkuman detik-detik penuh cabaran, ketabahan yang teruji, serta benih harapan yang disemai untuk masa hadapan yang kita ingini. Semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh seluruh warga Bank sepanjang tahun ini sememangnya sesuatu yang amat menakjubkan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kumpulan Pengurusan Kanan yang berwibawa serta setiap warga Agrobank yang berdedikasi. Komitmen dan kerja keras anda menjadi teras kepada pencapaian kita. Marilah kita terus memastikan proses yang pantas, kukuh, dan inklusif dalam memberi perkhidmatan kepada para pemegang taruh.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Lembaga Pengarah atas bimbingan dan kepimpinan berwibawa mereka. Kami turut menghargai sumbangan ahli-ahli yang telah tamat perkhidmatan pada tahun 2024.

Kepada para pelanggan dan rakan kerjasama, terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda. Kemajuan anda adalah kayu ukur utama kejayaan kami.

Akhir sekali, kami amat menghargai sokongan berterusan serta dasar berwawasan Kementerian Kewangan (MOF), Bank Negara Malaysia (BNM), dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Semoga kita kekal teguh dalam misi menyokong pembangunan sektor pertanian negara agar lebih berdaya tahan, moden, dan mampan.

Terima kasih.

DATUK YUNOS ABD GHANI

Pengerusi
Agrobank Malaysia

Dalam era di mana keterjaminan makanan menjadi keutamaan terpenting Malaysia, saya dengan sukacita melaporkan bahawa Lembaga Pengarah Agrobank telah memastikan bahawa strategi kami selari dengan matlamat pembangunan pertanian negara seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12, Dasar Agromakanan Negara, dan Dasar Agrokomoditi Negara.





Pertumbuhan Pembiayaan

RM1.21
billion

(▲ 8.10% Tahun ke Tahun)



Jumlah Agihan

RM10.44
billion

(▲ 25.46% Tahun ke Tahun)



Jumlah Baki Pembiayaan

RM16.11
billion

(TK2023:
RM14.84 billion)

**PERUTUSAN PRESIDEN/
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang.**

Bank telah menjalani transformasi yang signifikan pada 2024. Di sebalik turun naik ekonomi dan ketegangan geopolitik yang berterusan, Agrobank mencatat prestasi pembiayaan terbaik dalam tempoh lima tahun dengan pertumbuhan 8.10% atau RM1.21 bilion, mengatasi pertumbuhan KDNK negara, purata sektor perbankan domestik, dan pertumbuhan sektor pertanian. Dengan jumlah baki pembiayaan sebanyak RM16.11 bilion, kami menegaskan peranan kami dalam memacu kemajuan negara serta pertumbuhan inklusif di sepanjang rantaian nilai pertanian Malaysia.

Bagi pihak Agrobank, saya dengan sukacita membentangkan pencapaian kami bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, dengan penekanan ke atas pelaksanaan mandat dan hasil nyata daripada inisiatif serta prestasi kami.

ASAS KUKUH UNTUK PERTUMBUHAN

Ekonomi Malaysia pulih kepada 5.1% pada 2024, berbanding 3.6% pada 2023, mengatasi jangkaan awal dan prestasi rakan serantau seperti Indonesia (5%) dan Singapura (4.4%). Prestasi ini didorong oleh peningkatan permintaan domestik sebanyak 6.5%, pemulihan perdagangan luar pada kadar 9.2%, dan peningkatan 12.3% dalam pelaburan swasta yang berkait rapat dengan infrastruktur berimpak tinggi serta inisiatif berorientasikan dasar. Sektor perkhidmatan terus berkembang, disokong oleh kestabilan pertumbuhan pembiayaan sektor perbankan pada 5.5%. Dengan kadar inflasi menurun 1.8% dan kadar pengangguran berada pada 3.2%, persekitaran makroekonomi kekal kondusif untuk pembangunan inklusif dan berterusan.

Sektor pertanian dan industri berasaskan agro muncul sebagai penyumbang utama kepada momentum ini. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan tertinggi dalam tempoh tujuh tahun (+3.1%), didorong oleh peningkatan bekalan tenaga kerja, penyesuaian dasar, dan situasi El Niño yang lebih sederhana. Segmen agromakanan seperti ternakan (+3.3%) dan perikanan (+2.9%) kembali pulih, manakala komoditi seperti sawit (+5.1%) dan getah (+10.5%) mencatat peningkatan kukuh. Sementara itu, industri pengilangan berasaskan agro meningkat 5.7%, dipacu oleh minyak & lemak sayuran, pemprosesan makanan, minuman, dan produk getah, mencerminkan nilai tambah dan potensi eksport sektor ini. Perkembangan ini menekankan kepentingan strategik pertanian dan industri berkaitan dalam memacu daya tahan negara terhadap perubahan iklim, keterjaminan makanan, dan kesejahteraan luar bandar di mana Agrobank terus berperanan sebagai pemangkin.



Maklumat lanjut dalam analisis Landskap Pasaran di halaman 116.

MEMENUHI MANDAT KAMI

Persekitaran makro yang positif menyediakan asas yang kondusif untuk strategi sasaran kami dalam perbankan perniagaan dan pengguna, menghasilkan keputusan yang signifikan. Pertumbuhan pembiayaan dipacu oleh perbankan perniagaan dengan jumlah pembiayaan RM755.76 juta (PKS: RM547.36 juta, Mikro: RM181.53 juta, Pembiayaan Korporat dan Kontrak: RM26.87 juta), diikuti pembiayaan pengguna sebanyak RM432.95 juta. Keputusan ini mencerminkan fokus berterusan kami dalam menyokong ekonomi sebenar, khususnya segmen terpinggir tetapi penting untuk daya tahan negara.

Secara keseluruhan, jumlah pendapatan meningkat 9.33% kepada RM1.26 bilion, disokong oleh kenaikan pendapatan pelaburan sebanyak 22.80% dan pertumbuhan pendapatan bukan dana sebanyak 22%. Walaupun keuntungan operasi berkurang kepada RM273.09 juta dan Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (PBTZ) merosot kepada RM188.78 juta, ini mencerminkan kesediaan kami untuk menanggung kos pembiayaan, perbelanjaan operasi, dan peruntukan kerugian kredit yang lebih tinggi demi menyokong pertumbuhan. Lembaran imbalan kekal kukuh, dengan jumlah aset meningkat 8.20% kepada RM22.46 bilion, disokong oleh peningkatan deposit sebanyak RM1.48 bilion dan peningkatan dana kerajaan sebanyak RM273.16 juta.



Maklumat lanjut ulasan kewangan di halaman 120.

MEMBINA EKOSISTEM UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA

Komitmen terhadap keterjaminan makanan adalah sebahagian daripada mandat kami, mendorong penyelesaian yang menyokong pengeluaran, melindungi rantaian bekalan, dan meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar. Pada tahun 2024, kami menyalurkan RM2 bilion dalam bentuk pembiayaan untuk pertanian asas bagi memajukan pengeluaran makanan, daya tahan rantaian bekalan, dan pembangunan perusahaan luar bandar. Ini termasuk intervensi bersasar seperti subsidi RM325.70 juta untuk pengeluaran ayam bagi membantu menstabilkan harga dan melindungi bekalan penting.

Pendekatan kami merangkumi keseluruhan rantaian nilai pertanian, memastikan usahawan tani mendapat akses kepada modal, input, dan sokongan nasihat dari ladang hingga ke pasaran. Dalam kapasiti ini, Agrobank berperanan sebagai pemangkin, menghubungkan usahawan tani dengan pasaran, teknologi, dan modal penting. Pada tahun 2024, kami mencapai kemajuan ketara menerusi beberapa perkongsian strategik.

PERUTUSAN PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Salah satunya ialah kerjasama strategik dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) menerusi Dana Pengembangan & Pemangkin Bumiputera (BECF). Dengan peruntukan RM100 juta untuk syarikat Bumiputera berpotensi tinggi, kami mensasarkan 20 perusahaan, masing-masing dengan had pembiayaan purata RM5 juta, bagi menyokong pengembangan perniagaan, penerapan teknologi, dan penciptaan pekerjaan.

Kami juga bekerjasama dengan Dropee (Borong) dalam pelaksanaan kolaborasi Digital Niaga, sebuah program pembiayaan rantaian bekalan dengan peruntukan RM300 juta yang menyasarkan 15,000 PKS mikro dan berpotensi memberi impak ekonomi sebanyak RM8.6 bilion. Selain itu, kami bekerjasama secara meluas dengan pelbagai agensi seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MIPB) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk melaksanakan program pembangunan kapasiti keusahawanan berimpak tinggi.

 Maklumat lanjut di halaman 74 – 85.

MENYOKONG KOMUNITI PERTANIAN MELANGKAUI PEMBIAYAAN

Menguatkan lagi kerjasama di peringkat nasional adalah usaha kami membina keupayaan di peringkat komuniti. Salah satu contoh adalah pelancaran Pusat Pembangunan Komuniti baharu di RTC Tunjung. Dibangunkan untuk menyediakan khidmat nasihat menyeluruh melangkaui urus niaga asas, pusat ini telah menyalurkan RM3.97 juta kepada pemohon yang diluluskan dalam enam bulan pertama. Ini menunjukkan permintaan tinggi di peringkat akar umbi dan nilai sokongan berasaskan lokasi sebagai model untuk libat urus luar bandar pada masa hadapan.

Satu lagi peristiwa penting ialah pelancaran Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) iaitu skim takaful tanaman pertama di Malaysia, yang ditawarkan menerusi anak syarikat pertama Bank, Agro Captive Takaful Limited (ACTL). Penyelesaian kewangan baharu ini melangkaui pembiayaan tradisional di mana ia menyediakan perlindungan kewangan kepada para pesawah yang terdedah kepada ketidakpastian iklim. Inisiatif ini memperkukuhkan peranan kami sebagai rakan dalam kejayaan mereka, melindungi kelangsungan hidup mereka serta keterjaminan makanan negara. Menjelang akhir tahun, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada kira-kira 200,000 orang petani di seluruh negara, dengan lebih 130,000 daripadanya merupakan pemegang akaun Agrobank.

Selari dengan pendekatan baharu ini, unit latihan dalaman kami iaitu Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE) terus memacu pembangunan kapasiti menerusi program berimpak tinggi seperti Program Pembangunan Belia Tani Siswazah (PROBEST). Inisiatif ini menyalurkan RM4.9 juta kepada 157 peserta daripada golongan Asnaf dan B40, justeru memperkukuh komitmen kami terhadap pemerikasaan ekonomi dan peningkatan kesejahteraan sosial.

Akhir sekali, dalam memastikan perkhidmatan kami kekal inklusif dan selaras dengan hasil Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (PMF) Bank Negara Malaysia, kami mengekalkan jumlah akses dan ejen agro. Kami memperkukuh akses kepada perkhidmatan kewangan dengan pembukaan cawangan baharu di Sungai Koyan, Kuala Lipis, Pahang sebagai tambahan kepada 211 titik hubungan sedia ada khususnya di kawasan luar bandar, dan melaksanakan program yang menyokong peningkatan tahap.

 Maklumat lanjut di halaman 18, 23, dan 68-71.

MEMAJUKAN TRANSFORMASI DIGITAL KAMI

Seiring dengan pertumbuhan rangkaian pusat perkhidmatan kami, permintaan untuk perkhidmatan yang cekap dan mudah diakses juga meningkat. Justeru, Agrobank terus memanfaatkan inovasi untuk memperbaiki khidmat pelanggan dan memperkemas proses dalaman secara berterusan. Peningkatan proses yang ketara dicapai menerusi PRIME, program strategik Bank untuk mempercepatkan masa urus niaga dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pemprosesan kredit dan akaun. Dengan tumpuan terhadap Bantuan Pembukaan Akaun dan Dalam Talian, PRIME meningkatkan standard perkhidmatan kami menjadi antara yang terpentas dalam industri di samping menyokong mandat pembangunan Bank.

Kami juga membawa perkhidmatan perbankan terus kepada pelanggan, tanpa mengambil kira lokasi mereka. Platform baharu kami, AgroTouch, yang kini tersedia di 71 cawangan, menggunakan teknologi satelit bagi membolehkan pembukaan akaun dalam hanya beberapa minit, walaupun di kawasan terpencil tanpa internet. Ini memecahkan halangan terhadap keterangkuman kewangan bagi komuniti pertanian. Dengan keupayaan Akaun Maya, operasi dalaman boleh dipercepatkan dan menjadi lebih selamat. Inovasi ini memastikan setiap petani dan usahawan, tanpa mengira lokasi atau kemahiran teknologi mereka, dapat mengakses perkhidmatan kami dengan mudah dan selesa.

MENERAPKAN PRINSIP KEMAMPAHAN

Kejayaan pelan transformasi kami berkait rapat dengan komitmen kami terhadap kemampanan. Kami menyedari bahawa ketahanan jangka panjang pelanggan dan komuniti bergantung kepada penerapan prinsip-prinsip kemampanan dalam operasi kami. Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan, pendekatan kami dipandu oleh keutamaan negara terhadap aspek ketahanan iklim dan pertumbuhan inklusif. Justeru, usaha ke arah kemampanan ini adalah berdasarkan rangka kerja dan tindakan yang jelas termasuk penentuan garis asas pelepasan GHG dan Pelan Sifar Bersih.

Pada tahun 2024, tumpuan adalah ke atas pengoperasian rangka kerja ini menerusi perancangan berstruktur untuk usaha penyahkarbonan, pengintegrasian risiko berkaitan iklim dalam pengurusan risiko menyeluruh, dan analisis senario untuk memacu daya tahan jangka panjang. Profil risiko banjir juga dibangunkan untuk lebih memahami pendedahan terhadap seluruh operasi dan pelanggan kami.

Dari segi operasi, langkah konkrit diambil untuk mengurangkan jejak karbon, termasuk pelaksanaan sistem solar PV secara berperingkat di kesemua cawangan, penggunaan campuran biodiesel dalam armada kenderaan kami, dan pelaksanaan sistem pemantauan tenaga digital bagi meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti.

Satu lagi pencapaian strategik ialah pembangunan Rangka Kerja Kewangan Mampan (SFF). Selaras dengan piawaian antarabangsa, rangka kerja ini akan membuka jalan bagi penerbitan Sukuk Mampan dan Pinjaman Hijau, lantas mewujudkan saluran pembiayaan khusus untuk projek yang bertanggungjawab dari segi alam sekitar dan sosial dalam sektor pertanian. Kami juga berbangga menyumbang kepada Panduan Sektor Kerangka Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF) untuk Sektor Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan, yang mengukuhkan lagi kepimpinan pemikiran kami.

 Maklumat lanjut di halaman 92 - 111 dan 133.

MEMBINA KEPAKARAN MODAL INSAN

Bagi menyokong peralihan ini dan dengan kesedaran bahawa tenaga kerja adalah aset terbesar kami, pelaburan dalam pembangunan kapasiti dalaman menjadi keutamaan. Kami memperuntukkan RM9.72 juta untuk program pembangunan dan pengekalan bakat, berbanding RM7.80 juta pada 2023, justeru menekankan komitmen kami dalam memupuk tenaga kerja yang mahir, berdaya tahan, dan bermatlamat. Ini termasuk inisiatif pembangunan profesional dan rohani yang direka khusus untuk memenuhi keperluan kerjaya dan pertumbuhan peribadi kakitangan.

Program Pensijilan Pertanian Agrobank-Universiti Pertanian Malaysia terus diperkukuh, membekalkan kakitangan dengan ilmu khusus agar dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pemegang taruh. Di seluruh fungsi kritikal termasuk Kredit, Risiko, Audit, dan Pematuhan, usaha profesional dipercepatkan di mana kakitangan menjalani kursus-kursus pensijilan dan kelayakan Jurubank Bertauliah.

Seiring dengan landskap kewangan yang bergerak menuju era digital yang lebih meluas, kami turut membina keupayaan dalaman bagi menyokong peralihan ini. Kakitangan terpilih mendapati pensijilan dalam bidang kandungan dan keselamatan digital, lantas memperkukuh kesiapsiagaan kami dalam menghadapi perubahan teknologi. Selain itu, modul latihan kemampunan telah dilancarkan semula manakala sesi kepimpinan bersasar bagi mengintegrasikan pertimbangan iklim dalam keputusan strategik dan kewangan turut dijalankan. Kesemua usaha ini dipandu oleh Rangka Kerja Kemahiran Masa Hadapan untuk sektor kewangan Malaysia bagi memastikan tenaga kerja kekal tangkas, relevan, dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.




Maklumat lanjut di halaman 86 – 89.



WAWASAN DAN PELAN PERNIAGAAN STRATEGIK 2026-2030

Berdasarkan pencapaian kukuh Agrobank pada tahun 2024, kami melangkah ke hadapan dengan tujuan yang jelas. Di sebalik ketidakpastian global yang berterusan, ramalan ekonomi Malaysia bagi tahun 2025 disokong oleh permintaan domestik yang tinggi dan sektor perbankan yang mantap dengan penampungan modal yang kukuh, aset yang berkualiti, serta permintaan berterusan untuk pembiayaan PKS dan isi rumah.



Sektor pertanian khususnya dijangka mengekalkan momentum positif, didorong oleh permintaan makanan yang stabil, trend demografi yang positif, dan dasar kerajaan seperti Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan subsidi diesel Budi Agrikomoditi. Berbekalkan kepakaran institusi yang mendalam dan hubungan jangka panjang merentasi keseluruhan ekosistem pertanian, Agrobank berada pada kedudukan yang baik untuk melaksanakan intervensi berimpak tinggi di kawasan yang paling memerlukan.

Dalam landskap yang semakin berkembang ini, kami sedang membangunkan pelan hala tuju strategik yang akan memperkukuh komitmen kami terhadap pertumbuhan inklusif, akses kewangan yang meluas, dan ketahanan sektor. Pelan ini direka untuk memanfaatkan momentum transformasi digital, kemampunan, dan pelaburan modal insan yang telah dibina. Ia juga mencerminkan iltizam kami untuk memperkukuh sokongan kepada segmen utama agromakanan, memperluas capaian kepada komuniti terpinggir, dan mencetus peluang pasaran baharu, di samping mengekalkan model kewangan yang mampan selaras dengan mandat Agrobank.

Pada fasa seterusnya, Agrobank akan terus memberi impak bermakna dan mengukuhkan keterjaminan makanan, menyokong kelangsungan hidup, dan menyelaraskan usaha dengan keutamaan pembangunan negara.

PENGHARGAAN

Saya merakamkan penghargaan ikhlas kepada para pemegang taruh kerajaan, terutamanya Kementerian Kewangan (MOF), Bank Negara Malaysia (BNM), dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atas sokongan berterusan dan kepimpinan dasar yang bijaksana dalam memajukan sektor kewangan dan agromakanan Malaysia, yang secara langsung membantupelaksanaan mandat kami.

Kepada para pemegang saham, rakan perniagaan, komuniti tempatan, dan pelanggan kami, terima kasih atas kepercayaan dan penglibatan berterusan dengan misi Agrobank. Ketabahan anda menjadi sumber inspirasi kami.

Kepada Lembaga Pengarah, terima kasih atas kepimpinan strategik dan bimbingan yang telah diberikan pada sepanjang tahun yang mencabar ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan atas ketabahan dan komitmen padu pasukan Pengurusan serta warga Agrobank atas usaha kolektif mereka dalam mengemudi 2024 dengan penuh dedikasi dan tekad.

Dengan usaha bersama ini, kami yakin dapat mengharungi cabaran masa hadapan dan terus memainkan peranan penting dalam membina Malaysia yang makmur, mampan, dan terjamin dalam aspek makanan.

Terima kasih.

YM DATO' TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

ULASAN STRATEGIK KAMI

Perjalanan keusahawanan Mohd Afiq Busrah, seorang usahawan akuakultur, menjadi bukti penekanan strategik ke atas penciptaan nilai dan usaha merapatkan jurang seperti yang dihuraikan dalam bab seterusnya. Selaku peserta Program Inkubator Keusahawanan Ternakan Ikan Air Tawar, Afiq mendapat manfaat daripada kerjasama erat dengan pakar-pakar dan mantan pensyarah UPM. Bimbingan strategik ini membolehkan beliau menubuhkan sebuah pusat penternakan khusus untuk spesies ikan tempatan bernilai tinggi seperti Patin Buah, Lampam Krai, dan Baung. Sebagai pembekal ikan air tawar yang dipercayai oleh penternak setempat, Afiq kini meraih kedudukan penting dalam rantai bekalan.

Kisah beliau adalah bukti kejayaan model perniagaan Agrobank yang dibangunkan bagi memupuk kerjasama strategik dan memajukan sektor-sektor khusus bernilai tinggi, justeru menyokong aspirasi keterjaminan makanan negara yang digariskan dalam Ulasan Strategik ini.

Modal



Modal Kewangan



Modal Pembuatan



Modal Intelek



Modal Sosial



Modal Insan



Modal Semulajadi

Perkara-perkara Material



Keterangkuman
Kewangan



Integriti Institusi
dan Etika
Perniagaan



Prestasi Pasaran
Pertanian dan
Perniagaan



Pembiayaan
Mampan



Perubahan Iklim
dan Pengurusan
Alam Sekitar



Pemeriksaan
Rakyat



MODEL PERNIAGAAN KAMI

Portfolio produk dan perkhidmatan Bank sentiasa diperhalusi kerana ia beroperasi dalam landskap pertanian dan pasaran yang sentiasa berubah-ubah. Agrobank pada asasnya beriltizam mencipta nilai signifikan dalam sektor pertanian demi manfaat industri dan komuniti di mana ia berkhidmat. Justeru, model perniagaan Bank direka khusus bagi merapatkan jurang kewangan dan bukan kewangan dalam industri pertanian, lantas menyumbang secara langsung kepada aspirasi negara termasuk berkaitan keterjaminan makanan dan pengurangan kebergantungan kepada makanan import.



Tumpuan Segmen Perniagaan

Bidang tumpuan ini terbahagi kepada dua segmen:

- i. PERNIAGAAN (pelanggan bukan individu seperti Usahawan Mikro, SME, Korporat, dan Kontrak)
- ii. PELANGGAN (pelanggan individu dan runcit)

Tumpuan Sektor

Bidang tumpuan ini merangkumi:


- i. AGRO-MAKANAN (Tanaman, Perikanan, Penternakan)
- ii. KOMODITI
- iii. SEKTOR SOKONGAN
- iv. PEMROSESAN BERASASKAN AGRO



Satu model perniagaan yang mantap memandu operasi dan keputusan strategik kami, lantas membolehkan kami kekal berdaya maju dan responsif kepada keperluan sektor pertanian yang sentiasa berubah-ubah. Kejayaan pelaksanaan model ini diperkukuhkan lagi dengan komitmen padu terhadap nilai-nilai teras kami, yang menjadi asas pendekatan penciptaan nilai mampan untuk semua pemegang taruh. Nilai-nilai ini membentuk setiap inisiatif, daripada pemupukan keterangkuman kewangan hinggalah pemacuan inovasi pertanian, sekaligus menjadi tunjang mandat kami. Pendekatan ini terus membuahkan hasil positif pada tahun kewangan 2024, seperti yang diperincikan dalam halaman 120 - 122.

NILAI-NILAI TERAS KAMI

PATRIOT



PEMEGANG TARUH KAMI

Libat urus dengan pemegang taruh kami adalah aspek penting dalam Agrobank, khususnya untuk mencapai hasil yang optimal, membina kepercayaan, mengurus risiko, dan menjamin akauntabiliti. Kumpulan pemegang taruh kami yang pelbagai menjadi teras pertumbuhan dan pembangunan perniagaan dan operasi kami. Pada 2024, kami telah melaksanakan pelbagai kaedah libat urus, menggunakan platform maya dalam talian serta interaksi langsung. Libat urus yang konsisten ini telah menjana maklumbalas dan pandangan yang amat bernilai, lantas membolehkan kami memperhalusi strategi perniagaan serta menguruskan jangkaan pemegang taruh.



Kerajaan, Kementerian/Agensi

- Kementerian Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.)
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
- Agensi-agensi kerajaan berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Mengapa Mereka Penting untuk Kami



Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 (Akta BPMB 2008), kerajaan, kementerian, dan agensi-agensi berkaitan adalah pemegang taruh utama. Penglibatan mereka membolehkan Agrobank sentiasa maklum mengenai perubahan dasar berkaitan inisiatif-inisiatif kelestarian dan pembangunan nasional. KPKM selaku kementerian induk Agrobank memantau peranan kami sebagai pemangkin kewangan untuk sektor pertanian. Kerjasama erat bersama mereka membantu menyelaraskan dasar-dasar, kehendak-kehendak, dan inisiatif-inisiatif kami, lantas memupuk pertumbuhan sektor dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi.

Kaedah libat urus

- Mesyuarat
- Kemaskini Laporan
- Seminar, bengkel, persidangan, dan simposium

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Penyelarasan strategi perniagaan dengan objektif yang dimandatkan
- Penggunaan efektif dana yang disalurkan kepada kumpulan sasaran
- Kecemerlangan operasi dan daya tahan
- Peningkatan kemahiran dan ilmu peladang dan usahawan
- Program jangkaan untuk komuniti pertanian
- Pematuhan kepada kehendak kawal selia
- Ukuran keberkesanan program
- Pelaksanaan efektif strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif kelestarian dan iklim
- Kawalan dalaman yang berkesan serta tindakan telus terhadap penyelewengan, salah laku, perubahan wang, dan penajaan keganasan (ML/TF)

Tindakbalas kami

- Menyertai proses penyediaan dokumen-dokumen dan kerangka panduan peringkat nasional
- Menyediakan latihan, geran, dan pembiayaan awal untuk menyokong komuniti pertanian
- Menyertai program-program komuniti anjuran kementerian bagi meluaskan jangkaan dan sokongan
- Mewujudkan liputan perlindungan berkaitan pertanian seperti AgroTakaful
- Mewujudkan penunjuk berkaitan kemampuan dalam penunjuk prestasi utama lazim (CKPIs)
- Mengemaskini kemajuan dan hasil daripada program-program yang dilaksanakan serta strategi kelestarian Agrobank
- Mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan, dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan melaksanakan pendekatan komprehensif berasaskan risiko bagi mengurus risiko rasuah dan ML/TF

Hasil/Kerjasama pada 2024

- Memperkukuhkan reputasi Bank dan menyediakan nilai tambah untuk pemegang taruh dengan penerbitan buku "Pemeriksaan Komuniti Melangkau Perbankan" pada 17 November 2024 oleh Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM)
- Menyertai bengkel KPKM dan IPSOS mengenai Pelan Tindakan Keterjaminan Makanan Negara
- Menyertai mesyuarat jawatankuasa bekerja dan eksekutif dengan KPKM
- Menyertai mesyuarat Permohonan Belanjawan untuk Belanjawan 2025
- Laporan bulanan mengenai penggunaan Dana Kerajaan
- Libat urus dengan MOF mengenai prestasi 2024 Agrobank dan Pelan Perniagaan 2025
- Libat urus dengan MOF mengenai Agrovest dan model perniagaannya
- Libat urus dengan BNM mengenai peningkatan kad skor Kerangka Pengukuran Prestasi (PMF)
- Libat urus dengan BNM mengenai pelancaran dan pengoperasian AgroCaptive Takaful Limited dan produk takaful tanaman
- Penyertaan dalam pembangunan Kerangka Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Intermediasi berasaskan Nilai (VBIAF) Panduan Sektor untuk Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan

Penunjuk utama

- CKPI berkaitan Kemampuan
- Jumlah keseluruhan pembiayaan diagihkan
- Insiden rasuah dan ML/TF
- Bilangan program jangkaan dan latihan



Badan Kawal Selia

- Bank Negara Malaysia (BNM)

Mengapa Mereka Penting untuk Kami



Kami bekerjasama rapat dengan badan kawal selia, khususnya BNM, bagi memastikan kestabilan kewangan, tatalaku profesional perniagaan, dan urusniaga yang adil dengan pelanggan. BNM memainkan peranan kritikal dalam kerangka ukuran prestasi Agrobank, membimbing kami dengan kehendak-kehendak dan prinsip-prinsip kawal selia untuk tadbir urus korporat yang baik, beretika, bertanggungjawab, telus, dan mampan. Hal ini memastikan Agrobank beroperasi dengan penuh integriti dan profesionalisme, lantas menyumbang kepada kejayaan jangka panjang kami dan penyampaian nilai mampan kepada pemegang taruh.

Kaedah libat urus

- Mesyuarat dan komunikasi dalam talian
- Laporan kemaskini dan pekililing
- Kumpulan fokus dan jawatankuasa bekerja perangkaan dasar
- Persidangan dan dialog
- Tinjauan

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Pematuhan kepada dasar-dasar kawal selia, termasuk Analisis Pengurusan & Senario Risiko Iklim (CRMSA)
- Mendokong ketelusan, integriti, dan amalan-amalan pasaran saksama
- Mitigasi risiko untuk jenayah kewangan dan siber
- Daya tahan dan akses sistem pembayaran
- Penyertaan aktif dalam kumpulan bekerja bimbingan sektoral
- Pemantauan prestasi IKP Agrobank
- Memastikan kecairan, kestabilan kewangan, dan memacu amalan-amalan mampan

Tindakbalas kami

- Terus meningkatkan pematuhan kepada peraturan, kawal selia, dan kehendak-kehendak CRMSA
- Memberi takrif jelas untuk penunjuk prestasi dan memastikan pengumpulan data yang konsisten
- Meningkatkan peralatan, sistem, dan proses pengurusan risiko
- Memastikan unit-unit perniagaan memenuhi semua kehendak kawal selia dalam memenuhi objektif perniagaan
- Memperkukuh kerjasama dengan BNM menerusi penyertaan aktif dalam kumpulan bekerja kawal selia dan inisiatif-inisiatif risiko iklim
- Mengekalkan budaya risiko pematuhan yang kukuh dan bersepadu dalam institusi kewangan Islam, menyokong pertumbuhan dan inovasi
- Mengadakan Penilaian Bebas tahunan bagi memastikan pematuhan

Hasil/Kerjasama pada 2024

- Mengetuai penyediaan dokumen VBIAF Panduan Sektoral untuk Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan
- Meningkatkan peralatan dan sistem pematuhan dalaman, lantas meningkatkan pengurusan risiko kawal selia dan konsistensi data di seluruh unit-unit perniagaan
- Melengkapkan Penilaian Bebas bagi memastikan daya tahan operasi dan integriti sistem pembayaran
- Memacu budaya pematuhan dan kemampanan dalam kewangan Islam, menyokong inovasi dan mengekalkan piawaian kawal selia

Penunjuk utama

- Jumlah ketidakpatuhan kawal selia
- Kadar penyertaan dalam sesi-sesi latihan berkaitan pematuhan

PEMEGANG TARUH KAMI

**Pelanggan**

- Individu dan perniagaan di seluruh ekosistem pertanian termasuk pemain rantai nilai, dari peladang dan penternak hulu hinggalah pemproses pertengahan dan peruncit hiliran; selain khidmat sokongan yang menggerakkan sektor, dari pembekal input dan teknologi pertanian hinggalah pemboleh kewangan dan pengetahuan

Mengapa Mereka Penting untuk Kami


Sebagai sebuah IKP, misi utama kami adalah keterangkuman kewangan dan pembangunan pertanian. Kami berusaha menyokong pelanggan dalam sektor pertanian dengan penyelesaian kewangan yang khusus bagi memenuhi keperluan mereka dan menyumbang kepada kemampanan dan kesejahteraan jangka panjang. Hal ini juga menyokong matlamat strategik Malaysia berkaitan keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi luar bandar, manakala pendapatan kami terhasil secara langsung daripada hubungan perniagaan ini. Selain itu, kami menyediakan kaedah menabung dan melabur yang selamat dan berkesan bagi membantu pelanggan mencapai matlamat kewangan jangka pendek dan panjang.

Kaedah libat urus

- Pelbagai titik hubungan menerusi rangkaian cawangan, terminal layan diri, saluran digital, dan pusat perkhidmatan, khususnya di kawasan terpinggir luar bandar
- Tinjauan Kepuasan Pelanggan (CSS), emel, laman sesawang, dan media sosial
- Produk-produk kewangan Islam yang khusus serta kempen-kempen promosi yang berdaya saing
- Kempen promosi yang menarik dan kompetitif (bonus pendaftaran, kadar keuntungan lebih tinggi, ganjaran hadiah)

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Kelayakan komuniti pertanian untuk bantuan kerajaan dan sokongan kewangan
- Akses kepada khidmat perbankan dan kecekapan saluran digital
- Kecekapan dan kelancaran proses-proses permohonan kewangan
- Kualiti khidmat pelanggan disediakan Agrobank
- Akses kepada program-program latihan dan khidmat nasihat bagi meningkatkan kemahiran dan ilmu keusahawanan
- Mengekalkan daya saing dan kemampanan perniagaan

Tindakbalas kami

- Memastikan akses kepada perkhidmatan Agrobank menerusi 211 titik hubungan dan saluran digital
- Menyalurkan dana kerajaan menerusi pelbagai skim bagi menyokong pembangunan pertanian
- Memastikan titik hubungan dengan inisiatif digitalisasi bagi meningkatkan kecekapan dan akses perkhidmatan
- Mempromosi amalan-amalan pertanian mampan menerusi pensijilan seperti Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) dan Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP)
- Menawarkan penyelesaian kewangan hijau
- Menyediakan bengkel literasi kewangan dan produk bersasar dengan dokumentasi mudah
- Bekerjasama dengan syarikat utama untuk sokongan pertanian kontrak

Hasil/Kerjasama pada 2024

- Menubuhkan 1 cawangan mikro baharu, memindahkan/mengubahsuai 7 cawangan, dan menyediakan infrastruktur untuk segmen perniagaan Ar-Rahnu di 10 cawangan serta perasmian segmen Ar-Rahnu baharu di 12 cawangan tambahan
- Mengagihkan pembiayaan RM10.44 bilion pada 2024, mengembangkan portfolio hingga RM1.2 bilion (peningkatan 72.08% berbanding 2023)
- Mengembangkan portfolio SME hingga RM547.68 juta, menyokong perniagaan hulu dan hiliran
- Menyediakan pembiayaan untuk komuniti terpinggir menerusi program-program pembiayaan mikro seperti Program Pembiayaan Usahawan Mikro MAINJ dan Program Kediaman Mampu Milik
- Mendapat kelulusan pengurusan untuk 6 cawangan baharu dan ubahsuai lanjut pada 2025

Penunjuk utama

- Skor kepuasan pelanggan
- Tempoh respons khidmat pelanggan dan kadar penyelesaian aduan
- Jumlah pembiayaan diluluskan dan diagihkan kepada pelanggan



Kakitangan

- Tenaga kerja kami merangkumi kakitangan perbankan berkemahiran yang memegang fungsi layanan pelanggan dan sokongan teras (seperti pentadbiran, sumber manusia, teknologi maklumat, strategi, pemasaran), serta pakar profesional dalam bidang pertanian, kewangan, dan ekonomi

Mengapa Mereka Penting untuk Kami



Kakitangan kami membantu Bank memenuhi misinya dan memacu aspirasi kami menerusi kemahiran, pengalaman, dan komitmen mereka. Kami bertanggungjawab memupuk pembangunan mereka, menyediakan tempat kerja yang selamat di mana mereka boleh berkembang maju, dan mengiktiraf usaha mereka bagi meningkatkan motivasi. Kakitangan juga penting dalam penerapan nilai kemampanan dan memastikan pematuhan di seluruh Bank.

Kaedah libat urus

- Dialog umum kakitangan (fizikal dan maya)
- Perbincangan kumpulan fokus
- Emel dan sistem pesanan desktop (pop-up)
- SharePoint, intranet, dan Yammer
- Tinjauan Libat Urus Kakitangan (EES)
- Program-program latihan digital dan fizikal termasuk latihan dalam talian
- Sesi Perkongsian Ilmu (KSS)
- Sesi orientasi dengan pengambilan baharu

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Keterjaminan pekerjaan dan imbuhan yang kompetitif
- Pembangunan kerjaya dan pembelajaran, termasuk pembinaan kapasiti berkaitan hal-hal kemampanan
- Kesihatan, keselamatan, kesejahteraan, dan manfaat
- Keselarasan dengan matlamat Bank, peruntukan sumber, dan proses dalaman
- Pengurusan risiko pematuhan dan memenuhi jangkaan kawal selia
- Pengurusan keperluan dan aturan kerja dari Rumah (WFH) dan Kerja di Pejabat (WIO)

Tindakbalas kami

- Menyokong pembelajaran kakitangan menerusi sesi libat urus dalam talian dan fizikal
- Meningkatkan kebersihan dan sanitasi di premis pejabat
- Mengutamakan kesejahteraan kakitangan dengan masa bekerja fleksibel dan sokongan kesihatan mental
- Mengadakan sesi mengenai Akta Pekerjaan yang dipinda serta meningkatkan kesedaran mengenai gangguan seksual
- Mengagih sumber dengan berkesan, menyesuaikan beban kerja dengan tenaga kerja yang ada serta memantau impak ke atas kesejahteraan kakitangan
- Meningkatkan proses dalaman dan tadbir urus menerusi kerangka, dasar-dasar, dan manual kerja yang dipertingkatkan
- Menyediakan fungsi khidmat nasihat dan latihan pematuhan yang mencukupi, serta mengenalpasti, menilai, dan memantau risiko pematuhan

Hasil/Kerjasama pada 2024

- Pada 22 Februari 2024, Agrobank berjaya mengadakan Dialog Umum (Townhall) Agrobank 2024, acara hibrid yang menghubungkan barisan kepimpinan dengan #KeluargaAgrobankers, secara fizikal dan maya. Sesi ini berjaya memupuk komunikasi terbuka, perkongsian pandangan kritikal, dan menyelaraskan usaha kolektif dengan halatuju strategik Presiden/CEO, justeru memperkukuhkan perpaduan dan matlamat di seluruh organisasi

Penunjuk utama

- Indeks Libat Urus Kakitangan dan skor kepuasan
- Jumlah program latihan dan kadar penyertaan kakitangan

PEMEGANG TARUH KAMI

**Rakan Kerjasama dan Strategik**

- Universiti dan Akademia seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), PICOMS International University College (PICOMS)
- Organisasi Keagamaan seperti YAPEIM dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Kerajaan dan Agensi Pembangunan serta organisasi seperti MARA, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB), Khazanah Nasional, dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)

Mengapa Mereka Penting untuk Kami


Rakan strategik adalah penting untuk Bank, membantu usaha kolaborasi dan program-program pembangunan yang memperkasa golongan terpinggir dalam sektor pertanian. Kerjasama dengan entiti seperti MARA meningkatkan sistem sokongan kami menerusi gabungan kepakaran kewangan serta pembangunan luar bandar dan keusahawanan. Kerjasama dengan institusi seperti MAIWP diperlukan untuk memajukan projek-projek waqaf yang memerlukan lesen Mutawalli. Kerjasama dengan agensi kerajaan dan pembangunan seperti PERHEBAT, Perak SADC, PKNS, SLDB, Khazanah Nasional, dan MDEC meluaskan jangkauan dan impak kami, memacu pembangunan sosio-ekonomi dan transformasi digital untuk komuniti luar bandar dan pertanian.

Kaedah libat urus

- Mesyuarat maya dan fizikal
- Sesi jawatankuasa dan taklimat
- Emel dan kemaskini laporan
- Program-program pembangunan di universiti dan institusi pengajian tinggi
- Perjanjian kerjasama
- Laporan bulanan

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Sokongan dan bantuan kewangan yang boleh diukur
- Kerjasama efektif untuk program peningkatan komuniti
- Memperkukuhkan status sosio-ekonomi komuniti
- Mempelbagaikan program-program keusahawanan dalam sektor pertanian dengan permintaan tinggi
- Mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan dan asnaf menerusi bimbingan dan pemantauan
- Mempromosi keusahawanan sebagai kerjaya untuk graduan
- Menguruskan mesin dialisis dan inisiatif-inisiatif penjagaan kesihatan
- 'Crowdfunding' dan peruntukan dana Wakaf

Tindakbalas kami

- Bekerjasama dengan agensi-agensi dan universiti untuk program-program keusahawanan
- Menyediakan latihan dan pembiayaan awal bagi menyokong projek-projek komuniti dan keusahawanan
- Membangunkan program berstruktur untuk graduan dan lepasan graduan dengan kerjasama institusi akademik
- Menggunakan dana zakat dengan kerjasama organisasi berkaitan
- Bekerjasama untuk pembangunan modul Pengurusan Wakaf dan kurikulum Pensijilan Pengurusan Wakaf Profesional dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Menubuhkan jawatankuasa bersama dan memeterai perjanjian menerusi pelbagai jawatankuasa dalaman

Hasil/Kerjasama pada 2024

- ACE mewujudkan kerjasama strategik baharu dengan 23 entiti untuk projek bernilai RM12.90 juta
- Melaksanakan program keusahawanan seperti Program Inkubator Keusahawanan Tanaman Melon Manis Terengganu 2.0 bersama Universiti Sultan Zainal Abidin dan Program Pembangunan Belia Tani Siswazah (PROBEST) dengan Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Kelantan, dan kolej vokasional
- Menyertai pembangunan Bimbingan Sektor VBIAP – Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan

Penunjuk utama

- Impak dan hasil setiap kerjasama
- Jumlah peserta industri dalam program latihan



Persatuan Industri

- Association of Development Finance Institutions of Malaysia (ADFIM)
- Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP)
- Association of National Development Finance Institutions in Member Countries of the Islamic Development Bank (ADFIMI)
- Asia Pacific Rural and Agricultural Credit Association (APRACA)
- Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM)

Mengapa Mereka Penting untuk Kami



Persatuan industri memainkan peranan penting dalam memupuk kerjasama dengan sektor kewangan. Mereka mencipta ekosistem yang mempromosikan amalan-amalan perniagaan yang mantap, memperkukuhkan mandat kami, dan meningkatkan keterlihatan Bank dalam industri. Jawatankuasa Semakan Syariah, usaha kerjasama dalam kalangan bank-bank ahli AIBIM khususnya adalah sangat penting bagi menyelaraskan amalan-amalan semakan Syariah, berkongsi kepakaran, dan menangani isu-isu lazim. Persatuan-persatuan ini menyokong komitmen pematuhan Syariah kami dan menyumbang kepada pembangunan industri secara amnya.

Kaedah libat urus

- Laporan Tahunan dan Mesyuarat Agung Tahunan
- Emel dan mesyuarat
- Tinjauan dan kumpulan bekerja
- Program-program, persidangan, latihan, dan webinar

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Impak perubahan kawal selia dan pematuhan kepada kehendak-kehendak BNM untuk Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah (SGPD)
- Menangani isu-isu Syariah lazim dan hal-hal semakan
- Tadbir urus korporat yang baik, etika perniagaan, dan integriti
- Pelaksanaan amalan-amalan perniagaan mampan serta kemampanan organisasi
- Penyiapan dokumen-dokumen panduan sektoral

Tindakbalas kami

- Menghadiri sesi latihan persatuan industri dan menyumbang kepada Laporan VBI Tahunan
- Perbincangan isu-isu utama industri seperti kemampanan dan Syariah
- Mendedahkan maklumat menerusi tinjauan dan borang soal selidik untuk mesyuarat dan laporan tahunan
- Menyertai program-program, persidangan, webinar, dan kumpulan bekerja untuk pembuatan dasar BNM

Hasil/Kerjasama pada 2024

- Mengetuai kumpulan bekerja untuk VBIAF bagi Panduan Sektor Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan
- Menyertai 2 projek AIBIM: Inisiatif MyWakaf bagi pemasangan kubah pengeringan menggunakan tenaga solar di Kelantan dan penggunaan penyelesaian Syariah dalam sektor pertanian menerusi sumbangan satu unit mesin padi bernilai RM150,000 bagi menyokong Projek Smart Sawah Berskala Besar oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah

Penunjuk utama

- Sumbangan kepada panduan dan laporan industri
- Metrik jangkauan dan libat urus untuk bahan-bahan terbitan (contoh: muat turun, sumber rujukan)

PEMEGANG TARUH KAMI

**Komuniti**

- Ahli masyarakat dan komuniti pertanian, merangkumi semua yang mana kelangsungan hidup bergantung kepada pertanian, serta organisasi-organisasi yang bekerjasama dengan Agrobank bagi menyokong sektor ini

Mengapa Mereka Penting untuk Kami


Komuniti sekeliling memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada ekonomi setempat. Dengan memperkasakan komuniti ini, termasuk SME pertanian dan makanan yang terjejas akibat pandemik, ekonomi akan meningkat dan membantu mereka terus berkembang dalam era pasca pandemik. Kerjasama dengan organisasi seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Lembaga Zakat Negeri (LZN), dan lain-lain agensi membolehkan kami berkongsi sumber dan kepakaran bagi mengadakan program-program keusahawanan Asnaf. Kerjasama ini penting untuk memperkasa komuniti terpinggir dan menyediakan peluang untuk mereka terus maju.

Kaedah libat urus

- Kerjasama dengan organisasi bukan berkeuntungan dan persatuan komuniti bagi menganjurkan program-program pemeraksanaan dan pembangunan
- Libat urus dan latihan komuniti di lapangan menerusi program-program pembangunan komuniti berstruktur

Hasil/Kerjasama pada 2024

- 118 program dianjurkan dengan 2,675 usahawan. Daripada 2,675 usahawan yang dilatih:
 - > 528 merupakan pelanggan sedia ada Bank
 - > 528 daripada 2,147 bukan pelanggan telah menjadi pelanggan Bank dengan membuka akaun, membuat pembiayaan baharu, atau melanggan produk takaful

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Isu-isu berkaitan kebajikan dan status sosio-ekonomi komuniti terpinggir
- Pemulihan ekonomi komuniti setempat dan sokongan kewangan untuk keperluan komuniti
- Memastikan akses kepada program-program literasi kewangan

Penunjuk utama

- Jumlah sumbangan komuniti
- Jumlah program dan inisiatif komuniti yang dianjurkan
- Kadar literasi kewangan

Tindakbalas kami

- Menganjurkan program-program pembangunan berstruktur dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Lembaga Zakat Negeri (LZN), dan agensi-agensi lain
- Melaksanakan inisiatif bersasar untuk komuniti kurang bernasib baik menerusi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami
- Membangun dan menyampaikan program-program pendidikan dan literasi kewangan
- Melancarkan program-program berimpak untuk manfaat komuniti terpinggir



Media

- Siaran tradisional dan media cetak
- Portal dan platform berita digital
- Wartawan bebas, blogger, dan pengengaruh
- Firma-firma hubungan awam dan komunikasi

Mengapa Mereka Penting untuk Kami



Media adalah pengantara penting dalam meningkatkan kesedaran dan keterlihatan Agrobank serta visinya 'Memajukan Pertanian Melangkaui Perbankan'. Ia menyediakan platform penting bagi menghebahkan inisiatif-inisiatif kemampanan dan kemajuan Bank kepada masyarakat umum. Media juga membantu mengemaskini Agrobank mengenai kebimbangan komuniti dan sentimen awam.

Kaedah libat urus

- Komunikasi dalam talian/webinar
- Kenyataan akhbar, temubual media, dan sidang akhbar
- Lawatan media bagi memperkukuh hubungan
- Laporan Bersepadu Tahunan

Perkara penting bagi pemegang taruh

- Strategi perniagaan Agrobank
- Program-program jangkauan tanggungjawab korporat
- Sokongan untuk komuniti pertanian dan usaha untuk memperkukuhkan keupayaan mereka
- Pembinaan hubungan jangka panjang
- Strategi menangani dan mendedahkan hal-hal kemampanan Bank dan hal-hal berkaitan iklim
- Pendedahan mengenai kemampanan

Tindakbalas kami

- Secara aktif menjawab pertanyaan media agar mereka dan kumpulan sasaran sentiasa maklum mengenai sokongan Agrobank terhadap komuniti pertanian
- Memperkukuh saluran komunikasi menerusi inisiatif seperti 'Our Agropreneur Stories' (platform media sosial Agrobank), 'Vibin Agro', dan 'Get to Know Our Agropreneurs' bagi memaparkan usaha dan pencapaian kami

Hasil/Kerjasama pada 2024


- 132 acara dan program strategik seluruh negara
- Menjana nilai perhubungan awam sebanyak RM66.53 juta
- Meneraju IKP dalam 'Share of Voice' sepanjang 2024
- Memperkukuh keterlihatan nasional menerusi inisiatif-inisiatif utama termasuk:
 - > Pelancaran Skim Takaful Tanaman Padi (STTP)
 - > Skim Perumahan Peneroka FELDA berjumlah RM200 juta
 - > Program Komuniti Tanpa Tunai di Kundasang
- Menerima enam anugerah di Malaysia Public Relations Awards (MPRA) 2024, untuk kecemerlangan komunikasi

Penunjuk utama

- Jumlah liputan media
- Jumlah nilai perhubungan awam

PERKARA-PERKARA MATERIAL KAMI

Proses menentukan perkara-perkara kemampunan yang material di Agrobank adalah berdasarkan:



Langkah pertama dalam proses ini ialah membuat senarai pendek perkara-perkara material berdasarkan tanda aras industri. Pada 2024, kami telah menyemak dan menilai semula hasil-hasil material daripada libat urus pemegang taruh pada tahun-tahun sebelumnya, termasuk pemilihan perkara-perkara material daripada kumpulan-kumpulan pemegang taruh dalaman mengenai peranan, fungsi, dan libat urus mereka dengan pemegang taruh luar. Perkara-perkara material yang terpilih kemudian disemak agar selari dengan piawaian industri terkini dan disusun mengikut keutamaan.

Perkara-perkara material berikut yang telah dikenalpasti untuk tahun 2024 adalah penting untuk operasi dan halatuju strategik kami, ekoran impak langsung ke atas keupayaan kami untuk mencipta nilai menerusi enam modal utama.

Perkara-perkara Material	Kepentingan kepada Agrobank
 Keterangkuman Kewangan	Perkara material ini penting kepada mandat pembangunan Agrobank bagi menyokong sektor pertanian Malaysia menerusi pengurangan jurang kewangan. Perkhidmatan kewangan mudah akses dan inklusif untuk semua pemegang taruh khususnya usahawan tani luar bandar, peladang, dan SME adalah mustahak dalam memupuk pertumbuhan ekonomi yang saksama dan daya maju jangka panjang pertanian di seluruh negara. Pendekatan ini mencerminkan komitmen Bank dalam merapatkan jurang kewangan dan bukan kewangan.
 Integriti Institusi dan Etika Perniagaan	Mendokong integriti institusi dan etika perniagaan adalah penting bagi meningkatkan kecekapan operasi dan kepercayaan terhadap Agrobank. Dengan pematuhan Syariah yang ketat dan kerangka tadbir urus yang mantap, Bank memanfaatkan modal insan dan intelek bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan kepercayaan dalam kalangan pemegang taruh. Komitmen ini penting untuk reputasi dan daya maju jangka panjang Bank.
 Prestasi Pasaran Pertanian dan Perniagaan	Matlamat utama Agrobank adalah untuk memacu kemakmuran sektor pertanian. Bank menggunakan kekuatan kewangannya untuk menyediakan pembiayaan penting. Ia juga menggunakan sistem fizikal dan digital serta pengetahuan mendalam mengenai industri bagi menyokong perniagaan dan mempertingkatkan prestasi. Hal ini membantu industri pertanian bertumbuh dan kekal kukuh dari segi ekonomi.
 Pembiayaan Mampan	Perkara ini membolehkan libat urus yang lebih mantap untuk penyelesaian pembiayaan berasaskan kemampunan. Dengan memanfaatkan modal kewangan dan intelek bagi merangkumkan kewangan hijau dan mendokong amalan-amalan peminjaman mesra iklim, Bank memperkukuhkan daya saing dan kepentingan jangka panjangnya dalam landskap kewangan yang sentiasa berubah.
 Perubahan Iklim dan Pengurusan Alam Sekitar	Daya saing portfolio dan operasi Bank dipastikan dengan menangani risiko-risiko berkaitan iklim, merangka strategi-strategi yang mantap, dan menggunakan amalan-amalan terbaik. Sokongan Bank terhadap pertanian mampan menerusi kemajuan teknologi dan komitmennya terhadap inisiatif Pelan Sifar Bersih adalah penting untuk menangani impak alam sekitar, melindungi pengeluaran makanan masa hadapan, dan mendokong tanggungjawab pembangunannya.
 Pemeriksaan Rakyat	Pemeriksaan rakyat secara langsung menyokong mandat sosial Bank bagi memupuk pembangunan komuniti dan memperkasa komuniti pertanian. Program-program pembinaan kapasiti serta inisiatif-inisiatif literasi kewangan memperkasa rakyat di seluruh sektor. Agihan zakat pula membantu ekonomi komuniti terpinggir. Pelaburan modal insan pula memastikan tenaga kerja yang berkemahiran dan bermotivasi.

MODAL KAMI

Modal	Penerangan	Impak
 Modal Kewangan	Sumber kewangan yang digerakkan menerusi deposit komersial, terbitan sukuk, geran kerajaan, dan penggunaan dana skim bagi menyokong pembiayaan pertanian dan pertumbuhan ekonomi.	Pemegang taruh yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 
 Modal Pembuatan	Infrastruktur fizikal dan digital, termasuk cawangan, kiosk, ATM, perbankan bergerak, dan platform AGRONet, memastikan akses dan kecekapan dalam menyampaikan khidmat kewangan kepada komuniti pertanian.	Pemegang taruh yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 
 Modal Intelek	Kepakaran industri, pandangan pasaran, dan inovasi kewangan yang dimanfaatkan bagi membangunkan penyelesaian perbankan patuh Syariah, model pembiayaan mampan, dan produk-produk kewangan khusus untuk perniagaan pertanian.	Pemegang taruh yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 
 Modal Sosial	Libat urus pemegang taruh, agihan zakat, dan kerjasama strategik yang memperkukuhkan hubungan dengan badan pengawal selia, pemain industri, komuniti setempat, dan SME bagi memacu keterangkuman kewangan dan impak sosial.	Pemegang taruh yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 
 Modal Insan	Pelaburan dalam pembangunan tenaga kerja, latihan kepimpinan, dan pembinaan kapasiti bagi meningkatkan kepakaran kakitangan, khidmat pelanggan, dan literasi kewangan untuk usahawan pertanian.	Pemegang taruh yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 
 Modal Semulajadi	Integrasi pembiayaan mesra iklim, pengurusan alam sekitar, dan prinsip-prinsip ESG dalam operasi Bank, menyokong pertanian mampan dan inisiatif pembiayaan hijau.	Pemegang taruh yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 

MODEL PENCIPTAAN NILAI KAMI

Input Kami



MODAL KEWANGAN

- Jumlah deposit dana komersial: **RM13.22 bilion**
- Jumlah kutipan sukuk wakalah: **RM500 juta**
- Geran kerajaan diagihkan: **RM214.24 juta**
- Penggunaan dana skim kerajaan: **RM2 bilion**



MODAL PEMBUATAN

Titik hubungan Agrobank:

- Cawangan fizikal: **185**
- Kiosk: **29**
- Agrocorner: **12**
- Pusat perbankan Agro: **1**
- Saluran perbankan maya: **1**
- Pusat kredit padi: **5**
- Pusat komersial: **19**
- ATM: **272**
- CICO: **161**
- Pejabat wilayah: **8**
- Ejen Bank: **334**
- Pusat Pembangunan Komuniti: **1**



MODAL INTELEK

Pengetahuan industri dan pemahaman kehendak pasaran sebagai sebuah bank pembangunan yang bermatlamat memperkasa sektor pertanian negara.



MODAL SOSIAL

- Libat urus dengan pelbagai kumpulan pemegang taruh termasuk badan pengawal selia, pemain industri, komuniti setempat, pelanggan, pelabur, media, kumpulan masyarakat sivil, NGO, dan lain-lain. **27 libat urus** pada tahun 2024.
- **RM6.88 juta** dalam agihan zakat kepada **8,971** penerima (asnaf) dan pemegang taruh.
- Membangunkan kerjasama bermanfaat di antara rakan-rakan strategik seperti pembekal teknologi, institusi pembelajaran dan pembangunan, kumpulan komuniti dan lain-lain. **23 Rakan Strategik**.



MODAL INSAN

- **RM9.72 juta** pelaburan dalam program pembangunan dan pengekalan bakat, khususnya aktiviti profesional dan kerohanian.
- Imbuhan kompetitif dan bertanda aras, termasuk manfaat kebajikan kakitangan dan lain-lain insentif.
- Membangunkan strategi peralihan jawatan.



MODAL SEMULAJADI

- Pembangunan infrastruktur solar PV, stesen mengecaj EV, dan Laman Agro
- Penggunaan elektrik: **15,261,694.74 kWh**
- Penggunaan air: **14,621 m³**
- Penggunaan kertas: **52,113,681 halaman dicetak**

Fungsi Kami: Mengubah Input menjadi Nilai

Trend & Pembangunan Pasaran

1. Mobilisasi & Peruntukan Sumber

- Mobilisasi dana untuk pertumbuhan perniagaan pertanian.
- Peruntukan pembiayaan, pendahuluan, dan kemudahan kredit untuk pertanian.

2. Tadbir Urus & Hala Tuju Strategik

- Memastikan tadbir urus kewangan yang beretika dan telus.
- Memperkukuhkan kerangka tadbir urus dan pematuhan.

3. Libat Urus & Kerjasama Pemegang Taruh

- Memperkukuh hubungan dengan usahawan tani, SME, dan perniagaan pertanian.
- Mempromosi literasi dan keterangkuman kewangan.

4. Inovasi & Pembinaan Kapasiti

- Menginovasi produk kewangan khusus untuk keperluan perniagaan pertanian.
- Meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan pembangunan kepimpinan.

5. Operasi & Pengurusan Risiko Mampan

- Melaksanakan strategi pengurusan risiko untuk kestabilan jangka panjang.
- Memacu pengurusan alam sekitar menerusi kewangan hijau.


6. Ukuran Impak & Peningkatan Berterusan

- Mengukur impak kewangan dan sosial pembiayaan pertanian.
- Memperhalusi strategi berdasarkan maklumbalas pemegang taruh.

Peluang dan Risiko

Output Kami

BIDANG FOKUS STRATEGIK (SUSTAINABILITY FOCUS AREA, SFA)



PERKARA-PERKARA MATERIAL

MODAL KEWANGAN

- Jumlah perolehan kasar: **RM1.26 bilion**
- Keuntungan sebelum cukai dan zakat: **RM188.78 juta**
- Pulangan ekuiti sebelum cukai: **5.48%**
- Jumlah pembiayaan korporat dan komersial diagihkan: **RM1.23 bilion**
- Peratus kenaikan pendedahan pembiayaan untuk agro-makan dan pemprosesan berasaskan pada 2024: **2.70%**
- Jumlah aset: **RM22.46 bilion**

Sila rujuk seksyen 'Penyata Kewangan' pada halaman 191 laporan ini untuk pendedahan penuh.

MODAL PEMBUATAN

- Jumlah Pendaftaran AGRONet: **425,642**
- Jumlah Pendaftaran AGRONetBIZ: **50,274**
- Pengguna aplikasi perbankan mudah alih: **238,064**
- Skor kepuasan pelanggan: **85%**
- Tempat Pertama oleh PayNet sebagai Pemeroleh DNQR POS
- Urusniaga Saluran Digital: **13,635,118**
- Urusniaga Masuk QR: **8,108,451**
- Jumlah Pedagang QR baru daftar: **8,879**

Sila rujuk bab 'Pasaran Pertanian dan Prestasi Perniagaan' pada halaman 114 laporan ini untuk pendedahan penuh.

MODAL INTELEK

- Program pembangunan ACE untuk **2,675 peserta**, di mana **528 peserta** mengatasi kadar sasaran.
- Menerajui bahagian pasaran dalam agro-makanan (**27.60%**), tanaman (**23.50%**), perikanan (**56.60%**), penternakan (**23.40%**), dan pemprosesan berasaskan pertanian (**4.90%**).

Sila rujuk bab 'Pemeriksaan Masyarakat dan Komuniti' pada halaman 74, dan 'Pasaran Pertanian dan Prestasi Perniagaan' pada halaman 114 laporan ini untuk pendedahan penuh.

MODAL SOSIAL

- Melaksanakan **36** program literasi kewangan dan **46** program latihan/khidmat nasihat pada 2024.
- Melancarkan **PROBEST 1.0** dan **2.0**, dengan inisiatif 2.0 menjana **RM350,000** dan memperkasa bakat muda pertanian menerusi kerjasama dengan universiti tempatan dan rakan strategik.
- Agrobank berjaya melaksanakan pelbagai output sosial positif dan hasil untuk pemegang taruh.
- Melaksanakan **35 program urusniaga tanpa tunai** dan **18 kempen seluruh negara** untuk mempromosi literasi digital dan kesedaran urusniaga tanpa tunai.

Sila rujuk bab 'Pemeriksaan Masyarakat dan Komuniti' pada halaman 74 laporan ini untuk pendedahan penuh.

MODAL INSAN

- Skor Tinjauan Libat Urus Kakitangan: **Kadar Libat Urus: 85%, Kadar Penyertaan: 98%**
- Program latihan: **403 program**
- Kakitangan: **59.60%** tenaga kerja wanita
- Purata hari pembelajaran setiap kakitangan: **9.66 hari**
- Jumlah hari pembelajaran: **37,910 hari**
- Data komposisi tenaga kerja pada halaman 86-87 dan libat urus kakitangan pada halaman 41.

Sila rujuk laporan 'Memperkasakan Modal Insan Kami' pada halaman 86 laporan ini untuk pendedahan penuh.


MODAL SEMULAJADI

- Mengurangkan pelepasan GHG Skop 1 kepada **465.17 tCO₂e**
- Mengurangkan Penggunaan Air Kumpulan Keseluruhan kepada **14,621 m³**
- Membantu Penyelarasan Strategik & Peralihan Berperingkat kepada Sifar Bersih (SFA 5)
- Membangunkan kadar dasar pelepasan operasi dan kewangan untuk tahun kewangan berakhir 2023
- Menguatkuasa penggunaan campuran biodiesel B10 dan B20 untuk semua barisan kenderaan Bank serta memasang lampu LED jimat tenaga di Ibu Pejabat dan semua cawangan

Sila rujuk bab 'Perubahan Iklim dan Pengurusan Alam Sekitar' pada halaman 92 laporan ini untuk pendedahan penuh.

STRATEGI PERNIAGAAN DAN OPERASI KAMI

Pada 2024, Agrobank menunjukkan peningkatan kemajuan berbanding Pelan Perniagaan Strategik 2021-2025, menterjemahkan mandatnya menjadi nilai nyata di seluruh sektor pertanian Malaysia. Prestasi Bank dipandu oleh lima Bidang Fokus Strategik (SFAs) dan disokong oleh enam pemboleh operasi.



BIDANG FOKUS STRATEGIK (SUSTAINABILITY FOCUS AREA, SFA)

SFA 1

Pembangunan Pertanian yang Kukuh

Menyelaraskan aktiviti pembangunan teras Agrobank ke arah menyokong bidang tumpuan negara untuk pembangunan pertanian.

Inisiatif Strategik (antara lain):

- Pembangunan aktiviti hulu untuk sektor agro-makanan Tahap Kemandirian (SSL) rendah (lembu/daging lembu, kambing/biri-biri, tenusu dan sayur-sayuran)
- Pembangunan aktiviti pertengahan dan hiliran untuk sektor agro-makanan SSL tinggi (ayam pedaging, telur, perikanan tangkapan, dan buah-buahan)
- Pembangunan sektor pertanian pertumbuhan dan potensi tinggi – Sumber Kekayaan Baru

Modal terkesan:



Perkara-perkara material yang terkesan:



Pemegang taruh yang terkesan:



UN SDG terkesan:



SFA 2 Fokus Pelanggan yang Inklusif

Meningkatkan status pelanggan kami dalam segmen utama (khususnya golongan B40, usahawan dan pertanian-PKS baharu), menjadi rakan pembangunan kesejahteraan kewangan mereka secara menyeluruh serta memperkuat keseluruhan pengalaman pelanggan Agrobank.

Inisiatif Strategik (antaranya):

- Program pembangunan kesejahteraan kewangan untuk segmen terpinggir
- Pembentukan kerangka peningkatan mobiliti ekonomi sebagai pelan holistik jangka panjang bagi meningkatkan kesejahteraan segmen terpinggir
- Memperkukuh rangkaian khidmat nasihat menerusi Pusat Kecemerlangan Agrobank
- Menawarkan produk dan program baharu yang bersifat pembangunan – Smart Card Keluarga Peladang (jenama bersama Agrobank dan LPP)
- Memantapkan sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM) bagi meningkatkan kecekapan penyelesaian isu pelanggan

Modal terkesan:




Perkara-perkara material yang terkesan:



Pemegang taruh yang terkesan:



UN SDG terkesan:



SFA 3 Model Perniagaan Transformatif

Memperkenalkan kaedah baharu bagi Agrobank menjalankan perniagaan dengan matlamat menyokong pembangunan pertanian, menerusi pendekatan yang melangkaui amalan perbankan konvensional.

Inisiatif Strategik (antaranya):

- Pembangunan takaful tanaman untuk sektor pertanian
- Pembangunan platform pelaburan baharu
- Pembangunan e-pasaran untuk Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B)

Modal terkesan:



Perkara-perkara material yang terkesan:



Pemegang taruh yang terkesan:



UN SDG terkesan:



SFA 4 Keadaan Kewangan Mampan

Mengekalkan keseimbangan di antara impak pembangunan dan kemampanan kewangan.

Inisiatif Strategik (antaranya):

- Mengekalkan pertumbuhan runcit dan portfolio bukan mandat bagi menyokong pertumbuhan aktiviti yang dimandatkan
- Penambahbaikan ejen perbankan dengan mempertingkatkan portfolio perkhidmatan

Modal terkesan:



Perkara-perkara material yang terkesan:



Pemegang taruh yang terkesan:



UN SDG terkesan:



SFA 5 Penerapan Amalan-amalan Kelestarian

Membantu peralihan Bank dan pelanggannya ke persekitaran lebih mesra iklim.

Inisiatif Strategik:

- Pendekatan-pendekatan untuk mencapai sifar bersih

Modal terkesan:



Perkara-perkara material yang terkesan:



Pemegang taruh yang terkesan:



UN SDG terkesan:



STRATEGI PERNIAGAAN DAN OPERASI KAMI


PEMANGKIN OPERASI



KEUTAMAAN STRATEGIK

Strategi utama Agrobank berpaksikan visi jangka panjang untuk menyokong pertumbuhan inklusif, mendorong inovasi, dan memperkukuh daya tahan dalam sektor pertanian. Visi ini dibentuk menerusi Bidang Fokus Strategik yang jelas, memberi arah tematik kepada fungsi teras bank dari memajukan pembangunan pertanian hinggalah memperkasakan transformasi digital dan perubahan iklim.

Bidang fokus ini kemudian diterjemahkan kepada Keutamaan Strategik Tahunan, yang menjadi panduan bagi perancangan operasi dan pelaksanaan bank. Kesemua ini memastikan strategi Agrobank kekal jelas, berimpak tinggi, dan responsif terhadap keperluan pemegang taruh, agenda nasional, serta perkembangan ekonomi pertanian.



INISIATIF STRATEGIK UNTUK TAHUN KEWANGAN 2024

Pada 2024, perkembangan pasaran dan peralihan industri telah mempengaruhi inisiatif-inisiatif strategik Agrobank, membawa kepada tumpuan bersepadu ke atas bidang-bidang utama berikut:

Kemampuan sebagai Tonggak Pertumbuhan Teras:

Menyedari kepentingan kelestarian sebagai bidang pertumbuhan utama, Agrobank komited untuk mengembangkan portfolio pembiayaannya yang mampan. Usaha ini disertai komitmen pengurangan karbon, selari dengan matlamat alam sekitar negara.

Mengukuhkan Ekosistem Halal:

Kami mempertingkatkan fokus terhadap ekosistem halal, mengiktiraf potensi besarnya serta permintaan yang semakin meningkat untuk produk dan perkhidmatan kewangan patuh Syariah.

Memajukan Perkhidmatan Kewangan Digital:

Kemunculan penawaran digital baharu dalam perkhidmatan kewangan menuntut perubahan strategi. Agrobank menekankan pemerkasaan keupayaan digital dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang lancar, cekap, dan mudah diakses untuk pelanggan kami.

Memupuk Kerjasama Strategik:

Kami terus menekankan kerjasama strategik, memanfaatkan kekuatan unik rakan kongsi untuk memperluas capaian, mempertingkatkan penawaran, dan memberi nilai tambah kepada pemegang taruh. Pendekatan kolaboratif ini penting dalam mengemudi landskap kewangan yang sentiasa berubah.

Berikut adalah antara inisiatif strategik Agrobank yang dilaksanakan pada 2024:

Keutamaan Strategik	Inisiatif Strategik
	Memperoleh lesen untuk melaksanakan Agro-Captive Takaful Limited (ACTL) pada Sept 2024 untuk liputan takaful tanaman padi di seluruh negara, dan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dilancarkan.
	Pembangunan perniagaan baharu seperti Agro Ilham (Simpanan Poket), Akaun Emas, Hibah Hartanah.
	Menubuhkan fungsi ESG dan Perniagaan Halal di bawah pasukan perbankan Perusahaan bagi meneroka saluran-saluran perolehan baharu.
	Pembangunan program-program berkaitan kemampuan iaitu Program Pertanian Bijak Iklim dan Program Pembiayaan Kemampuan Agro yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2025.
	Bekerjasama dengan Dropee bagi melaksanakan program pembiayaan rantaian bekalan serta Digital Niaga bagi menyokong MSME menerusi program pembiayaan e-pasaran, yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2025.
	Membangunkan program pembiayaan kredit pusingan iaitu Agro eMarket Cash Line-i, yang disasarkan untuk pembelian B2B dalam e-pasaran tertutup.

STRATEGI PERNIAGAAN DAN OPERASI KAMI

Keutamaan Strategik	Inisiatif Strategik
	Bekerjasama membangunkan aplikasi penjejakan pembiayaan Credit MPOB dengan Malaysian Palm Oil Board bagi mengurangkan masa pusingan Skim Tanam Semula Pokok Kelapa Sawit, yang disasarkan untuk musim penanaman 2025.
	Pelancaran Pusat Pembangunan Komuniti pertama, di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung.
	Program Bimbingan Perniagaan - <i>Agrobank Upward Migration</i> untuk 175 syarikat, 20 program untuk 168 peserta, dan PROBEST 1.0 dengan peruntukan geran sebanyak RM1.8 juta kepada 7 universiti, untuk manfaat 96 usahawan tani muda.
	Melaksanakan 36 program literasi kewangan dan 46 program latihan/khidmat nasihat untuk manfaat 2,296 peserta.
	Memperkenalkan titik hubungan 'last-mile', termasuk tiga Bank Bergerak, tiga ATM bergerak, dan lima ATM Luar Premis.
	Melancarkan AgroTouch, titik hubungan digital baharu, pada November 2024.
	Membangunkan Pelan Transformasi Digital dan Pelan Pengurusan Data (2025-2027).
	Berjaya mengautomasi tiga proses utama: pembayaran, penyelesaian aset tetap, dan laporan migrasi pembiayaan.
	Mewujudkan kadar dasar inventori gas rumah kaca, sasaran, dan Pelan Hala Tuju Sifar Bersih (<i>Net Zero Roadmap</i>).

Kerjasama dan kolaborasi dalam Pelaksanaan Strategi Kami

Agrobank memastikan kolaborasi silang fungsi yang berkesan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif strategiknya sepanjang 2024:



STRATEGI MITIGASI RISIKO KAMI

Agrobank menangani pelbagai risiko menggunakan kerangka-kerangka yang mantap dan strategi-strategi proaktif. Pendekatan kami memastikan daya tahan menghadapi potensi gangguan di samping memanfaatkan peluang-peluang untuk mencapai pertumbuhan mampan dan menyampaikan nilai untuk pemegang taruh.

Jenis Risiko	Impak Risiko	
Risiko Operasi & Risiko Ketidapatuhan Syariah Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	a) <u>Risiko operasi</u> Mungkin menyebabkan kerugian kewangan langsung atau tidak langsung ekoran ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia, sistem, atau insiden luar. b) <u>Risiko Ketidapatuhan Syariah</u> Mungkin menyebabkan kerugian kewangan langsung atau tidak langsung ekoran kegagalan Bank mematuhi kehendak-kehendak Syariah.	
Risiko Pasaran & Kecairan Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	Turun naik kadar keuntungan, harga sekuriti pelaburan, dan kadar pertukaran asing boleh menyebabkan kerugian kewangan yang ketara, pengurangan nilai aset, serta ketidakstabilan di dalam dan luar lembaran imbalan, yang akhirnya menjejaskan keuntungan dan daya tahan jangka panjang. Kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan yang diperlukan boleh mengganggu obligasi aliran tunai, memaksa Bank untuk memperoleh pembiayaan pada kadar keuntungan yang jauh lebih tinggi, seterusnya menjejaskan keuntungan, kestabilan kewangan, dan keyakinan pemegang taruh.	
Risiko Kredit Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	Peningkatan pendedahan kepada risiko pembiayaan dan pelaburan yang tidak diurus dengan secukupnya berpotensi menyebabkan kerugian kewangan akibat ketidakupayaan pelanggan memenuhi obligasi pembiayaan mereka.	

Bagaimana Kami Menangani Risiko	Perkembangan Utama 2024	Tindakan Masa Hadapan
• Menggunakan alat-alat Kawalan Risiko & Penilaian Kendiri (RCSA/SRCSA). • Semakan berkala kerangka-kerangka dan dasar-dasar bagi mematuhi kawal selia terkini dan kehendak-kehendak perniagaan. • Membangunkan pelan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan bagi mengurangkan impak material gangguan perniagaan.	• Menjalankan dua Analisis Senario (dalam dan BNM ORSA). • Melengkapkan semaka RCSA/SRCSA untuk cawangan dan Ibu Pejabat. • Berjaya menjalankan Latihan Siber Sektor Kewangan bersama Jabatan Keselamatan Maklumat (ISD). • Meningkatkan keupayaan mengurus dan mengurangkan risiko-risiko berkaitan kepayahan di bawah Hajah dan Darurah. • Melaksanakan pelbagai inisiatif pengurusan penipuan.	• Menambahbaik Sistem Pengurusan Risiko Operasi (ORMS) untuk pengumpulan dan analisis data yang lebih baik. • Program Budaya dan Kesedaran Risiko dengan Pemilik Risiko. • Penambahbaikan Kawalan Risiko & Penilaian Kendiri (RCSA) bagi memastikan peningkatan tahap kesempurnaan, keberkesanan, dan penyeragaman merentasi fungsi perbankan terpilih. • Pelaksanaan Pelan Pengurusan Krisis serta latihan Pemulihan Bencana, menggunakan simulasi senario yang lebih komprehensif dan dipertingkatkan. • Pelaksanaan dua penilaian kes perniagaan sebenar ke atas Hajah dan Darurah yang menunjukkan kesiapsiagaan operasi Bank serta keberkesanan pembuatan keputusan dalam keadaan luar biasa. • Penambahbaikan Sistem Pengurusan Penipuan (FMS) bagi mengukuhkan keupayaan pencegahan dan pengesanan penipuan.
• Melaksanakan Polisi Pengurusan yang membolehkan pengecaman, pengukuran, dan pemantauan berterusan terhadap semua pendedahan risiko yang relevan dan material. • Memastikan fungsi pengawasan dan kawalan risiko yang berkesan wujud dan beroperasi dengan baik.	• Mewujudkan, mempertingkat, dan mengkaji risiko pasaran dan kecairan secara dalaman serta Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT). • Melaksanakan ujian tekanan kecairan bulanan. • Penilaian dan semakan Pelan Pembiayaan Luar Jangka berdasarkan senario Tahun Kewangan 2024. • Menyeragamkan rangka kerja, polisi, dan garis panduan berkaitan risiko pasaran dan kecairan.	• Menyediakan penilaian risiko bebas kepada pemegang taruh yang relevan. • Peningkatan ujian tekanan kecairan dalaman. • Pemantauan dan pelaporan berterusan ke atas penunjuk amaran awal harian.
• Mewujudkan polisi kredit yang kukuh. • Menjalankan penilaian dan pengesahan maklumat secara menyeluruh. • Mempelbagaikan portfolio. • Merangkumkan pertimbangan risiko berkaitan perubahan iklim.	• Menyiapkan klasifikasi pembiayaan berdasarkan CCPT. • Membangunkan senarai semak penilaian CCPT untuk menentukan tahap pembiayaan. • Mempertingkatkan sistem untuk merangkumkan tahap sumbangan terhadap perubahan iklim. • Melaksanakan latihan CCPT secara berkala dan merangkumkannya dalam latihan Risiko Kredit.	• Mengemaskini senarai semak penilaian terkini mengikut keperluan kawal selia dan memastikan klasifikasi pembiayaan Bank yang dilaporkan kepada BNM adalah tepat. • Mempertingkatkan latihan CCPT dengan tambahan tinjauan soal selidik untuk menilai pemahaman peserta.

STRATEGI MITIGASI RISIKO KAMI

Jenis Risiko	Impak Risiko	
Risiko Kawalan Dalaman & Pengawasan Kredit Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	Kekurangan dalam kemahiran dan pengetahuan kakitangan akibat latihan yang tidak mencukupi dan pendedahan yang terhad boleh menyebabkan kefahaman dan pelaksanaan tugas yang tidak konsisten. Proses dan prosedur yang tidak jelas, serta jurang dalam kesesuaian sistem atau penghubung pengguna, boleh menjejaskan keberkesanan pematuhan atau kecekapan operasi. Jurang dalam mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan serta dokumentasi yang sewajarnya boleh menyebabkan kecuai dalam operasi dan risiko ketidakpatuhan.	
Risiko Pemprosesan & Penilaian Kredit Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	Untuk menilai potensi risiko kerugian yang timbul akibat kegagalan pelanggan membuat pembayaran pembiayaan atau memenuhi obligasi kontrak.	
Risiko Teknologi & Siber Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	Kesan risiko siber merangkumi gangguan perkhidmatan, pendedahan data, penalti kawal selia yang besar, kehilangan kepercayaan pelanggan, dan kerosakan jangka panjang ke atas jenama.	
Pengurusan Perusahaan & Risiko Iklim Modal yang terkesan:  Perkara-perkara material yang terkesan: 	Keupayaan Bank untuk mengekalkan kestabilan kewangan, mencapai objektif strategik, dan memanfaatkan peluang pertumbuhan bergantung kepada keupayaan untuk mengenal pasti, menilai, mengutamakan, dan mengurus risiko dengan berkesan, yang jika diabaikan boleh mengganggu operasi dan menjejaskan keuntungan.	

Bagaimana Kami Menangani Risiko	Perkembangan Utama 2024	Tindakan Masa Hadapan
- Menyokong Unit Perniagaan (BU) dalam meningkatkan kualiti aset dengan mengenalpasti punca utama isu kredit pada peringkat awal. - Sentiasa menganalisis, menilai, dan memantau kualiti kredit keseluruhan untuk mengenalpasti isyarat amaran awal. - Memberi cadangan berstruktur dan berasaskan data untuk menangani jurang dalam penilaian, amalan, dan polisi. - Bekerjasama dengan pemegang taruh untuk meningkatkan pematuan prosedur dan mengukuhkan tadbir urus.	- Latihan CCPT berterusan dilaksanakan dan disepadukan dalam kurikulum latihan Risiko Kredit yang lebih meluas bagi memastikan pengetahuan dan pematuan yang konsisten. - Melaksanakan 8 Sesi Perkongsian Pengetahuan (KSS) mengenai isu utama risiko kredit dengan kerjasama ACADEMY (pasukan Pembelajaran) dan pasukan serantau. - Menerbitkan buletin dan nasihat sebagai ulangkaji. - Mempertingkatkan Carian Pihak Berkaitan (Fasa 1) melalui intranet. - Mempertingkatkan Penilaian Risiko Kualiti Kredit (CQRA) dan menyemak semula manual. - Memulakan Pemilihan Panel Juruaudit.	- Mempertingkatkan soal selidik CQRA dan merangkumkannya ke dalam PRIME. - Mempertingkatkan Carian Pihak Berkaitan (Fasa 2) dan penandaan Sistem Klasifikasi Akaun. Melancarkan Program Budaya Risiko. - Memperluas kekerapan dan capaian KSS. Merangkumkan penilaian kredibiliti Panel Juruaudit ke dalam Laporan Penilaian Kredit (CAR). - Ulasan Pasca Kelulusan dengan fokus ke atas Pernyataan Masalah. - Melaksanakan kempen kesedaran bersasar.
- Memahami perniagaan dan risiko yang berkaitan dengan jelas pada setiap peringkat. - Pembinaan pengetahuan berterusan dan kawalan kualiti dalam penilaian kredit.	- Melaksanakan lawatan tapak untuk memperluas pengetahuan industri. - Sesi Perkongsian Pengetahuan (KSS) bersama Jabatan Penyelidikan Ekonomi & Industri (EIRD) merangkumi topik seperti ternakan ruminan, ayam, dan perikanan. - Pembelajaran daripada sesi 'What Went Wrong' bagi kes-kes penjejasan terdahulu. - Pemantauan rapat ke atas Masa Pusingan (TAT) dengan analisis mingguan pada peringkat Penganalisis Kredit (CA). - Perkongsian arahan secara berkala oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kredit Pengurusan (MCC) dan Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (BCIVC) untuk meningkatkan kualiti penilaian kredit keseluruhan.	- Mempertingkatkan sesi perkongsian pengetahuan industri, kemungkinan untuk menggabungkan lebih banyak pengajaran daripada kes penjejasan. - Meneruskan pemantauan rapat ke atas Masa Pusingan (TAT) dan mengukuhkan kualiti penilaian kredit menerusi arahan yang jelas serta peringatan berkala.
- Melaksanakan kawalan teknikal menggunakan pendekatan keselamatan pelbagai lapis. - Menerapkan kawalan bukan teknikal menerusi rangka kerja tadbir urus yang kukuh. - Latihan keselamatan siber untuk pekerja. - Melaksanakan penilaian risiko dan perancangan tindakbalas insiden. - Mematuhi piawaian kawal selia dan pematuan.	- Memperkuh program penilaian risiko Bank. - Melaksanakan program Kesedaran Keselamatan Siber berterusan untuk pekerja. - Mempertingkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan melalui latihan pancingan data (phishing) dan latihan serangan siber yang meniru serangan sebenar. - Berjaya melaksanakan bengkel Pengurusan Data.	Meneruskan usaha memperkuh keselamatan siber, mengutamakan inovasi dan daya tahan dalam menghadapi landscape keselamatan siber yang sentiasa berubah-ubah.
- Menguruskan Kenyataan Selera Risiko (RAS) Bank. - Merangkumkan pertimbangan risiko berkaitan perubahan iklim ke dalam kerangka pengurusan risiko. - Membantu mesyuarat jawatankuasa risiko dan latihan berkaitan risiko perubahan iklim mengikut keperluan BNM. - Menguruskan rangka kerja, polisi, serta manual operasi dan produk Bank untuk penyeragaman.	- Meneruskan pemantauan Kenyataan Selera Risiko (RAS) Bank, termasuk ambang pendedahan risiko perubahan iklim. - Membangunkan metodologi Analisis Senario Risiko Perubahan Iklim mengikut Dokumen Polisi BNM mengenai CRMSA. - Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Polisi Dalam untuk penyeragaman.	- Melengkapkan senario risiko perubahan iklim mengikut Dokumen Polisi BNM mengenai CRMSA. - Mempertingkat inisiatif ketahanan iklim dengan melaksanakan Latihan Ujian Tekanan Risiko Perubahan Iklim Bank Negara yang pertama. - Secara berperingkat merangkumkan pertimbangan berkaitan perubahan iklim ke dalam kerangka pengurusan risiko Bank. - Secara berperingkat mempertingkatkan ambang RAS berkaitan risiko perubahan iklim.

MENGEMUDI LANDSKAP OPERASI KAMI

Sejak 2024, landskap ekonomi telah mengalami transformasi ketara, dipacu beberapa trend utama. Ketegangan geopolitik, khususnya peningkatan konflik di Timur Tengah dan potensi tercetusnya semula ketegangan perdagangan di antara AS dan China, terus menimbulkan risiko gangguan rantai bekalan global, peningkatan inflasi, serta kenaikan harga komoditi. Selain itu, kesan tertunda perubahan iklim, seperti El Niño dan La Niña, berpotensi menjejaskan hasil pertanian.

Di sebalik cabaran-cabaran ini, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kukuh, disokong permintaan domestik yang mantap, peningkatan penggunaan sektor swasta yang dipacu oleh pelbagai inisiatif kerajaan, serta aktiviti pelaburan yang berterusan daripada projek infrastruktur dan pelaburan langsung asing. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan sederhana, disokong permintaan makanan yang stabil dan inisiatif strategik nasional, manakala sistem perbankan yang lebih luas terus teguh dengan pertumbuhan pembiayaan yang mantap. Dalam industri ini, terdapat kemajuan pesat dalam pembiayaan mampan, tumpuan yang meningkat terhadap ekosistem halal, serta pelaksanaan meluas tawaran digital inovatif.

Berdasarkan konteks ini, Agrobank telah memperhalusi strateginya dalam menghadapi cabaran semasa dan memanfaatkan peluang yang ada bersandarkan tonggak utama penciptaan nilai berikut:

Menggerakkan Pelaburan Awam-Swasta untuk Pembangunan Lestari:

Menggariskan penggabungan sumber awam dan swasta untuk meningkatkan pelaburan bagi pembangunan lestari. Fokus tertumpu kepada pengenalan instrumen kewangan inovatif dan penglibatan dalam perkongsian strategik bagi menangani cabaran pembangunan dalam sektor pertanian, antara lainnya.



Meningkatkan ESG dan Kelestarian melalui Sokongan dan Kerjasama:

Bank terus memajukan pencapaian ESG dan kelestarian dengan menyokong penyelarasan sektor dan bekerjasama dengan pemegang taruh industri. Melalui pembiayaan yang disasarkan dan penglibatan dalam inisiatif peringkat kebangsaan, Bank menyumbang kepada pendekatan yang lebih konsisten dalam pengurusan risiko, pengeluaran mampan, dan integrasi ESG merentasi sektor-sektor.



Memacu Pertumbuhan Ekonomi Inklusif dan Lestari:

Mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan lestari serta melabur dalam projek-projek yang mewujudkan peluang pekerjaan, mengurangkan kemiskinan, dan memupuk kelestarian alam sekitar.



Transformasi Digital sebagai Pemangkin Integrasi Ekosistem:

Transformasi digital perlu melibatkan inovasi digital, bukan sahaja dari perspektif pengenalan penyelesaian digital baharu, tetapi juga tentang bagaimana pendigitalan akan menghasilkan integrasi lebih mendalam dengan pemain ekosistem lain.



Penciptaan Nilai Perbankan Digital Kami

Pada tahun kewangan 2024, Agrobank memperkukuh kedudukannya sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) terkemuka melalui penerapan digital yang pantas, perluasan penggunaan pembayaran QR, dan inisiatif tanpa tunai yang memberi impak bersama rakan strategik. Usaha-usaha ini telah membawa kepada prestasi cemerlang dan pengiktirafan industri:

- Bank menduduki **tempat pertama dalam kalangan IKP sebagai Pemeroleh POS DNQR**, diiktiraf oleh Payments Network Malaysia (PayNet).
- Prestasi terbaik direkodkan semasa **Acara MAHA pada September 2024**, dengan pertumbuhan 2,818.28% berbanding MAHA 2022.
- Proses pendaftaran peniaga untuk acara tersebut juga meningkat sebanyak 886.21%, dengan penyertaan **569 peniaga**.
- Jumlah transaksi digital Bank meningkat dengan ketara seperti berikut:
 - Transaksi masuk QR **meningkat 368.75% (daripada 1,729,817 kepada 8,108,451)**.
 - Jumlah transaksi Saluran Digital (Perbankan Mudah Alih, Perbankan Atas Talian, FPX) meningkat **48.82% (daripada 9,161,880 kepada 13,635,118)**.
 - Jumlah keseluruhan pedagang QR yang didaftarkan meningkat **17.92% pada 2024 berbanding 2023 (daripada 7,530 kepada 8,879)**.
- Jumlah nilai transaksi **Perbankan Mudah Alih bagi Tahun Kewangan 2024 adalah sebanyak RM2,613,633,639**.
- Sebanyak **35 program tanpa tunai** dan **18 kempen seluruh negara** telah dilaksanakan untuk mempromosi literasi digital dan kesedaran tanpa tunai. Program-program ini dijalankan dengan kerjasama rakan strategik utama (rujuk halaman 55).

Pencapaian ini menunjukkan komitmen berterusan Agrobank dalam memacu inovasi digital dan kerjasama strategik, memupuk pertumbuhan inklusif, serta beralih kepada ekosistem kewangan tanpa tunai yang lebih cekap dan berorientasikan pelanggan.

Jadual berikut memberi gambaran menyeluruh mengenai trend pasaran yang dikenalpasti serta respons Agrobank.

Trend Pasaran, Cabaran, Peluang, dan Respons Penciptaan Nilai

Trend & Pembangunan Pasaran	Penerangan & Wawasan Utama	Potensi Cabaran	Mitigasi	Peluang Penciptaan Nilai	Respons Penciptaan Nilai
KETEGANGAN GEOPOLITIK GLOBAL Strategi: SFA 1 Pembangunan Pertanian yang Kukuh Risiko: Operasi Kecairan	Ketegangan geopolitik semasa (di Timur Tengah dan ketegangan perdagangan AS-China) merumitkan lagi landskap ekonomi.	Gangguan Rantaian Bekalan Global: Berpotensi meningkatkan kos dan mengurangkan ketersediaan input pertanian (risiko operasi). Peningkatan Inflasi & Kenaikan Harga Komoditi: Boleh mengakibatkan peningkatan kos operasi bagi Agrobank dan kos pembiayaan yang lebih tinggi untuk pelanggan (risiko kewangan). Impak kepada Pemegang Taruh: Petani berdepan kos input yang lebih tinggi; pengguna pula mengalami kenaikan harga makanan.	• Pemantauan proaktif terhadap perkembangan geopolitik dan pasaran komoditi. • Diversifikasi pendedahan rantaian bekalan bagi operasi Bank. • Perancangan senario untuk menghadapi pelbagai kemungkinan ekonomi. • Memanfaatkan daya tahan ekonomi domestik untuk mengimbangi cabaran global.	• Permintaan domestik yang kukuh serta inisiatif kerajaan terus menjadi asas yang stabil bagi menyokong pertumbuhan pembiayaan. • Peningkatan perbelanjaan dan pelaburan sektor swasta membuka peluang baharu untuk pembiayaan di seluruh rantaian nilai pertanian.	Menyokong Semua Tonggak Penciptaan Nilai. Agrobank memperhalusi strateginya untuk memanfaatkan asas domestik yang kukuh dalam menghadapi potensi ketidakpastian global.
PENINGKATAN KADAR FAEDAH/KEUNTUNGAN Strategi: SFA 2 Fokus Pelanggan yang Inklusif Risiko: Kecairan SNC	Walaupun Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 3% pada tahun 2024, terdapat kemungkinan peningkatan sederhana pada 2025, yang berpotensi mempengaruhi kos pembiayaan.	Peningkatan kos pembiayaan kepada pelanggan boleh membawa kepada kadar Pembiayaan Tidak Berprestasi (NPF) yang lebih tinggi serta pengurangan permintaan pembiayaan (risiko kredit). Impak Pemegang Taruh: Pelanggan berdepan beban bayaran balik yang lebih tinggi dan akses yang semakin terhad kepada pembiayaan mampu milik.	• Ujian tekanan portfolio secara proaktif merangkumi pelbagai senario OPR. • Pemantauan kredit yang dipertingkatkan bagi segmen yang terdedah. • Penyediaan pilihan bayaran balik fleksibel atau kemudahan penyusunan semula apabila sesuai. • Diversifikasi sumber pembiayaan bagi mengurus kos dana.	• Peluang untuk menarik deposit melalui kadar yang kompetitif. • Menyusun semula produk pembiayaan sedia ada agar lebih sesuai dengan keperluan pelanggan (contohnya, kadar berubah vs. tetap) serta meningkatkan penglibatan dan kesetiaan pelanggan.	Memacu Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif dan Mampan • Menawarkan produk pembiayaan khusus dan mampu milik kepada pelbagai segmen, terutamanya golongan terpinggir.

MENGEMUDI LANDSKAP OPERASI KAMI

Trend & Pembangunan Pasaran	Penerangan & Wawasan Utama	Potensi Cabaran	Mitigasi	Peluang Penciptaan Nilai	Respons Penciptaan Nilai
PENINGKATAN KOS OPERASI Strategi: SFA 2 Fokus Pelanggan yang Inklusif Risiko: Kecairan	Kadar inflasi Malaysia mencatat kenaikan lebih perlahan iaitu 1.83% pada 2024 (berbanding 2.49% pada 2023). Namun, tekanan daripada perbelanjaan gaji, jualan & pemasaran, serta pelaburan teknologi terus berlanjutan.	Pengkikisan margin keuntungan (Risiko Kewangan). Pengurangan keupayaan pelaburan dalam bidang strategik (contohnya, teknologi, modal insan). Berpotensi menjejaskan kebajikan pekerja (semakan gaji) atau perkhidmatan pelanggan (peruntukan sumber).	- Melaksanakan program pengoptimaan kos (contohnya, automasi proses, kecekapan tenaga). - Pengurusan pembekal strategik bagi input utama. - Melabur dalam teknologi untuk meningkatkan kecekapan operasi.	Peluang untuk menawarkan lebih banyak penyelesaian kewangan kepada pelanggan yang menghadapi kos pengeluaran lebih tinggi, terutamanya PKS di kawasan luar bandar, bagi menyokong daya tahan dan pertumbuhan mereka.	Transformasi Digital sebagai Pemangkin Integrasi Ekosistem - Melabur dalam alat digital untuk automasi proses perbankan rutin (contohnya, semakan permohonan pinjaman, khidmat pelanggan); - Memulakan penambahbaikan proses pinjaman dengan membolehkan permohonan dalam talian, sekaligus menjimatkan masa dan kos.
PENINGKATAN PERSAINGAN PASARAN Strategi: SFA 1 Pembangunan Pertanian yang Kukuh SFA 2 Fokus Pelanggan yang Inklusif SFA 3 Model Perniagaan Transformatif Risiko: Kecairan Operasi SNC	Bank komersial semakin menyedari potensi komersial sektor pertanian, seterusnya meningkatkan persaingan. Persaingan dijangka bertambah sengit apabila potensi komersial sektor ini mula diiktiraf.	Tekanan terhadap margin faedah dan kehilangan bahagian pasaran. Peningkatan kos pemerolehan pelanggan. Pengurangan keuntungan untuk pemegang saham. Berpotensi menjejaskan fokus terhadap mandat IKP.	- Memperkuh cadangan nilai unik sebagai IKP berkepakaran dalam pertanian. - Meningkatkan pengalaman dan kesetiaan pelanggan. - Tertumpu kepada segmen khusus yang kurang mendapat perhatian bank komersial. - Inovasi berterusan produk dan perkhidmatan.	Pemangkin dalaman untuk pembaharuan organisasi, mendorong transformasi polisi, proses, dan prosedur bagi meningkatkan daya saing. Peluang untuk mempelajari dan mengadaptasi model yang berjaya. Matlamat untuk mencapai kecekapan kos dan operasi bagi memberikan nilai lebih tinggi kepada pemegang taruh.	Memacu Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif dan Mampan Menawarkan produk pembiayaan khusus yang disesuaikan untuk pelbagai segmen dalam industri agro-makanan (contoh: syarikat pertanian-teknologi).

Trend & Pembangunan Pasaran	Penerangan & Wawasan Utama	Potensi Cabaran	Mitigasi	Peluang Penciptaan Nilai	Respons Penciptaan Nilai
POTENSI PERKEMBANGAN POLITIK DAN PERUBAHAN DASAR Strategi: SFA 1 Pembangunan Pertanian yang Kukuh SFA 2 Fokus Pelanggan yang Inklusif SFA 3 Model Perniagaan Transformatif Risiko: Kecairan Operasi Dasar Makanan	Perubahan dasar kerajaan berkaitan sektor pertanian (contohnya, perubahan fokus, insentif cukai, bantuan kepada petani). Penekanan berterusan kerajaan ke atas keterjaminan makanan dan pengurangan bil import.	Ketidaktentuan kawal selia/dasar boleh mengganggu operasi atau menimbulkan kos yang tidak dijangka (risiko operasi). Kehilangan penjajaran strategik jika bidang fokus berubah secara signifikan. Petani/nelayan mungkin berdepan ketidaktentuan. Berpotensi menjejaskan peranan Agrobank sebagai sebuah IKP.	- Penglibatan aktif dengan pembuat dasar dan badan pengawal selia. - Pasukan khusus untuk memantau perkembangan dasar dan menilai implikasinya. - Mengekalkan fleksibiliti dalam perancangan strategik.	- Penekanan kerajaan ke atas kecukupan makanan domestik mengukuhkan dan memperluas peranan penting Agrobank dalam aspek keterjaminan makanan negara. - Peluang untuk menjadi perantara atau rakan pelaksana bagi pembiayaan, subsidi, dan geran kerajaan untuk pemegang taruh dalam sektor pertanian. - Mobilisasi pelaburan Awam-Swasta bagi Pembangunan Mampan.	Memajukan ESG dan Kelestarian menerusi Kolaborasi. Terus memanfaatkan program pembiayaan kerajaan bagi membangunkan sektor pertanian (lazimnya dengan kadar istimewa atau subsidi).
MENINGKATKAN DIGITALISASI DAN INOVASI Strategi: SFA 3 Model Perniagaan Transformatif SFA 5 Penerapan Amalan-amalan Kelestarian Risiko: Operasi Teknologi & Siber SNC	Perkembangan pesat Kecerdasan Buatan, Internet Benda (<i>IoT</i>), dan digitalisasi dalam perkhidmatan kewangan memerlukan peruntukan sumber kewangan yang lebih besar.	Kos pelaburan tinggi untuk perolehan, peningkatan, penyelenggaraan teknologi, latihan pekerja, dan keselamatan siber (risiko operasi/kewangan). Risiko teknologi menjadi usang. Peningkatan pendedahan kepada ancaman siber yang menjejaskan kredibiliti jenama dan keyakinan pelanggan (risiko teknologi & siber). Keperluan untuk memenuhi jangkaan pelanggan untuk perkhidmatan digital yang lancar.	- Pembangunan pelan teknologi strategik dengan pelaburan secara berperingkat. - Kerangka keselamatan siber yang mantap serta pemantauan berterusan. - Program latihan dan peningkatan kemahiran pekerja secara berkala. - Perkongsi dengan syarikat Teknologi Kewangan atau Teknologi Pertanian.	- Dorongan kerajaan untuk penggunaan teknologi dalam pertanian meningkatkan permintaan terhadap produk kewangan yang disesuaikan (contoh: untuk Internet Benda (<i>IoT</i>), pertanian pintar). - Memanfaatkan pembangunan produk baharu, kemasukan pasaran yang lebih pantas, peningkatan perkhidmatan pelanggan, dan capaian yang lebih luas.	Transformasi Digital sebagai Pemangkin Integrasi Ekosistem. - Melabur dalam alat digital untuk automasi proses perbankan rutin. - Menambahbaik proses permohonan pinjaman dalam talian. - Menambahbaik platform perbankan mudah alih agar mudah diakses dan mengurangkan kos transaksi. - Bekerjasama dengan syarikat fintech untuk merangkumkan Kecerdasan Buatan dan analisis 'big data' bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kewangan.

MENGEMUDI LANDSKAP OPERASI KAMI

Trend & Pembangunan Pasaran	Penerangan & Wawasan Utama	Potensi Cabaran	Mitigasi	Peluang Penciptaan Nilai	Respons Penciptaan Nilai
PERUBAHAN DALAM BIL IMPORT MAKANAN NEGARA Strategi: SFA 1 Pembangunan Pertanian yang Kukuh SFA 3 Model Perniagaan Transformatif Risiko: Kecairan	Pada 2024, bil import makanan Malaysia adalah sekitar RM78.80 bilion, manakala imbalan dagangan keseluruhan bagi sektor pertanian mencatat defisit. Kerajaan terus giat mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.	Kerentanan ekonomi akibat kebergantungan kepada import (risiko makroekonomi). Potensi turun naik harga makanan yang menjejaskan pengguna dan pengeluaran. Impak ke atas keterjaminan makanan negara, mempengaruhi keseluruhan rakyat.	• Menyokong dasar mempromosikan pengeluaran makanan domestik. • Pembiayaan tertumpu bagi meningkatkan pengeluaran tempatan. • Mempelbagaikan rantaian bekalan di mana relevan.	• Agrobank boleh menjadi perantara atau rakan pelaksana bagi pembiayaan dan bantuan kerajaan (pembiayaan mudah, subsidi, geran) untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik. • Memperkukuh peranan dalam agenda keterjaminan makanan negara.	Mobilisasi Pelaburan Awam-Swasta untuk Pembangunan Lestari. • Melaksanakan program literasi kewangan secara kolaboratif untuk petani, membantu mereka memahami akses dan penglibatan.
PERUBAHAN IKLIM DAN PEMANASAN GLOBAL Strategi: SFA 3 Model Perniagaan Transformatif SFA 4 Keadaan Kewangan Mampan SFA 5 Penerapan Amalan-amalan Kelestarian Risiko: Operasi Dasar Makanan	Peningkatan risiko fizikal seperti kenaikan suhu, kemarau, hujan berlebihan, dan banjir boleh menjejaskan hasil tanaman dan pengeluaran, seterusnya memberi kesan kepada rantaian bekalan. Impak khusus: Kesan tertunda fenomena El Niño dan La Niña. Peristiwa cuaca ekstrem yang lebih kerap dan teruk dijangka berlaku.	Impak pendapatan kepada petani dan nelayan (risiko kredit bagi Agrobank). Penyimpangan sementara dalam harga makanan asas (risiko pasaran). Petani/nelayan berdepan ancaman terhadap mata pencarian manakala pengguna menghadapi kenaikan harga makanan. Mempengaruhi kualiti aset Agrobank.	• Merangkumkan penilaian risiko iklim ke dalam polisi kredit. • Membangunkan produk pembiayaan yang berdaya tahan iklim. • Menggalakkan amalan pertanian lestari. • Melabur dalam analisis data iklim.	• Kesedaran yang meningkat terhadap kelestarian dan realiti perubahan iklim mempercepatkan penerimaan amalan pertanian lestari. • Mendorong permintaan terhadap teknologi berdaya tahan iklim untuk tujuan komersial.	Memajukan ESG dan Kelestarian Melalui Kolaborasi. • Dengan menawarkan pembiayaan untuk projek hijau, Agrobank menarik minat pelabur berimpak serta subsidi kerajaan.

JANGKAAN CABARAN-CABARAN DAN PELUANG PADA 2025

Pada 2025, ketegangan geopolitik terutamanya di Timur Tengah serta konflik Rusia-Ukraine berpotensi mengganggu bekalan minyak global secara signifikan, sekaligus mendorong kenaikan harga dan menjejaskan kos operasi. Dasar tarif Amerika Syarikat juga memberi kesan kepada perdagangan global manakala perang dagang AS-China yang berterusan membawa risiko besar; potensi gangguan kepada rantaian bekalan global ini boleh meningkatkan tekanan inflasi, seterusnya mencetuskan semula fasa ketegangan monetari. Kenaikan harga komoditi secara umum akan meningkatkan kos input bagi sektor pertanian, manakala kesan tertunda fenomena iklim seperti El Niño dan La Niña terus menjadi ancaman kepada hasil tanaman yang boleh menjejaskan portfolio pembiayaan pertanian Bank.

Di sebalik cabaran ini, prospek ekonomi kelihatan positif. KDNK Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan sederhana antara 4.0%-4.8%, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pelaburan signifikan, walaupun pertumbuhan eksport hanya sederhana. Perbelanjaan sektor swasta dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan ini, dijangka pada 5.1%, disokong oleh kenaikan gaji penjawat awam, pelaksanaan model gaji progresif dalam sektor swasta, peningkatan gaji minimum, dan pertumbuhan gaji yang stabil, semuanya disokong oleh pasaran buruh yang sihat.

Aktiviti pelaburan dijangka memperoleh momentum ketara daripada projek infrastruktur berterusan bernilai RM91.20 bilion, pelaburan besar daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) berjumlah RM120 bilion dalam tempoh 5 tahun, dan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM384 bilion daripada Rancangan Induk Industri Negara (NIMP) dan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Dalam sektor pertanian, pertumbuhan dijangka sederhana positif, sekitar 2%, didorong oleh peningkatan pengeluaran sawit, tanaman makanan, ternakan, dan perikanan. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan makanan yang stabil, peningkatan populasi, dan inisiatif strategik seperti DAN 2.0 yang bertujuan merangsang sektor agro-makanan. Sistem perbankan dijangka terus berdaya tahan, dengan jangkaan pertumbuhan pembiayaan di antara 4.5%-5.0%, disokong oleh prestasi makroekonomi yang lebih sederhana. Ini menyediakan persekitaran yang agak stabil bagi Agrobank untuk mengembangkan aktiviti pembiayaannya.



NILAI TERCIPTA

Pendekatan penciptaan nilai tahun ini, dengan tema “Membangun bersama Demi Hari Esok yang Lebih Baik”, dilaksanakan menerusi tonggak-tonggak utama bagi mengemudi landskap operasi yang semakin kompleks dan menghasilkan impak menyeluruh. Sebagai rakan pembangunan yang penting, Agrobank menjalin kerjasama dan kolaborasi yang memberi manfaat kepada pelbagai pemegang taruh.

Mobilisasi Pelaburan Awam-Swasta untuk Pembangunan Lestari

Sorotan utama:

- Bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi menyediakan latihan keusahawanan, pembinaan kapasiti, dan rundingan.
- Bekerjasama dengan penyedia khidmat pasaran digital (contoh: Dropee kini dikenali sebagai Borong) bagi mewujudkan ekosistem untuk perniagaan pertanian dan menawarkan pembiayaan serta pilihan-pilihan mampu milik kepada komuniti terpinggir.



Memperkasakan Usahawan Tani menerusi Latihan dan Bimbingan Strategik

Menerusi Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE), Bank telah melaksanakan program keusahawanan bersasar dengan kerjasama agensi-agensi nasional utama bagi meningkatkan keupayaan usahawan tani di seluruh rantai nilai pertanian. Ini termasuk inisiatif latihan khusus yang dijalankan bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), yang memperkukuh pengetahuan praktikal serta kesediaan perniagaan.

Dengan menyediakan sokongan bukan kewangan yang penting selain daripada penyelesaian pembiayaan, Bank telah menyumbang kepada pembangunan pengetahuan dan kemahiran lebih 200 peserta program, selaras dengan matlamat pembangunan sektor dan pertumbuhan inklusif negara iaitu pemeraksanaan sosial serta amalan perniagaan lestari dalam ekosistem pertanian Malaysia.

Memajukan ESG dan Kelestarian menerusi Sokongan dan Kolaborasi

Sorotan utama:

- Menyokong penyelarasan kemampuan antara sektor menerusi penyertaan dalam pembuatan panduan sektoral VBI, yang membangunkan lebih banyak pendekatan berstruktur untuk penilaian, pengukuran, dan mitigasi risiko ESG di sektor-sektor utama.
- Menggunakan klasifikasi perniagaan berasaskan CCPT untuk menilai penyelarasan klien dengan kategori-kategori peralihan iklim, lantas mewujudkan kadar dasar untuk perangkuman ke dalam proses-proses penilaian kredit pada masa akan datang.



Menyokong Pertanian Lestari dan Pensijilan

Menerusi aktiviti pembiayaannya, Bank membolehkan pengeluar sah dalam sektor sawit mengembangkan operasi selaras dengan piawaian kelestarian. Ini termasuk sokongan kepada entiti dengan pensijilan RSPO dan MSPO, serta akreditasi ISO 9001:2015 untuk operasi kilang, justeru memperkukuh pengurusan kualiti dan pengeluaran bertanggungjawab.

Dengan memudahkan akses kepada modal, Bank telah menyumbang kepada perluasan amalan-amalan sah dan meningkatkan daya tahan operasi, selaras dengan penanda aras kelestarian negara dan seterusnya memajukan hasil ESG dalam sektor yang memberi impak alam sekitar dan sosial yang ketara.

Memacu Pertumbuhan Ekonomi Inklusif dan Lestari

Sorotan utama:

- Produk pembiayaan khusus untuk pelbagai segmen dalam industri agro-makanan (contoh: petani kecil, syarikat teknologi pertanian, usahawan tani wanita). Dengan menawarkan pembiayaan untuk projek hijau, Agrobank menarik pelabur berimpak serta subsidi kerajaan.
- Menyediakan pembiayaan mampu milik kepada golongan terpinggir di kawasan luar bandar, termasuk petani kecil dan usahawan tani muda. Dengan memperluas akses kewangan kepada kumpulan ini, Bank menyokong pembangunan ekonomi dan meningkatkan keuntungan melalui pertumbuhan asas pelanggannya.



Memupuk Usahawan Tani Generasi Baru

Menerusi inisiatif PROBEST, Agrobank memudahkan golongan belia dari komuniti asnaf dan B40 merintis perjalanan sebagai usahawan tani secara sistematik, membekalkan mereka dengan kemahiran praktikal dan modal yang diperlukan untuk memulakan pertanian lestari. Ini termasuk sokongan inkubator keusahawanan menyeluruh dalam pelbagai sektor seperti penanaman tembikai, penternakan puyuh, fertigasi cili, dan ternakan rumpai laut, yang dilaksanakan secara kolaboratif dengan institusi pengajian tinggi dan rakan strategik.

Dengan memudahkan pembangunan menyeluruh dari latihan hingga pembiayaan dan pengembangan pasaran, program ini telah membentuk generasi baru petani dan usahawan tani, menghasilkan pertumbuhan pendapatan yang boleh diukur serta kejayaan dalam skala komersial. Usaha ini secara langsung menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian dan membentuk daya tahan komuniti, selaras dengan matlamat keterjaminan makanan negara dan pemeraksaan belia.

Transformasi Digital sebagai Pemangkin Integrasi Ekosistem

Sorotan utama:

- Melabur dalam alat digital untuk mengautomasi proses perbankan rutin, seperti semakan permohonan pinjaman, interaksi khidmat pelanggan, dan penyediaan laporan.
- Menambahbaik proses pinjaman dengan membolehkan permohonan dalam talian, sekaligus mengurangkan masa dan kos berkaitan interaksi bersemuka dan pengurusan dokumen.
- Menambahbaik platform perbankan mudah alih Bank, membolehkan pelanggan mengakses produk dan perkhidmatan kewangan dengan mudah, mengurangkan kos transaksi, serta memperluas asas pelanggan.



Memajukan Perbankan Digital dan Inovasi Keterangkuman Kewangan Agrobank pada 2024

Pada 2024, Agrobank meneruskan usaha transformasi digital menerusi:

1. Pembangunan platform Mobile Online Account Opening (MOAO) yang bakal dilancarkan pada S3 2025, MOAO direka untuk membolehkan warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas membuka akaun simpanan, deposit tetap, serta mendaftar untuk program SahabatAgro secara dalam talian tanpa perlu mengunjungi cawangan. Platform ini menggabungkan pengesahan eKYC (electronic Know-Your-Customer), integrasi lancar dengan AGRONet untuk pendaftaran perbankan dalam talian, serta pengalaman pengguna yang dioptimumkan untuk peranti mudah alih. Inisiatif ini akan meningkatkan kemudahan pelanggan, memperluas akses kepada program perbankan komuniti Agrobank, dan menyokong strategi jangka panjang Bank berkaitan perbankan digital dan keterangkuman kewangan.
2. AgroTouch dilancarkan pada November 2024 dan kini digunakan di 71 cawangan di seluruh negara, dengan pelaksanaan penuh dijangka menjelang S2 2025. AgroTouch membantu melancarkan pendaftaran pelanggan, dari pembukaan akaun sehingga pengeluaran kad debit, dengan beberapa transaksi dicatat sebagai antara yang terpanjang di negara ini iaitu hanya 5 minit, dengan purata masa penyelesaian 12 minit. Digitalisasi dan automasi menyeluruh serta penstrukturan semula tugas telah meningkatkan kecekapannya secara keseluruhan.

TAMBAHAN PELAPORAN KAMI

Usaha Bank juga telah menghasilkan peningkatan sosio-ekonomi yang ketara. Dengan tumpuan ke atas penciptaan dan pemeliharaan pekerjaan, inisiatif Agrobank menyokong 3,879 pekerjaan di pelbagai segmen industri. Ini menjadi tonggak utama strategi Bank untuk memperbaiki taraf hidup dan mempromosikan kestabilan komuniti luar bandar.


Program Agrobank juga telah memudahkan migrasi ke atas untuk perniagaan. Sebanyak 1,016 perniagaan telah menjalani peralihan, dengan 675 pelanggan layak untuk pakej pembiayaan yang lebih besar. Ini menunjukkan bahawa dengan sokongan Bank, perniagaan memperoleh laluan yang jelas untuk berkembang. Ini terbukti apabila 881 perniagaan mencatat peningkatan dalam penarafan kredit mereka, menunjukkan keberkesanan bimbingan dan sokongan Bank dalam memperkukuh keadaan kewangan mereka.

Juga signifikan adalah sumbangan ekonomi yang lebih meluas. Berdasarkan tinjauan ke atas kira-kira 1,300 pelanggan, perniagaan yang disokong oleh Agrobank menjana jumlah jualan kolektif sebanyak RM704.40 juta. Angka yang besar ini menekankan bahawa peranan Bank bukan sekadar menyediakan modal, tetapi juga membolehkan perniagaan berkembang dan menjana aktiviti ekonomi yang memberi manfaat meluas kepada komuniti.

Selain pembiayaan, Agrobank juga merupakan rakan penting dalam pembuatan dasar. Menerusi inisiatif strategik dan kolaborasi, Bank telah menyampaikan sebanyak 36 advokasi dasar kepada pelbagai agensi. Penglibatan ini membolehkan Bank menggunakan pengalamannya untuk memperkukuh pelan nasional bagi meningkatkan keterjaminan makanan, mempromosi gunapakai teknologi, dan menambahbaik ekosistem pertanian secara menyeluruh.

PRESTASI AKTIVITI MANDAT DAN BUKAN MANDAT BANK PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2024

Sepanjang tahun lepas, kedudukan kewangan Agrobank telah berkembang untuk menyokong pertumbuhan perniagaan serta penciptaan nilai dan kelestarian jangka panjang:




Sejak lima tahun lepas, terdapat peningkatan ketara dalam portfolio Bank, dengan aktiviti bermandat dan tidak bermandat masing-masing mengalami pertumbuhan. Walaupun aktiviti bermandat penting, aktiviti tidak bermandat juga memainkan peranan kritikal dalam memacu keuntungan Bank, terutamanya dengan cabaran sedia ada. Sektor pertanian, misalnya, berada dalam persekitaran berisiko tinggi ekoran ketidakpastian seperti tempoh pertumbuhan yang panjang, ketersediaan input yang tidak menentu, turun naik harga, wabak penyakit, dan kerentanan terhadap insiden berkaitan iklim seperti banjir dan kemarau. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan hasil dan pengeluaran, serta komitmen pembayaran balik kepada Bank. Sebagai institusi khusus, Agrobank menanggung kos operasi yang lebih tinggi apabila berkhidmat kepada komuniti luar bandar dan terpinggir. Oleh itu, pendapatan daripada pembiayaan tidak bermandat adalah penting kerana ia membolehkan Bank menawarkan lebih banyak pilihan pembiayaan bermandat kepada pelanggannya.

MELANGKAUI NILAI: MENYAMPAIKAN IMPAK TAMBAHAN MENERUSI KERANGKA PENGUKURAN PRESTASI (PMF)


PMF, yang diwajibkan oleh BNM, kekal sebagai faktor penting pembangunan keseluruhan Agrobank serta kesinambungan impaknya dalam operasi.

Menerusi penanda aras dan kehendak-kehendak PMF, Agrobank dapat mencetuskan 'nilai tambah' yang bermanfaat untuk pemegang taruh dan komuniti, yang mungkin tidak akan berlaku tanpa wujudnya kerangka ini.

Empat tambahan oleh PMF adalah:



Dengan mengambil kira empat nilai tambah ini, Agrobank berhasrat untuk terus mengoptimumkan pendekatannya dalam mencipta nilai tambahnya sendiri menerusi proses berikut:



TAMBAHAN PELAPORAN KAMI

RINGKASAN NILAI TAMBAHAN 2024

Nilai Tambah Kewangan

78%

Pertanian utama kekal sebagai portfolio pembiayaan terbesar Agrobank, dengan jumlah **RM1.997 bilion**, atau **78%** daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan untuk perniagaan.



Takaful yang diterbitkan untuk perniagaan didorong oleh perusahaan mikro dengan peningkatan sebanyak **27%** antara tahun kewangan berakhir 2023 dan tahun kewangan berakhir 2024, manakala Takaful-i Kasih menyumbang **72%** daripada jumlah Takaful yang diterbitkan untuk pelanggan runcit.



Membantu nelayan dan petani dengan pembiayaan rumah mampu milik, dengan jumlah dana **RM71.1 juta** menerusi Program Kediaman Mampu Milik-i.



Penyertaan perusahaan mikro dalam program latihan **Agrobank meningkat sebanyak 4.4 kali ganda** pada 2024 berbanding 2023.*



41% daripada peserta program literasi kewangan pada 2024 adalah golongan belia, berbanding hanya **16%** tahun sebelumnya.*



Sebanyak **440** titik akses dan **334** ejen agro disediakan agar perkhidmatan Bank dapat dicapai oleh pemegang taruh, bersifat inklusif, dan agar semua pihak mempunyai akses kepada kemudahan perbankan dan pembiayaan.

Memacu digitalisasi untuk urusniaga lebih cekap

**RM8.887 bilion**

Jumlah Nilai Transaksi (RM)
Perbankan Internet

**RM2.614 bilion**

Jumlah Nilai Transaksi (RM)
Perbankan Mudah Alih

**475,916**

Jumlah Pelanggan
Perbankan Internet

**238,064**

Jumlah Pelanggan
Perbankan Mudah Alih

* Sila rujuk seksyen 5 untuk maklumat lanjut.

Nilai Tambah Demonstrasi

Memperoleh dana daripada sektor swasta untuk perkhidmatan kepada segmen atau sektor sasaran serta memperkasakan pelanggan untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi pembiayaan komersial, di mana Bank berjaya memperoleh 12 urusniaga pendanaan kelompok (*crowd-in funding*) daripada agensi berikut (antara lainnya):



Jumlah urusniaga pendanaan kelompok (*crowd-in funding*):
Pertumbuhan **43%** kepada **RM195 juta** pada 2024

Nilai Tambah Reka Bentuk



Pekerjaan dicipta dan dikekalkan: **3,879** pekerjaan seluruh segmen



Jumlah perolehan jualan: **RM704.4 juta** dijana



Penaiktarafan peniaga (*upward migration*): **1,016** perniagaan beralih, dengan **675** pelanggan layak untuk jumlah pembiayaan lebih besar



Peningkatan penarafan kredit: **881** perniagaan menunjukkan peningkatan penarafan

Nilai Tambah Dasar



Sarawak, Sabah, Melaka/Johor, dan Kelantan/Terengganu telah menyampaikan **34** advokasi dasar kepada pelbagai agensi



Sebanyak **2** advokasi dasar telah disampaikan oleh FICB, menjadikan jumlah keseluruhan advokasi dasar yang diberikan kepada pelbagai agensi sebanyak **36**



Program Meja Bulat MIDA Biomass

Penubuhan pelan dan tindakan strategik untuk memacu pembangunan ekonomi serta penambahan nilai dalam sektor komoditi pertanian negara



Pelan Tindakan Teknologi Dron Malaysia

Memperkuh penguatkuasaan operasi dron pertanian dalam sektor pertanian dengan memperkasakan petani menerusi pensijilan



Inisiatif Memacu Teknologi 4IR

Pembangunan Pusat Aplikasi Teknologi Pertanian 4IR (ATAC) bagi memacu inovasi dalam sektor pertanian



Pelan Induk Keterjaminan Makanan Negara

Pembangunan pelan tindakan untuk mempertingkatkan sistem agro-makanan negara, agar lebih cekap, produktif, berdaya tahan, lestari, dan inklusif

PRESTASI MANDAT KAMI DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Kisah kejayaan Mohd Zul Helmi Bin Noh, seorang tenaga pengajar di Institut Pertanian Bumbong Lima, membuktikan prestasi pelaksanaan mandat Bank dalam mengembangkan kemahiran dan keupayaan. Helmi yang merupakan seorang graduan bidang Teknologi Maklumat, mengubah laluan kerjaya beliau apabila memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam tanaman pertanian. Pensijilan ini berserta penyertaan aktif beliau dalam projek penanaman tembikai melayakkan beliau menjadi tenaga pengajar kursus tanaman sayur-sayuran di Institut Pertanian Bumbong Lima, Pulau Pinang. Penyertaan dalam program Hijrah Asnaf, di mana beliau memperoleh kemahiran, ilmu, dan modal yang diperlukan untuk menjadi tenaga pengajar tanaman sayur-sayuran, menjadi pendorong utama peralihan kerjaya beliau.

Keazaman Helmi untuk mencapai kejayaan peribadi dan menggunakan kepakaran beliau untuk mencipta peluang pekerjaan untuk komuniti setempat mencerminkan hasil positif daripada strategi-strategi pembangunan kapasiti Bank yang diperincikan dalam bab ini.

Modal



Modal Pembuatan



Modal Insan



Modal Semulajadi

Perkara-perkara Material



Pembiayaan
Mampan



Perubahan Iklim
dan Pengurusan
Alam Sekitar



PRESTASI MANDAT KAMI DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

PEMERKASAAN MASYARAKAT DAN KOMUNITI

Modal



Perkara-perkara Material



Komitmen Agrobank terhadap 'Pemeriksaan Masyarakat dan Keterangan Kewangan' menjadi asas peranan kami sebagai IKP. Kami percaya bahawa masa hadapan yang lebih cerah terbina daripada daya tahan ekonomi serta kemakmuran masyarakat dan komuniti.

Melangkaui pembiayaan, strategi kami juga tertumpu kepada penciptaan impak positif yang berterusan di keseluruhan rantai nilai sektor pertanian serta masyarakat Malaysia umumnya. Ini jelas mencerminkan mandat teras kami: untuk memperkasa komuniti dan memacu nilai signifikan untuk negara.

Misi ini dizahirkan daripada nilai teras organisasi untuk memupuk potensi masyarakat. Kami komited membina keupayaan tenaga kerja kami agar mereka dapat memperkasakan usahawan tani dan komuniti di mana kami berkhidmat.





MEMPERKASAKAN USAHAWAN

Sebagai rakan strategik pembangunan usahawan, Agrobank secara aktif membantu usahawan meningkatkan keupayaan mereka selain memastikan daya maju jangka panjang. Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE), jentera latihan dalaman Bank, bertindak sebagai pemangkin pemindahan pengetahuan keusahawanan kepada petani, usahawan, dan pemegang taruh dalam rantaian nilai pertanian. Hal ini memastikan bahawa perniagaan mereka bukan sahaja menerima dana, tetapi juga kemahiran dan ilmu yang diperlukan untuk berjaya.

ACE telah melaksanakan 118 program latihan di seluruh negara pada 2024, melibatkan 2,675 peserta dari komuniti pertanian. Penyampaian dan pembangunan program-program ini juga melibatkan kakitangan Agrobank, lantas menyumbang kepada pertumbuhan profesional dan kepakaran mereka dari segi pengurusan kewangan dan libat urus komuniti. Jangkauan meluas ini mencerminkan budaya organisasi yang menekankan perkongsian ilmu serta pembinaan kapasiti. Dengan merapatkan jurang ilmu, Bank menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian yang berdaya saing dan moden. Hasil awal daripada program-program ini menunjukkan para peserta memanfaatkan kemahiran baru mereka apabila ramai peserta melaporkan peningkatan pendapatan yang ketara (rujuk kajian kes pada halaman 77).

MENYOKONG USAHAWAN TANI SECARA MENYELURUH

Kami melihat perjalanan seorang usahawan tani sebagai satu proses lengkap, justeru kami menawarkan program pembangunan usahawan dan bimbingan perniagaan secara berterusan.

Perjalanan Seorang Usahawan Tani: dari Latihan hingga Perniagaan yang Maju



LANGKAH 1: PENGETAHUAN ILMU



LANGKAH 2: KEUPAYAAN KEWANGAN



LANGKAH 3: PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Modal yang terkesan:  

Perjalanan seorang usahawan tani bersama Agrobank bermula dengan pembangunan dan pelaksanaan program-program berstruktur, lazimnya dengan kerjasama universiti-universiti, agensi-agensi, koperasi, dan komuniti. Usaha ini disokong oleh ACE yang menyediakan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan perniagaan selain pepadanan perniagaan. Fasa ini juga melibatkan pembangunan modal insan berpengetahuan menerusi pengenalan kepada kaedah digital dan pertanian moden bagi memacu inovasi masa hadapan.

Modal yang terkesan: 

Langkah seterusnya ialah mendedahkan peserta kepada kepentingan pengurusan kewangan diikuti sokongan berterusan menerusi khidmat nasihat dan bimbingan perniagaan dalam membentuk peserta menjadi pelanggan Bank.

Modal yang terkesan: 

Sebagai pelanggan Bank, kemajuan usahawan tani dipantau rapat melalui prestasi kewangan dan sasaran pembangunan yang lebih luas. Ini adalah satu pusingan maklumbalas penting yang membolehkan penambahbaikan berterusan agar latihan yang diberikan memenuhi keperluan komuniti terpinggir, di samping membuka peluang pertumbuhan baharu. Pendekatan fleksibel dan responsif ini dizahirkan menerusi pengenalan seksyen baharu untuk pembangunan Halal dalam program latihan ACE (rujuk halaman 84).



PROGRAM USAHAWAN BERSASAR

Agrobank melaksanakan pelbagai program keusahawanan bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan pelbagai segmen komuniti.

Program Pembangunan Usahawan Komuniti Berstruktur

Program ini bertujuan meningkatkan status sosio-ekonomi golongan yang kurang mendapat perkhidmatan seperti belia, asnaf (penerima zakat yang layak), serta kumpulan B40 dengan menyediakan laluan keusahawanan bagi menjana pendapatan berterusan daripada perniagaan berasaskan pertanian. Antara impak signifikan program ini termasuk pemulihan semula infrastruktur pertanian dan menghidupkan semula tanah waqaf terbiar.

Program ini berjaya menarik minat 23 rakan strategik baharu dengan nilai projek RM12.9 juta dalam bentuk aset biologi, kemudahan pertanian, serta sumbangan daripada rakan-rakan strategik korporat. Agrobank juga menerima dana padanan kewangan sosial iTEKAD berjumlah RM2.8 juta daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memperkasa usahawan mikro berpendapatan rendah menerima 10 projek pertanian berimpak tinggi pada 2024. Salah satu kisah kejayaan daripada projek ini diperincikan dalam Kajian Kes di bawah.

KAJIAN
KES

Dari Mekanik Kepada Usahawan Akuakultur

Kisah Muhammad Adib Suaidi membuktikan keberkesanan model pembangunan usahawan berstruktur Agrobank dan rakan kerjasama melalui Program Inkubator Keusahawanan Pembenihan Udang Galah.

Bekerja sebagai mekanik, beliau menyertai program ini dengan matlamat yang jelas: untuk mempelbagaikan pendapatan dan meneroka peluang perniagaan selain dari sektor automotif. Tinggal di kawasan pesisir pantai, beliau tertarik dengan potensi akuakultur namun menghadapi kekangan modal, pengalaman, dan pengetahuan industri.

Program ini yang menyediakan akses kepada modal, pengetahuan keusahawanan dan jaringan pasaran berjaya menjadikan beliau seorang usahawan akuakultur yang berkemahiran, seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan matlamat industri akuakultur negara.



Intervensi Agrobank:

Program ini menyediakan satu ekosistem sokongan menyeluruh untuk Adib. Ia menghubungkan beliau dengan pengamal industri berpengalaman dari Pusat Penternakan Udang Galah Port Dickson (PPUGPD), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), dan Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia, yang memberi kursus teori dan praktikal berkaitan:

- 1) Pengenalan kepada khususnya pembenihan udang galah.
- 2) Asas-asas perniagaan dan pengurusan kewangan.
- 3) Pengurusan projek akuakultur secara lestari.

Impak & Hasil Transformasi:

- **Pendapatan berterusan:** Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi melalui program ini membolehkan Adib menjana purata pendapatan bulanan sebanyak RM3,000, tambahan signifikan kepada pendapatan isi rumah beliau.
- **Permintaan Pasaran:** Benih Udang Galah beliau dibeli oleh Jabatan Perikanan untuk program pelepasan ke perairan umum dan juga dibekalkan kepada penternak lain di bawah bimbingan DOF.
- **Kesediaan Komersial:** Dengan tamatnya fasa inkubator, Adib kini menerima dana lanjutan untuk mara ke fasa pengembangan projek.



Saya berasa sangat bertuah kerana terpilih untuk menyertai program ini. Tajaan Agrobank telah menampung semua kos awal yang sebelumnya menjadi halangan untuk saya. Bimbingan syarikat peneraju banyak membantu. Selain mengajar teknik pembenihan udang galah, mereka juga mengajar saya cara menguruskan perniagaan. Peluang ini telah benar-benar mengubah prospek ekonomi saya.

MEMPERKASAKAN USAHAWAN

Program Pembangunan Belia Tani dalam Kalangan Siswazah (PROBEST)

Inisiatif PROBEST Agrobank, dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, memperkasakan belia dari kumpulan asnaf dan B40 menerusi latihan teknikal dan keusahawanan untuk menceburi bidang pertanian.

Program ini direka khusus untuk menyemai minat golongan belia yang berada di institusi pengajian tinggi. Melangkaui teori, PROBEST melibatkan latihan amali, khususnya Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyediakan para peserta dengan kemahiran praktikal yang kritikal untuk pertanian moden.

Pendekatan berasaskan kemahiran ini dirangka dengan matlamat jelas untuk peserta memperoleh pendapatan antara RM1,500 ke RM2,000 dengan mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi untuk menjana sumber pendapatan dari projek yang berdaya maju.

Kisah kejayaan PROBEST dalam merubah kehidupan peserta dipaparkan dalam setiap penanda bab dalam laporan tahunan ini. Jumlah agihan dana PROBEST pada 2024 adalah RM4.9 juta, manakala projek-projek utamanya disenaraikan di bawah.

Perjalanan ini akan diteruskan apabila peserta melangkah ke fasa pengembangan perniagaan dengan sokongan lanjut daripada skim Geran Usahawan Tani Muda (GAM), seterusnya memastikan prestasi perniagaan tani yang baik dan mampu menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

PROBEST 1.0 - Takaful Malaysia Berhad - Program Tembikai, Cili, Burung Puyuh (2023)**25** pesertaAgihan dana **RM978,250**

Kesemua 3 projek telah melengkapkan fasa inkubator dan bersedia menerima peserta baru pada Oktober 2025.

Program ini melibatkan para peserta dalam program Tembikai, Burung Puyuh, dan Fertigasi Cili bersama rakan-rakan strategik seperti UPM dan Takaful Malaysia Berhad. Antara hasilnya:

**Cili**

Penuaian bagi musim kedua selesai.

**Tembikai**

Semua peserta menyelesaikan fasa inkubasi.

**Burung Puyuh**

Semua peserta menyelesaikan fasa inkubasi.

PROBEST 1.0 - UiTM Jasin - Program Jagung Manis (2023)**15** pesertaAgihan dana **RM175,500**

Fasa inkubasi selesai dengan para peserta meraih pendapatan tambahan yang signifikan. 8 peserta layak ke fasa pengembangan.

PROBEST 1.0 - UMS - Program Ikan Air Tawar (2023)**15** pesertaAgihan dana **RM144,000**

Fasa inkubasi selesai dengan pendapatan RM25,318; 6 peserta layak ke fasa pengembangan.

PROBEST 1.0 - UMK - Program Ruminan & Cili (2023)**20** pesertaAgihan dana **RM728,583**

Ruminan: RM513,305; Cili: RM215,278

Fasa inkubasi selesai untuk kedua-dua projek.

Telah bermula, melibatkan beberapa kerjasama baharu:

PROBEST 1.0 - KV Pasir Puteh - Program Rumput Napier & Tembikai (2023)**15** pesertaAgihan dana **RM250,000**

Penuaian musim kedua berjumlah 3,337 biji tembikai dan 90,814 kg Napier.

PROBEST 1.0 - UniKL, Kunak, Sabah - Program Rumpai Laut (2023)**6** pesertaAgihan dana **RM300,000**

Fasa inkubasi selesai untuk tiga musim ternakan dan menanti kelulusan permohonan GAM.

PROBEST 2.0 - KV Teluk Intan - Program Tembikai (2024 - 2025)**15** pesertaAgihan dana **RM675,000**

Penyediaan rumah hijau selesai pada pertengahan Disember 2024, dan bengkel pertama dijadualkan pada penghujung Januari 2025. Takaful Malaysia Berhad menjadi pembiaya bersama projek ini.

**PROBEST 2.0 – KV Pagoh
– Program Tembikai dan
Cili Padi (2024 – 2025)**



 Tembikai	 10 peserta	 Agihan dana RM223,000
 Cili Padi	 10 peserta	 Agihan dana RM215,000

Aktiviti penanaman dijangka bermula pada 3 Januari 2025, dengan penuaian pertama pada minggu pertama Mac 2025. Takaful Malaysia Berhad menjadi pembiaya bersama projek ini.

**PROBEST 2.0 – KV Lahad
Datu – Program Makanan
Haiwan dan Cili Padi
(2024 – 2025)**



Program 1	 6 peserta	 Agihan dana RM394,990
Program 2	 10 peserta	 Agihan dana RM237,000

Hasil keluaran pertama untuk makanan haiwan dijangka pada April 2025 dan tuaian pertama untuk cili padi pada Februari 2025.

**PROBEST 2.0 – UiTM
Samarahan – Program Cili
Gronong dan Sayur-sayuran
(2024 – 2025)**



 10 peserta	 Agihan dana RM281,200
---	--

Tuaian pertama dijangka pada Mac 2025 untuk sayur-sayuran dan Mei 2025 untuk cili.

KV = Kolej Vokasional

Program dengan Kerjasama Agensi

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) ACE menjalankan 5 siri latihan keusahawanan untuk usahawan LPNM di Kedah, Johor, Terengganu, Sarawak, dan Selangor. Jumlah peserta: 148		Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ACE menjalankan 2 siri latihan keusahawanan untuk usahawan FAMA di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Jumlah peserta: 65	
---	---	--	---

Agrobank juga bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk program-program keusahawanan dengan matlamat meningkatkan kesejahteraan kewangan komuniti:

Program Pembangunan Usahawan Tekun – Jururunding bagi Program Pensijilan (Tekun) Inisiatif bernilai RM59,000 ini bermatlamat menyediakan khidmat nasihat untuk program-program pensijilan KKM (Pengusaha makanan sedia di rumah - 28 peserta, MeSTI-5 - 5 peserta). Surat tawaran dari TEKUN ditandatangani pada 5 April 2024. Aktiviti penapisan dan pemprofilan calon dijalankan di pelbagai negeri dari Jun sehingga Disember 2024 dan akan diteruskan pada Januari 2025 di Perak, Penang, Kedah, dan Perlis.
--

Agrobank menyedari bahawa pemerksaan komuniti turut melibatkan aspek kefahaman mengenai pengurusan kewangan dan bukan sekadar pembiayaan. Pada tahun 2024, komitmen ini dilunaskan menerusi kejayaan 118 program, termasuk 36 program literasi kewangan dan 46 sesi latihan dan khidmat nasihat merangkumi pelbagai modul keusahawanan dari Model Kanvas Perniagaan hinggalah pemasaran digital.

Inisiatif -inisiatif ini menyasarkan bagi meningkatkan daya tahan ekonomi menerusi penyediaan ilmu praktikal menyasarkan 2,675 peserta dari segmen-segmen utama termasuk B40, belia, Bumiputera, wanita, komuniti luar bandar, dan komuniti kelainan upaya. Ia bermatlamat merapatkan jurang pengetahuan berkaitan keterangkuman dan peluang kewangan.

MEMPERKASAKAN USAHAWAN

Program Bimbingan Perniagaan - Agrobank Upward Migration

KAJIAN
KESEncik Mittun Bharathi
Jeyagobi

Ipoh, Perak



Ipoh, Perak

**GREEN YARD
SDN BHD**(Pembekal Sayur-sayuran
dan Barangan Runcit)

Green Yard Ent, dimiliki oleh Encik Mittun Bharathi Jeyagobi, bermula sebagai pembekal sayur-sayuran dan barang-barang runcit pada 2017 di sebuah lot kecil di Pasar Besar Ipoh. Tanpa sebarang simpanan, beliau berusaha mendapatkan pembiayaan pertama dari Agrobank berjumlah RM50,000, institusi perbankan pertama yang meyakini visi dan potensi perniagaannya.

Bermula dengan jualan tahunan sebanyak RM360,000 dan hanya menggunakan sebuah kenderaan untuk kerja penghantaran, perniagaan beliau berkembang stabil. Pada 2020, beliau memperoleh pembiayaan tambahan sebanyak RM100,000 sebagai modal bekerja bagi menyokong operasi harian.

Kini, Green Yard Sdn Bhd memiliki tiga kedai dan tiga lori penghantaran, yang juga digunakan sebagai iklan bergerak. Syarikat ini menjadi pembekal untuk jenama-jenama tersohor seperti Marrybrown, The Chicken Rice Shop, dan Pelita Nasi Kandar, serta pelbagai restoran tempatan.

Penyertaan dalam Program Bimbingan Perniagaan Agrobank memberi pendedahan kepada Teknik penjenamaan, pemasaran, dan pengurusan kewangan. Atas saranan menambahbaik profil syarikat dan melaksanakan iklan bergerak menggunakan kenderaan syarikat, jualan tahunan melonjak kepada RM4.11 juta dalam tempoh setahun, menunjukkan impak positif nyata bimbingan yang diterima.

Encik
Munidoraisingam
A/L MuniandyTambun dan
Sungai Siput

Gerik

**DSM SRI JAYA**(Pembekal Buah-buahan
dan Sayur-sayuran)

Encik Munidoraisingam (Dorai) menanam sayur-sayuran seperti timun, bendi, terung, cili, dan lain-lain, dan menjual hasil tanaman ini ke pasar borong Ipoh menerusi pemborong tetap. Selain itu, beliau juga menanam pokok durian, pisang, jambu batu, dan markisa di Tambun dan Sungai Siput. DSM Sri Jaya juga meluaskan lagi potensi perniagaan apabila menjual benih pokok durian yang sering mendapat permintaan yang tinggi.

Encik Dorai merupakan peserta dalam Program Bimbingan Perniagaan Agrobank pada 2023 dan telah menerima pembiayaan tambahan telah menerima pembiayaan tambahan sebanyak RM100,000. Hasil dari program tersebut, beliau mencatat peningkatan 17% dalam jualan.

Encik Zaidi B. Mohd
ZainalTasek Gelugor,
Pulau Pinang

Kepala Batas

**SKM AGRO
VENTURE**

Encik Zaidi memulakan perniagaan usaha tani pada 2012. Tumpuan awal beliau adalah projek penanaman pokok pisang dan ubi kayu di atas tanah 20 ekar, di samping penternakan lembu dan kambing. Perubahan strategik berlaku pada 2024 apabila beliau membeli mesin memproses makanan haiwan bagi menghasilkan dedak makanan haiwan untuk ruminan dan ayam. Inovasi ini meningkatkan jualan, mengurangkan kos operasi, dan menyokong usaha niaga baharu menternak 3,000 ayam.

Hasil bimbingan menyeluruh Program Bimbingan Perniagaan Agrobank (2023 - 2024), jualan perniagaan ini melonjak 68%, dipacu pengurusan yang lebih teratur dan kepelbagaian segmen. Program ini juga telah membantu tiga anak Encik Zaidi, bermula dengan anak perempuan beliau Cik Siti Nur Atikah Zaidi, mempelajari kemahiran kewangan, pemasaran, dan pengurusan perniagaan. Encik Zaidi telah menyerahkan sebahagian besar pengurusan perniagaan dan operasi ladang kepada anak-anak beliau, dibantu lima kakitangan. Matlamat seterusnya adalah untuk mengkomersialkan palet makanan haiwan.



 Encik Leong Main Kong

 Ulu Yam, Selangor

 Kuala Lumpur



RESTORAN LAN JE SDN BHD

(Restoran Tilapia Hitam
9 cawangan & Penternakan
Tilapia Hitam)

Hidangan utama Restoran Lan Je Sdn Bhd adalah masakan berasaskan ikan tilapia hitam. Perniagaan ini memiliki 13 cawangan di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, dan Pulau Pinang. Encik Leong Main Kong merupakan peserta program Agrobank Program Bimbingan Perniagaan pada 2024. Selain perniagaan restoran, beliau juga mengusahakan kolam tilapia di atas tanah seluas 3 ekar di Ulu Yam untuk memenuhi permintaan pelanggan di rangkaian restoran miliknya sekaligus membantu mengurangkan kos bahan mentah dan meningkatkan keuntungan.

Hasil penyertaan beliau di dalam program ini, syarikatnya telah berjaya menambah cawangan restoran baharu manakala jualan melonjak RM4 juta kepada RM11.1 juta pada 2024, berbanding RM6.6 juta pada 2023.



 Encik Boey Jin Wern

 Seri Kembangan

 Salak Tinggi



VETFEED NUTRITION SDN BHD

(Pengeluaran dan
pemprosesan makanan
haiwan)

Vetfeed Nutrition Sdn Bhd memproses dan mengeluarkan makanan haiwan menggunakan formulasi sendiri dan membekalkan ke ladang-ladang penternakan utama di seluruh Malaysia. Namun jualan syarikat mengalami kemerosotan ketara ekoran persaingan sengit pasaran dan peningkatan kos import bahan mentah.

Menerusi program Program Bimbingan Perniagaan Agrobank, syarikat ini menerima bimbingan strategik untuk mempelbagaikan aliran pendapatan dengan memohon tawaran tender pembekalan kerajaan. Intervensi ini berjaya meningkatkan jualan sebanyak RM700,000 kepada RM3.3 juta pada 2024 berbanding RM2.6 juta pada 2023. Sejak itu, syarikat telah menerima pembiayaan tambahan sebanyak RM1 juta daripada Agrobank bagi menyokong strategi pertumbuhan baharunya.



 Encik Mohd. Shamil Zulkifli

 Sungai Petani, Kedah

 Guar Chempedak, Kedah



SBZ LEGACY ENTERPRISE

(Vendor Produk Makanan Laut)

Encik Shamil menjalankan perniagaan makanan laut di pasar awam Tikam Batu, Sungai Petani, merangkumi ikan, udang, sotong, dan ketam. Untuk meluaskan capaian pasaran dalam segmen pelanggan perniagaan, beliau mempromosikan syarikatnya secara aktif dan konsisten di platform media sosial seperti TikTok (Jon Ikan Tikam Batu).

Penyertaan dalam Program Bimbingan Perniagaan (2023-2024) menjadi pemangkin kepada lonjakan luarbiasa perniagaan beliau. Menerusi bimbingan strategik, jualan perniagaan Encik Shamil melonjak daripada RM2.5 juta pada 2023 kepada RM9 juta pada 2024, peningkatan sebanyak RM6.4 juta. Kejayaan ini merupakan hasil strategi perniagaan yang ditambah baik dan penggunaan platform media sosial untuk mendekati pelanggan secara berterusan. Antara inisiatif-inisiatif utama termasuk pelanjutan masa operasi sehingga malam, dan menawarkan variasi produk dengan tambahan ayam, daging, dan lain-lain barangan basah pada sebelah petang.

Selain itu, pembelian mesin pembuat ais batu telah berjaya mengurangkan kos operasi, sekaligus meningkat keuntungan bersih sebanyak 20%.

PELABURAN KOMUNITI

Dasar kami adalah untuk memberikan manfaat jangka panjang kepada komuniti sasaran yang terpinggir. Penglibatan aktif dengan pihak pemegang taruh merangkumi pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk memperkasa golongan berpendapatan rendah serta komuniti terpinggir kerana kelangsungan dan kemakmuran hidup mereka merupakan penanda aras kepada kemajuan sosial negara. Komitmen dari rakan strategik yang menyokong dasar dan misi kami telah merancakkan lagi penyertaan komuniti sasaran ini dalam sektor pertanian di Malaysia.

PROGRAM KERJASAMA DENGAN KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

Intervensi kami secara langsung menyokong segmen pembangunan dalam komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan. Justeru, di samping menyediakan perkhidmatan kewangan, kami juga secara aktif merubah kehidupan komuniti ini dengan menyediakan peluang membina sumber pendapatan yang mampan dan menyertai lanskap ekonomi yang lebih meluas. Kerjasama strategik kami didokong oleh metrik ukuran impak yang jelas bagi memastikan intervensi yang berkesan dan bermakna.

Program Hibah Profit ECER-Agrobank



Dikendalikan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), program ini menawarkan rebat kadar keuntungan 50% kepada usahawan mikro dan komuniti B40 yang layak. Program ini adalah manifestasi mandat pembangunan Bank bagi memupuk pembangunan ekonomi dan sosial komuniti terpinggir. Ia telah menyediakan rebat kadar keuntungan sebanyak RM1.77 juta daripada pembiayaan berjumlah RM72 juta untuk 2,655 penerima.

Majlis Agama Islam Negeri Johor di Melaka & Johor



Menerusi kerjasama Agrobank dan MAINJ, takaful perlindungan kemalangan disediakan untuk 22,000 golongan asnaf dan komuniti B40. Kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri ini membolehkan Agrobank menyediakan perlindungan di saat kecemasan untuk isi rumah yang terjejas. Ini membuktikan komitmen Bank terhadap pembangunan daya tahan komuniti yang lebih inklusif dan terjamin.

Pendigitalan Rekod Ladang Usahawantani oleh Kapitani di Kelantan & Terengganu



Sebagai sebahagian Program Pembangunan Usahawan Komuniti Berstruktur, Agrobank melancarkan Pendigitalan Rekod Ladang Usahawantani dengan kerjasama Kapitani. Program ini memperkenalkan sistem pengurusan dan penyimpanan rekod ladang secara digital, merangkumi kemahiran asas seperti sistem penjadualan tanaman dan jejak rekod kewangan. Menerusi inisiatif ini, Agrobank berhasrat memperkasakan komuniti pertanian yang kurang mendapat perkhidmatan dengan pengetahuan digital dan literasi kewangan agar mereka lebih bersedia untuk menerima peralihan ke arah pertanian moden.

Latihan kewangan untuk segmen terpinggir



Semasa tahun tinjauan, latihan kewangan telah memberi manfaat kepada:



308
peserta
belia

137
peserta
B40/Asnaf

Pelajar sekolah
(7-12 tahun):
1,907
peserta

KHIDMAT KEWANGAN BERASASKAN KOMUNITI

Agrobank juga menawarkan khidmat kewangan komprehensif khusus untuk menyokong keperluan unik komuniti pertanian. Tawaran ini dipertingkatkan pada tahun 2024 dengan penubuhan Pusat Pembangunan Komuniti (CDC) pertama di Tunjung, Kelantan.

Pelancaran Pusat Pembangunan Komuniti (CDC)

Antara sorotan utama pada 2024 adalah pelancaran CDC pertama Agrobank di RTC Tunjung, Kelantan. Selain menawarkan khidmat perbankan lazim, pusat sehati ini juga menyediakan khidmat sokongan penting seperti klinik perniagaan. Dilengkapi dengan Penasihat Pembangunan Komuniti (CDA), CDC ini telah merekodkan jumlah deposit yang signifikan, membuktikan nilai dan kebolehcapaiannya untuk komuniti luar bandar. Kejayaan ini menggariskan keupayaan sokongan setempat dan menyeluruh dalam memupuk daya tahan ekonomi komuniti. **Pada Disember 2024, CDC ini telah menerima 81 permohonan dan mengagihkan pembiayaan berjumlah RM3,970,000.**



81

permohonan
diterima



RM3,970,000

pembayaran diagihkan

Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dan Agro Captive Takaful Limited (ACTL)

Dilancarkan pada September 2024, STTP berserta ACTL menggariskan pendekatan inklusif Agrobank dalam menyediakan perlindungan kewangan untuk segmen pesawah terpinggir dan rentan. Ini membuktikan kemajuan signifikan dalam menyampaikan khidmat kewangan kepada kumpulan yang seringkali diabaikan ini.


Menyedari risiko-risiko dalam penanaman padi, STTP patuh Syariah ini menawarkan perlindungan kritikal sehingga RM3,000 untuk bencana alam dan RM1,500 untuk serangan serangga perosak/penyakit bagi setiap hektar pada setiap musim, mengatasi dana bantuan bencana sedia ada. Skim mudah akses ini adalah untuk semua pesawah warga Malaysia yang berdaftar, berusia 18 tahun ke atas, dan merupakan pemegang akaun Agrobank. Pendaftaran mudah boleh dilakukan menerusi pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) setempat. Subsidi penuh kerajaan untuk premium tahunan sebanyak RM120 bagi setiap hektar untuk tahun pertama menggalakkan lagi pendaftaran. **STTP akan memberi manfaat kepada 200,000 pesawah di seluruh negara, di mana lebih 130,000 sudah menjadi pemegang akaun Agrobank.**



Akan memanfaatkan
200,000
pesawah seluruh negara



130,000
pesawah telah mendaftar
sebagai pemegang akaun
Agrobank



Skim Mikro Kredit Sarawak

Di Sarawak, Agrobank menerajui beberapa program pembiayaan untuk aktiviti usahawan mikro termasuk dana berjumlah RM72 juta untuk Skim Mikro Kredit Sarawak, dengan dana tambahan sebanyak **RM4 juta**. Seramai **3,077** pelanggan mikro telah menerima perkhidmatan pada 2020-2024. Dana tambahan sebanyak RM5 juta juga diperuntukkan oleh kerajaan untuk tahun 2025.

Bawong, Perak

Juga signifikan ialah kehadiran Agrobank dalam komuniti Orang Asli. Di Bawong, inisiatif Bank telah menghasilkan **7 juta urusaniaga dan RM2 juta dalam deposit menerusi pembukaan 2,830 akaun baharu**, bukti jelas usaha keterangkuman dan pemeraksanaan kewangan Bank.



Inisiatif Bank Bergerak di Sabah

Inisiatif Bank Bergerak kami telah membawa khidmat perbankan asas kepada komuniti di kawasan terpencil di daerah Beaufort, Ranau, dan Keningau. **Inisiatif ini merekodkan 203,307 urusaniaga akaun pada tahun 2024.**



Agrobazaar, Selangor

Memacu Pertumbuhan Inklusif di Selangor, Agrobank telah membudayakan pembangunan mandat melalui peranan Bank dalam ekosistem ekonomi rantau ini. Antara sorotan utama adalah mobilisasi deposit kos rendah untuk Agrobazaar sepanjang bulan Ramadan. Ini menunjukkan sinergi strategik di antara kehadiran fizikal dan tawaran digital kami dalam menjangkau segmen pertanian khusus (dari pekebun kecil hinggalah usahawan tani bandar) dan menyalurkan modal bagi memacu pertumbuhan perniagaan serantau yang mampan.

Peluasan Titik Akses

Di Sarawak, strategi Agrobank tertumpu kepada keterangkuman kewangan dan pemodenan pertanian. Kami secara strategik meluaskan jangkauan fizikal menerusi pejabat-pejabat daerah di bawah Kerajaan Negeri. Ini memastikan akses kepada khidmat perbankan asas walaupun di kawasan-kawasan terpencil.

Kami juga menyokong transformasi pertanian dengan membiaya gunapakai tanaman berhasil tinggi seperti varian nenas MD2 SG1. Kejayaan pendekatan bersepadu ini mencerminkan metrik lapangan yang kukuh. Menerusi perkhidmatan ATM bergerak, kami merekodkan pertumbuhan deposit yang memberangsangkan dari pelanggan luar bandar selain peningkatan tiga kali ganda dalam urusaniaga perbankan digital. Ini menandakan kesan mendalam usaha keterangkuman kewangan dan penggunaan teknologi oleh Bank.



PELABURAN KOMUNITI


PAKEJ PEMBIAYAAN MENYOKONG SEKTOR PEMBANGUNAN

Sebagai bank peneraju negara untuk sektor pertanian, Agrobank terus memperkenalkan pakej-pakej pembiayaan yang menarik, khusus untuk menyokong sektor dan segmen yang berpotensi tinggi untuk pembangunan. Inisiatif ini mencerminkan wawasan dalam memacu amalan pertanian moden dan progresif di seluruh negara. Bagi tahun 2024, tumpuan utama diberikan kepada advokasi penerimaan teknologi pertanian, sekaligus memperkasa perniagaan untuk beralih kepada amalan lebih lestari, disokong dana berjumlah **RM460 juta termasuk RM250 juta menerusi Inisiatif Ekonomi Madani**.

Pada tahun tinjauan, Agrobank melancarkan beberapa dana utama bagi memperkukuhkan sektor pertanian:



Usaha Agrobank ini termasuk perangkuman teknologi bagi memperkasa penerima manfaat.



Dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Agrobank menjadi rakan pembiaya utama untuk pembangunan alat penjejakan permohonan pembiayaan eCredit MPOB, khusus bagi mengurangkan tempoh pusingan untuk Skim Tanam Semula Pokok Kelapa Sawit.

Kerjasama ini menawarkan pembiayaan sehingga **RM18,000 sehektar untuk penanam sawit kecil** dan bertujuan mengurangkan tempoh pusingan untuk musim penanaman 2025. Ini penting untuk mempertingkatkan produktiviti industri sawit Malaysia, kerana masa pemprosesan yang lebih pantas bermakna akses dana yang lebih cepat untuk penanam sawit kecil, lantas membolehkan mereka menanam semula pokok sawit dan mengurangkan tempoh kehilangan pendapatan.

MEMACU INOVASI DAN KESEDIAAN MASA HADAPAN

Agrobank terus memacu inovasi bagi melindungi masa hadapan sektor pertanian. Keutamaan strategik dirangkumkan ke dalam Pelan Perniagaan Tahunan dan Strategik, dengan pemantauan ketat bagi memastikan matlamat tercapai.



HASIL DAN IMPAK SOSIAL

Sebagai sebuah IKP, Agrobank menjadi pemangkin transformasi strategi nasional menjadi realiti di akar umbi. Penyelarasan mandat kami dengan keutamaan dan matlamat pembangunan negara menghasilkan keterjaminan makanan dan daya tahan ekonomi untuk Malaysia.



Pembangunan dan Pemodenan Sektor Pertanian
Termasuk memupuk pertumbuhan sektor dan rantaian nilai, mempromosi sistem makanan yang lebih baik dan cekap, dan memacu penggunaan serta pemodenan teknologi dalam komuniti pertanian.

Intervensi Utama

- Pakej Pembiayaan (DPA 3, DPPAM)
- Kerjasama eCredit MPOB

Hasil Utama

Pemodenan: Penggunaan tanaman agroteknologi & berhasil tinggi yang dibiaya.

Produktiviti: Tempoh penanaman semula yang lebih cepat untuk penanam sawit kecil menerusi eCredit MPOB.



Pembangunan Bumiputera dan Matlamat MADANI
Program khusus untuk memperkasa komuniti Bumiputera dan menyumbang kepada agenda MADANI.

Intervensi Utama

- Pembangunan Komuniti Usahawan Berstruktur
- Rebat Kadar Keuntungan ECERDC
- PROBEST untuk Belia B40/Asnaf

Hasil Utama

Pemeriksaan Ekonomi: Pertumbuhan pendapatan yang signifikan untuk peserta B40/Asnaf.



Pencapaian Mandat dan Keterangkuman Kewangan
Bank berusaha memenuhi mandat pembangunannya dengan meluaskan akses khidmat kewangan untuk segmen terpinggir di samping memastikan daya maju jangka panjang.

Intervensi Utama

- Program Bimbingan Perniagaan 2024
- CDC di RTC Tunjung, Kelantan
- STTP
- Inisiatif Bank Bergerak

Hasil Utama

Pembangunan berkaitan Mandat: 185 syarikat mendapat manfaat daripada Program Bimbingan Perniagaan 2024, dengan pelaksanaan 594 sesi bimbingan dan 34 sesi latihan; RM3.97 juta diagihkan menerusi CDC.
Daya Tahan: 50,000 pesawah mendaftar dengan STTP.

Keterangkuman Kewangan: 203,307 urusanniaga perbankan hasil inisiatif Bank Bergerak.



Memacu Saluran Perniagaan Digital
Inisiatif ini merangkumkan PMKS dan peladang ke dalam ekonomi digital menerusi penyediaan platform dalam talian dan alatan perniagaan digital. Peralihan dari kaedah tradisional mencipta saluran-saluran yang lebih cekap dan mampan untuk peluang pembiayaan baharu serta pembuatan keputusan berasaskan data.

Intervensi Utama

- Digital Niaga dengan Dropee
- Pendigitalan rekod ladang dengan Kapitani

Hasil Utama

Digitalisasi: PMKS mengakses RM300 juta dalam pembiayaan rantaian bekalan menerusi Digital Niaga.

Keupayaan: Para peladang menggunakan kaedah penyimpanan rekod digital untuk pengurusan kewangan yang lebih baik.



Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Negara
Agrobank secara aktif menyumbang kepada unjuran pertumbuhan positif KDNK negara untuk tahun 2024 serta unjuran pertumbuhan positif KDNK pertanian pada tahun 2025, di samping pengukuhan Ringgit.



Menguuhkan Status Perbankan Islam dan Halal Malaysia
Sebagai institusi perbankan Islam penuh sejak 2015, Agrobank beroperasi di bawah prinsip Syariah, dan industri Halal adalah sebahagian daripadanya, merangkumi makanan dan minuman, kosmetik, farmaseutikal, logistik, dan perkhidmatan, semuanya berpandukan syariat Islam.

Intervensi Utama

- Seksyen Pembangunan Halal (ACE)
- Khidmat nasihat & pembiayaan untuk Pensijilan Halal

Hasil Utama

Pertumbuhan Sektor: Sokongan komprehensif untuk perniagaan mencapai dan mengekalkan pensijilan halal, justeru menyumbang kepada ekosistem halal yang lebih meluas.



MEMPERKASA MODAL INSAN KAMI

Pada 2024, Agrobank secara proaktif dan berterusan memupuk bakat dan tenaga kerja berkemahiran, komited, dan dipacu nilai, sejajar dengan matlamat kelestarian menerusi inisiatif-inisiatif pembangunan dalaman dan pemerkasaan komuniti. Komitmen padu terhadap pemerkasaan kakitangan dipacu menerusi pelantikan-pelantikan strategik kepimpinan Sumber Manusia Bank serta penyertaan aktif dalam pelbagai program pembangunan dan latihan.

TUMPUAN STRATEGIK KE ATAS MODAL INSAN


Tumpuan strategik ini dizahirkan menerusi perluasan peranan kepimpinan utama dalam fungsi Sumber Manusia. Perlantikan kakitangan sumber manusia ditugaskan dengan mandat menerajui inisiatif-inisiatif strategik Sumber Manusia, memupuk bakat, memacu pembangunan organisasi, dan meningkatkan kekerapan libat urus kakitangan. Selain itu, Ketua Pegawai Sumber Manusia bertanggungjawab menerajui strategi modal insan, pembangunan bakat, dan transformasi organisasi, dengan matlamat menarik minat dan mengekalkan bakat cemerlang. Pelantikan-pelantikan ini menggariskan komitmen Agrobank dalam memperkukuhkan keupayaan dalaman dan tumpuan ke atas kakitangan sebagai aset kritikal.

MEMBENTUK TENAGA KERJA BERKEPELBAGAIAN


Agrobank mengambil tenaga kerja yang cekap, serba boleh, dan seimbang dalam semua aspek operasinya, memberi kepercayaan kepada golongan profesional berbeza jantina, kepercayaan, dan latar belakang untuk memperkasakan bank menerusi kemahiran dan pengalaman unik masing-masing.

Pada penghujung 2024, tenaga kerja Agrobank adalah terdiri daripada:

Statistik Kakitangan (2024)



Tahap Jawatan mengikut Umur



PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Modal insan kami adalah pemacu utama penciptaan nilai Agrobank. Kami komited dalam memastikan bahawa kemahiran dan pengetahuan mereka selaras dengan keperluan terkini industri dan sektor.

Sejajar dengan matlamat ini, Agrobank giat melaksanakan pelbagai program pada tahun 2024 bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan warga kerja kami. Antara pencapaian utama ialah pensijilan 32 kakitangan Agrobank dalam Program Sijil Pertanian Agrobank-Universiti Pertanian Malaysia (UPM) 2024, yang mencerminkan pelaburan langsung pengukuhan pengetahuan pertanian dalam kalangan tenaga kerja kami.

Sebagai sebahagian daripada komitmen seluruh industri (IWC) untuk memperkukuh profesionalisme dalam Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) di Malaysia, Agrobank terus komited dalam memastikan bahawa warga kerja di fungsi kritikal khususnya Kredit, Risiko, Audit, dan Pematuhan memperoleh pensijilan serta kelayakan khusus yang berkaitan. Setakat tahun 2024, seramai 168 kakitangan berjaya mendapatkan pensijilan tersebut, manakala 178 lagi sedang mengikuti Kelayakan Pegawai Bank Bertauliah Tahap 1, 2 dan 3 anjuran Asian Institute of Chartered Banker (AICB).

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kepesatan pendigitalan telah mengubah persekitaran kerja dan pengurusan sumber manusia di Agrobank. Peningkatan keupayaan digital menjadi aspek penting dalam membangunkan pakar subjek yang dapat memacu transformasi digital, baik dari sudut teknologi mahupun budaya kerja secara menyeluruh, justeru meningkatkan produktiviti. Selaras dengan matlamat ini, Agrobank berjaya melahirkan 77 pakar subjek bertauliah dalam bidang Konten dan Keselamatan Digital.

Bagi memastikan pembelajaran dan pembangunan berterusan kakitangan, Agrobank memanfaatkan Kerangka Kemahiran Masa Hadapan (FSF) bagi Sektor Kewangan Malaysia sebagai panduan untuk memperkukuh strategi pembangunan keupayaan masa hadapan. FSF merupakan inisiatif industri yang dipimpin oleh *Asian Institute of Chartered Banker (AICB)*, *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)*, dan *Malaysian Insurance Institute (MII)*.



Pelaburan dalam aktiviti pembelajaran dan pembangunan kakitangan

RM9.72 juta



Jumlah program dilaksanakan

403 program



Purata hari belajar setiap kakitangan

9.66 hari



Purata pelaburan ke atas pembelajaran dan pembangunan setiap kakitangan

RM2,478

MEMPERKASA MODAL INSAN KAMI

Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian

Agrobank menyedari kepentingan pengurusan bakat dan pelan penggantian dalam memastikan peralihan yang lancar dan pengekal kekuatan organisasi. Cabaran utama yang dikenalpasti ialah kekurangan keupayaan atau jurang kemahiran pada tahap jawatan tertentu. Bagi menangani isu ini secara proaktif, Bahagian Sumber Manusia Agrobank telah memulakan strategi pelan penggantian pada tahun 2024, dengan pelan untuk program-program lanjutan bermula tahun 2025 dan seterusnya.

Agrobank telah melaksanakan beberapa intervensi strategik terkini bagi membantu meningkatkan daya saing dan mengurangkan masalah kehilangan bakat, termasuk:



PENCAPAIAN STRATEGIK PADA 2024

Pada 2024, beberapa pencapaian signifikan telah memperkukuh aliran bakat kami:



Pelan Penggantian


Bank mengenalpasti jawatan-jawatan kritikal pada peringkat Ketua dan Ketua Bahagian, justeru mewujudkan aliran bakat berpotensi sebagai sebahagian daripada pelan penggantian strategik kami.



Program Bakat Muda (YTP)

17 pegawai Agrobank berjaya menamatkan YTP Kohort 2022, melibatkan 4 modul khusus bagi memperkukuh pengetahuan mereka mengenai perniagaan dan operasi Agrobank. Graduan YTP bagi kohort ini menyertai kumpulan bakat-bakat dalaman yang semakin berkembang, bersedia untuk peranan kepimpinan dalam Agrobank.

Wajib





Program Anugerah Biasiswa (*Scholarship Award Programme, SAP*)

Program Anugerah Biasiswa (*Scholarship Award Programme, SAP*) Agrobank adalah pelaburan strategik untuk mendapatkan bakat masa hadapan. Ia menyediakan sokongan kewangan asas untuk pelajar cemerlang dari keluarga kurang bernasib baik. Sepuluh pelajar terpilih pada 2024 mewakili generasi baharu pegawai bank profesional, dipupuk menerusi SAP untuk menjadi individu berprestasi tinggi. Inisiatif ini menjamin aliran bakat berterusan.



Wanita mewakili

59.6%

daripada keseluruhan kakitangan



Tempat Kerja Pilihan

Sejajar dengan usaha memperkasakan komuniti, Agrobank melabur dalam kesejahteraan dan pembangunan profesional semua kakitangan dengan menggalakkan persekitaran kerja yang adil serta menghargai dan menghormati setiap individu. Kami menyedari bahawa tenaga kerja yang bermotivasi dan disokong lebih bersedia untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang pelbagai.

Agrobank juga menekankan dasar tanpa diskriminasi. Menerusi inisiatif Pembangunan Budaya, kami secara aktif menggalakkan dan menyokong penyertaan pekerja wanita di semua peringkat organisasi.

Komitmen kami dalam mewujudkan tempat kerja yang positif diiktiraf pada tahun 2024 apabila Agrobank menerima anugerah Graduan yang mengiktiraf kami sebagai antara 50 Majikan Pilihan di Malaysia. Pengiktirafan ini membuktikan usaha berterusan kami dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong, inklusif, dan memuaskan untuk semua rakan sekerja.



Gambaran menyeluruh tentang tenaga kerja kami pada tahun 2024, termasuk demografi, komposisi jawatan, dan kadar pengurangan, dipaparkan di halaman 86 - 87.



Memupuk Pertumbuhan dan Komuniti di MAHA 2024

Pameran Malaysia Agriculture, Horticulture, and Agrotourism (MAHA) 2024 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjadi platform utama Malaysia mempromosikan teknologi pertanian serta memacu dagangan dalam sektor ini. Selaras dengan misinya, Agrobank menyokong acara ini dengan menyediakan penyelesaian kewangan praktikal dan memupuk penglibatan komuniti, justeru membolehkan pemain industri dan komuniti pertanian tempatan untuk mengambil bahagian dan berkembang.

Sepanjang 12 hari pameran, Agrobank bertindak sebagai pusat sumber maklumat mengenai produk pembiayaan khusus untuk petani, usahawan tani, dan pengusaha pertanian pelancongan. Bank mengetengahkan penyelesaian pembiayaan AgroBiz, AgroPreneur, dan AgroTourism, selain menawarkan konsultasi mengenai pengembangan perniagaan, penggunaan teknologi, dan peningkatan produktiviti kepada pengunjung. Usaha ini berjaya menjana potensi bernilai RM1.57 bilion, mengatasi sasaran awal sebanyak 120.76%.

Selain itu, kempen berterusan untuk peniaga DuitNow QR mencatat jumlah transaksi sebanyak 209,352, dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM4,058,434. Bank juga memperkenalkan kempen #AgroMAHA, di mana hadiah harian iaitu sebuah motosikal ditawarkan kepada para peserta. Perlindungan Takaful Kasih Plus percuma juga ditawarkan kepada 500 pelanggan baharu terawal.

Selain perkhidmatan kewangan, Agrobank juga berkongsi ilmu dan peluang jalinan rangkaian dalam kalangan komuniti pertanian. Inisiatif ini menyokong kerjasama dan perkongsian ilmu, dan berpotensi memberi inspirasi kepada generasi baharu usahawan pertanian. Usaha ini mencerminkan pendekatan menyeluruh Agrobank dalam pembangunan pertanian, menggabungkan aksesibiliti kewangan dengan inisiatif sokongan komuniti untuk manfaat sektor pertanian Malaysia.



ULASAN KELESTARIAN KAMI

Dalam usaha melangkah lebih jauh bagi memastikan keterangkuman kewangan, Agrobank giat memperkasakan wanita dalam ekonomi luar bandar. Kisah kejayaan Musleha binti Zainuddin (usahawan Bahulu dan Kerepek Masri) menjadi contoh nyata usaha ini. Musleha, pemenang Anugerah *Aspirational Agropreneur* kategori Usahawan Tani Wanita pada tahun 2019, telah memanfaatkan sepenuhnya ijazah pengurusan beliau serta penyertaan dalam program *Online Marketing Masterclass* anjuran Agrobank untuk memajukan perniagaan keluarganya. Inisiatif strategik ini membantu memulihkan keadaan kewangannya pada waktu yang mencabar dan memperluaskan capaian pasaran beliau dengan ketara sehingga pendapatan bulannya meningkat lebih daripada dua kali ganda.

Pencapaian Musleha mencerminkan secara langsung dimensi sosial dalam strategi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) Bank yang diperincikan dalam Ulasan Kelestarian Kami.

Modal



Modal Pembuatan



Modal Insan



Modal Semulajadi

Perkara-perkara Material



Pembiayaan
Mampan



Perubahan Iklim
dan Pengurusan
Alam Sekitar



ULASAN KELESTARIAN KAMI

PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Modal



Perkara-perkara Material



Sebagai peneraju kewangan utama bagi sektor pertanian Malaysia, Agrobank sedar bahawa perubahan iklim merupakan cabaran yang amat besar. Ke kerapannya kejadian cuaca ekstrim yang semakin meningkat, perubahan pola iklim, serta peralihan global yang semakin mendesak ke arah ekonomi rendah karbon memberi kesan langsung kepada para petani dan perniagaan agromakanan yang disokong oleh Agrobank. Justeru, peranan kami adalah amat penting dalam membangunkan sistem makanan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta membantu pelanggan kami dalam usaha mereka menuju amalan kelestarian. Mengorak langkah ke hadapan, kami telah merangka hala tuju yang selaras dengan aspirasi nasional Malaysia untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) Sifar Bersih menjelang 2050 (Net Zero 2050). Penetapan kadar dasar pelepasan karbon 2023 merupakan pencapaian penting bagi laluan penyahkarbonan kami serta pengembangan pembiayaan hijau.

Seiring itu, pengurusan alam sekitar secara menyeluruh dan keutamaan berterusan terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan tenaga kerja mengukuhkan lagi komitmen kami terhadap institusi korporat yang bertanggungjawab dan berakauntabiliti.

Bahagian berikut memperincikan integrasi pendekatan kelestarian dalam strategi perniagaan teras kami serta struktur tadbir urus kukuh yang menyokong usaha penting bagi memastikan kami terus berkembang bersama para pemegang taruh demi masa depan yang lebih berdaya tahan dan makmur.



STRATEGI KELESTARIAN KAMI

Aspirasi nasional Malaysia untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) Sifar Bersih menjelang 2050 (Net Zero 2050) merupakan suatu langkah penting dalam merealisasikan ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Aspirasi ini dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan diperkukuh melalui Pelan Tindakan Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Menerusi Penerapan Amalan-amalan Kelestarian (SFA 5) dalam Pelan Perniagaan Strategik 2021-2025, Agrobank telah menegaskan semula komitmennya untuk mengintegrasikan amalan kelestarian. Ini berkait rapat dengan prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) serta jangkaan berkaitan iklim yang berkembang, seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3). Pernyataan misi utama kami iaitu "Meningkatkan standard pertanian dan menyediakan sokongan berterusan yang mencipta nilai kepada komuniti, ekonomi, dan alam sekitar," menjadi prinsip panduan bagi mengintegrasikan kelestarian dan perubahan iklim dalam semua aspek operasi kami.

Salah satu Matlamat Sasaran (*Desired Outcome*) utama dalam SFA 5 melibatkan penubuhan Model Operasi Mampan, yang berteraskan tiga keutamaan strategik. Keutamaan ini dirangka untuk menterjemahkan matlamat strategik kami kepada hasil kelestarian yang nyata, selaras dengan komitmen lebih luas Bank untuk menyesuaikan diri dengan keutamaan nasional, jangkaan peraturan, serta keperluan pelbagai pemegang taruh kami.



Berdasarkan fokus berstruktur yang telah dipaparkan di atas, Model Operasi Mampan Agrobank menterjemahkan hasrat strategik kepada hasil kelestarian yang bermakna. Ia mencerminkan komitmen lebih luas Bank untuk menyesuaikan diri dengan keutamaan nasional, jangkaan peraturan, dan keperluan pemegang taruh sekaligus menjadikan kelestarian sebagai asas dalam amalan pembiayaan, perancangan operasi, dan mandat pembangunan kami.




Pada tahun 2024, fokus perniagaan Agrobank bukan sahaja tertumpu kepada sokongan pembangunan dalam sektor agromakanan utama dan pengembangan kepada aliran pendapatan baharu; ia juga merangkumi pengukuhan ketara inisiatif hijau dan kelestarian, pendekatan untuk mencapai Sifar Bersih, serta penganjuran program berkaitan kelestarian. Keutamaan strategik ini menekankan aspirasi utama Bank untuk mengintegrasikan kelestarian dalam amalan perniagaan terasnya, memastikan impak, daya tahan, dan relevansi jangka panjang kekal sebagai teras dalam penciptaan dan penyampaian nilai kami.

STRATEGI KEMAMPAHAN KAMI

STRUKTUR TADBIR URUS KELESTARIAN KAMI

Tadbir urus kelestarian di Agrobank disokong oleh rangka kerja pengawasan yang berstruktur bagi memastikan hala tuju strategik dan pelaksanaan yang berkesan. Pengawasan di peringkat Lembaga dikekalkan melalui Jawatankuasa Lembaga Strategi dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko yang masing-masing bertanggungjawab terhadap hal-hal kelestarian dan risiko berkaitan iklim. Segala usaha ini dioperasikan melalui Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang seterusnya disokong oleh Jabatan Kelestarian & Tanggungjawab Korporat serta Bahagian Pengurusan Risiko.

Struktur bersepadu ini memastikan pertimbangan kelestarian yang sewajarnya diambil dalam proses membuat keputusan, pengurusan risiko, dan perancangan perniagaan, selaras dengan mandat pembangunan Agrobank dan jangkaan peraturan.




PENDEKATAN KAMI TERHADAP TINDAKAN IKLIM DAN KELESTARIAN

Pendekatan kelestarian Agrobank adalah untuk menyumbang kepada aspirasi iklim nasional melalui strategi yang boleh dilaksanakan dalam sektor pertanian Malaysia. Metodologi kami mempunyai dua fokus iaitu kami bertindak sebagai peneraju kewangan strategik bagi peralihan pelanggan kami dan sebagai pengamal dalam operasi kami sendiri.

Secara luaran, kami menggunakan pembiayaan untuk mengurangkan risiko dan memberi insentif dalam penerimaan amalan berdaya tahan iklim dan cekap sumber. Ini termasuk mengembangkan portfolio aset yang selaras dengan Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip (CCPT), menyokong pensijilan seperti MyGAP dan MSPO, serta membangunkan produk bersasar seperti Skim Takaful Tanaman Padi.

Secara dalaman, kami merancang untuk mengurangkan jejak karbon melalui pelan Sifar Bersih 2050 yang ditakrifkan, termasuk inisiatif seperti memasang tenaga solar PV di semua cawangan menjelang 2030 dan melaksanakan model cekap tenaga di seluruh rangkaian kami. Menyedari bahawa pertumbuhan mampan dalam sektor pertanian adalah penting bagi keterjaminan makanan dan daya tahan ekonomi negara, pendekatan Bank adalah dinamik yang berkembang selaras dengan cabaran dan peluang global yang muncul.

Empat elemen utama pendekatan kami adalah seperti berikut:



SUMBANGAN KAMI TERHADAP MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN PBB (UN SDG)

Matlamat Pembangunan Mampan PBB merupakan seruan sejagat untuk bertindak dengan sasaran menghapuskan kemiskinan, melindungi bumi, dan memastikan semua manusia menikmati keamanan dan kemakmuran menjelang 2030. Inisiatif strategik dan operasi Agrobank direka secara intrinsik untuk memupuk pertumbuhan mampan, keterangkuman kewangan, dan pemeraksanaan komuniti, sekaligus menyumbang secara langsung kepada pencapaian matlamat global ini.

SDG 1: Tiada Kemiskinan

	Sumbangan Agrobank kepada SDG
	- Menyediakan pembiayaan mikro penting kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan melalui kemudahan seperti Agro Teras dan program Hijrah Asnaf. - Memberi akses kewangan melalui pusat-pusat perkhidmatan Agrobank kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan di kawasan luar bandar dan bandar, termasuk perbankan mudah alih. Bank juga menyokong pembiayaan perumahan mampu milik bagi komuniti petani yang kurang mendapat manfaat. - Program Young Agropreneur dan Hijrah Asnaf direka khusus untuk membimbing dan menyokong usahawan daripada kumpulan berpendapatan rendah dan asnaf, membantu mereka mencipta peluang perniagaan mampan dan menjana pendapatan. - Program kolaboratif bagi komuniti kurang mendapat manfaat melalui penyediaan perkhidmatan kewangan dan transformasi kehidupan, membantu komuniti membina mata pencarian mampan dan mengintegrasikan mereka ke dalam landskap ekonomi yang lebih luas. Contohnya termasuk ECER Integrated Project – projek yang memacu Pembangunan sosioekonomi bagi segmen seperti Orang Asli, B40, dan komuniti Asnaf.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP TINDAKAN IKLIM DAN KEMAMPAHAN

SDG 2: Kelaparan Sifar



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Agrobank memperkuat sistem pengeluaran makanan negara dengan menyokong pekebun kecil melalui program bersasar seperti Program Pembiayaan Penanaman Padi dan Program Fertigasi Cili Hijrah Asnaf yang telah berjaya meningkatkan pengeluaran pertanian.
 - Sumbangan turut disalurkan melalui Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan Perikanan serta Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan.
 - Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA) Agrobank menyediakan pembiayaan bagi mekanisasi dan automasi yang meningkatkan produktiviti tanaman serta memastikan kecekapan rantaian nilai agromakanan, sekali gus menyokong keterjaminan makanan negara.
- Bank turut mewujudkan jalinan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Felda Global Ventures, FarmByte dan lain-lain, yang mengintegrasikan khidmat nasihat teknikal untuk operasi ladang bagi meningkatkan pengeluaran pertanian.


SDG 5: Kesaksamaan Gender



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Bagi memastikan peluang yang saksama, Agrobank secara aktif menggalakkan penyertaan wanita dalam semua peranan membuat keputusan di mana wanita merangkumi 59.6% daripada keseluruhan tenaga kerja.
- Pembiayaan produk khusus untuk wanita, seperti 'Agro Nisaa-i', iaitu kemudahan pembiayaan mikro yang disasarkan kepada usahawan tani wanita dalam kategori B40. Produk kewangan yang disesuaikan ini membantu mengurangkan halangan kewangan yang sering mengehendkan penyertaan wanita dalam sektor pertanian serta menyediakan peluang untuk pemeraksaan ekonomi wanita.

SDG 8: Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Agrobank telah memperkenalkan penyelesaian inovatif untuk menyokong perniagaan berasaskan agro melalui program-program berikut:
 - > Pembangunan e-pasaran untuk Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B),
 - > Pembangunan platform pelaburan baharu, dan
 - > Pembangunan takaful tanaman untuk sektor pertanian.

Program-program ini secara kolektif meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan serta menyokong pembangunan ekonomi mampan dalam sektor pertanian.
- Bank juga menyumbang kepada peluang pendapatan dan pekerjaan yang terhasil daripada perniagaan berpotensi yang mendapat manfaat daripada program dan perkhidmatan kami, contohnya program iTekad.
- Agrobank, dengan kerjasama MRANTI, telah mencadangkan inisiatif "Memacu Teknologi 4IR bagi Keterjaminan Makanan" yang sejajar dengan inisiatif Kluster Teknologi Baru Muncul (MED4IR) untuk membangunkan Pusat Aplikasi Teknologi Pertanian 4IR – ATAC. Inisiatif ini bertujuan menerajui inovasi dalam sektor pertanian dengan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kelestarian amalan pertanian. Peralihan kepada penggunaan teknologi ini bukan sahaja mewujudkan jenis pekerjaan bermaruah yang baharu, malah merangsang pertumbuhan ekonomi dengan membolehkan perusahaan agro berskala besar dan berdaya tahan.
- Bank memperluas akses perbankan kepada golongan yang kurang mendapat manfaat serta mempertingkatkan transformasi perbankan digital, contohnya AgroNet, AgroNetBIZ dan QR Pay.
- Inisiatif-inisiatif ini meningkatkan kecekapan perkhidmatan kewangan, mempromosikan keterangkuman kewangan dan mengurangkan ketidakaksamaan bagi komuniti luar bandar dan berpendapatan rendah.
- Melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) dengan objektif melindungi keselamatan dan kesihatan semua kakitangan Bank melalui pencegahan kecederaan, ketidakupayaan, kesihatan terjejas, penyakit serta insiden nyaris kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan.
- Menyokong latihan belia dan pembangunan keupayaan melalui program pembangunan komuniti yang berstruktur seperti Program Pembangunan Usahawan Belia Tanaman Golden Melon yang bertujuan melengkapkan usahawan tani muda dengan kemahiran dan pengetahuan untuk berjaya dalam sektor perniagaan pertanian.

SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Lebih 70% daripada RM10.44 bilion telah disalurkan kepada perusahaan agro mikro dan kecil di kawasan luar bandar, termasuk projek berkaitan pelaburan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan pertanian.
- Bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian Malaysia, Agrobank menawarkan pembiayaan inklusif seperti Agro Kredit Micro yang menyediakan kredit tanpa cagaran kepada usahawan mikro. Ini meningkatkan inovasi industri dan pembangunan infrastruktur dengan memperkasakan pekebun kecil dan individu.
- Perkhidmatan kewangan Agrobank membolehkan perniagaan pertanian dan berasaskan agro mengamalkan amalan mampan, menaik taraf kepada teknologi yang lebih bersih, serta meningkatkan kecekapan sumber melalui pembiayaan bagi jentera pertanian, peralatan pembuatan dan kenderaan utiliti.

SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Membina keupayaan akar umbi melalui Pusat Pembangunan Komuniti baharu kami di RTC Tunjung, yang telah menyalurkan RM3.97 juta dalam enam bulan pertama bagi menyokong peluang pertumbuhan ekonomi inklusif dalam komuniti.
- Meningkatkan keterangkuman sosioekonomi dengan memperkukuh akses kepada perkhidmatan kewangan melalui 211 pusat perkhidmatan luar bandar, termasuk cawangan baru kami di Sungai Koyan, serta melaksanakan program yang menyokong mobiliti ekonomi ke arah peningkatan taraf hidup.
- Meningkatkan keterangkuman sosioekonomi dengan menghubungkan usahawan tani kepada ekosistem sokongan yang lebih luas, serta menggerakkan pembiayaan kolektif sebanyak RM195 juta (peningkatan 43%) bagi membantu segmen sasaran mengakses pembiayaan komersial.

SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Pengelasan CCPT dan pengecaman risiko oleh Agrobank secara tidak langsung menggalakkan pelanggan memberi keutamaan kepada teknologi dan model perniagaan alternatif, contohnya pertanian bersasar yang dapat membantu meningkatkan penggunaan sumber semula jadi seperti tanah, air, dan tenaga secara cekap.
- Bank secara aktif memantau dan melaporkan penggunaan kertas serta memperkenalkan sekatan terhadap cetakan berwarna bagi menggalakkan amalan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab dalam kalangan kakitangan. Agrobank juga telah mula memantau aktiviti kitar semula melalui pelaporan bulanan bagi item kitar semula terpilih.

SDG 13: Tindakan Iklim



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Agrobank mengintegrasikan langkah-langkah berkaitan iklim dalam operasinya dengan menjalankan Analisis Risiko dan Senario Iklim untuk memantau risiko dan peluang berkaitan iklim. Langkah ini membantu melindungi pelanggan, menyokong daya tahan pertanian Malaysia, dan mengukuhkan keselamatan makanan negara.
- Akademi Agrobank menyediakan peluang latihan dan pembelajaran untuk kakitangan. Ia merangkumi topik berkaitan perubahan iklim dan kelestarian yang bertujuan melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan dan maklumat penting, meningkatkan kesedaran untuk mengamalkan gaya hidup mampan, serta mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Agrobank telah menubuhkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang komited untuk menyelaraskan hubungan pemegang taruh dan memastikan kepimpinan bertanggungjawab menjadi teras operasi.

Bank juga telah melaksanakan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (ABAC), menunjukkan komitmennya untuk menjalankan perniagaan secara profesional, adil dan berintegriti. Inisiatif ini memupuk budaya telus dan secara aktif menghalang amalan tidak beretika seperti sogokan.
- Komitmen Agrobank untuk memperkukuh integriti, akauntabiliti dan ketelusan institusi melalui penubuhan pelbagai jawatankuasa peringkat lembaga pengarah dan pengurusan yang secara kolektif memastikan pengawasan berkesan terhadap risiko, pematuhan, audit dan tingkah laku beretika di seluruh Bank.

SDG 17: Kerjasama demi Matlamat



Sumbangan Agrobank kepada SDG

- Agrobank memupuk kerjasama berkesan dengan pelbagai pemegang taruh untuk menyokong pembangunan komuniti dan ekonomi, termasuk kolaborasi dengan universiti tempatan melalui program inkubator perniagaan untuk usahawan tani muda, serta inisiatif terancang bersama majlis-majlis agama Islam (contohnya, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)) untuk menyediakan perkhidmatan nasihat perniagaan melalui kewangan sosial Islam.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP TINDAKAN IKLIM DAN KEMAMPAHAN

TINDAKAN KAMI TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

Dengan tumpuan kepada sektor pertanian, Agrobank mengakui perubahan iklim sebagai suatu risiko utama sekaligus suatu peluang strategik. Selari dengan sokongan padu terhadap agenda Sifar Bersih Malaysia dan perkembangan kawal selia, Bank terus memajukan inisiatif berkaitan iklim secara menyeluruh bagi memperkukuh daya tahan portfolio, memudahkan peralihan pelanggan, serta mengukuhkan komitmen kelestarian secara menyeluruh.

Agrobank telah mencapai kemajuan ketara dalam merangka pelan Sifar Bersih dengan pencapaian penting berupa kejayaan menetapkan kadar dasar pelepasan operasi dan pelepasan pembiayaan 2023. Asas ini menyediakan trajektori jelas bagi sasaran penyahkarbonan masa depan dan strategi peralihan yang menjadi pandu arah perjalanan kami menuju ekonomi rendah karbon.

Berdasarkan asas kritikal ini, Agrobank secara sistematik melaksanakan aspirasi tindakan iklimnya melalui perancangan berstruktur, pengurusan risiko yang kukuh, dan inisiatif bersasar untuk mengurangkan impak perubahan iklim. Tindakan-tindakan strategik itu termasuk:



Menyahkarbon Operasi Dalaman

Selaras dengan sasaran Sifar Bersih kami, Agrobank sedang melaksanakan langkah-langkah untuk menyahkarbon operasi dalaman. Inisiatif utama termasuk:

- **Sistem Fotovoltai (PV) Solar:** Pemasangan sistem PV Solar di semua cawangan menjelang 2030, bermula dengan 45 cawangan dalam Fasa 1. Inisiatif ini akan mengurangkan kebergantungan kami terhadap elektrik grid dan menurunkan pelepasan Skop 2 secara signifikan.
- **Penggunaan Biodiesel:** Penguatkuasaan penggunaan campuran biodiesel B10 dan B20 dalam semua kenderaan kami, menyumbang secara langsung kepada pengurangan pelepasan Skop 1 daripada aktiviti pengangkutan.
- **Kecekapan Tenaga Bangunan:** Usaha sedang dijalankan di ibu pejabat Agrobank di Leboh Pasar Besar untuk mencapai sasaran Intensiti Tenaga Bangunan (BEI) sebanyak 100 kWh/m² menjelang 2030.

Membudayakan Urus Selia Alam Sekitar Dalam Operasi Harian

Bagi mengoperasikan komitmen alam sekitar yang lebih luas, Agrobank mengintegrasikan amalan kelestarian dalam operasi harian:

- **Persekitaran Tanpa Kertas:** Menggalakkan secara aktif persekitaran kerja tanpa kertas melalui penggunaan sistem perolehan digital seperti e-Perolehan, mengurangkan penggunaan dan sisa kertas.
- **Model Cawangan Hijau:** Menyemak semula infrastruktur fizikal dengan memperkenalkan model "Cawangan Hijau" iaitu konsep pengubahsuaian mampan yang menggabungkan pemasangan solar dan retrofit tenaga cekap. Inisiatif ini mengukuhkan objektif Bank untuk memacu kelestarian dari dalam sekaligus meletakkan asas kukuh bagi daya tahan operasi jangka panjang.

Mengintegrasikan Pembiayaan Hijau dalam Strategi Masa Depan:

Agrobank komited terhadap peralihan yang mantap ke arah pembiayaan hijau, menangani impak risiko berkaitan iklim dan merebut peluang. Antara pelan yang dirancang termasuk:

Penambahbaikan CCPT	Penambahbaikan berterusan terhadap rangka kerja pengelasan Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip (CCPT).
Pelaksanaan CRMSA	Memperkuhkan rangka kerja Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA) bagi memastikan portfolio pelanggan serta operasi dalam berdaya tahan terhadap perubahan iklim.
Pengembangan Pembiayaan Hijau	Menyasarkan aktiviti perniagaan yang menyokong iklim (C1) dan peralihan (C2) melalui penyelesaian pembiayaan hijau khusus. Sehingga Disember 2024, Agrobank telah berjaya mengekalkan sasaran pengelasan penyokong iklim melebihi 8% daripada jumlah pembiayaan, dengan pencapaian 12.1%. Selain itu, Bank berhasrat mencapai dan mengekalkan pendedahan sifar terhadap aktiviti pembiayaan baharu yang menyalahi undang-undang atau bercanggah dengan undang-undang alam sekitar, dan sehingga Disember 2024, Agrobank tidak membiayai sebarang aktiviti yang dilarang.
Fungsi Perniagaan ESG & Halal Baharu	Mewujudkan fungsi Perniagaan ESG & Halal khusus dalam Pasukan Perbankan Perusahaan untuk memacu pembangunan produk mampan dan penglibatan.

PASUKAN PETUGAS PERNYATAAN KEWANGAN BERKAITAN IKLIM (TCFD)

Pendekatan Agrobank terhadap pendedahan berkaitan iklim dipandu secara teliti oleh cadangan Pasukan Petugas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) yang selaras dengan jangkaan di bawah Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3). Pendedahan ini menjelaskan bagaimana Bank menangani risiko dan peluang berkaitan iklim merentasi empat teras utama: Tadbir Urus, Strategi, Pengurusan Risiko, dan Metrik serta Sasaran.

Tadbir Urus

Rangka tadbir urus iklim Agrobank disusun dengan pengawasan jelas di peringkat Lembaga Pengarah dan pengurusan, memastikan akauntabiliti terhadap keputusan berkaitan iklim. Peranan dan tanggungjawab diselaraskan untuk menyokong pematuhan dengan rangka kerja nasional seperti Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip (CCPT) serta jangkaan di bawah JC3.

Lembaga Pengarah memegang pengawasan keseluruhan dan tanggungjawab terhadap kelestarian, termasuk menetapkan hala tuju strategik bagi hal-hal ESG. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) bertanggungjawab menilai dan memberikan pengawasan terhadap risiko berkaitan iklim serta memastikan ketahanan Bank terhadap kesan buruk perubahan iklim. Mereka juga bertanggungjawab mengenal pasti perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko iklim dan menyampaikan ke seluruh struktur Bank.

Laporan CCPT kepada Bank Negara Malaysia (BNM) turut dibincangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) dua kali setahun. Pengelasan CCPT disahkan dan diluluskan oleh Jabatan Semakan dan Penilaian Kredit (CERD) serta pihak berkuasa kelulusan yang relevan. Setelah diluluskan, pengelasan ini dikemas kini dalam Sistem Penyampaian Cawangan (BDS). Sementara itu, Jawatankuasa Lembaga Strategi (BSC) bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan inisiatif kelestarian dan perubahan iklim. BSC mengawasi strategi kelestarian Bank dan kemajuannya serta inisiatif sokongannya. BRMC pula bertanggungjawab mengawasi tahap toleransi risiko berkaitan iklim serta pelan mitigasi risiko iklim yang menyokongnya.

Kedua-dua Jawatankuasa Lembaga ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun, dengan mesyuarat BSC dan BRMC diadakan setiap suku tahun untuk membincangkan perkara berkaitan iklim sebelum penilaian akhir dan kelulusan oleh Lembaga penuh. Jawatankuasa Pengurusan bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan pengintegrasian kelestarian dalam strategi dan proses perniagaan. Mereka memantau kemajuan dan status pelaksanaan inisiatif melalui Strategi Kelestarian Bank, yang merupakan komponen teras dalam Pelan Perniagaan Strategik (PPS) 2021–2025 Bank. Jawatankuasa Risiko Pengurusan (MRC) bertanggungjawab membincangkan semua perkara berkaitan risiko iklim, termasuk pemantauan pelaksanaan inisiatif iklim dan penilaian impak risiko fizikal, peralihan, dan liabiliti terhadap prestasi kewangan, pendapatan, dan reputasi Bank.

Latihan Lembaga Pengarah mengenai Perkara Berkaitan Iklim

Program Latihan:

1. Sesi Perkongsian 1: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)
2. Program Sijil Kemampanan dan Risiko Iklim (SCR)
3. Sesi Berkongsi Pengetahuan mengenai Perubahan Iklim: Sesi 2 – Strategi & Risiko Iklim
4. Sesi Berkongsi Pengetahuan mengenai Perubahan Iklim: Sesi – Mengemudi Modal untuk Perubahan Mampan
5. Bengkel Kewangan Hijau IKP oleh BNM – Tindakan IKP: Strategi Menutup Jurang untuk Ketahanan Iklim & Kemampanan
6. Pengenalan kepada Analisis Senario Iklim

No.	Ahli Lembaga Pengarah	Latihan yang Dihadiri
1	YBhg. Datuk Yunos Abd Ghani	1, 3, 4
2	YBhg. Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	1, 3, 4
3	YBhg. Datin Arlina Arif	1, 2, 4, 5, 6
4	Encik Mohd Hanif Mastuki	1, 3, 4
5	Puan Rizleen Mokhtar	1, 4
6	Encik Wan Zamri Wan Zain	1, 3
7	Encik Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	1, 2, 3, 4, 5

Program peningkatan kapasiti yang dijalankan oleh Akademi Agrobank dan melalui latihan luaran memperkuhkan pemahaman Lembaga Pengarah serta pengurusan kanan mengenai isu-isu kelestarian dan perubahan iklim.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP TINDAKAN IKLIM DAN KEMAMPAHAN

Strategi

Agrobank telah menggabungkan pertimbangan risiko dan peluang berkaitan iklim dalam strategi perniagaannya, selaras dengan sokongan padu terhadap aspirasi Sifar Bersih Malaysia. Integrasi strategik ini termasuk menyelaraskan inisiatif yang dirancang dengan CCPT bagi memandu peralihan dalam sektor-sektor utama ekonomi. Agrobank juga telah mempertimbangkan perkara ini dalam Pelan Perniagaan Strategik Jangka Panjang (PPS) melalui Bidang Fokus Strategik (SFA) 5: Penerapan Amalan-amalan Kelestarian. Sebagai sebahagian daripada SFA 5, Agrobank pada tahun 2024 telah mewujudkan Pelan Hala Tuju Sifar Bersih yang memperincikan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan daripada operasi dan aktiviti pembiayaan Bank. Pelan Hala Tuju Sifar Bersih ini menetapkan trajektori untuk mencapai pengurangan pelepasan GHG yang disasarkan menjelang 2050, dengan sasaran jangka pendek pengurangan 23-25% pelepasan GHG menjelang 2030.

Agrobank menilai risiko dan peluang berkaitan iklim merentasi rantaian nilai, mengenal pasti punca-puncunya dan menilai potensi impaknya terhadap operasi, prestasi kewangan, dan hubungan dengan pemegang taruh. Proses pengenalpastian risiko dan peluang berkaitan iklim melibatkan empat langkah utama:

1. **Memahami rantaian nilai:** Menilai keseluruhan rantaian nilai untuk mengenal pasti bagaimana risiko dan peluang berkaitan iklim boleh menjejaskan aktiviti hulu dan hilir, serta operasi dalaman.
2. **Menentukan punca risiko:** Memahami sama ada risiko berpunca daripada kesan fizikal (contohnya, kejadian cuaca ekstrem, perubahan iklim jangka panjang) atau faktor peralihan (contohnya, perubahan dasar, dinamik pasaran, kemajuan teknologi).
3. **Menilai impak berkaitan iklim:** Menjelaskan bagaimana setiap risiko boleh memberi kesan kepada organisasi melalui analisis kesannya terhadap operasi, prestasi kewangan, hubungan dengan pemegang taruh, dan lain-lain.
4. **Menentukan Pemilik Proses:** Menugaskan tanggungjawab untuk mengurus risiko dan peluang yang dikenal pasti kepada individu atau pasukan tertentu dalam organisasi bagi memastikan akauntabiliti dan pelaksanaan yang berkesan.

 Maklumat tambahan mengenai strategi berkaitan iklim disediakan pada halaman 64.

Risiko Berkaitan Iklim

Kategori Risiko Berkaitan Iklim	Penerangan Risiko
Risiko Fizikal	
Akut dan Kronik	Peristiwa cuaca ekstrem (Akut) (R1): Peristiwa cuaca ekstrem seperti banjir luar biasa yang berpotensi menyebabkan gangguan operasi dan kerosakan aset kepada Agrobank serta pelanggan-pelanggannya. Perubahan corak iklim (Kronik) (R2): Perubahan jangka panjang dalam keadaan iklim, seperti peningkatan suhu dan paras laut, yang memberi kesan kepada Agrobank serta pelanggan-pelanggannya.
Risiko Peralihan	
Dasar & Perundangan	Keperluan peraturan (R3): Merangkumi undang-undang yang mengawal pengintegrasian amalan kelestarian dalam operasi perniagaan dan pelaporan pelepasan; kegagalan mematuhi peraturan boleh mengakibatkan tindakan undang-undang awam. Dasar fiskal mampan (R4): Mekanisme dasar yang melibatkan pengintegrasian pertimbangan kelestarian dalam dasar fiskal, termasuk cukai, perbelanjaan awam, dan tarif, yang meningkatkan kos operasi bagi Agrobank dan pelanggan.
Teknologi	Peralihan ke teknologi hijau (R5): Penyesuaian teknologi cekap tenaga dan tahan iklim untuk kekal kompetitif; kegagalan melakukannya boleh mengakibatkan hilang daya saing dan kelemahan operasi.
Pasaran	Peralihan ke produk hijau (R6): Perubahan dalam keutamaan pengguna, amalan industri, dan dinamik pasaran, yang dicirikan oleh penurunan permintaan atau penghapusan berperingkat produk tradisional yang tinggi pelepasan karbon yang berkemungkinan menjejaskan pendapatan Agrobank dan pelanggan. Impak ekonomi (R7): Kesan terhadap aktiviti kewangan, pekerjaan, pelaburan, dan pertumbuhan ekonomi keseluruhan akibat peralihan kepada amalan lestari dan rendah karbon.
Reputasi	Pengurusan media sosial (R8): Penggunaan strategik platform media sosial untuk mencipta dan berkongsi kandungan, berinteraksi dengan audiens, serta membina kesedaran jenama mengenai perubahan iklim dan amalan lestari; kegagalan melakukannya boleh merosakkan reputasi Agrobank dalam industri. Pengekalan dan perolehan bakat (R9): Penekanan terhadap pekerjaan di mana generasi muda mengambil kira pertimbangan kelestarian semasa mencari peluang pekerjaan. Ketidakselarasan antara inisiatif kelestarian dan jangkaan tenaga kerja boleh menyebabkan gangguan operasi.

Peluang Berkaitan Iklim

Jenis	Peluang	
Kecekapan Sumber	• Penambahbaikan dalam kecekapan tenaga, pengurangan penggunaan air, pengurusan sisa, dan langkah-langkah pemuliharaan sumber lain. • Menangani isu kesesuaian teknologi berkaitan iklim.	• Penggunaan teknologi cekap sumber. • Peningkatan pegangan pasaran. • Pengurangan kos operasi.
Sumber Tenaga	• Pelaburan dalam projek boleh diperbaharui atau peralihan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui. • Penggunaan tenaga boleh diperbaharui. • Meneroka skim tenaga boleh diperbaharui untuk pelanggan.	• Pengurangan kos operasi (kos utiliti). • Pengurangan pendedahan kepada harga karbon. • Peningkatan pegangan pasaran.
Produk dan Perkhidmatan	• Inovasi dan pembangunan produk serta perkhidmatan rendah karbon yang meningkatkan daya saing dan memanfaatkan perubahan keutamaan pasaran. • Pembangunan skim pelaburan dalam teknologi hijau. • Pembangunan skim mitigasi iklim baharu untuk pelanggan.	• Menggalakkan penggunaan skim mampan melalui media sosial. • Memberikan latihan kepada pelanggan mengenai langkah mitigasi iklim. • Peningkatan pegangan pasaran. • Reputasi positif.
Pasaran	• Akses kepada pasaran baharu atau jenis aset baharu untuk mempelbagaikan aktiviti dan memperkukuhkan kedudukan bagi peralihan ke ekonomi rendah karbon. • Pengenalan skim penanaman genetik untuk pelanggan.	• Pengenalan skim pembiayaan hijau dan teknologi hijau. • Pengenalan skim pengurangan karbon. • Peningkatan pegangan pasaran.
Ketahanan	• Membangunkan kapasiti adaptif untuk menangani perubahan iklim bagi mengurus risiko berkaitan dan memanfaatkan peluang, termasuk kemampuan untuk menghadapi risiko peralihan dan risiko fizikal. • Peningkatan persekitaran kerja mampan. • Menyelaraskan amalan/pematuhan pendedahan dengan keperluan peraturan. • Mengamalkan amalan pengurangan karbon/penetapan harga karbon dalaman. • Peningkatan keselamatan siber. • Latihan dan pembangunan kapasiti berkaitan kelestarian.	• Pertimbangan iklim dalam proses penilaian pelaburan. • Meningkatkan kecekapan kerja. • Peningkatan pegangan pasaran. • Meningkatkan keyakinan pelabur dan peminjam. • Mengurangkan kos karbon dan pelepasan karbon. • Meningkatkan perlindungan data. • Memperkasa bakat dalaman dan keupayaan kakitangan. • Mengurangkan pendedahan pelaburan kepada risiko iklim.

Analisis senario, terutamanya dengan menggunakan senario iklim daripada *Network for Greening the Financial System (NGFS)*, adalah sebahagian penting daripada perancangan strategik Agrobank. Analisis ini membantu menilai ketahanan strategi di bawah pelbagai laluan iklim, termasuk dunia 1.5°C (Sifar Bersih 2050 dan Sifar Bersih yang Menyimpang 2050) dan dunia 2.6°C (Sumbangan yang Ditentukan Secara Nasional, *Nationally Determined Contributions*).

PENDEKATAN KAMI TERHADAP TINDAKAN IKLIM DAN KEMAMPAHAN

Penerangan Senario Iklim NGFS

Teratur:
Sifar Bersih 2050 (NZ 2050) –
Selaras dengan dunia 1.5°C

Penerangan
Senario ini mencerminkan peralihan awal dan teratur ke dunia rendah karbon dengan pemanasan global dihadkan kepada 1.5°C.

Ciri-ciri

- Polisi iklim yang ketat dilaksanakan dengan segera di semua sektor.
- Kemajuan teknologi yang pesat.
- Harga karbon yang tinggi.

Kesan

- Risiko Fizikal Terhad.
- Risiko Peralihan Tinggi.

Tidak Teratur:
Sifar Bersih yang Menyimpang
2050 (DNZ 2050) – Selaras dengan
dunia 1.5°C

Penerangan
Senario ini mencerminkan impak iklim yang tidak sekata terhadap sektor-sektor yang berbeza, dengan polisi iklim yang diperkenalkan secara berperingkat pada masa berlainan dengan pemanasan global dihadkan kepada 1.5°C.

Ciri-ciri

- Polisi iklim yang ketat dilaksanakan segera di sektor terpilih.
- Kemajuan teknologi sederhana yang dihadkan oleh kekangan kewangan.
- Harga karbon yang lebih tinggi.

Kesan

- Risiko Fizikal Terhad.
- Risiko Peralihan Sederhana hingga Tinggi.

Pemanasan Dunia yang Melampau:
Sumbangan yang Ditentukan
Secara Nasional (Nationally
Determined Contributions, NDC) -
Selaras dengan dunia 2.6°C

Penerangan
Senario ini mengandaikan polisi yang telah dilaksanakan dan dijanjikan dilaksanakan sepenuhnya, tetapi masih tidak mencukupi untuk memudahkan peralihan yang teratur menyebabkan pemanasan global mencapai 2.6°C.

Ciri-ciri

- Polisi yang dijanjikan/dilaksanakan pada masa kini dilaksanakan sepenuhnya, tetapi tidak mencukupi untuk mencapai sifar bersih.
- Kemajuan teknologi terhad.
- Harga karbon rendah.

Kesan

- Risiko Fizikal Tinggi.
- Risiko Peralihan Rendah.

Susulan Bengkel Analisis Senario yang dijalankan pada 25 Oktober 2024, Agrobank telah berinteraksi dengan pelbagai pemegang taruh dalaman untuk menilai risiko berkaitan iklim secara lebih terperinci. Berdasarkan perbincangan ini, penarafan risiko telah dikemas kini seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah.

Keputusan Jadual Analisis Senario: Tahap Risiko

Pengkategorian	Tahap Risiko (Sifar Bersih 2050 (NZ 2050) – Selaras dengan dunia 1.5°C)	Tahap Risiko (Sifar Bersih Menjelang 2050 (DNZ 2050) – Selaras dengan dunia 1.5°C)	Tahap Risiko (Sumbangan yang Ditentukan Secara Nasional (NDC) – Selaras dengan dunia 2.6°C)
Fizikal			
R1	Peristiwa cuaca ekstrem (Akut)	●●	●●
R2	Perubahan corak iklim (Kronik)	●	●●
Dasar & Perundangan			
R3	Keperluan peraturan	●●●	●●●
R4	Dasar fiskal mampan	●●●	●●●

● Memuaskan ●● Waspada ●●● Kritikal

Pengkategorian	Tahap Risiko (Sifar Bersih 2050 (NZ 2050) – Selaras dengan dunia 1.5°C)	Tahap Risiko (Sifar Bersih Menjelang 2050 (DNZ 2050) – Selaras dengan dunia 1.5°C)	Tahap Risiko (Sumbangan yang Ditentukan Secara Nasional (NDC) – Selaras dengan dunia 2.6°C)
Teknologi			
R5	Peralihan kepada teknologi hijau	●●●	●●
Pasaran			
R6	Peralihan kepada produk mesra alam	●●	●
R7	Impak ekonomi	●●●	●●●
Reputasi			
R8	Pengurusan media sosial	●	●●
R9	Pengekalan dan perolehan bakat	●●●	●●●

● Memuaskan ●● Waspada ●●● Kritikal

Petunjuk risiko utama dan ukuran telah dikenal pasti melalui rangka kerja pengurusan risiko dalaman, dengan tindak balas dan polisi berkaitan ditetapkan berdasarkan daftar risiko. Bagi mencapai sasaran pengurangan pelepasan yang ditetapkan – khususnya bagi pelepasan operasi – Agrobank telah memperuntukkan sumber yang sesuai melalui Pelan Hala Tuju Sifar Bersih. Peruntukan bajet terperinci untuk pelan ini akan dibangunkan selanjutnya sebagai sebahagian daripada pelan pelaksanaan komprehensif.

Bagi memastikan peralihan yang stabil kepada pembiayaan hijau bagi menangani kesan risiko, Bank mensasarkan pengekalan klasifikasi menyokong iklim melebihi 8% daripada jumlah pembiayaan. Sasaran ini telahpun dilangka dengan pencapaian 12.1% setakat Disember 2024. Selain itu, Bank komited untuk memastikan tiada pendedahan kepada pembiayaan baru bagi aktiviti haram atau yang melanggar undang-undang alam sekitar. Sehingga tarikh tersebut, Bank tidak membiayai sebarang aktiviti yang dilarang.

Sebagai bukti komitmen ini, Bank telah melancarkan Skim Perlindungan Takaful Agromakanan untuk penanam padi iaitu Skim Takaful Tanaman Padi (STTP). Ia merupakan perlindungan patuh syariah pertama di Malaysia untuk penanam padi. Inisiatif ini menekankan peranan Bank dalam membantu pesawah mengurangkan risiko bencana alam dan mengukuhkan rantaian bekalan makanan negara.

Usaha-usaha ini dipandu oleh pernyataan misi Bank iaitu “Meningkatkan standard pertanian dan menyediakan sokongan berterusan yang mencipta nilai kepada komuniti, ekonomi, dan alam sekitar.” Dalam usaha menanamkan semangat ini, pelbagai kempen kesedaran yang meliputi seluruh organisasi Bank dan modul pembelajaran telah dilancarkan untuk menyampaikan pemahaman mengenai Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI), Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip (CCPT), dan strategi kelestarian Bank secara menyeluruh kepada semua pekerja.

Pengurusan Risiko

Risiko berkaitan iklim telah diintegrasikan secara sistematik dalam rangka kerja pengurusan risiko perniagaan. Integrasi ini melibatkan penilaian berasaskan senario selaras dengan rangka kerja Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA). Langkah ini memperkukuh klasifikasi pendedahan yang selaras dengan CCPT dan meningkatkan daya tahan organisasi secara keseluruhan.

Bagi mengukur potensi ancaman, satu latihan penilaian risiko banjir yang komprehensif telah dijalankan untuk menentukan tahap kerentanan operasi Agrobank dan portfolio perniagaan. Bagi risiko operasi, ini melibatkan pengenalpastian aset utama termasuk pejabat wilayah, pusat komersial, pusat pembangunan komuniti, cawangan, dan cawangan Ar-Rahnu. Dari segi perniagaan, analisis ini mengenal pasti pelanggan berdasarkan jumlah keseluruhan dan *Exposure at Default* (EAD) setiap negeri, serta mengkategorikan mereka mengikut sektor dan jenis cagaran.

Petunjuk risiko dan ukuran utama dikenal pasti melalui rangka kerja dalaman ini, membolehkan tindakan dan polisi yang sesuai ditetapkan dalam daftar risiko. Selain itu, sumber yang diperlukan untuk mencapai sasaran pengurangan pelepasan diperuntukkan melalui Pelan Hala Tuju Sifar Bersih. Maklumat terperinci mengenai perkara material dan risiko berkaitan iklim dalam Pengurusan Risiko Strategik dan Operasi dalam Perubahan (SORMIC) boleh dirujuk di halaman 177-183.


Metrik dan Sasaran

Agrobank memantau kemajuan matlamat berkaitan iklim melalui set metrik dan sasaran yang komprehensif. Ini termasuk penjejakan pelepasan gas rumah kaca (GHG) daripada operasi dan aktiviti pembiayaan, selaras dengan aspirasi Sifar Bersih 2050, serta sasaran jangka pendek iaitu pengurangan 23-25% GHG menjelang 2030. Graf di halaman 106 menyediakan pecahan terperinci pelepasan GHG Bank untuk kategori Skop 1, Skop 2, dan Skop 3 yang relevan, berserta analisis mengikut wilayah bagi 2023 dan 2024.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP TINDAKAN IKLIM DAN KEMAMPAHAN

PENGURUSAN ALAM SEKITAR KAMI

Pengurusan alam sekitar di Agrobank merangkumi isu-isu berkaitan iklim serta keutamaan kelestarian yang lebih luas yang penting bagi perbankan bertanggungjawab dan penciptaan nilai berterusan. Ini dipacu melalui pendekatan bersepadu di bawah SFA 5 yang mengintegrasikan prinsip kelestarian ke dalam operasi, infrastruktur, dan budaya institusi kami sebagai sebahagian daripada komitmen untuk memudahkan peralihan iklim bagi operasi dalaman kami dan pelanggan kami.





Agrobank menganggap tenaga kerja sebagai rakan penting dalam perjalanan kelestarian kami, dan memupuk budaya ilmu, kesedaran, dan penglibatan proaktif. Inisiatif pembangunan modal insan kami direka untuk membentuk tenaga kerja yang celik kelestarian dan proaktif. Ini selaras dengan pemudah strategi PPS 2021-2025: Tenaga Kerja Terlibat dan Tempat Kerja Sejahtera (rujuk halaman 52).

1 Meningkatkan Literasi Kelestarian

Bagi memastikan ketersediaan untuk menyumbang, kami melancarkan semula lima modul kelestarian komprehensif untuk latihan di seluruh Agrobank. Modul-modul ini merangkumi:

- > Pengenalan kepada Kelestarian
- > Penggabungan VBI
- > Perubahan Iklim dan Sifar Bersih
- > CCPT
- > Strategi Kelestarian Agrobank



Penglibatan & Peningkatan Kapasiti Pekerja Secara Komprehensif

2 Latihan Pengurusan mengenai Iklim dan Kelestarian

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kapasiti kepimpinan, satu siri latihan untuk pihak pengurusan telah diadakan untuk meningkatkan kemahiran mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar dalam proses membuat keputusan strategik dan kewangan. Sesi pada 2024 merangkumi:

- > Pengenalan kepada Perubahan Iklim
- > Strategi & Risiko Iklim
- > Mengurus Kesan Kewangan Perubahan Iklim
- > Mengintegrasikan Pertimbangan Iklim dalam Pinjaman
- > Mengarahkan Modal untuk Masa Depan Mampan



Bagi memupuk semangat matlamat bersama yang teguh, Agrobank buat julung kalinya melancarkan Hari Kelestarian. Acara bersejarah ini diadakan untuk melibatkan, mendidik, dan memberi inspirasi kepada setiap kakitangan tentang tanggungjawab terhadap alam sekitar. Aktiviti berikut dianjurkan untuk mempromosikan semangat tujuan bersama:

1 Segmen Ceramah Kesedaran

Kami menganjurkan ceramah kesedaran oleh pakar daripada Alam Flora Environmental Solution Sdn Bhd (AFES) yang merangkumi konsep asas kitar semula untuk meneroka impak mendalam pengurusan sisa bertanggungjawab. Sesi ini mendedahkan kakitangan dengan pengetahuan untuk mengubah tabiat harian, menjadikan tindakan individu sebagai kuasa kolektif yang kuat bagi perlindungan alam sekitar dan masa depan yang lebih bersih.

2 Program Kitar Semula dan Kitar Tinggi (Upcycling)

Melalui kerjasama dengan Kloth Malaysia, kami melancarkan inisiatif kitar semula tekstil yang komprehensif dengan meletakkan kotak pengumpulan khusus di setiap tingkat untuk menggalakkan kitar semula dan kitar tinggi. Program ini dijayakan melalui demonstrasi kitar tinggi secara langsung dan menunjukkan bagaimana bahan buangan boleh diubah menjadi produk bernilai. Inisiatif ini menyediakan kaedah yang praktikal dan menjadikan konsep ekonomi kitaran suatu realiti bagi kakitangan kami.



Pelancaran Hari Kelestarian

3 Gerai Interaktif

Satu siri gerai interaktif yang dinamik oleh AFES, Kloth Malaysia, dan Hara Maker Initiatives telah mengubah pengetahuan teori menjadi pembelajaran berasaskan pengalaman. Kakitangan secara aktif berinteraksi dengan pakar dengan mengambil bahagian dalam aktiviti yang menjadikan kelestarian lebih mudah diakses dan relevan secara peribadi. Pendekatan praktikal ini memupuk hubungan yang lebih mendalam dan bermakna dengan pengurusan alam sekitar, memperkasakan kakitangan kami untuk menjadi duta perubahan di tempat kerja dan di rumah.

4 Sesi Perkongsian Ilmu


Dalam sesi perkongsian ilmu bersama Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), kami meneroka peranan kritikal tenaga mampan dalam peralihan Malaysia. Sesi ini memberikan pandangan strategik tentang bagaimana organisasi dan individu dapat menyumbang secara bermakna kepada ekonomi karbon rendah yang menyelaraskan operasi harian dan pilihan peribadi kami dengan agenda nasional yang lebih luas untuk persekitaran mampan.

PRESTASI KEMAMPAKAN KAMI

Prestasi kemampuan Agrobank mencerminkan komitmen kami untuk menterjemahkan objektif strategik kepada hasil yang boleh diukur. Melalui pemantauan teliti indikator utama ESG, kami memperkukuhkan akauntabiliti dan memastikan ketelusan dalam pengurusan risiko dan peluang kelestarian. Metrik ini juga berfungsi sebagai input penting untuk memandu penambahbaikan berterusan, selaras dengan aspirasi Sifar Bersih dan objektif kelestarian yang lebih luas.

METRIK IKLIM

Jumlah Pelepasan bagi 2024




- Pelepasan Operasi (tCO₂e)
- Skop 3 Pelepasan Kewangan (tCO₂e)

- Skop 1 Penggunaan Bahan Api (tCO₂e)
- Skop 2 Elektrik Dibeli * (tCO₂e)
- Skop 3 Kategori 6 Perjalanan Perniagaan (tCO₂e)
- Skop 3 Kategori 7 Perjalanan Harian Pekerja (tCO₂e)

* Faktor pelepasan bagi elektrik yang dibeli telah diselaraskan mengikut faktor pelepasan terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga pada 2024.

Jumlah Pelepasan GHG Skop 1 & 2 Mengikut Kategori (tCO₂e)




Pelepasan GHG yang Dibiayai Mengikut Kelas Aset (tCO₂e)

Kelas Aset	2023			2024		
	Jumlah Tertunggak (RM Juta)	Jumlah Pelepasan GHG yang Dibiayai (tCO ₂ e)	Intensiti Pelepasan (tCO ₂ e/ Juta RM Dibiayai)	Jumlah Tertunggak (RM Juta)	Jumlah Pelepasan GHG yang Dibiayai (tCO ₂ e)	Intensiti Pelepasan (tCO ₂ e/ Juta RM Dibiayai)
Pembiayaan Projek	7,861	1,631,795	208	8,104	1,660,242	205
Pinjaman Perniagaan & Ekuiti Tidak Tersenarai	1,878	518,579	276	2,226	621,740	279
Gadai Janji	38	6,211	164	55	9,021	164
Hartanah Komersial	7	2,037	273	17	4,596	273
Hutang Kerajaan	1,310	82,880	63	2,170	140,940	65
Bon Korporat	1,281	49,612	39	1,359	35,338	26
Jumlah	12,375	2,291,114	185	13,391	2,471,877	171

Nota: Kelas Aset Pinjaman Kenderaan Bermotor telah dikecualikan kerana data yang tidak mencukupi untuk mengira pelepasan.

PENGUNAAN TENAGA



PRESTASI KEMAMPAKAN KAMI

PENGUNAAN AIR

Jumlah Penggunaan Air Keseluruhan Kumpulan (m³)

Wilayah	Penggunaan Air 2023 (m³)	Penggunaan Air 2024 (m³)
Keseluruhan Kumpulan	32,096	14,621

PENGURUSAN SISA

Jumlah Sisa Kitar Semula Keseluruhan Kumpulan (Kilogram)

Jenis Sisa	Sisa yang Dilupuskan 2024 (kg)
Kertas Hancur	182
Kertas Hitam dan Putih	204
Kertas Putih Pelbagai Warna	99
Kotak Karton	473
Logam	99

PENGUNAAN KERTAS

Jumlah Penggunaan Kertas Keseluruhan Kumpulan (Muka Surat)

Wilayah	Penggunaan Kertas 2023 (Muka Surat)	Penggunaan Kertas 2024 (Muka Surat)
Kertas*	41,127,237	52,113,681

* Dipantau mengikut bilangan muka surat dicetak

PRESTASI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH)

Komitmen Agrobank terhadap kelestarian merangkumi operasi kami secara menyeluruh, bukan sahaja berkaitan dengan matlamat alam sekitar yang lebih luas seperti penyahkarbonan dan pembiayaan hijau, tetapi juga kesejahteraan tenaga kerja kami. Kami percaya bahawa persekitaran kerja yang selamat dan kondusif adalah asas kepada kejayaan berterusan dan ia sentiasa diberi keutamaan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kukuh kami untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi semua kakitangan dan kontraktor, prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) kami selama tiga tahun kebelakangan ini mencerminkan pendekatan proaktif terhadap pencegahan insiden, latihan berterusan, dan pematuhan kepada piawaian peraturan. Kami memantau metrik utama dengan teliti untuk memastikan kesejahteraan tenaga kerja serta memacu penambahbaikan berterusan dalam amalan OSH di seluruh operasi kami.

Prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)

Tahun	2022	2023	2024
Bilangan Insiden Pekerjaan yang Dilaporkan kepada DOSH	0	1*	0
Kadar Kerugian Masa Akibat Kecederaan (LTI)	0	0	0
Bilangan kematian berkaitan pekerjaan	0	0	0
Kadar kematian kerana insiden pekerjaan	0	0	0
Bilangan pekerja dilatih mengenai piawaian kesihatan dan keselamatan	84	331	585
Bilangan Notis Larangan (NOP) semasa Audit DOSH	0	0	0

* Kontraktor

Aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerja pada 2024

Pada tahun 2024, Agrobank melaksanakan siri aktiviti komprehensif berkenaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) selaras dengan komitmen kami untuk memupuk persekitaran kerja yang produktif dan menyokong tenaga kerja yang berdaya saing yang merupakan pemacu utama yang dikenal pasti dalam ulasan strategik kami. Inisiatif ini menekankan pelaburan kami dalam pembangunan modal insan yang bertujuan membudayakan keselamatan yang teguh dan memastikan kesejahteraan holistik kakitangan serta rakan kongsi luaran.

Usaha kami bermula dengan **Agrobank Wellness Day 2024** pada 25 Jun yang melibatkan 230 peserta dalam pelbagai aktiviti. Acara ini yang dilaksanakan dengan kerjasama penyedia penjagaan kesihatan seperti Hospital Pakar Al-Islam, Columbia Asia Hospital, dan Ben Physio, menekankan komitmen kami terhadap kesihatan dan kesejahteraan menyeluruh para pekerja. Sebagai pelengkap, dua sesi **Agrobank Blood Drive (Derma Darah)** telah berjaya diadakan pada Julai dan November dengan penyertaan seramai 160 orang, sekaligus memupuk penglibatan komuniti serta kesedaran kesihatan dalam kalangan kakitangan.

Tumpuan utama diberikan kepada kesiapsiagaan kecemasan melalui Latihan Kesedaran & Simulasi Kebakaran (FASE) di tiga wilayah (Sabah, Pahang, dan Perak). Latihan untuk lima wilayah pertama telah diselesaikan pada 2023. Latihan ini yang melibatkan 89 peserta adalah penting untuk meningkatkan kesedaran tentang prosedur evakuasi kecemasan dan membudayakan keselamatan di tempat kerja. Selain itu, **Latihan Kebakaran Praktikal di ABADI** pada 25 Disember yang dianjurkan bersama CPLD dan melibatkan 27 peserta memastikan kakitangan mahir dalam simulasi dan tindak balas terhadap kecemasan kebakaran sebenar bagi evakuasi yang selamat dan cepat.

Dalam usaha memperkukuh keupayaan OSH dalaman dan memenuhi keperluan peraturan baharu (Pindaan Akta OSH 2022), Agrobank telah **memperkenalkan 195 Penyelaras Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH-C)** di seluruh negara antara April hingga September. Ini termasuk latihan khusus melalui lapan sesi kepada 192 kakitangan yang dilantik. Ia membekalkan mereka dengan pengetahuan OSH yang menyeluruh. Pelaburan dalam pembangunan tenaga kerja ini menyumbang secara langsung kepada peningkatan kepakaran pekerja yang merupakan aspek teras strategi modal insan kami. Bagi memperkukuh kemahiran tindak balas awal, **Latihan BOFA, CPR & AED** telah dijalankan dalam dua sesi di ABADI dari 25-26 November dan 2-3 Disember. Ia memberi keutamaan kepada 43 Warden Tingkat yang dilantik.

Pemeriksaan Tempat Kerja telah dijalankan di 4 ibu pejabat dan 10 cawangan sepanjang 2024. Pemeriksaan ini memastikan pematuan sepenuhnya terhadap piawaian OSH dan memudahkan pengenalpastian serta penyelesaian bahaya dan risiko secara tepat pada masanya. Audit juga dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) melibatkan dokumentasi komprehensif dan audit fizikal oleh pegawai DOSH di pelbagai cawangan bagi memastikan pematuan OSH yang berterusan. Pada tahun 2024, sebanyak 11 audit telah diselesaikan.

Bagi memupuk budaya OSH yang menyeluruh, Agrobank melaksanakan pelbagai inisiatif kesedaran dan informasi. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 10 poster peringatan OSH telah dikeluarkan bagi mempromosikan dan menanamkan prinsip OSH dalam kalangan kakitangan. Ini dilengkapi dengan **Kuiz OSH Atas Talian** pada 26 September yang melibatkan 350 peserta sebagai sebahagian daripada inisiatif lebih luas untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan jantung.

Memperluaskan komitmen keselamatan di luar operasi dalaman, sebanyak 4 Taklimat Keselamatan OSH telah dijalankan untuk kontraktor, pembekal, dan vendor yang dilantik sepanjang tahun. Ia berfungsi sebagai keperluan standard untuk membudayakan OSH dalam operasi mereka sekaligus memastikan pendekatan keselamatan yang konsisten di sepanjang rantaian nilai kami.



PRESTASI KEMAMPAHAN KAMI

Inisiatif Penglibatan Kesihatan & Kesejahteraan

Laporan Tahunan Bersepadu Agrobank 2024 - Tonggak Sosial

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Agrobank terhadap kesejahteraan holistik kakitangan, satu siri ceramah kesihatan dan kesejahteraan yang komprehensif telah dijalankan sepanjang tahun 2024. Inisiatif ini bertujuan memberikan kakitangan pengetahuan perubatan yang relevan serta memperkasakan mereka untuk mengamalkan gaya hidup lebih sihat dan berinformasi.

Dianjurkan dengan kerjasama PMCare, ETIQA, dan SOCSO, program ini menampilkan 11 sesi pendidikan yang merangkumi pelbagai topik berkaitan kesihatan. Pakar-pakar terkenal – termasuk pakar diet, pakar pediatrik, pakar dermatologi, perunding ortopedik, dan psikologi – berkongsi pandangan yang direka khas untuk mempromosikan kesejahteraan fizikal, mental, dan sosial.



Impak dan Penjajaran

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan pendekatan proaktif Agrobank dalam membina budaya tempat kerja yang lebih sihat. Dengan mempromosikan pendidikan kesihatan dan penjagaan pencegahan, Agrobank menyelaraskan usahanya dengan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG), khususnya bawah Tonggak Sosial yang menekankan kesejahteraan kakitangan, keterangkuman, dan kelestarian jangka panjang.

Siri ceramah ini turut memupuk penglibatan bermakna dan meningkatkan kesedaran merentas jabatan, mengukuhkan peranan Agrobank sebagai majikan yang menghargai produktiviti profesional serta pembangunan peribadi kakitangannya.



Sorotan Siri

Siri ceramah kesihatan 2024 merangkumi topik-topik berikut:

- **Usus Sihat, Anda Sihat** (29 Februari)
– Petua pemakanan untuk kesihatan pencernaan dan imunisasi
- **Penyakit Pernafasan pada Kanak-Kanak** (15 Mac)
– Kesedaran pernafasan pediatrik
- **Manfaat SOCSO & Program Kembali Bekerja** (25 April)
– Perlindungan sosial dan keselamatan pekerja
- **Pengurusan Stres Dengan Gaya Hidup Sihat** (28 Mei)
– Pengurusan stres melalui gaya hidup sihat
- **Kesan Sampingan Merkuri dalam Penjagaan Kulit & Kosmetik** (27 Jun)
– Amalan kosmetik yang selamat
- **Apa Itu Penyakit Cakera Intervertebral** (31 Julai)
– Pendidikan kesihatan muskuloskeletal
- **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO** (23 Ogos)
– Perlindungan sosial keselamatan domestik
- **Apa Itu Kesihatan Mental** (30 September)
– Ketahanan emosi dan literasi psikologi
- **Postur Badan yang Betul** (22 Oktober)
– Ergonomi tempat kerja dan terapi fizikal
- **Mengurangkan Pengambilan Gula untuk Hidup Sihat** (27 November)
– Literasi pemakanan dan pencegahan penyakit
- **Apa Itu Psoriasis** (19 Disember)
– Kesedaran mengenai penyakit kulit kronik



Aktiviti OSH pada 2024

No.	Nama Program	Jumlah Peserta	Tarikh dan Penerangan Program (Objektif, Rakan Kongsi, Impak, dan lain-lain)
1	Agrobank Wellness Day 2024	230	25 Jun 2024: Pelbagai aktiviti dianjurkan, merangkumi bukan sahaja kesihatan tetapi juga keselamatan dan kesejahteraan secara menyeluruh. Antara pempamer termasuk Hospital Pakar Al-Islam, Columbia Asia Hospital, Ben Physio, Pusat Pakar UiTM, PMCare dan LPPKN.
2	Latihan Kesedaran & Simulasi Kebakaran (FASE)	89	29 Jun, 19 Oktober & 16 November 2024: Untuk meningkatkan kesedaran mengenai evakuasi kecemasan di tempat kerja serta menggalakkan budaya kerja selamat dalam kalangan kakitangan - dijalankan di 3 wilayah iaitu Sabah (29/06/2024), Pahang (19/10/2024) dan Perak (16/11/2024).
3	Agrobank Blood Drive (Derma Darah) 1 & 2	160	10 Julai & 13 November 2024: Dengan kerjasama CTD, ini merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan untuk kakitangan sebagai sebahagian daripada usaha kesedaran berterusan.
4	Pengenalan Penyelaras Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH-C)	195	April - September 2024: Bagi memenuhi keperluan baru dalam Peraturan OSH (Pindaan Akta OSH 2022), seramai 192 kakitangan telah dilantik sebagai Penyelaras OSH (OSH-C) di seluruh negara dan menghadiri latihan khas dengan jurulatih berdaftar DOSH (8 sesi) untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan OSH yang komprehensif.
5	Latihan BOFA, CPR & AED	43	25 - 26 November & 2 - 3 Disember 2024: Dua sesi Latihan Bantuan Rawatan Pekerjaan Asas (BOFA) diadakan di ABADI. Keutamaan diberikan kepada semua Warden Tingkat yang dilantik. Objektifnya adalah untuk memberikan kakitangan dengan pengetahuan yang diperlukan sebagai responden pertama dalam situasi kecemasan.
6	Kuiz OSH Dalam Talian	350	26 September 2024: Sebahagian daripada inisiatif meningkatkan kesedaran mengenai penjagaan jantung dalam kalangan kakitangan.
7	Pemeriksaan Tempat Kerja		Januari - Disember 2024: Pemeriksaan dijalankan di 10 cawangan (Kulai, HQ (4), Semenyih, PD, Tanah Merah, Machang & K Krai) bagi memastikan pematuan penuh terhadap spektrum OSH serta mengenal pasti dan menangani potensi bahaya dan risiko.
8	Audit Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (DOSH)		Januari, Februari, Mac & September 2025: Dokumentasi dan audit fizikal oleh pegawai DOSH bagi memastikan pematuan OSH - Kuala Berang, Dungun, Kemaman dan Cheneh Bharu (28 & 29/1/2024), Raub (13/2/2024), Bukit Payong (18/2/2024), Johor Bahru (21/2/2024), Shah Alam (6/3/2024), Jerneh & Bandar Permaisuri (27/3/2024) dan Labuan (29/8/2024).
9	Peringatan OSH		Februari - Disember 2024: Pelbagai inisiatif kesedaran dan maklumat dijalankan untuk mempromosikan dan menanamkan budaya OSH dalam kalangan kakitangan.
10	Taklimat Keselamatan OSH kepada Kontraktor/ Vendor/Pembekal yang Dilantik		Januari - September 2024: Keperluan standard untuk menanamkan budaya OSH dalam kalangan vendor, kontraktor, dan pembekal yang dilantik.

MENERIMA ANUGERAH MSOSH 2024

Pada 11 November 2024, Agrobank dengan bangga menerima Anugerah Presiden 2024 daripada Malaysian Society of Occupational Safety & Health (MSOSH) atas Kepimpinan Cemerlang dalam OSH.

Penilaian untuk anugerah ini telah dijalankan semasa lawatan hormat oleh delegasi MSOSH pada 15 Oktober 2024.

Pengiktirafan ini menegaskan budaya keselamatan bertaraf dunia Bank, yang ditonjolkan melalui rekod insiden yang kukuh, pelaksanaan Penyelaras OSH di seluruh negara, serta program latihan dan kesedaran kakitangan yang meluas.



TINJAUAN PRESTASI PERNIAGAAN DAN KEWANGAN KAMI

Memfaatkan latar belakang pertanian beliau, Wan Zamri Bin Wan Ya, seorang usahawan baja organik, berjaya memodenkan amalan pertanian tradisional menerusi penyertaan beliau dalam Program Usahawan Muda Agrobank (AUM). Beliau mendapat kelulusan Jabatan Pertanian untuk inovasi baja organik yang menjadi teras perniagaan beliau, Wannik Garden, yang berkepakaran dalam penghasilan anak benih berkualiti tinggi. Beliau juga membangunkan arang berkualiti tinggi berasaskan sekam padi, satu produk nilai tambah yang dicipta semasa Program AUM. Kebolehan Zamri mencipta produk inovatif yang diluluskan serta mengembangkan pasaran adalah hasil daripada sokongan strategik Bank.

Inisiatif keusahawanan berpotensi tinggi seperti ini yang menekankan inovasi, kepelbagaian, dan perluasan pasaran, menjadi asas kepada daya tahan ekonomi dan pertumbuhan yang menyokong prestasi keseluruhan Agrobank. Bab seterusnya menghuraikan bagaimana kejayaan dan perkembangan pelanggan inovatif seperti Wan Zamri menyumbang kepada kekuatan kewangan Bank serta pertumbuhan kukuh sektor agro.

Modal



Modal Keuangan



Modal Pembuatan

Perkara-perkara Material



Prestasi Pasaran
Pertanian dan
Perniagaan



TINJAUAN PRESTASI PERNIAGAAN DAN KEWANGAN KAMI

PASARAN PERTANIAN DAN PRESTASI PERNIAGAAN

Modal



Perkara-perkara Material



Matlamat dan visi Agrobank untuk terus memacu kemajuan pertanian negara berkait rapat dengan perkembangan dinamik pasaran pertanian serta pelaksanaan operasi perniagaannya. Tinjauan menyeluruh keadaan ekonomi semasa menggambarkan prestasi tahun ini, manakala ulasan terperinci mengenai perniagaan dan kewangan pula menggariskan respons strategik serta pencapaian operasi Agrobank dalam mengemudi perubahan pasaran dan memenuhi mandat.

Mandat ini berpaksikan usaha membangunkan daya tahan ekonomi dan pertumbuhan sektor menerusi sokongan aktif terhadap perdagangan pasaran, pelaburan strategik, dan pembinaan kapasiti jangka panjang. Usaha-usaha utama ini dipacu dua keutamaan penting. Pertama, perluasan keterangkuman kewangan bagi memastikan perkhidmatan penting mencapai komuniti terpinggir di seluruh rantai nilai, dan kedua, komitmen berterusan terhadap pembiayaan mampan. Menerusi produk-produk dan inisiatif-inisiatif mesra alam dan beretika, Agrobank memastikan pertumbuhan yang dicapai adalah inklusif dan lestari. Elemen-elemen ini saling melengkapi, menggambarkan sumbangan signifikan Bank dalam memastikan masa hadapan pertanian negara lebih kukuh dan makmur.





ANALISIS LANDSKAP PASARAN

Bagi memahami persekitaran operasi Agrobank dan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan strategik, analisis ini meninjau perkembangan ekonomi utama pada tahun 2024 dan wawasan untuk tahun 2025, menggariskan elemen-elemen pasaran yang memacu prestasi Bank.

TINJAUAN EKONOMI DOMESTIK PADA 2024

Landskap ekonomi Malaysia mengukuh dengan ketara pada tahun 2024 dengan momentum pertumbuhan mengatasi jangkaan di sektor-sektor utama. Dengan KDNK berkembang kukuh pada 5.1% berbanding 3.5% pada 2023, ekonomi negara mendapat manfaat daripada permintaan domestik yang meningkat 6.5%, disokong pemulihan kukuh dalam perdagangan luar. Momentum positif ini turut dipacu asas ekonomi yang sihat, termasuk kadar pengangguran rendah pada 3.3% dan inflasi rendah pada 1.8%. Pertumbuhan KDNK Malaysia pada 2024 juga mengatasi beberapa negara serantau seperti Indonesia (5.0%), Singapura (4.4%), dan Thailand (2.5%).

Perbelanjaan sektor swasta dan awam terus menjadi pemangkin utama kepada permintaan domestik. Penggunaan swasta, dengan sumbangan terbesar KDNK pada 60.7%, berkembang 5.1%, disokong pertumbuhan pekerjaan dan gaji. Pelaburan swasta melonjak 12.3%, dipacu oleh projek-projek baharu dan berimpak tinggi, pelaksanaan pelan dasar serta inisiatif infrastruktur, selain kemasukan signifikan FDI bernilai tinggi.

Eksport bersih turut menunjukkan pemulihan dengan kenaikan 9.2% hasil permintaan tinggi daripada rakan dagang utama serta kesan positif daripada kitaran pertumbuhan teknologi global. Dari sudut bekalan, sektor perkhidmatan yang menyumbang 59.4% kepada KDNK mencatat pertumbuhan kukuh pada 5.3% bagi tahun 2024, didorong perkembangan pesat dalam sub-sektor seperti perdagangan borong & runcit, pengangkutan & penyimpanan, serta kewangan & insurans

Inflasi utama dan teras masing-masing mencatat purata lebih rendah pada 1.8% pada tahun 2024, berbanding 2.5% dan 3.0% pada 2023. Tekanan harga akibat perubahan dasar kekal terkawal walaupun berlaku pelarasan tarif air, kenaikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada 6% kepada 8%, serta pelaksanaan subsidi diesel bersasar pada Jun 2024. Malaysia menarik pelaburan diluluskan berjumlah RM384.4 bilion untuk sektor perkhidmatan (RM255.8 bilion), pembuatan (RM120.5 bilion), dan primer (RM8.1 bilion), peningkatan 16.7% berbanding 2023. Dengan pertumbuhan KDNK yang stabil dan inflasi rendah, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3% sepanjang 2024, seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga.

PRESTASI SEKTOR PERTANIAN DAN BERASASKAN AGRO PADA 2024

Sektor pertanian Malaysia mencatat prestasi terbaiknya dalam tempoh tujuh tahun, dengan KDNK berkembang 3.1% tahun-ke-tahun pada 2024 (2023: 0.2%). Pemulihan sektor ini disokong oleh kenaikan bekalan tenaga kerja, pemansuhan subsidi dan kawalan harga ayam pada November 2023, serta keadaan El-Nino yang lebih sederhana pada 2024. Segmen agro-makanan kekal berdaya tahan, berkembang 2.2% tahun-ke-tahun pada 2024 (2023: 1.3%), dipacu oleh peningkatan pengeluaran sub-sektor ternakan yang berkembang 3.3% (2023: 1.5%) dan pemulihan sub-sektor perikanan kepada 2.9% (2023: -0.6%). Sementara itu, segmen komoditi kembali pulih dengan pertumbuhan 4.2% (2023: -1.1%), didorong prestasi sektor sawit (5.1%; 2023: 0.2%) dan getah (10.5%; 2023: -6.6%). Perkembangan ini mencerminkan pemulihan menyeluruh segmen agro-makanan dan komoditi, sekaligus mengukuhkan momentum sektor pertanian pada 2024.

Industri berasaskan agro mencatat pertumbuhan sederhana 5.7% tahun ke tahun pada 2024 (2023: 1.5%), mencerminkan pengembangan berterusan dalam sektor pembuatan, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta pemulihan eksport. Segmen-segmen utama dalam industri ini menunjukkan pertumbuhan ketara termasuk minyak & lemak sayuran, pemprosesan makanan, minuman, serta produk getah.



TINJAUAN PRESTASI SISTEM PERBANKAN PADA 2024

Sektor perbankan Malaysia mencatat pertumbuhan pembiayaan yang stabil sebanyak 5.5% tahun-ke-tahun pada 2024 (2023: 5.3%), didorong oleh daya tahan perbelanjaan pengguna, momentum ekonomi yang berterusan, aktiviti pelaburan yang rancak, serta kestabilan kadar faedah.

Bank-bank terus mengukuhkan penampan kecairan bagi melindungi diri daripada sebarang kejutan, dengan Nisbah Liputan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih (NSFR) masing-masing berada pada 161% dan 116%.

Kualiti aset kekal kukuh, dengan nisbah penjejasan perniagaan keseluruhan menurun kepada 3.1% setakat Disember 2024 (Jun 2024: 3.5%), manakala nisbah penjejasan isi rumah kekal stabil pada 1.1% (Jun 2024: 1.2%).

Sementara itu, Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) mencatat pertumbuhan pembiayaan yang stabil, mencecah 5.6% pada Disember 2024 (Jun 2024: 5.3%). Nisbah pembiayaan terjejas dalam kalangan IKP turut meningkat kepada 5.6% (Jun 2024: 6.0%), mencerminkan pengukuhan pengurusan risiko kredit dan kualiti portfolio.



PRESTASI AGROBANK PADA 2024

Momentum ekonomi ini, berserta pasaran buruh yang sihat dan sektor pertanian yang berkembang maju, mendorong pengembangan pembiayaan Agrobank yang mengekalkan trajektori cemerlang dengan pertumbuhan 7.9% tahun-ke-tahun, mencecah RM15.4 bilion menjelang Disember 2024. Pertumbuhan ini jauh mengatasi purata sektor perbankan domestik sebanyak 5.5%.

Prestasi kukuh ini merangkumi semua portfolio Agrobank. Segmen Perbankan PKS menunjukkan pertumbuhan pembiayaan luar biasa sebanyak RM547.36 juta, mengatasi sasaran awal sebanyak 161% dan menghasilkan portfolio cemerlang pada RM4.68 bilion. Ini didorong oleh kestabilan pasaran yang merangsang permintaan lebih tinggi untuk modal kerja dan penggunaan perdagangan, selain kejayaan kerjasama kerajaan seperti Program Dana Pembiayaan Agroteknologi Madani (DPPAM).

Segmen Perniagaan Mikro juga mencatat prestasi melebihi sasaran, dengan peningkatan aset pembiayaan bersih sebanyak 105.25% di samping pengkalan kualiti aset dan pengurangan tunggakan bayaran semula. Segmen Pembiayaan Kontrak, walaupun masih baharu, mula mendapat perhatian dengan tawaran modal kerja untuk kontrak bekalan terjamin, meluluskan RM14.21 juta bagi merapatkan jurang kewangan dalam kalangan kontraktor kecil dan usahawan.

Selain itu, lonjakan harga emas sepanjang tahun memacu program Ar-Rahnu Agrobank yang mencatat pertumbuhan kukuh RM186.92 juta, yakni 155.76% lebih tinggi berbanding sasaran. Ini mendorong permintaan lebih tinggi untuk produk pembiayaan berasaskan emas apabila pelanggan menggunakan aset mereka untuk mendapatkan jumlah pembiayaan lebih besar. Bahagian Perbankan Pengguna turut menunjukkan pemulihan kukuh, dengan produk seperti Agrocash-i dan Hartani-i mencatat pertumbuhan dan pemulihan signifikan, menyumbang kepada baki penutup tahun yang kukuh.

Dengan pertumbuhan aset keseluruhan sebanyak 8.20% kepada RM22.46 bilion serta pelaburan strategik dalam infrastruktur digital, Agrobank berjaya mengimbangkan di antara pertumbuhan agresif dan pengurusan baki pembiayaan terjejas dari era COVID-19. Agrobank justeru bukan sekadar penyedia pembiayaan, tetapi juga tonggak utama keseluruhan rantaian nilai pertanian, dari koperasi berskala besar hinggalah ke usahawan mikro luar bandar.

ANALISIS LANDSKAP PASARAN

TINJAUAN EKONOMI DOMESTIK BAGI 2025

Ekonomi Malaysia pada 2025 dijangka berkembang pada kadar sederhana, dipengaruhi ketidaktentuan berkaitan langkah tarif Amerika Syarikat dan ketegangan geopolitik yang berterusan. Cabaran luar berterusan ini menjejaskan prospek ekonomi, di mana perang dagangan global yang berpanjangan berpotensi mendorong semakin semula sasaran pertumbuhan KDNK kerajaan. Namun, daya tahan permintaan domestik, dipacu oleh kestabilan perbelanjaan sektor swasta, dijangka terus memangkinkan pertumbuhan dan mengurangkan impak tekanan luar. Perbelanjaan isi rumah pula dijangka meningkat, disokong pertumbuhan pekerjaan, kenaikan gaji, serta program bantuan tunai kerajaan untuk kumpulan berpendapatan rendah.

TINJAUAN UNTUK SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan domestik khususnya pertumbuhan pembiayaan dijangka kekal daya tahan, disokong permintaan domestik yang kukuh, pelaburan perniagaan berterusan, serta pasaran buruh yang kukuh, dipacu oleh penggunaan isi rumah dan pembiayaan PKS. Walaupun risiko luar berpotensi menjejaskan sentimen, bank dijangka kekal utuh dengan penampunan modal dan kualiti aset yang mantap. Kecairan yang stabil serta pengurusan risiko yang berhemah akan terus memacu kestabilan sektor perbankan.

TINJAUAN UNTUK SEKTOR PERTANIAN

Pada 2025, sektor pertanian dijangka mengekalkan momentum positif, dipacu kestabilan permintaan makanan berikutan kadar pengangguran yang rendah, pertumbuhan gaji berterusan, serta peningkatan populasi, seiring perkembangan industri perkhidmatan F&B dan pemulihan sektor pelancongan. Pengembangan industri agro-makanan dijangka meningkatkan permintaan untuk pembiayaan pertanian, sekaligus mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

RESPONS AGROBANK TERHADAP PERKEMBANGAN DAN DASAR-DASAR BAHARU SEKTOR PERTANIAN

Perkembangan dan Dasar-dasar Baharu Sektor Pertanian Malaysia

- Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan menggesa industri untuk memacu pemodenan amalan pertanian dan mempercepatkan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan produktiviti dan daya tahan jangka panjang sektor ini bagi memastikan keterjaminan makanan negara dan memperkukuh daya saing usahawan tani tempatan di pasaran global.
- Pada Januari 2024, kerajaan telah menubuhkan dana khas bagi Skim Insentif Pembiayaan Tanaman Semula Pokok Kelapa Sawit (TSPKS 2.0) dengan peruntukan RM100 juta, yang akan disalurkan sepenuhnya untuk tujuan penanaman semula kelapa sawit.
- Malaysia mula mengeksport durian segar ke China pada 24 Ogos 2024, dua bulan selepas menandatangani Protokol Keperluan Fitosanitari untuk Eksport Durian Segar dari Malaysia ke China. Usaha ini membuka laluan untuk lebih banyak eksport durian segar ke negara tersebut, sekaligus merangsang permintaan pembiayaan aktiviti berkaitan.
- Budi Agri-Komoditi, yakni sebahagian inisiatif Budi Madani, telah dilancarkan pada 28 Mei 2024. Program ini bertujuan menyokong pekebun kecil dengan menyediakan subsidi diesel bersasar sebanyak RM200 sebulan bagi menampung kenaikan harga diesel.

Respons Agrobank terhadap Perkembangan Baharu

- Sebagai respons, Agrobank menyediakan pembiayaan bersasar untuk membantu peladang menggunakan teknologi berkaitan. Sebagai contoh, mereka boleh memohon pembiayaan untuk membeli dron pemantauan tanaman atau sensor tanah bagi memastikan pengairan yang lebih baik, sekaligus menyumbang kepada agenda nasional.
- Agrobank adalah saluran pengagihan peruntukan TSPKS 2.0. Bank juga menyediakan penyelesaian pembiayaan pelengkap untuk menampung kos tambahan penanaman semula atau menambah modal kerja bagi pekebun kecil agar mereka boleh beralih mengusahakan ladang berpenghasilan tinggi.
- Menyedari permintaan pembiayaan yang tinggi berikutan perjanjian ini, Agrobank menyediakan pakej pembiayaan khusus untuk keseluruhan rantaian nilai perniagaan.
- Bank menyediakan produk-produk mikro-pembiayaan dan modal kerja untuk pekebun kecil agar mereka dapat menampung lain-lain kos kritikal, meningkatkan produktiviti, dan mengekalkan kestabilan kewangan, sekaligus mengurangkan profil risiko serta memperkukuh kelayakan untuk mendapat kemudahan pembiayaan lebih besar.

CABARAN MASA HADAPAN UNTUK PENCIPTAAN NILAI PERNIAGAAN AGROBANK

Ketidaktentuan ekonomi global boleh menjejaskan permintaan dan harga produk-produk pertanian, justeru menjatuhkan harga komoditi jika permintaan terus menurun.

Turun naik kadar tukaran Ringgit boleh menjejaskan kos input pertanian import seperti baja dan jagung, selain meningkatkan kos pengeluaran dan mengurangkan margin.

Apabila ekonomi domestik merudum, BNM akan mengurangkan OPR bagi menyokong aktiviti ekonomi domestik. Langkah ini akan menjejaskan margin keuntungan Bank.

Perubahan cuaca dan iklim yang melampau boleh menjejaskan hasil pertanian, seterusnya meningkatkan risiko kegagalan pembayaran semula oleh klien.

PENDEKATAN AGROBANK DALAM MEMASTIKAN KEMAMPAHAN PRESTASI PERNIAGAAN

Inovasi Produk Kewangan

Terus membangunkan produk-produk kewangan inovatif bagi memenuhi keperluan komuniti pertanian yang sentiasa berubah. Agrobank sentiasa mengikuti perkembangan terbaharu industri dan memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan inovatif agar kekal berdaya saing.



Transformasi Digital

Meningkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan operasi menerusi usaha digitalisasi, termasuk pembangunan aplikasi mudah alih perbankan, platform dalam talian, dan penyelesaian teknologi kewangan untuk produk-produk dan perkhidmatan dalam talian.



Inisiatif Kelestarian

Membangunkan penyelesaian kewangan yang mampan dan meningkatkan amalan-amalan hijau pertanian bagi menarik minat pelanggan dan meningkatkan reputasi Agrobank.

Keterangkuman Kewangan

Meluaskan khidmat kewangan kepada komuniti terpinggir, khususnya di luar bandar. Ini termasuk program-program khidmat nasihat dan pendidikan bagi meningkatkan literasi kewangan dan mempromosi produk-produk dan perkhidmatan perbankan yang sesuai.



Pengurusan Kos

Melaksanakan strategi pengurusan kos yang efektif bagi mengekalkan keuntungan di samping memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan inovatif kepada komuniti pertanian.



Kerjasama Strategik

Menjalin dan mengukuhkan kerjasama strategik dengan organisasi pertanian dan syarikat-syarikat teknologi bagi menyokong pelanggan yang pelbagai.

Meningkatkan Ilmu Kewangan Pelanggan

Memupuk dan melengkapi usahawan tani dengan ilmu dan kemahiran kewangan yang mencukupi agar mereka berjaya dalam perniagaan tani.



ULASAN KEWANGAN

Agrobank mengemudi persekitaran operasi yang mencabar pada tahun kewangan berakhir 2024, termasuk persaingan sengit dalam sektor perbankan serta ketidakpastian ekonomi ekoran ketegangan geopolitik yang berterusan. Sungguhpun begitu, Agrobank mencapai kadar pertumbuhan pembiayaan 7.92%, yang tertinggi sejak tiga tahun lepas. Prestasi ini mengatasi tanda aras sektor perbankan (5.50%) dan penguncupan sektor pertanian (-6.20%). Hasilnya, pendapatan pembiayaan meningkat 4.24% atau RM35.27 juta, berbanding RM831.59 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 kepada RM866.85 juta pada tahun kewangan berakhir 2024. Pendapatan pelaburan juga meningkat 22.79% atau RM49.11 juta, dipacu pulangan kukuh hasil aset pelaburan yang lebih tinggi.

Bank merekodkan **pertumbuhan agihan sebanyak 25.46%**, mengatasi kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) selama lima tahun sebanyak **11.37%**. Pertumbuhan kukuh ini mempercepatkan usaha perluasan pembiayaan, justeru menjadi asas peningkatan pendapatan dan keuntungan pada masa hadapan. Jumlah agihan mencecah **RM10.44 bilion**, berbanding **RM8.32 bilion** pada tahun kewangan berakhir 2023. Agrobank juga mencatat rekod tertinggi untuk **portfolio Kewangan Dagangan**, dengan jumlah agihan **RM6.01 bilion** dan jumlah baki **RM1.83 bilion**.

Keuntungan operasi sedikit menurun pada **5.06%** atau **RM14.54 juta**, berbanding **RM287.63 juta** pada tahun kewangan berakhir 2023 kepada **RM273.09 juta** pada tahun kewangan berakhir 2024. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam pelaburan strategik untuk pengkalan bakat dan infrastruktur digital, bagi memperkukuhkan keupayaan jangka panjang.

Keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBTZ) adalah **RM188.78 juta**, **penurunan 12.30%** atau **RM26.48 juta** berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan cabaran dalam menguruskan baki penjejasan dari era COVID-19. Hasilnya, **Pulangan Ekuiti (ROE)** menurun **5.48%** berbanding **6.40%** pada tahun kewangan berakhir 2023.

Pada tahun kewangan berakhir 2024, **jumlah aset berkembang 8.20%**, mencecah **RM22.46 bilion** (dinyatakan semula), berbanding **RM20.76 bilion** (dinyatakan semula) pada tahun kewangan berakhir 2023. Pertumbuhan ini dipacu komitmen berterusan Agrobank terhadap mandat untuk memperkasa komuniti pertanian, yang membawa kepada peningkatan **RM1.13 bilion** dalam pembiayaan berterusan. Bagi meningkatkan keuntungan, aset pelaburan berkembang **RM6.33 bilion**, peningkatan **RM745.90 juta** berbanding tahun sebelumnya.

Bagi menyokong pertumbuhan pembiayaan, **jumlah deposit meningkat RM198.57 juta**, mencecah RM8.71 bilion, berbanding RM8.51 bilion pada tahun kewangan berakhir 2023.

Tahun kewangan berakhir 2024 ditutup dengan **jumlah penjejasan RM1.28 bilion**, peningkatan **RM183.41 juta**. Sepanjang tahun tinjauan, **RM666.26 juta** berjaya diperoleh semula, manakala **RM52.83 juta** dihapus kira. **Nisbah Penjejasan Kasar (GIR)** meningkat sedikit kepada **7.94%**, berbanding **7.35%** pada tahun kewangan berakhir 2023.




RINGKASAN KEWANGAN LIMA TAHUN


Tahun berakhir 31 Disember	2024 (Kumpulan)	2024 (Bank)	2023 (Pernyataan Semula Bank)	2023 (Pernyataan Semula Bank)	2022 (Pernyataan Semula Bank)	2021 (Bank)	2020 (Bank)
KEUNTUNGAN (RM juta)							
Keuntungan operasi	272.65	273.09	287.62	287.63	278.95	253.87	250.63
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	187.96	188.78	215.25	215.26	182.34	145.71	40.33
DATA UTAMA KEDUDUKAN KEWANGAN (RM juta)							
Jumlah aset	22,464.44	22,461.84	20,762.11	20,762.13	19,415.63	18,756.30	18,187.59
Pembiayaan dan pendahuluan (bersih)	15,379.79	15,379.79	14,250.63	14,250.63	13,528.15	13,126.14	12,667.91
Jumlah liabiliti	19,018.77	19,015.34	17,398.59	17,398.59	16,225.32	15,550.26	14,996.42
Deposit dan simpanan pelanggan	8,655.66	8,706.12	8,507.55	8,507.55	8,518.88	8,292.50	9,091.80
Deposit dan simpanan bank dan institusi kewangan lain	4,544.20	4,544.20	3,259.65	3,259.65	2,616.14	2,415.53	2,603.56
Modal berbayar	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00
Ekuiti	3,445.67	3,446.50	3,363.53	3,363.54	3,190.31	3,206.04	3,191.18
Komitmen dan luar jangka	1,305.86	1,305.86	1,277.29	1,277.29	796.85	868.16	1,032.63
NISBAH KEWANGAN (%)							
Nisbah Keuntungan							
Pulangan atas ekuiti (sebelum cukai)	5.45	5.48	6.4	6.4	5.7	4.5	1.3
Pulangan atas aset purata (sebelum cukai)	0.87	0.87	1.1	1.1	1.0	0.8	0.2
Nisbah kos/pendapatan	67.28	67.17	64.2	64.2	63.4	63.7	59.8
Nisbah Kualiti Aset							
Nisbah pembiayaan kepada deposit	88.33	87.76	90.2	89.7	92.0	92.4	89.3
Nisbah pembiayaan terjejas kasar	7.94	7.94	7.4	7.4	7.3	6.4	6.7
Perlindungan kerugian pembiayaan	60.30	60.30	62.5	62.5	68.8	73.5	66.7
Nisbah Kecukupan Modal							
Sebelum menolak dividen yang dicadangkan							
Nisbah modal teras	21.30	21.31	19.7	19.7	20.3	21.2	21.2
Nisbah modal berwajaran risiko	26.75	26.32	24.6	24.3	24.8	25.8	24.5
Asas modal (RM juta)	4,240.30	4,171.93	4,129.98	4,079.99	3,913.58	3,897.61	3,542.36
Modal tahap 1 (RM juta)	3,376.48	3,377.31	3,302.46	3,302.47	3,194.85	3,204.17	3,077.75
Modal tahap 2 (RM juta)	863.82	844.62	827.52	827.52	718.73	693.44	464.71
NISBAH PRODUKTIVITI							
Bilangan kakitangan	3,922	3,915	3,673	3,673	3,493	3,554	3,599
Pembiayaan kasar bagi setiap kakitangan (RM juta)	4.11	4.12	4.06	4.06	4.07	3.87	3.67
Deposit bagi setiap kakitangan (RM juta)	3.37	3.38	3.20	3.20	3.19	3.01	3.25
Keuntungan sebelum cukai bagi setiap kakitangan (RM ribu)	47.92	48.22	58.60	58.61	52.20	41.00	11.20

PRESTASI KEWANGAN


Pembiayaan dan Pendahuluan (Bersih) (RM juta)




Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat (RM juta)




Ekuiti (RM juta)




Pulangan atas Aset Purata (sebelum Cukai) (%)



Nisbah Modal Berwajaran Risiko (%)



Pulangan atas Ekuiti (sebelum Cukai) (%)



ULASAN PERNIAGAAN KUMPULAN

SEGMENT PERBANKAN KORPORAT

MEMANGKIN PERTUMBUHAN SKALA BESAR DAN TRANSFORMASI STRATEGIK

Segmen perbankan korporat Agrobank adalah pemacu utama perusahaan pertanian berskala besar dan rakan niaga strategik dalam ekosistem pengeluaran makanan negara. Menerusi penyelesaian kewangan yang menyeluruh dan kemudahan berstruktur, segmen ini menyediakan modal untuk projek-projek berimpak tinggi sejajar dengan matlamat pembangunan Bank. Dalam hal ini, ia memperkuat komitmen Agrobank dalam memastikan daya tahan sektor pertanian Malaysia, agenda kemampanannya, serta transformasi ekonomi secara am.



SUMBANGAN SEGMENT PERBANKAN KORPORAT KEPADA KOMUNITI TERPINGGIR

Segmen Perbankan Korporat menyumbang secara signifikan kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan menerusi kerjasama strategik dengan pelanggan korporat serta pasukan PKS/Mikro, khususnya menerusi cadangan pembiayaan kontrak bagi projek ternakan ayam dan nanas.

Justeru, segmen ini membuktikan bahawa pembangunan pertanian berskala besar dan pertumbuhan inklusif adalah usaha yang saling melengkapi. Apabila diselaraskan secara strategik, usaha ini boleh merubah keseluruhan sektor dan meningkatkan kesejahteraan komuniti di seluruh negara.



CABARAN-CABARAN

Cabaran Terkini

Segmen ini beroperasi dalam persekitaran yang kompetitif di mana institusi kewangan lain turut bersaing untuk pembiayaan projek pertanian. Cabaran lain termasuk keperluan modal yang tinggi untuk projek pertanian moden, keperluan untuk kepakaran khusus bagi menilai inovasi teknologi agri, dan usaha mengimbangkan sasaran pertumbuhan dengan kualiti portfolio. Segmen ini juga perlu membangunkan projek-projek yang boleh memberi pulangan komersial serta impak pembangunan lain yang sejajar dengan mandat Agrobank.

Respons Agrobank

Agrobank telah mengambil pendekatan strategik yang menggabungkan inovasi kewangan dengan pembangunan bersasar.

Pembiayaan asas disediakan untuk kawasan luar bandar menerusi program-program pembiayaan projek bersasar. Program Petani B40 Aqina menyokong penanaman nanas MD2 dengan jaminan pembelian, justeru mencipta peluang pendapatan berterusan selain memastikan daya maju projek.

Kerjasama strategik juga dijalin dengan pembekal teknologi seperti FarmByte Sdn Bhd bagi memperkuat sektor agro-makanan menerusi sokongan kewangan bersepadu dan pakej-pakej teknologi untuk operasi komersial serta rantai bekalan pekebun kecil.

Program-program ini bertujuan memacu pemodenan amalan-amalan pertanian dan mempercepatkan gunapakai teknologi digital dalam sektor pertanian.

Tahun 2024 menyaksikan pertumbuhan agihan untuk segmen Perbankan Korporat, yang diseimbangkan dengan usaha bersepadu melangsaikan akaun tertunggak sejak 2022, yang berjaya diselesaikan pada 31 Disember 2024. Akaun-akaun baharu dan tambahan dijangka diperoleh pada awal 2025, mencerminkan prospek positif.

ULASAN PERNIAGAAN KUMPULAN

SEGMENT PERBANKAN SME

MEMACU DAYA SAING DAN DAYA TAHAN

Segmen perbankan SME adalah pemangkin pertumbuhan dan pemodenan PKS berasaskan pertanian. PKS ini menghubungkan pekebun kecil dengan pengeluar skala besar. Menerusi penyediaan modal, teknologi, dan amalan-amalan mampan untuk PKS pertanian, segmen perbankan SME Agrobank membantu membentuk ekonomi pertanian negara yang berdaya tahan, kompetitif, dan bersedia untuk masa hadapan.

Strategi segmen ini adalah untuk memaksimumkan impak di seluruh sistem agro-makanan yang kritikal. Pendekatan bersasar ini memastikan bahawa pembiayaan kami memacu pertumbuhan nyata dalam sektor-sektor yang penting untuk keterjaminan makanan dan pendapatan eksport negara.

Pada 2024, keadaan pasaran yang stabil telah merangsang permintaan pasaran untuk modal kerja tambahan dan penggunaan dagangan yang lebih tinggi. Kerjasama dengan kerajaan dalam membangunkan pelbagai program pembiayaan untuk PKS turut memacu pertumbuhan segmen ini.

Hasilnya adalah satu tahun cemerlang dengan prestasi luar biasa, jauh mengatasi sasaran dan membawa kepada pertumbuhan kukuh. Segmen ini mencapai 161% daripada sasaran pertumbuhan tahunan, dengan pertumbuhan pembiayaan melonjak kepada RM547.36 juta berbanding sasaran RM340 juta.

Agrobank telah mengenalpasti enam Bidang Tumpuan SME bagi memastikan rangkaian nasional yang menyeluruh:



SUMBANGAN SEGMENT PERBANKAN SME KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

Pada 2024, segmen ini menyumbang kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan khususnya PKS dalam rantaian nilai agro yang sering menghadapi halangan mendapatkan pembiayaan berstruktur.



CABARAN-CABARAN

Cabaran Terkini

Segmen ini mengemudi persekitaran operasi yang rumit ekoran tekanan luar. Cabaran utama termasuk impak berterusan perubahan iklim dan risiko alam sekitar ke atas hasil pertanian, kekurangan tenaga buruh, peningkatan kos operasi, serta pendedahan kepada turun naik harga komoditi dan pasaran global. PKS juga diwajibkan mematuhi piawaian-piawaian Kemampanan (ESG) dan Halal yang sering berubah-ubah, di samping menguruskan risiko dagangan selain gangguan rantaian bekalan dalam landskap ekonomi global yang tidak menentu.

Respons Agrobank

Agrobank justeru mengambil tindakan proaktif berikut:

1. Membangunkan produk kewangan khusus dan bekerjasama secara aktif dengan badan-badan kerajaan untuk mencipta program-program bersasar. Inisiatif seperti Dana Program Pembiayaan Agroteknologi Madani (DPPAM) menyediakan modal untuk PKS menggunakan teknologi baharu, meningkatkan produktiviti, dan mengekalkan operasi walaupun adanya tekanan kos.
2. Merangkumkan pematuhan ESG dan Halal ke dalam pendekatan pembiayaan bagi mendorong naik taraf operasi perniagaan. Sebagai contoh, pembiayaan untuk menaik taraf ladang ayam ternakan kepada sistem reban tertutup dengan kawalan persekitaran membantu mempersiapkan perniagaan mereka untuk masa hadapan dan membuka peluang ke pasaran premium.
3. Memperkukuhkan keseluruhan rantaian bekalan dengan membiaya perniagaan yang menjadi pemangkin atau perantara penting, lantas mewujudkan permintaan berterusan dan akses pasaran berstruktur untuk pembekal dan petani skala kecil.

SEGMENT PERNIAGAAN MIKRO

MEMUPUK PERTUMBUHAN AKAR UMBI DEMI KEMAKMURAN UNTUK SEMUA

Kejayaan usahawan mikro adalah ukuran utama kemakmuran sesebuah negara. Inisiatif pembiayaan mikro Agrobank memperkasa usahawan tani dan komuniti luar bandar rentan menerusi penyediaan modal skala kecil mudah akses yang merangsang aktiviti ekonomi dan pemerkasaan sosial, sekaligus membantu potensi pertumbuhan perniagaan. Usaha bersepadu ini membina keupayaan dan daya tahan sektor pertanian dari akar umbi. Impak segmen ini boleh diukur menerusi sumbangan langsungnya kepada kesejahteraan komuniti dan keterangkuman ekonomi.

Pada 2024, segmen perniagaan mikro menunjukkan prestasi cemerlang, mengatasi sasaran pertumbuhan tahun ini. Aset pembiayaan bersih meningkat RM181.50 juta, seiring usaha pengekalan kualiti aset dan pengurangan kegagalan pembayaran semula kepada RM71.26 juta, jauh di bawah ambang toleransi sebanyak RM75 juta. Ini mewakili 105.25% daripada pencapaian sasaran pembiayaan Bank pada 2024.

Program-program pembiayaan mikro Bank termasuk:

Program Pembiayaan Berkelompok dan Ladang Kontrak-i  Untuk membiaya kos pengeluaran bagi peserta yang terlibat dalam pembekalan produk pertanian kepada pengurus/pengendali projek.	Program Pembangunan Peneroka FELDA  Untuk mempromosi kepelbagaian tanaman makanan dalam kalangan komuniti FELDA dengan matlamat meningkatkan pendapatan mereka serta keterjaminan makanan negara.
Program Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) 2.0  Untuk menyediakan sokongan kewangan kepada pekebun kecil dalam program tanaman semula pokok kelapa sawit dan memastikan pengurusan ladang kelapa sawit memenuhi kehendak dan piawaian Tandan Buah Segar (FFB).	Skim Kredit untuk Pesawah Kecil  Untuk menaik taraf program pembiayaan pesawah menerusi penyelesaian kewangan menyeluruh dan peningkatan kecekapan operasi sejajar dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan.



SUMBANGAN SEGMENT PERNIAGAAN MIKRO KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

Segmen ini menyumbang kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

- Program Pembiayaan Usahawan Mikro Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ):** MBD dengan kerjasama MAINJ menawarkan bantuan kewangan dengan kadar keuntungan sifar kepada usahawan asnaf bagi membantu memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.
- Skim Pembiayaan Usahawan Bumiputera Agromakanan:** Program ini menyediakan pembiayaan untuk usahawan mikro Bumiputera, termasuk graduan, untuk menyertai perniagaan berkaitan makanan.
- Program Kediaman Mampu Milik-i:** Inisiatif ini menyediakan pembiayaan kediaman mampu milik menerusi agensi-agensi kerajaan bagi memenuhi keperluan asas yang menjadi pemacu kemajuan ekonomi dalam erti kata sebenar.



CABARAN-CABARAN

Cabaran Terkini

Segmen ini beroperasi dalam persekitaran mencabar ekoran literasi kewangan yang rendah dalam kalangan pelanggan, ketiadaan sejarah kredit formal yang menyukarkan penilaian risiko, serta halangan logistik untuk menjangkau komuniti luar bandar. Pelanggan segmen ini juga terdedah kepada risiko perubahan iklim seperti banjir, kemarau, dan cuaca tidak menentu yang boleh menjejaskan produktiviti dan keupayaan pembayaran semula mereka.

Respons Agrobank

Bank mengambil inisiatif khusus bagi menangani cabaran-cabaran ini menerusi program-program pendidikan kewangan menyeluruh, struktur produk patuh Syariah yang fleksibel, serta khidmat nasihat bersepadu. Agrobank juga menggunakan penyelesaian jangkauan digital dan perbankan bergerak bagi merapatkan jurang fizikal dengan komuniti terpencil, justeru memastikan akses kepada sokongan kewangan untuk semua. Pendekatan proaktif ini memperkukuhkan ekosistem pertanian menerusi peningkatan literasi kewangan dan daya tahan operasi dalam segmen rentan.

ULASAN PERNIAGAAN KUMPULAN

SEGMENT PEMBIAYAAN KONTRAK

**MEMACU RANTAIAN NILAI,
MEMPERKASA USAHAWAN**

Bagi Agrobank, pembiayaan kontrak adalah enjin strategik yang memperkukuh rantai nilai pertanian negara. Bukan sekadar pembiayaan, ini adalah modal kerja terjamin untuk pelanggan yang dianugerahi kontrak pembekalan atau perolehan. Pendekatan ini melancarkan penghantaran barangan dan perkhidmatan, memastikan perniagaan dan usahawan kecil dapat memenuhi peranan mereka sebagai penghubung penting dalam ekosistem pengeluaran makanan negara. Bank justeru membantu memperkukuh rantai bekalan, meningkatkan kelestarian kewangan perniagaan utama, serta memacu pembangunan ekonomi luar bandar.

Pada 2024, segmen ini telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM14.21 juta melibatkan 17 kontrak, merangkumi sektor-sektor penting dari akuakultur dan minyak sawit hinggalah khidmat sokongan dan pemprosesan.

Dengan memacu penglibatan perusahaan kecil ini dalam rantai nilai, segmen Pembiayaan Kontrak Agrobank adalah pemangkin kritikal perkongsian kemakmuran, memastikan pertumbuhan yang inklusif, mampan, dan berasaskan kejayaan bersama.

**SUMBANGAN SEGMENT PEMBIAYAAN KONTRAK
KEPADA KOMUNITI TERPINGGIR**

Segmen ini merapatkan jurang kewangan kritikal untuk komuniti yang seringkali gagal mendapat pembiayaan tradisional, justeru memberi mereka peluang dan kestabilan perniagaan.

- **Pengenalan program CAKNA:** Hasil kerjasama strategik dengan BNM, program ini membantu kontraktor G1 hingga G4 serta pemilik tunggal mendapatkan akses kepada pembiayaan. Ini merangkumi kumpulan perniagaan kecil dan rentan yang memerlukan sokongan kewangan.
- **Bantuan Pembiayaan Kontrak:** Bank menyediakan modal kerja awal yang diperlukan untuk menggerakkan sumber, membeli input, dan mengurus aliran tunai agar kontraktor kecil dan usahawan mikro dapat melaksanakan kontrak yang dianugerahi agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan jayanya. Justeru, potensi beban daripada kontrak tersebut dapat diubah menjadi peluang pertumbuhan dan kestabilan.

**CABARAN-CABARAN**

Memasuki tahun kedua sebagai segmen khusus, model operasi Segmen Pembiayaan Kontrak Agrobank kini semakin matang dalam menyelaraskan matlamat pembangunan Agrobank dengan dinamik kerja berasaskan kontrak yang amat unik.

Satu semakan dasar menyeluruh telah dijalankan dengan input merentas fungsi, dengan tumpuan ke atas peningkatan aksesibiliti bagi pemilik tunggal, penambahbaikan takrif nilai kontrak, serta penyeragaman kuasa kelulusan. Penambahbaikan ini bertujuan menjadikan produk-produk Bank lebih responsif dan tangkas bagi menangani keperluan pasaran.

Cabaran Terkini

Pembiayaan kontrak adalah produk yang serba baharu, dengan struktur yang berbeza daripada pinjaman bertempoh tradisional. Antara cabarannya termasuk kekangan dalam dokumentasi sedia ada serta keperluan menyelaraskan proses dalaman dengan kerja-kerja kontrak jangka pendek dan berasaskan aliran tunai.

Respons Agrobank

Bagi mengembangkan potensi segmen ini, Bank secara proaktif merangkumkan teknologi baharu seperti penilaian kredit berasaskan kecerdasan buatan bagi mempercepatkan tempoh kelulusan. Bank juga telah memulakan siri libat urus peringkat wilayah untuk memperkukuh kepakaran dalaman dan menyelaraskan fungsi silang, justeru mempercepatkan pembangunan pengetahuan serta keupayaan tenaga kerja dalam pasukan pembiayaan kontrak.

Prestasi Perbankan 2024 Mengikut Segmen

Prestasi 2024 (Aspek dan Unit)	Perbankan Korporat	Perbankan Komersial	Segmen Perniagaan Mikro	Pembiayaan Kontrak
 Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan (nilai RM)	396.78 juta	1.76 bilion	398.91 juta	14.21 juta
 Bilangan pelanggan korporat	128	9,302	34,436	6
 Perkongsian portfolio (% daripada jumlah pembiayaan dan aset)	19%	28%	5.97%	0.07%
 Pecahan sektor (contoh: perniagaan pertanian, pemprosesan, logistik, industri halal) (nilai RM)	Tanaman 1.38 bilion Perikanan 118.38 juta Makanan 582.91 juta Perkhidmatan 408.95 juta Tambahan 15.12 juta Perkhidmatan Nilai 533.96 juta	Tanaman 1.41 bilion Perikanan 611.24 juta Perhutanan 18.51 juta Makanan 662.36 juta Perkhidmatan 1.12 bilion Tambahan 115.35 juta Perkhidmatan Nilai 555.66 juta	Tanaman 546.96 juta Perikanan 79.46 juta Perhutanan 1.25 juta Makanan 90.23 juta Perkhidmatan Nilai 93.63 juta Tambahan 15.70 juta Perkhidmatan 685.17 juta	Akuakultur (Marin) 0.50 juta Ind Crop - Oil Palm 3.30 juta Tambahan 1.67 juta Perkhidmatan Sokongan 2.27 juta Perkhidmatan Nilai 2.87 juta
 Pertumbuhan aset pembiayaan bersih (nilai RM)	24.41 juta	547.36 juta	181.52 juta	2.46 juta
 Pertumbuhan deposit bersih peningkatan (nilai RM)	Disember 2023 153.35 juta Disember 2024 164.31 juta	Disember 2023 607.81 juta Disember 2024 607.20 juta	Disember 2023 139.50 juta Disember 2024 118.56 juta	Disember 2023 1.39 juta Disember 2024 1.09 juta
 Peratus pertumbuhan deposit (%)	7.15%	-0.10%	-15.01%	-21.91%
 Pengurangan delinkuen (nilai RM)	Disember 2023 134.03 juta Disember 2024 29.26 juta	Disember 2023 155.14 juta Disember 2024 187.20 juta	Disember 2023 58.49 juta Disember 2024 71.26 juta	Disember 2023 5.40 juta Disember 2024 1.00 juta
 Peratus pengurangan delinkuen (%)	78.17%	-20.67%	-21.84%	81.35%

ULASAN PERNIAGAAN KUMPULAN

MENYAMPAIKAN NILAI YANG MEMBAWA PERUBAHAN

Mandat Agrobank dicapai menerusi program pembiayaan bersasar yang direka untuk menghasilkan impak yang nyata dan berpanjangan. Program-program ini memberi manfaat kepada segmen pertanian yang kurang mendapat perkhidmatan, membolehkan mereka mengakses modal, meningkatkan produktiviti, dan menyertai rantaian bekalan berstruktur. Ia menekankan pemerkasaan kewangan serta pembangunan usahawan tani yang berdaya tahan dari segi kewangan dan berkeuntungan.

Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan tahap pendapatan, pembangunan luar bandar, serta pencapaian matlamat keterjaminan makanan dan pertumbuhan ekonomi inklusif negara.

Komitmen ini dizahirkan menerusi program-program berikut:



Program Pembiayaan Berkelompok dan Ladang Kontrak-i

Usahasama dengan kerajaan dan agensi swasta seperti Petronas dan FELDA ini direka untuk membantu komuniti B40 meningkatkan pendapatan dan menggalakkan penyertaan dalam projek pertanian kontrak (contoh: nanas, tembikai emas, ternakan ayam, dan akuakultur). Dengan adanya jaminan pembelian, program ini mengurangkan risiko keusahawanan serta mewujudkan aliran pendapatan yang lebih terjamin.

Impak Terkini:

Kejayaan program ini terbukti menerusi 1,302 akaun aktif dengan baki tertunggak sebanyak RM22.20 juta yang mencerminkan impak positif dalam membantu peserta meningkatkan skala perladangan mereka.



Program Kediaman Mampu Milik-i

Menyedari bahawa pemerkasaan ekonomi bukan dipacu oleh perniagaan semata-mata, inisiatif ini menyokong agenda kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup kumpulan B40 menerusi penyediaan pembiayaan perumahan mampu milik patuh Syariah mudah akses. Dilaksanakan menerusi kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, program ini memenuhi keperluan asas komuniti demi kesejahteraan hidup mereka.

Impak Terkini:

Agrobank telah membantu individu dan keluarga memiliki rumah menerusi inisiatif pembiayaannya, sekaligus menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih kukuh dan stabil.



Program Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS)

Program ini memastikan kelestarian jangka panjang dan daya saing sektor sawit di Malaysia. TSPKS menyediakan sokongan kewangan kepada pekebun kecil untuk menanam semula jenis-jenis kelapa sawit yang lebih berdaya hasil dan tahan lasak. Usaha ini secara langsung menangani masalah stok sawit yang menua, meningkatkan hasil Tandan Buah Segar (TBS), memastikan pematuan terhadap standard kelestarian, dan menjamin keberlangsungan hidup pekebun kecil pada masa hadapan.

Impak Terkini:

Agrobank telah memperkasa 660 pekebun kecil untuk menjalani usaha penanaman semula, disokong pembiayaan berjumlah RM16.49 juta yang menjamin produktiviti ladang mereka pada masa hadapan.

Seramai 525 pelanggan Agrobank telah berjaya meningkatkan penarafan kredit dalaman mereka menerusi penyertaan dalam program-program ini. Daripada jumlah tersebut, 137 merupakan pelanggan korporat manakala 386 adalah pelanggan komersial.

BAHAGIAN PERBANKAN PENGGUNA

Bahagian Perbankan Pengguna Agrobank memanfaatkan rangkaian cawangan luar bandar serta prinsip patuh Syariah Bank bagi memastikan individu dan keluarga mempunyai saluran untuk mencapai matlamat kewangan peribadi mereka dan membina masa hadapan yang lebih baik.

Bahagian ini memainkan peranan pelengkap dalam mandat menyeluruh Agrobank, menyumbang kepada kestabilan dan pertumbuhan keseluruhan sektor dengan menyokong unit individu dan keluarga, tunjang komuniti luar bandar dan pertanian.

AGROCASH-i

Dari penurunan negatif pada 2023, Agrocash-i mencatat perubahan positif pada 2024 dengan pertumbuhan tahunan terkini sebanyak RM152,286,687. Pemulihan signifikan ini mewakili 95.18% daripada sasaran pertumbuhan 2024.



SUMBANGAN AGROCASH KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

- **Jangkauan Bandar:** Membentuk 25.9% daripada jumlah baki tertunggak dan 25.3% daripada jumlah akaun keseluruhan. Kawasan bandar mempunyai bilangan akaun yang lebih kecil, tetapi purata baki tertunggak bagi setiap akaun adalah lebih tinggi, sekaligus menyumbang kepada peratusan baki tertunggak keseluruhan yang lebih rendah.
- **Tumpuan Luar Bandar:** Membentuk 74.1% daripada jumlah baki tertunggak dan 74.7% daripada jumlah akaun keseluruhan. Kawasan luar bandar memegang peratusan baki tertunggak yang jauh lebih tinggi, walaupun bilangan akaunnya lebih banyak. Ini menunjukkan bahawa setiap akaun luar bandar mungkin mempunyai purata baki yang lebih kecil, tetapi jumlah akaun yang lebih banyak menyumbang kepada baki keseluruhan.

AR-RAHNU

Ar-Rahnu mencatat pertumbuhan kukuh mencecah RM186.92 juta, yakni 155.76% mengatasi sasaran, manakala pangkalan pelanggan berkembang 28.79% pada 2024. Ia juga merekodkan pengurangan ketara dalam nisbah kerugian pembiayaan kepada bawah 1% menerusi pengukuhan pengurusan kualiti aset. Prestasi cemerlang ini disokong oleh pertambahan cawangan, pengenalan inovasi penilaian emas bagi meningkatkan bahagian pasaran, dan peningkatan keupayaan modal insan. Bagi 2025, strategi tertumpu kepada peningkatan bahagian pasaran Agrobank Ar-Rahnu sebanyak 50%, pengenalan 65 model cawangan Ar-Rahnu baharu, serta pembangunan Akaun Emas Ar-Rahnu.



SUMBANGAN AR-RAHNU KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

- Cawangan-cawangan luar bandar menyediakan modal kerja asas untuk perniagaan asas tani.
- 47.24% daripada portfolio Ar-Rahnu pada 2024 tertumpu kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan.
- Produk-produk dan ciri-ciri produk baharu diperkenalkan bagi memenuhi keperluan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan.



ULASAN PERNIAGAAN KUMPULAN

HARTANI-i

Hartani-i menyediakan peluang pemilikan tanah pertanian kepada individu termasuk penjawat awam, pekerja swasta, dan peniaga. Produk ini mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak RM93.75 juta berbanding belanjawan sebanyak RM80 juta, menghasilkan lebih positif sebanyak RM13.75 juta. Prestasi ini menyumbang kepada baki penutup tahun yang kukuh sebanyak RM867.58 juta, berbanding RM773.83 juta pada 2023, satu momentum kewangan yang signifikan. Bagi meningkatkan daya saing, Jabatan Pembiayaan Pengguna telah menambah baik ciri produk, memperkemas proses pendaftaran, dan memperkenalkan kempen promosi baharu. Produk ini kini turut diperluaskan kepada individu yang bekerja di bawah kontrak bagi profesion tertentu.


SUMBANGAN HARTANI-i KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

- Sehingga kini, lebih daripada 90% daripada portfolio ini terdiri daripada pemilik tunggal dan usahawan mikro. Segmen ini sering dipinggirkan oleh institusi kewangan konvensional ekoran sifat aliran tunai yang berubah-ubah dan ketiadaan dokumentasi kewangan formal yang menyukarkan penilaian kredit.
- Pelanggan membeli tanah khususnya untuk tujuan pemilikan dan inisiatif pembangunan, menunjukkan hasrat mereka untuk memanfaatkan tanah dan mencipta kestabilan ekonomi jangka panjang.
- Selain itu, satu cadangan untuk menambahbaik terma pembiayaan semula telah dikemukakan kepada BNM. Tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa, penambahbaikan ini direka untuk menarik lebih ramai pelanggan dan memberi manfaat khususnya kepada segmen terpinggir menerusi tawaran penyelesaian kewangan yang lebih mudah diakses dan fleksibel.

DEPOSIT

Pertumbuhan keseluruhan yang positif untuk deposit pengguna dipacu oleh kejayaan kempen-kempen Mega Million dan Mega Combo, yang memberi manfaat khususnya kepada pelanggan utama iaitu mereka yang terlibat dalam industri tani dan makanan, serta komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan.

Kempen Mega Million yang berlangsung dari Oktober 2023 hingga September 2024 berjaya meraih pertumbuhan RM290.36 juta berbanding sasaran RM200 juta, manakala Kempen Mega Combo meraih RM158 juta dalam deposit.



SUMBANGAN BAHAGIAN DEPOSIT KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

Mobilisasi deposit, khususnya menerusi kempen bersasar, adalah penting untuk memupuk keterangkuman kewangan dan memacu kemajuan sosio-ekonomi komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan. Inisiatif ini menjadi titik akses penting untuk populasi yang belum memiliki akaun bank, menawarkan cara yang selamat dan mudah untuk mengurus kewangan mereka. Menerusi perkhidmatan kewangan formal, individu membina sejarah transaksi dan kebolehpercayaan kredit yakni asas untuk mengakses pinjaman, pelaburan, dan alat kewangan lain. Proses ini merapatkan jurang antara pelbagai kumpulan, serta memperkasakan komuniti yang tersisih daripada sistem kewangan utama. Mobilisasi deposit juga merangsang aktiviti ekonomi tempatan dan pembangunan komuniti menerusi saluran dana dalam sistem kewangan, sekaligus meningkatkan ketersediaan pembiayaan untuk perniagaan dan individu, dan akhirnya menyumbang kepada ekonomi yang lebih kukuh dan saksama.

- **Impak Kempen Mega Million 1.0:** Bilangan peserta tertinggi (4,118) dalam kempen Mega Million 1.0, yang membuka atau menandatangani akaun AgroPrima, terdiri daripada individu berpendapatan rendah dengan tahap pendapatan isi rumah di bawah 40% (B40). Pekerjaan utama termasuk perniagaan/peniaga kecil (2,042 peserta), petani (1,891 peserta), dan suri rumah (1,405 peserta).
- **Jangkauan Segmen & Kawasan:** Daripada 14,055 pelanggan, 3,785 (27%) terdiri daripada segmen yang dimandatkan, manakala 10,206 (73%) adalah segmen bukan dimandatkan. Dari segi lokasi, 7,354 pelanggan (52%) berasal dari kawasan luar bandar, manakala 6,700 (48%) berasal dari kawasan bandar.

PERKHIDMATAN BERASASKAN FI

Perkhidmatan Agrobank berasaskan fi mencatat prestasi kukuh pada 2024, menjana pendapatan sebanyak RM24.66 juta berbanding sasaran RM22.07 juta, peningkatan 117%. Perkhidmatan ini termasuk yang berikut:



Menerusi perkhidmatan penulisan wasiat, Agrobank meraih tempat ke-3 bagi Anugerah Jualan Wasiat Tertinggi 2024 dan tempat kedua bagi Anugerah Pentadbiran Harta Tertinggi dalam kategori "Institusi Kewangan (Bank Kerajaan)" daripada MyAngkasa Amanah Berhad.

SUMBANGAN PERKHIDMATAN BERASASKAN YURAN KEPADA KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

Perkhidmatan berasaskan yuran Agrobank, terutamanya tawaran Takafulnya, memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan kewangan dan kesejahteraan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan.

Agrobank telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dalam menyediakan Takaful kemalangan diri kepada 22,061 Asnaf di Johor, dengan jumlah perlindungan RM242.7 juta. Kos sumbangan takaful ditanggung sepenuhnya oleh MAINJ.

Kebajikan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) turut diberi keutamaan, di mana 1,881 peserta menerima perlindungan sebanyak RM29.1 juta. Menerusi takaful ini, peserta dilindungi sekiranya berlaku kematian akibat faktor semulajadi atau kemalangan. Selain itu, peserta juga layak menuntut kos rawatan perubatan akibat kemalangan serta elaun tunai hospital.

Agrobank juga menyantuni komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan semasa acara MAHA 2024 di MAEPS Serdang. Sepanjang acara tersebut, seramai 12,370 pengunjung mendaftar untuk perlindungan Takaful Kasih Plus, dengan jumlah manfaat perlindungan sebanyak RM677.7 juta.

Khidmat Nasihat Takaful turut memainkan peranan. Komuniti Penjaja Tanpa Tunai, contohnya, mencatat sumbangan tertinggi sebanyak 41%, menunjukkan kejayaan libat urus dengan usahawan mikro. Micro MBK (pelanggan pembiayaan mikro) pula menyumbang 33%, manakala baki adalah daripada segmen lain. Selain itu, Khidmat Nasihat Takaful turut diperluas ke Sabah dan Sarawak dengan tumpuan ke atas komuniti pribumi, menggariskan komitmen Agrobank dalam memastikan bahawa komuniti jauh di pedalaman dan yang kurang mendapat perkhidmatan turut mendapat akses kepada perlindungan kewangan.

KETERANGKUMAN KEWANGAN

Agrobank komited dalam memacu keterangkuman kewangan, dengan memanfaatkan mandatnya, rangkaian luar bandar yang meluas, dan pelbagai platform untuk menembusi pasaran serta meluaskan capaian pelanggan. Usaha rentas bank ini memupuk ekosistem kewangan yang lebih inklusif, memperkasa semua segmen masyarakat khususnya komuniti luar bandar dan yang terpinggir. Matlamat strategik kami adalah untuk menyediakan akses kepada alat dan perkhidmatan kewangan yang berkualiti dan mampu milik, sejajar dengan Pelan Induk Sektor Kewangan BNM 2022-2026.

Usaha utama untuk melaksanakan mandat ini termasuk penyediaan Ejen Bank (EB) dan Inisiatif Bank Bergerak (BBI) (rujuk kisah di bawah). Platform ini membolehkan capaian kepada perkhidmatan perbankan tradisional, terutamanya untuk komuniti yang menghadapi kekangan infrastruktur, dengan memudahkan transaksi seperti deposit, pengeluaran, dan bayaran pembiayaan. Infrastruktur bergerak pula menampung keperluan untuk cawangan fizikal, menjadikan perkhidmatan perbankan lebih mudah diakses oleh penduduk luar bandar.

Prestasi Keterangkuman Kewangan 2024

Unit dan Aspek	Prestasi
 Jumlah Ejen Bank (EB) aktif dan berkualiti	334
 Jumlah transaksi terkumpul menerusi EB (RM)	4.3 juta

Pada 2024, rangkaian Ejen Bank Agrobank mencatat 334 ejen aktif berkualiti di seluruh negara. Walaupun beroperasi dalam skop terhad dengan garis panduan yang ketat, Agrobank kekal relevan sebagai penyedia perkhidmatan kedua terbesar dalam kalangan bank peserta, mengatasi empat bank lain.

Sejak penubuhannya, rangkaian Ejen Bank telah memudahcara sejumlah 4.3 juta transaksi terkumpul, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM270 juta. Ini menggariskan sumbangan signifikan ejen berkualiti tinggi serta nilai dan impak mereka walaupun berlaku pengurangan bilangan ejen keseluruhan berbanding tahun sebelumnya.

Agrobank juga menyokong keterangkuman kewangan dengan memperluas perkhidmatan kewangan kepada komuniti terpinggir, terutamanya di kawasan luar bandar. Ini merangkumi program khidmat nasihat dan pendidikan untuk meningkatkan literasi kewangan serta produk pembiayaan mikro bagi perusahaan kecil.

Inisiatif Keterangkuman Kewangan untuk Komuniti yang Kurang Mendapat Perkhidmatan

Agrobank berjaya mengurangkan kos operasi dan memperluas capaian dengan melantik Ejen Bank dan menyertai perkhidmatan Bank Bergerak (BBI). Strategi ini membolehkan Bank menyediakan perkhidmatan penting ke kawasan luar bandar tanpa perlu membuka cawangan fizikal, sekaligus menambah baik akses untuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan di samping mengurangkan kos. Pada masa sama, inisiatif ini membuka peluang perniagaan baharu dan saluran untuk libat urus pelanggan.

Menerusi inisiatif ini, Agrobank terus memenuhi keperluan kewangan komuniti setempat dengan menawarkan produk perbankan yang sesuai, mempromosi perkhidmatan, serta menyokong peniaga dan usahawan kecil, seterusnya merangsang pertumbuhan sosioekonomi tempatan. Bank berjaya meningkatkan status sosioekonomi komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan menerusi kerjasama strategik dengan agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Perusahan Getah (RISDA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Inisiatif Ejen Bank dan BBI memainkan peranan penting dalam membawa perkhidmatan perbankan asas kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan, lantas meningkatkan kepercayaan awam serta literasi kewangan. Usaha ini juga menyokong aktiviti ekonomi tempatan dan menambah pendapatan ejen menerusi libat urus dengan komuniti dalam acara seperti MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, Negeri Terengganu (HPPNT), yang secara tidak langsung meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan anggota komuniti dan pengunjung.



KEMAMPAHAN KEWANGAN

Seiring dengan Agrobank menyelaraskan penyelesaian kewangannya dengan keutamaan negara dan matlamat kelestarian global, kewangan lestari muncul sebagai pemangkin strategik dalam memperkukuh daya tahan iklim, pertumbuhan inklusif, dan penciptaan nilai jangka panjang. Menerusi produk-produk inovatif dan pembiayaan bersasar, Bank membantu pelanggan beralih kepada amalan-amalan mesra alam dan beretika, sekaligus menekankan komitmennya dalam menggerakkan modal bagi mewujudkan sektor pertanian yang lebih lestari dan saksama.

Bagi mengukuhkan lagi komitmen ini serta meningkatkan keupayaannya menyokong pelanggan untuk beralih kepada amalan-amalan lestari, Agrobank giat **membangunkan Rangka Kerja Kewangan Lestari (SFF)** miliknya sendiri. Rangka kerja ini mematuhi piawaian pasaran terkemuka dan direka sebagai panduan untuk terbitan masa hadapan termasuk Sukuk/Bon, Pinjaman, dan instrumen kewangan lain dalam pelbagai format dan mata wang. SFF akan membolehkan Agrobank menyesuaikan pembiayaannya mengikut objektif dan projek kelestarian tertentu, sekaligus mengukuhkan kepimpinannya dalam pembangunan sosioekonomi serta mempromosi pertumbuhan jangka panjang untuk penyelesaian lestari menerusi aktiviti pembiayaannya. Langkah strategik ini juga akan memperkasakan pelanggan Agrobank untuk beralih kepada model perniagaan yang lebih lestari dan menyumbang kepada kepelbagaian sumber pembiayaan Bank.

Di bawah **Bidang Fokus Strategik (SFA) 5: Penerapan Amalan-Amalan Kelestarian**, Model Operasi Lestari Agrobank tertumpu kepada usaha mengoptimumkan **jejak pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)** yang terhasil daripada operasi dalaman Bank serta aktiviti perniagaan yang dibiayai. Bank kini sedang mencatat kemajuan signifikan dalam peningkatan kualiti data dan pengukuran pelepasan dibiayai selain sedang memperhalusi pengelasan aktiviti berdasarkan **Rangka Kerja Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT)**. Melangkah ke hadapan, Agrobank berhasrat menggiatkan lagi pertumbuhan aset pembiayaan yang disalurkan ke arah ekonomi lestari, di samping mewujudkan lebih banyak **program berkaitan kelestarian** bagi menyokong pelanggan yang dihargai.



KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS KAMI

Perjalanan luar biasa Hanismariza Bt. Mohamed, seorang usahawan ketupat yang cekal walaupun berkelainan upaya telah menunjukkan sisi kemanusiaan yang disokong melalui komitmen Agrobank dalam memperkukuh kewangan yang inklusif. Melalui sokongan serta latihan kemahiran digital yang disediakan oleh program *Agrobank Centre of Excellence (ACE)*, jualan perniagaan beliau telah meningkat dengan ketara, bermula hanya tiga angka kepada pencapaian empat hingga lima angka yang mengagumkan. Keupayaan untuk membiayai dan mengekalkan inisiatif yang mampu mengubah kehidupan seperti Hanismariza bergantung kepada kekuatan dan kestabilan Bank, yang berteraskan komitmen teguh terhadap integriti institusi dan etika perniagaan.

Komitmen ini, yang memastikan pengawasan strategik dan pelaksanaan etika yang berintegriti, dihuraikan dalam bab seterusnya bertajuk Kepimpinan dan Tadbir Urus Kami. Melalui rangka kerja tadbir urus yang kukuh, merangkumi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa, dan pendedahan Syariah serta pengurusan risiko yang komprehensif, Agrobank memastikan daya tahan jangka panjang terhadap mandat. Pengawasan yang teliti ini amat penting bagi menjamin pembiayaan dan hala tuju strategik jangka panjang yang diperlukan untuk meneruskan program berimpak sosial, sekaligus membolehkan lebih ramai usahawan tani mencapai impian mereka.

Modal



Modal Insan



Modal Intelek

Perkara-perkara Material



Integriti Institusi dan
Etika Perniagaan



KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS KAMI

INTEGRITI INSTITUSI DAN ETIKA PERNIAGAAN

Modal



Perkara-perkara Material



Asas utama kepada peranan unik Agrobank sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang ditugaskan untuk memacu pembangunan pertanian mampan di Malaysia adalah komitmen teguh terhadap integriti institusi dan etika perniagaan yang kukuh. Komitmen ini memastikan operasi Bank dijalankan dengan piawaian tertinggi dari segi ketelusan, akauntabiliti dan tatakelola yang beretika.

Melalui rangka kerja tadbir urus yang berstruktur, merangkumi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga serta Jawatankuasa Pengurusan utama, Bank terus memastikan pengawasan strategik, pematuhan peraturan dan pemeliharaan kepercayaan pemegang taruh. Struktur ini turut diperkukuh melalui mekanisme pematuhan yang kukuh dan pendedahan tadbir urus, sekali gus mengukuhkan budaya tanggungjawab dan pembuatan keputusan berprinsip di semua peringkat organisasi.

Selain itu, kepentingan pendedahan Syariah menegaskan komitmen Agrobank terhadap prinsip kewangan Islam, yang menjadi sebahagian penting daripada identiti dan kerangka etika, sekali gus mengukuhkan nilai unik yang ditawarkan oleh Bank. Selain itu, Bank turut proaktif dalam mengintegrasikan pengurusan risiko yang komprehensif dalam operasi teras bagi memastikan daya tahan perniagaan jangka panjang serta sumbangan yang memberi impak kepada sektor pertanian negara.

Kesemua elemen ini membentuk asas penting yang memelihara kepercayaan sambil menyampaikan nilai berterusan kepada pemegang taruh.



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

DATUK YUNOS ABD GHANI

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

**BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG
DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:**

LP*

15/15

Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
17 Disember 2021

Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengerusi:
12 November 2022



67

M



* Kehadiran yang menunjukkan pengerusian

KELAYAKAN:

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Eastern Michigan University
- Diploma Pengajian & Pengurusan Perniagaan daripada Institut Teknologi MARA

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Pengerusi Lembaga Pengarah, BSNC Corporation
- Lembaga Pengarah, Prudential BSN Takaful
- Lembaga Pengarah, Permodalan BSN
- Ketua Pegawai Eksekutif/Timbangan Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Simpanan Nasional
- Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
- Pengarah Operasi Perbankan/Pinjaman Runcit, Bank Simpanan Nasional
- Ketua Perbankan Pengguna, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Pengurus Besar Luar Pesisir Labuan, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Pengurus Cawangan/Pegawai Kredit, Bank Bumiputra Malaysia Berhad

JAWATAN PENGARAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT AWAM LAIN:

- Asian Pac Holdings Berhad

KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LEMBAGA:

- Lembaga Pengarah (Pengerusi)

KEMAHIRAN UTAMA:

- Kredit
- Perbankan
- Risiko
- Kewangan

PENGISYTIHARAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN MENGENAI SABITAN KESALAHAN DALAM TEMPOH 5 TAHUN YANG LALU:

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

**DATUK LOKMAN HAKIM ALI**

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:

LP

JTMLP

JSLP

JPLP

9/12

1/3

5/7

2/3



54

M

Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
4 Disember 2023
(Tamat perkhidmatan: 23 September 2024)

KELAYAKAN:

- Ijazah Sarjana Sastera (Ekonomi) dari Claremont Graduate University
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari University of Southern California
- Ijazah bersekutu Amerika dalam Program ITM dari State University of New York

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan
- Timbalan Ketua Setiausaha, (Antarabangsa & Pengurusan) Kementerian Belia dan Sukan
- Pegawai dengan Fungsi Khas kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia 2011-2015
- Naib Presiden, Perhubungan Kerajaan, Pejabat CEO, Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.
- Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik, Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa
- Pegawai Pentadbiran, Jabatan Ekonomi, Bank Negara Malaysia

JAWATAN PENGARAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT AWAM LAIN:

- Tidak Ada

KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LEMBAGA:

- Jawatankuasa Lembaga Strategi (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan (Ahli)

KEMAHIRAN UTAMA:

- Dasar awam
- Hubungan pemegang taruh kerajaan
- Perancangan ekonomi
- Kepimpinan dan tadbir urus
- Diplomasi perdagangan

PENGISYTIHARAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN MENGENAI SABITAN KESALAHAN DALAM TEMPOH 5 TAHUN YANG LALU:


Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.

DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG
DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:**



Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
17 November 2020



66

M



* Kehadiran yang menunjukkan pengerusian

KELAYAKAN:

- Ijazah Doktor Falsafah (Genetik), Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM")
- Ijazah Sarjana Sains (Agronomi), Louisiana State University
- Ijazah Sarjana Sains (Genetik), UKM
- Ijazah Sarjana Muda (Agronomi), Universiti Pertanian Malaysia ("UPM")
- Diploma Pertanian, UPM

**JAWATAN
TERDAHULU YANG
DISANDANG:**

- Ketua Pengarah (Contract) (VU4/Turus iii), Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB")
- Ketua Pengarah (VU4/Turus iii), MPOB
- Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan), MPOB
- Pengarah, Bahagian Biologi, MPOB
- Ketua Pemimpin - Breeding and Genetics, MPOB
- Ketua Stesen, Stesen Penyelidikan Kluang, Johor, MPOB
- Penyelaras Penyelidikan, Stesen Penyelidikan Hulu, Paka Terengganu, MPOB
- Pegawai Penyelidik, Serdang, Bangi, Hulu Paka, Kluang, MPOB
- Pembantu Pegawai Penyelidikan, Serdang Selangor, MPOB

**JAWATAN
PENGARAH BAGI
SYARIKAT-SYARIKAT
AWAM LAIN:**

- TH Plantations Berhad
- THP Sabaco Sdn. Bhd

**KEAHLIAN DALAM
JAWATANKUASA
LEMBAGA:**

- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (Pengerusi)
- Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Strategi (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (Ahli)

**KEMAHIRAN
UTAMA:**

- Pengetahuan Pertanian dan Perladangan
- Kepimpinan dan tadbir urus korporat
- Pengetahuan Perniagaan
- Strategi dan Pembangunan
- Pengurusan Risiko

**PENGISYTIHARAN
HUBUNGAN
KEKELUARGAAN DAN
MENGENAI SABITAN
KESALAHAN DALAM
TEMPOH 5 TAHUN
YANG LALU:**

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

**MOHD HANIF MASTUKI**

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:

47

M

Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
13 Julai 2022**KELAYAKAN:**

- Ijazah Sarjana Ekonomi (Ekonomi Awam), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA
- Diploma Perakaunan, Institut Teknologi MARA

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Unit, Teknologi/Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia ("MOF")
- Ketua Penolong Setiausaha (Strategi Kerajaan), Pejabat Dasar Fiskal, Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF
- Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Pembangunan Keusahawanan Negara, MOF
- Jawatan Latihan/Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Penolong Setiausaha (Sumber Manusia)/Jabatan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Penolong Pegawai Pemeriksa Belanjawan (Sumber Manusia, Belia dan Sukan)/Bahagian Pengurusan Belanjawan, MOF
- Pegawai Pemeriksa Belanjawan (Kesihatan)/Bahagian Pengurusan Belanjawan, MOF
- Penolong Pegawai Pemeriksa Belanjawan (Kesihatan)/Bahagian Pengurusan Belanjawan, MOF
- Mantan Penolong Pegawai Pemeriksa Belanjawan (Dasar)/Bahagian Pengurusan Belanjawan
- Mantan Eksekutif Audit Dalaman/Eksekutif Perancangan Korporat, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd

JAWATAN PENGARAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT AWAM LAIN:

- Tiada

KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LEMBAGA:

- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Audit (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan (Ahli)

KEMAHIRAN UTAMA:

- Pelaburan
- Ekonomi
- Bajet
- Perakaunan


PENGISYTIHARAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN MENGENAI SABITAN KESALAHAN DALAM TEMPOH 5 TAHUN YANG LALU:

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.

RIZLEEN MOKHTAR

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG
DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:**Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
1 Ogos 2022

59

F

* Kehadiran yang menunjukkan pengerusian

KELAYAKAN:

- Jurubank Bertauliah dianugerahkan oleh Chartered Banker Institute, Edinburgh/Asian Institute of Chartered Bankers
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A) dengan Kepujian Tinggi dalam bidang Ekonomi, Carleton University

**JAWATAN
TERDAHULU YANG
DISANDANG:**

- Naib Presiden, Ketua Risiko Kredit Borong, Kumpulan Pengurusan Risiko, AmBank Group
- Ketua, Kumpulan Risiko Kredit, Kumpulan Pengurusan Risiko, AmBank Group
- Pengarah, Kumpulan Risiko Kredit, AmInvestment Bank Berhad
- Pengarah Bersekutu, Kumpulan Risiko Kredit, AmInvestment Bank Berhad
- Pengurus Kanan, Bahagian Perbankan, Arab Malaysia Merchant Bank Berhad
- Pengurus, Bahagian Perbankan, Arab Malaysia Merchant Bank Berhad
- Penolong Pengurus, Bahagian Perbankan, Arab Malaysia Merchant Bank Berhad
- Pegawai Perbankan/Kredit, Bahagian Perbankan, Arab Malaysia Merchant Bank Berhad
- Pelatih Eksekutif, Arab Malaysia Merchant Bank Berhad

**JAWATAN
PENGARAH BAGI
SYARIKAT-SYARIKAT
AWAM LAIN:**

- Tiada

**KEAHLIAN DALAM
JAWATANKUASA
LEMBAGA:**

- Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Lembaga Audit (Ahli)
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pengawasan (Ahli)

**KEMAHIRAN
UTAMA:**

- Kredit
- Perbankan
- Risiko
- Perakaunan

**PENGISYTIHARAN
HUBUNGAN
KEKELUARGAAN DAN
MENGENAI SABITAN
KESALAHAN DALAM
TEMPOH 5 TAHUN
YANG LALU:**

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

**WAN ZAMRI WAN ZAIN**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:

LP	JPRLP*	JPI*	JKMLP	JSLP	JPLP*
17/17	11/11	16/16	4/4	10/10	1/1



64

M

Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
2 Februari 2023

* Kehadiran yang menunjukkan pengerusian

KELAYAKAN:

- Associate Financial Planner, Institute of Financial Planners, Hong Kong
- Institute of Direct Marketing Diploma in Direct Marketing (DiplDM), Malaysian Unit Trust Examination – licensed salesperson
- Malaysian Pre-Contract Examination (General & Life Insurance) – licensed salesperson
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Kewangan dan Sistem Pengurusan Maklumat) dari West Coast University
- Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Ekonomi Perniagaan dari Southern Illinois University

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Pegawai Eksekutif, AmMetLife Takaful Bhd
- Ketua Pegawai Eksekutif, AIA Takaful International Bhd
- Head of Group Business, HSBC Amanah Takaful Malaysia Sdn Bhd
- Head of Channel Management, HSBC Malaysia
- Senior Regional Sales & Distribution Manager, HSBC, Hong Kong, Asia Pacific, Personal Financial Services
- Regional Investment and Insurance Manager, HSBC Malaysia
- Regional Manager, Ipoh and Cameron Highland Branches, HSBC Malaysia
- Manager Personal Banking Ipoh Branch, HSBC Malaysia
- Manager Investment & Insurance Services, Head Office, HSBC Malaysia
- Assistant Manager Corporate Credit, Kota Kinabalu Branch, HSBC Malaysia
- Trade Services Executive, Kota Kinabalu Branch, HSBC Malaysia
- Corporate Credit Executive Johor Bahru Branch, HSBC Malaysia

JAWATAN PENGARAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT AWAM LAIN:

- Operations Officer Sungai Petani Branch, HSBC Malaysia
- Pelatih Audit Dalaman, Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd
- Malaysian Reinsurance Berhad

KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LEMBAGA:

- Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Lembaga Pengawasan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Strategi (Ahli)

KEMAHIRAN UTAMA:

- Islamic and profesional kewangan konvensional
- Perbankan
- Sektor Insuran dan Takaful

PENGISYTIHARAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN MENGENAI SABITAN KESALAHAN DALAM TEMPOH 5 TAHUN YANG LALU:

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.

MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG
DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:**Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
2 Februari 2023

60

M

* Kehadiran yang menunjukkan pengerusian

KELAYAKAN:

- Pengarah Risiko Bertauliah diakreditasi oleh Institute of Enterprise Risk Practitioners ("IERP")
- Pensijilan kelestarian dan risiko iklim, Persatuan profesional risiko global
- Program Pembangunan Kepimpinan dari University of Chicago Booth School of Business
- Sijil Developmental Coaching dari Interdevelopmental Institute
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains dan Sistem Komputer dari Oklahoma State University

**JAWATAN
TERDAHULU YANG
DISANDANG:**

- Ketua Pegawai Perbendaharaan, Warba Bank K.S.C.P.
- Ketua Pegawai, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
- Pengurus Besar, Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Operasi Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Penolong Pengurus Besar, Ketua Bahagian Perbankan Pengguna, AmBank
- Penolong Pengurus Besar, Perbendaharaan, AmBank
- Pengurus/Pengurus Kanan, Perbendaharaan, AmBank

**JAWATAN
PENGARAH BAGI
SYARIKAT-SYARIKAT
AWAM LAIN:**

- Tiada

**KEAHLIAN DALAM
JAWATANKUASA
LEMBAGA:**

- Jawatankuasa Lembaga Audit (Pengerusi)
- Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Strategi (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pengawasan (Ahli)

**KEMAHIRAN
UTAMA:**

- Risiko
- Perbendaharaan
- Perumusan strategi
- Transformasi perniagaan

**PENGISYTIHARAN
HUBUNGAN
KEKELUARGAAN DAN
MENGENAI SABITAN
KESALAHAN DALAM
TEMPOH 5 TAHUN
YANG LALU:**

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

**DATIN ARLINA ARIFF**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG DIHADIRI PADA TAHUN KEWANGAN:

LP	JKPLP	JPI	JSLP*	JPLP	JPLP
16/17	16/17	15/16	10/10	4/5	1/1



62

F

Tarikh Pelantikan Awal sebagai Pengarah:
30 Ogos 2023

* Kehadiran yang menunjukkan pengerusian

KELAYAKAN:

- Ijazah Sarjana Amalan Kewangan Islam dari Universiti Pusat Pendidikan dalam Kewangan Islam ("INCEIF")
- Sarjana sains dalam ekonomi pembangunan kuantitatif (1995) dan diploma pascasiswazah dalam ekonomi pembangunan kuantitatif (1994) dari Universiti Warwick
- Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dari Carleton University

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Pengarah, Jabatan Inklusif Kewangan, Bank Negara Malaysia
- Ahli jawatankuasa penyusunan semula hutang kecil, Bank Negara Malaysia
- Director/Laman Informasi, Nasihat & Khidmat & Bank Negara Malaysia Office Department, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Pusat Pembangunan Modal Insan, Bank Negara Malaysia
- Timbalan Pengarah, Jabatan Ekonomi, Bank Negara Malaysia
- Timbalan Pengarah, Jabatan Analisis & Strategi Monetari, Bank Negara Malaysia
- Ketua Juru Analisis, SJ Securities Sdn. Bhd.
- Ahli Ekonomi, SJ Securities Sdn. Bhd.
- Penolong Pengurus Kanan, Jabatan Ekonomi, Bank Negara Malaysia
- Penolong Pengurus, Jabatan Ekonomi, Bank Negara Malaysia
- Ahli Ekonomi Kanan, Jabatan Ekonomi, Bank Negara Malaysia
- Ahli Ekonomi, Jabatan Ekonomi, Bank Negara Malaysia

JAWATAN PENGARAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT AWAM LAIN:

- PRG Holdings Berhad
- Great Eastern Takaful Berhad

KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LEMBAGA:

- Jawatankuasa Lembaga Strategi (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan (Ahli)
- Jawatankuasa Lembaga Pengawasan (Ahli)

KEMAHIRAN UTAMA:

- Perbankan
- Kewangan
- Keterangan Kewangan
- Ekonomi
- Strategi
- Pembangunan dasar

PENGISYTIHARAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN MENGENAI SABITAN KESALAHAN DALAM TEMPOH 5 TAHUN YANG LALU:

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan atau apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama lain.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 5 tahun lalu mahupun dikenakan sebarang sekatan oleh mana-mana badan pengawalseliaan berkaitan pada tahun 2024.

PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH KUMPULAN



TN. HAJI AZIZI CHE SEMAN

Pengerusi

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2021-31 Mei 2024

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 5/5

TN. HAJI AZIZI memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah Kumpulan Agrobank bermula pada 1 Jun 2021 hingga 31 Mei 2024, dan sebelum itu beliau telah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Agrobank sejak Jun 2015. Beliau merupakan pensyarah kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah dengan kepujian kelas pertama daripada Universiti Malaya pada tahun 1996 dan kemudian berjaya menamatkan Ijazah Sarjana yang diperoleh daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Ekonomi pada tahun 2001. Beliau banyak terlibat dalam bidang penulisan akademik, jurnal dan kertas pembentangan dalam seminar dan persidangan yang berkaitan dengan muamalat, dalam dan luar negara. Antara pengkhususan beliau ialah pasaran modal Islam, ekonomi Islam dan fiqh muamalat.

Pada permulaan karier beliau dalam Institusi Kewangan Islam, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) pada tahun 2005 dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah di institusi yang sama. Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah di RHB Islamic, Pengerusi Jawatankuasa Syariah Agrobank, Pengerusi Penasihat Syariah di AIBIM dan menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah Sun Life Takaful Malaysia. Selain itu, beliau sebelum ini telah diamanahkan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di IBFIM.



USTAZ WAN RUMAIZI W. HUSIN

@ ABDUL AZIZ

Pengerusi

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2024 - Sekarang

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 11/11

USTAZ WAN RUMAIZI kini memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Kumpulan AgroBank (Kumpulan SC) bermula 1 Jun 2024, dengan pelantikan awal sebagai ahli pada 1 Jun 2023. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh di Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh masing-masing di Universiti Al al-Bayt dan UIAM.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam Jawatankuasa Syariah di pelbagai syarikat, pernah memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Syariah bagi Al Rajhi Bank Malaysia, ahli Jawatankuasa Syariah bagi Prudential BSN Takaful Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM). Selain itu, beliau juga pernah mewakili BKRM dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan terlibat dalam Panel Pakar Muamalat JAKIM.

Kini, beliau memegang pelbagai jawatan, termasuk sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas AEON Bank (M) Berhad, ahli Exco ASAS, serta ahli Jawatankuasa Syariah Lembaga Tabung Haji dan MNRB Group Holdings Berhad. Beliau juga merupakan ahli Majlis Jawatankuasa Baitul-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ahli International Union for Muslim Scholars (Ittihad al-'Alami li 'Ulama' al-Muslimin), dan Exco ASAS. Selain itu, beliau berperanan sebagai Ahli Panel Perunding di International Research Centre in Islamic Economy and Finance (IRCIEF), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Perunding untuk Sadaqah House, IRCEIF-IDB, KUIS, serta Ahli International Union for Muslim Scholars (Ittihad al-'Alami li 'Ulama' al-Muslimin), Qatar.

PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH KUMPULAN

**DR. SHAFAAI MUSA**

Ahli

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2023 - Sekarang

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 11/11

DR. SHAFAAI menamatkan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah di Universiti Al-Azhar dan terpilih sebagai pelajar terbaik fakulti Syariah pada tahun 1991. Kemudian beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Perbandingan Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan selepas itu Ijazah Doktor Falsafah dalam undang-undang perdagangan di Universiti Glasgow Caledonian kedua-duanya dibawah tajaan UIAM.

Dr. Shafaa telah berkhidmat di UIAM dalam pelbagai kapasiti sepanjang 33 tahun kerjayanya, bermula pada 1992 sebagai pensyarah pembantu di Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim. Beliau kemudian berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Undang-Undang Islam mulai 2002 selama tiga tahun, sebelum dipinjamkan ke Pusat Pendidikan Berterusan UIAM sebagai Pengarah Eksekutif. Pada 2010, beliau dipinjamkan ke Kolej Islam Antarabangsa sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga Disember 2012, diikuti dengan penempatan ke pejabat Ketua Menteri Johor sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti, Kepimpinan dan Latihan Johor selama dua tahun.

Selain tempoh perkhidmatan yang panjang di UIAM, beliau juga pernah memegang jawatan Pengerusi bagi pelbagai Jawatankuasa Syariah dalam industri Perbankan Islam dan Takaful, termasuk di Southern Bank Berhad pada 2004, CIMB Islamic Bank sebagai Ahli pada 2006 dan Pengerusi pada 2019, Sun Life Malaysia Takaful, dan CIMB Aviva Takaful. Beliau juga pernah menjadi Penasihat Syariah Celcom Axiata.

Pada masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Public Islamic Bank Berhad. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Badan Penasihat Syariah Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Reinsurance Group of America Retakaful.

**DR. ABDULLAAH JALIL**

Ahli

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2023 - Sekarang

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 11/11

DR. ABDULLAAH memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam) dengan kepujian kelas pertama daripada Universiti Yarmouk, sebelum menamatkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) di UIA dan Ph.D. dalam Kewangan Islam di INCEIF. Beliau kini berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dengan pengalaman lebih 16 tahun dalam pengajaran, penulisan, penyelidikan dan khidmat nasihat dalam bidang muamalat, perbankan dan kewangan Islam. Beliau sebelum ini pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah (Jawatankuasa Syariah Kumpulan) bagi PruBSN Takaful dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia.

Selain daripada perkhidmatan beliau di Agrobank, beliau kini berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Panel Syariah USIM sejak penubuhannya dan sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri (Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak) di Jabatan Mufti Pahang. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Mizuho Bank (Malaysia) dan salah seorang Panel Penyelidik Fatwa di Jabatan Mufti Negeri Sembilan.



PROF. DR. SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI

Ahli

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2023 - Sekarang

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 11/11

PROF. DR. SHARIFAH FAIGAH menamatkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah (Ekonomi) dan Ijazah Sarjana dalam bidang Syariah (Perbankan Islam) di Universiti Malaya pada tahun 1995 dan 2004. Beliau kemudian melanjutkan pengajian dan memperolehi Ph.D. dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2012. Dengan kepakaran beliau yang tertumpu pada penerapan Syariah dalam produk perbankan dan kewangan Islam, terutamanya dalam kemudahan pembiayaan perdagangan Islam, beliau berkongsi ilmu tersebut sebagai Profesor di Arshad Ayub Graduate Business School, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), serta berperanan sebagai pemeriksa/penilai bagi program perbankan dan kewangan Islam di beberapa universiti di Malaysia, Arab Saudi dan Brunei.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah di pelbagai bank utama di Malaysia, termasuk Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan United Overseas Bank (Malaysia) Berhad. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam Jawatankuasa Syariah dalam industri Takaful, pernah menjadi ahli AmMetLife Takaful Berhad. Pada masa ini, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Kumpulan di Agrobank, Maybank Islamic Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, dan Etiqa General Takaful Berhad.



PROF. DATIN DR. RUSNI HASSAN

Ahli

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2024 - Sekarang

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 8/8

PROF. DATIN DR. RUSNI memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) sebelum melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan dan Ph.D. dalam Undang-Undang. Selepas menamatkan pengajiannya, beliau kini berkhidmat sebagai Profesor dan Dekan di UIAM *Institute of Islamic Banking and Finance* (IIIBF), UIAM.

Sebelum ini, beliau berpengalaman sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah (M) Berhad, HSBC Amanah (Takaful) Berhad, Etiqa General Takaful Berhad, dan Etiqa Family Takaful Berhad. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), serta Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Pada masa ini, beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah Hong Leong Islamic Bank Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd, serta Ahli Lembaga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Syariah bagi pelbagai organisasi lain selain Agrobank, termasuk dengan kumpulan utama seperti Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM), Lembaga Tabung Haji, Housing Corporation Maldives, Housing Development Financing Corporation, Waqf Al-Nur, Koperasi J-Corp, dan Terengganu Incorporation.

PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH KUMPULAN

**PUAN SHABNAM MOHAMAD MOKHTAR**

Ahli

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2024 - Sekarang

Kehadiran Mesyuarat JKS Kumpulan: 8/8

PUAN SHABNAM memperoleh Ijazah dalam Perakaunan di Universiti Putra Malaysia sebelum melanjutkan pengajian di University of Illinois untuk menamatkan Ijazah Sarjana Sains dalam Perakaunan. Beliau juga merupakan Penasihat & Juruaudit Syariah Bertauliah (CSAA) di bawah Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI).

Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Putra Malaysia dan Visiting Fellow dalam bidang Kewangan Islam di bawah Suruhanjaya Sekuriti di Oxford Centre. Beliau juga terlibat secara aktif dalam hal-hal Syariah di pelbagai industri, termasuk sebagai ahli Panel Penasihat Syariah Malaysian Rating Corporation Berhad dan ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank Berhad. Selain itu, beliau pernah memegang jawatan Ketua Unit Penyelidikan Pasaran Modal Islam di International Shariah Research Academy for Islamic Finance.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Syariah Kumpulan bagi Agrobank dan AIA Public Takaful Berhad. Antara peranan lain yang sedang dijalankan termasuk sebagai Pengarah Urusan SHAPE® Knowledge Services dan Ahli Jawatankuasa Nilai dan Etika Alqbra, yang berpusat di United Kingdom.

PROFIL JAWATANKUASA PENGURUSAN

DATO' TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (P/KPE)

Tarikh Dilantik: 3 Januari 2022



KELAYAKAN:

- Program Pemimpin Perbankan Global, Bayes Business School, London, UK
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, LLB (Kepujian) di University of East Anglia, Norwich, England
- Felo Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM)
- Program Kepimpinan Kewangan Islam di Clare College, Cambridge University, United Kingdom
- Program Kepimpinan Eksekutif di Cornell University, Amerika Syarikat

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG:

- Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) (Jun 2022 – sekarang)
- Naib Pengerusi, Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Nasional di Negara-Negara Anggota Bank Pembangunan Islam (ADFIMI) (Jun 2022 – sekarang)

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Pelaburan Mara Berhad (September 2013 – Ogos 2021)
 - > Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Pelaburan MARA Berhad
 - > Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pelaburan MARA Berhad
 - > Pengarah Eksekutif, PMB Investment Berhad
 - > Ketua Pegawai Eksekutif, PMB Tijari Berhad
- Kuwait Finance House (Oktober 2008 – September 2013)
 - > Ketua, Perbankan Cawangan/Pengurus Kanan Perbankan Komersial
- HSBC Bank Malaysia Berhad (1993 – 2008)
 - > Pengurus Cawangan, HSBC Melaka/Branch Manager, Malacca HSBC - Pelbagai jawatan kepimpinan yang meliputi Perbankan Korporat, Komersial, dan Peruncitan serta Operasi dan Pengurusan Cawangan

TANGGUNGJAWAB:

Pengukuhan Kedudukan Bank:

- Menerajui Bank sebagai satu-satunya institusi perbankan Islam yang menumpu kepada pertanian dengan menyediakan rangkaian perkhidmatan kewangan yang lengkap di pasaran.
- Bertanggungjawab menyelaras semula matlamat operasi dan kewangan Bank menerusi penambahbaikan proses, sumber manusia dan strategi pasaran.
- Memastikan Bank menyediakan perkhidmatan yang cekap kepada pelanggannya.

Perancangan perniagaan strategik untuk agenda pertumbuhan yang mantap:

- Membangunkan strategi perniagaan dan pemasaran berterusan dengan sokongan daripada bahagian perniagaan masing-masing untuk mencapai prestasi Bank dalam segmen, produk dan pelanggan yang disasarkan.
- Mengenal pasti kerjasama dan strategi untuk pemasaran, pembinaan imej, pengurusan risiko dan kesinambungan penaiktarafan teknologi.
- Memastikan reputasi baik Bank, keuntungan, kepuasan pelanggan, kakitangan serta pemegang saham Bank sentiasa dijamin.
- Merumus matlamat dan menetapkan tarikh akhir bagi semua eksekutif yang melapor terus kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.
- Merumus peraturan dan pengawalseliaan di Bank berhubung transaksi kewangan dan fungsi-fungsi berkaitan yang lain.

Melaksanakan strategi pertumbuhan Bank dengan berkesan dan mencapai kepimpinan pasaran:

- Menyediakan rangkaian perbankan yang lengkap, bermutu tinggi dan cekap serta produk/perkhidmatan kewangan lain kepada pasaran sasaran.
- Membentuk objektif Bank dan menzahirkan aspirasinya.

- Memastikan integrasi penawaran produk dan perkhidmatan perniagaan yang berjaya di bawah satu wadah penyampaian dan memastikannya sejajar dengan falsafah dan sistem nilai Bank.
- Memastikan bahawa matlamat dan sasaran dicapai tepat pada masanya.

Menyediakan kepimpinan dinamik dan membangunkan pasukan bermotivasi tinggi yang berorientasikan prestasi:

- Mewujudkan etika budaya kerja Bank yang berpiawaian tinggi.
- Memimpin perubahan dengan memperkasa budaya kerja, ideologi dan nilai bersama di Bank.
- Membangun dan mengekalkan pasukan yang berdaya maju, dan pada masa yang sama, memupuk budaya berasaskan prestasi.
- Mengendalikan semakan berkala bagi menilai prestasi dan memastikan tindakan pembetulan dilaksana bagi mencapai matlamat pelan strategik dan mercu kerjayaan.
- Memantau fungsi pelbagai jabatan/bahagian di Bank dan memastikan kesemuanya berfungsi dengan baik dan berada di landasan yang betul.

Mengurus persekitaran luaran:

- Mewujudkan dan mengekalkan hubungan berkesan dengan pengawal selia, institusi-institusi dan pemimpin dalam perkhidmatan kewangan bagi mengukuhkan jenama Bank.
- Mengambil bahagian secara aktif dalam semua forum, debat dan perbincangan sektor perkhidmatan kewangan bagi membentuk imej serta mengukuhkan kedudukan Bank.
- Berinteraksi dengan pemegang saham dan mengeluarkan laporan Bank kepada pihak tertentu.
- Memastikan pulangan Bank seiring dengan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi mendukung imej Bank kepada umum sebagai organisasi korporat berasaskan nilai.

PROFIL JAWATANKUASA PENGURUSAN



ZULKEEFLI MAD KARIM

Ketua Pegawai Kewangan

Tarikh Dilantik: 1 Jun 2023

KELAYAKAN:

- Profesional Kewangan Islam Bertauliah (CPIF)
- Akauntan Bertauliah (Malaysian Institute of Accountant) (MIA)
- Felo Akauntan Sah Bertauliah (ACCA), United Kingdom
- Diploma Pascasiswazah dalam Pentadbiran Perniagaan (Universiti Teknologi Malaysia)
- Diploma Pascasiswazah dalam Perakaunan (De Monfort University, United Kingdom)
- Akauntan Sah Bertauliah di bawah Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), United Kingdom

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Pegawai Operasi, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Ketua Pegawai Kewangan, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Naib Presiden Kanan Ketua /I, Kewangan Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Naib Presiden Ketua/I, Pengurusan Kewangan, Kumpulan Kewangan Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Ketua Pegawai Kewangan, Co-op Bank Persatuan Malaysia Berhad
- Naib Presiden/ Ketua, Kewangan & Akaun SME Bank
- Naib Presiden II/ Ketua, Laporan Pengurusan, Jabatan Akaun & Perbendaharaan Kumpulan Sime Darby Berhad
- Pengawal Kewangan, Universiti Tenaga Nasional
- Pengurus Kanan, Perkhidmatan Sokongan, Negara Properties Berhad
- Akauntan Pengurusan, Sime UEP Properties Berhad
- Ahli Lembaga Pengarah Pembangunan Leasing Corporation Sdn Bhd

TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab menyelia kesemua perihal kewangan, operasi & strategi perakaunan, perbendaharaan, pengurusan aset liabiliti, pengurusan aset khas, perolehan dan pengurusan data Bank; dan memberikan khidmat nasihat kepada pengurusan bagi menyokong proses penjiwaan keputusan yang betul dan tepat.
- Mematuhi kesemua prinsip perakaunan, cukai dan undang-undang pengawalseliaan, aturan dan peraturan yang diterima secara umumnya, serta bidang-bidang di luar fungsi perakaunan tempatan tradisional seperti IFRS, Garis Panduan Bank Negara Malaysia, bagi mencerminkan kedudukan kewangan Bank yang mencukupi dan tepat pada setiap masa.
- Membina strategi kewangan dan melaksanakan pelan yang berkesan bagi memastikan kelebihan daya saing dan keberkesanan kos yang maksimum; untuk memperbaiki proses bahagian dan menetapkan fungsi-fungsi objektif yang sejajar dengan objektif Bank.
- Menyampaikan maklumat kewangan yang tepat, penting dan memenuhi kehendak laporan kepada pengurusan, ahli Lembaga Pengarah dan pemegang taruh.

ZAHID AHMAD ZAWAWI

Ketua Pegawai Operasi

Tarikh Dilantik: 23 Julai 2015

**KELAYAKAN:**

- Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam
- Sijil Kepimpinan dalam Perbankan dan Kewangan Islam daripada Cambridge IF Analytica
- Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ijazah Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia

JAWATAN TERDAHULU DI AGROBANK:

- Timbalan Ketua Pegawai Operasi
- Timbalan Ketua Pegawai Operasi merangkap Pemangku Pengurus Wilayah Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (PPKP)
- Ketua Audit Dalaman

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Audit Dalaman, Malaysia Debt Venture Berhad
- Ketua Jabatan, Bahagian Audit Dalaman, Bank Islam Malaysia Berhad
- Pegawai Operasi Kanan, Bahagian Kewangan, Public Bank Berhad
- Juruaudit Luar

TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab bagi merancang, mengurus dan mengawal aktiviti-aktiviti operasi harian Bank di bawah arahan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.
- Memastikan bahawa kesemua aspek operasi aktiviti Bank berjalan dengan selamat dan kukuh demi kepentingan pemegang saham, Lembaga Pengarah, para pelanggan, kakitangan dan orang awam.
- Mewujudkan struktur dan proses yang diperlukan menerusi program rasionalisasi berstruktur saluran Bank bagi menguruskan dan meningkatkan keberkesanan aktiviti semasa organisasi dan unjuran pertumbuhannya.
- Membina strategi yang berkesan bagi mempertingkatkan operasi perbankan, proses perniagaan atau perkhidmatan dan mengendali penilaian situasi sedia ada dan perubahan yang dijangka dalam persekitaran luaran bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan, memacu pertumbuhan perniagaan supaya mampu mempertingkatkan kedudukan kunci kira-kira dan meningkatkan produktiviti dan pembangunan modal insan
- Menilai, merumus dan mengukuhkan persekitaran risiko dan kawalan semasa operasi Bank dan meningkatkan struktur tadbir urus serta risiko, kawalan dan budaya pematuhan dalam Bank secara berterusan.
- Memacu inisiatif-inisiatif IT Bank, menekankan operasi IT, kecekapan perbankan dan inovasi serta pelaksanaan perjalanan perbankan digital untuk mewujudkan model perniagaan berpaksikan pelanggan, mengoptimumkan pengagihan, berkembang melangkaui teras kepada ekosistem yang lebih menyeluruh, mengembangkan nilai di sepanjang perjalanan pelanggan dan menjana pendapatan daripada data Bank.
- Menilai, menganalisis dan membangunkan pelan tersusun dan lengkap untuk terus menambah baik indeks kepuasan pelanggan Bank.
- Memikul tanggungjawab pengurusan sebagai Pengarah Pemulihan Bank bagi usaha Perancangan Luar Jangka Perniagaan dengan tumpuan utama memastikan kecukupan pelan luar jangka unit perniagaan bagi bidang, fungsi dan aplikasi perniagaan yang penting.
- Mengekalkan operasi berterusan, perlindungan aset dan pengurangan kerugian apabila berlaku gangguan, menyelaras aktiviti sumber teknologi dengan pelbagai unit dan kumpulan pembangunan perniagaan syarikat sebagaimana perlu.
- Mengembangkan e-saluran perniagaan dan memaksimum e-pembayaran untuk Bank dengan mewujudkan dan melaksana platform pembayaran tanpa tunai seperti DuitNow QR, dalam kalangan semua komuniti di seluruh negara.
- Mengawas dan mengurus portfolio pentadbiran kredit dan kewangan perdagangan, bagi memastikan pemprosesan dan pengurusan kemudahan kredit serta operasi kewangan perdagangan yang cekap dengan melaksanakan inisiatif dan mengoptimum proses untuk mendorong pertumbuhan perniagaan Bank serta menyokong objektif kewangannya.

PROFIL JAWATANKUASA PENGURUSAN



AMINUDDIN AMENON

Ketua Pegawai Pembangunan

Tamat perkhidmatan 30 September 2024

KELAYAKAN:

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antarabangsa
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Pertanian Malaysia
- Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia (MIA)

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Pegawai Eksekutif, Koperasi Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur
- Timbalan Pengurus Besar, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Kuala Lumpur
- Pengurus Kanan, Bahagian Pelaburan, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Kuala Lumpur
- Penaung Persatuan Automotif PROSPER
- Ahli Lembaga Penasihat Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

JAWATAN LAIN YANG DI SANDANG:

- Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

TANGGUNGJAWAB:

- Membina, memimpin dan menguruskan strategi pembangunan dan pelan perniagaan taktikal yang membolehkan transformasi sektor pertanian dan industri perbankan pertanian.
- Membina, mengekalkan, mengembangkan dan mempertingkatkan pengalaman dan perhubungan pelanggan menerusi rangkaian perniagaan dengan pelbagai agensi Kerajaan, Syarikat-syarikat berkaitan dengan Kerajaan, sektor swasta dan institusi perbankan lain.
- Membangunkan produk, program dan penyelesaian kewangan yang khusus dengan keperluan pelanggan berfokus kepada pertanian dan "agromakanan".

- Memacu dan mempertingkatkan Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE) sebagai pusat untuk meningkatkan ketahanan dan kesejahteraan sosioekonomi menerusi perkhidmatan nilai tambah kepada pelanggan.
- Membangunkan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan akses perkhidmatan kewangan terutamanya kepada komuniti-komuniti yang kurang mendapat perhatian dan terpinggir.
- Melibatkan diri dan bekerjasama secara aktif dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan, masyarakat dan penggiat industri bagi mempromosi berbagai produk dan perkhidmatan Bank kepada komuniti yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

SYED HAIRUL ANUAR SYED FADZIL

Ketua Pegawai Perniagaan

Tarikh Dilantik: 16 Oktober 2023

**KELAYAKAN:**

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan), Universiti Multimedia (2002)
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Teknologi Mara (1983)

JAWATAN TERDAHULU DENGAN AGROBANK:

- Ketua Pegawai Perniagaan, Bahagian Perniagaan, Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Saluran dan Pengedaran, Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Kelulusan Kredit (Pengguna & Mikro Kewangan), Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Kelulusan Kredit (PKS / Runcit), Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Pengurusan Cawangan, Agrobank
- Pengarah Wilayah, Wilayah 2 (Selangor, KL & Negeri Sembilan), Agrobank
- Pengurus Wilayah, Pejabat Wilayah Perak, Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Kejuruteraan Semula Proses Perniagaan, Agrobank

- Ketua Jabatan, Jabatan Penyeliaan & Perancangan Tenaga Kerja, Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Perancangan Perniagaan & Pemantauan Prestasi, Agrobank
- Ketua Jabatan, Jabatan Rangkaian Cawangan, Agrobank
- Pegawai Kanan, Perancangan Strategik Korporat, Bank Pertanian Malaysia
- Pegawai Kanan, Jabatan Audit Dalaman, Bank Pertanian Malaysia
- Pengurus Cawangan untuk Labuan, Labis dan Muar, Bank Pertanian Malaysia
- Pegawai Perniagaan, Bahagian Perniagaan, Agrobank

TANGGUNGJAWAB:

- Mencapai sasaran kewangan Bank menurut Pelan Perniagaan yang diluluskan.
- Menyelia dan menguruskan portfolio aset dan liabiliti Bahagian Perniagaan, termasuk menentukan keutamaan dalam semakan aset dan peruntukan perbelanjaan.
- Membangun, mengekalkan dan menambah baik pengalaman dan hubungan pelanggan.
- Mengekalkan perangkaan perniagaan dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi-institusi perbankan lain.
- Libat urus dan usaha sama secara aktif dengan NGO, Persatuan dan para peserta Industri bagi mempromosi produk dan perkhidmatan Bank kepada komuniti yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

- Memastikan penekanan terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat besar selaras dengan agensi kerajaan yang berkaitan dan ditumpukan untuk menggiatkan semula sektor pertanian.
- Membangun, meneraju dan menguruskan strategi perniagaan dan pelan perniagaan taktikal bagi mentransformasi sektor pertanian dan industri perbankan Agro.
- Menyelia dan menerajui fungsi-fungsi kecil penting di bawah Bahagian Perniagaan: Perbankan Korporat, Perbankan Perusahaan (SME), Perniagaan Mikro, Pembiayaan Kontrak, Saluran & Pengagihan, dan Pengurusan Kualiti Aset.
- Mengawal selia keberkesanan operasi perniagaan dan memastikan peraturan dan undang-undang dipatuhi.
- Memastikan semua unit di bawah Bahagian Perniagaan disediakan dengan peluang pembangunan berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemampuan mereka.

PROFIL JAWATANKUASA PENGURUSAN



MOHAMAD TAUFIK MAHAMAD ZAKARIA

Ketua Pegawai Strategi

Tarikh Dilantik: 6 April 2018

KELAYAKAN:

- Profesional Kewangan Islam Bertauliah
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Akauntan Berkanun (Institut Akauntan Malaysia, MIA)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

JAWATAN TERDAHULU DI AGROBANK

- Ketua Pegawai Transformasi
- Ketua Jabatan Korporat & Perancangan Strategik

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG

- Penyelia Kanan, Bank Negara Malaysia (BNM)

TANGGUNGJAWAB:

- Menasihati Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam menetapkan hala tuju strategik untuk meningkatkan kedudukan Bank dan keupayaan organisasi ke arah penyampaian mandat dan objektif perniagaan.
- Membina pelan strategik Bank dan menyelia pelaksanaan projek dan inisiatif bagi memastikan pencapaian hasil strategik.
- Menguruskan pembangunan keupayaan perniagaan baharu melalui pelaksanaan projek strategik berimpak tinggi untuk mengukuhkan kedudukan Agrobank dalam industri.
- Memastikan segala inisiatif dan projek dilaksanakan secara berkesan dan sejajar dengan matlamat yang diinginkan di bawah Pelan Perniagaan Strategik Bank.
- Menguruskan penyediaan dan penyampaian maklumat dan analisis terhadap perkembangan semasa dalam bidang ekonomi dan subsektor pertanian menerusi Jabatan Penyelidikan Ekonomi dan Industri (EIRD) sebagai panduan kepada pihak Pengurusan Bank dalam membuat keputusan.
- Membangunkan hala tuju Bank dan strategi sokongan bagi melaksanakan projek dan inisiatif kelestarian di seluruh Bank untuk menyepadukan pertimbangan tentang kelestarian dalam proses membuat keputusan Bank.
- Mengurus pembangunan model dan keupayaan perniagaan baharu yang transformatif bagi mencapai kelebihan daya saing baharu melalui projek strategik berimpak tinggi.
- Menguruskan pembangunan wawasan ekonomi dan industri yang digunakan untuk memudahkan pembuatan keputusan strategik yang lebih baik oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- Memacu pembangunan dan pengoperasian agenda kelestarian Bank, melalui projek dan inisiatif strategik.
- Memastikan semua projek strategik dan inisiatif diselaraskan dengan Pelan Perniagaan Strategik Bank 2021-2025 (PPS 2021-2025) yang memandu hala tuju strategik 5 tahun dan keutamaan pembangunan Bank.
- Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan keseluruhan PPS 2021-2025.
- Memacu pembangunan dan pelaksanaan strategi digital Bank.
- Menerajui penambahbaikan utama dalam cara Bank beroperasi melalui penjuruteraan semula proses perniagaan.
- Menasihati Pengurusan dan Lembaga Pengarah mengenai persekitaran yang berdaya saing dan mengesyorkan serta melaksanakan strategi yang sesuai untuk menambah baik cadangan nilai unik Bank.

ELINA AHMAD

Ketua Pegawai Pematuhan

Tarikh Dilantik: 1 Mei 2020

**KELAYAKAN:**

- Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam
- Pegawai Integriti Bertauliah
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

JAWATAN TERDAHULU DI AGROBANK:

- Pemangku Ketua Pegawai Pematuhan
- Ketua, Jabatan Korporat & Perancangan Strategik
- Ketua, Jabatan Pengurusan Cawangan

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Memangku Tugas Timbalan Pengarah, Jabatan Penyeliaan Perbankan, Bank Negara Malaysia (BNM)
- Pengurus Perhubungan, Jabatan Penyeliaan Perbankan, BNM
- Pengurus, Jabatan Perisikan Kewangan, BNM
- Pegawai Audit, PricewaterhouseCoopers (PwC)

TANGGUNGJAWAB:

Pengukuhan Kedudukan Bank:

- Memimpin pembentukan perancangan pematuhan strategik yang sejajar dengan visi, misi dan nilai-nilai Bank.
- Mengenal pasti dan menilai risiko pematuhan utama yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan Bank dan memantau tahap risiko pematuhan secara sistematik.
- Menilai keupayaan dan keberkesanan kawalan dalaman yang sedia ada dalam mematuhi keperluan kawal selia dan memastikan pelan pemulihan yang sesuai bagi menangani sebarang kekurangan yang dikenal pasti.
- Menasihati Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan pegawai mengenai keperluan pengawalseliaan dan implikasinya terhadap operasi perniagaan Bank.
- Memimpin dan mengurus fungsi-fungsi tadbir urus dan pematuhan termasuk menyelia Pegawai Pematuhan Dalaman (ECO) dan Pegawai Pematuhan Berfungsi (FCO) di unit perniagaan.
- Memimpin dan mempromosikan inisiatif budaya tadbir urus dan pematuhan termasuk tatakelakuan dan etika perniagaan.
- Memimpin pembangunan strategi latihan berkaitan pematuhan menerusi kerjasama strategik antara barisan hadapan dengan wakil dilantik dalam tadbir urus dan pematuhan.
- Memainkan peranan sebagai penasihat berkaitan tadbir urus dan pematuhan dalam mesyuarat pengurusan kanan berkaitan hala tuju perniagaan dan operasi.
- Mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik dengan pihak pengawalselia dan institusi berkaitan.

- Memimpin perancangan dan pelaksanaan program anti-sogokan dan antirasuah.
- Menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan mengenai keperluan pematuhan dan menerapkan amalan tadbir urus terbaik dalam membudayakan amalan beretika dan berintegriti di dalam Bank.
- Menerajui perumusan dasar berkaitan integriti dan anti-rasuah serta kawalan dalaman yang lain untuk menangani pelbagai risiko dan isu mengenai integriti dan rasuah.
- Memacu dan menggalakkan budaya integriti tinggi melalui pelaksanaan inisiatif anti-sogokan dan anti-rasuah Bank.
- Mewujudkan latihan dan komunikasi berkaitan dengan integriti dan anti-rasuah agar sentiasa selari dengan sebarang perubahan undang-undang dan peraturan yang mengawal selia berkaitan dengan integriti dan anti-rasuah.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

- Melaksanakan sistem pengurusan aduan yang berkesan untuk menangani pelanggaran integriti dan salahlaku di kalangan petugas Bank.
- Bertindak sebagai pengantara bagi Agensi Penguatkuasa Undang-Undang dan Pengurusan Bank dalam menerapkan amalan terbaik berkaitan anti-rasuah.

PROFIL JAWATANKUASA PENGURUSAN



HUSSIEN MULLAR

Ketua Pegawai Risiko

Tarikh Dilantik: 15 November 2023

KELAYAKAN:

- Professional Bertauliah dalam Kewangan Islam
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya
- Institute of Enterprise Risk Practitioners Professional Certificate in Enterprise Risk Management (ERM) | Malaysia Certified Enterprise Risk Manager (ERM®) (2017)
- Profesional Kredit Bertauliah (CCP), IBBM (partial) (2012)

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Pengarah/Ketua, MIND & Kelestarian, Pejabat KPE Kumpulan, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Naib Presiden/Ketua, Strategi & Analitik Risiko, Pengurusan Risiko Kumpulan, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Ketua Pegawai Risiko, Export Import Bank of Malaysia Berhad
- Ketua Perwakilan – Pejabat Wilayah Selatan (Johor) Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB)

TANGGUNGJAWAB:

- Memaksimumkan pulangan berasaskan pengurusan risiko yang berkesan (diukur mengikut kualiti aset yang berpatutan, kerugian disebabkan oleh risiko operasi, pasaran dan kecairan dan kecukupan modal).
- Memantau keadaan pasaran dan mengemukakan cadangan bagi perubahan strategik dalam operasi perniagaan berasaskan kemunculan risiko baharu.
- Menghasilkan penilaian risiko yang komprehensif terhadap aktiviti syarikat, mengenal pasti risiko yang berpotensi berlaku dan strategi mengatasinya, serta memantau paras risiko sejajar peredaran masa.
- Memberi perkhidmatan penilaian, khidmat nasihat dan perundingan secara bebas kepada unit-unit perniagaan, unit-unit sokongan, pihak pengurusan kanan, dan Lembaga Pengarah.
- Membina / menyemak / mengemas kini strategi, rangka kerja, dasar, inisiatif dan proses risiko.
- Membina dan membimbing ketua-ketua jabatan untuk meningkatkan kecekapan secara berterusan dan menjadi pakar menerusi gabungan program-program pembelajaran dalaman dan luaran.
- Menilai unit-unit perniagaan, unit-unit sokongan, pihak pengurusan, dan Lembaga Pengarah tentang profil risiko Bank.
- Mengenal pasti ancaman yang mempunyai potensi untuk menjejaskan kecekapan operasi dan kestabilan kewangan organisasi.
- Menganalisis data dan mengemukakan cadangan berkenaan dengan pelbagai produk atau perkhidmatan baharu yang mungkin menimbulkan risiko kepada syarikat atau pelanggannya.

KAMARUDIN SAMSUDIN

Ketua Juruaudit Dalam

Tarikh Dilantik: 1 Mac 2023

**KELAYAKAN:**

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Muda Sains Perakaunan, Universiti Purdue, USA
- Profesional Kredit Bertauliah (CCP), IBBM
- Pegawai Pematuhan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Bertauliah (CAMCO), Asian Banking School (ABS)
- Profesional Risiko Bertauliah (CRP), USA
- Kelayakan Bersekutu dalam Kewangan Islam

JAWATAN TERDAHULU YANG DISANDANG:

- Ketua Pegawai Pematuhan, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Ketua Audit Dalam, Malaysia Building Society Berhad (MBSB)
- Ketua Jabatan Audit Kredit, RHB Bank
- Ketua Jabatan Audit Operasi Rangkaian, RHB Bank

TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab memberi perkhidmatan audit dalaman kepada Agrobank selaras dengan Garis Panduan Piawaian Audit Minimum untuk Juruaudit Dalam Institusi Kewangan (BNM/RH/GL013-4) dan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IIA Malaysia).
- Merangka strategi, memimpin, mengurus dan mengawal fungsi audit dalaman secara menyeluruh dan menyelaraskan semula strategi-strategi audit menurut Pelan Perniagaan Strategik Bank.
- Menilai keupayaan dan integriti sistem kawalan dalaman Bank secara berterusan yang merangkumi pengurusan kewangan, operasi dan risiko kredit, tadbir urus dan pematuhan terhadap undang-undang, pengawalseliaan, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkaitan.
- Memberikan pandangan dan jaminan yang munasabah kepada pemegang taruh mengenai keberkesanan dan kecekapan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman.
- Merumuskan dan meningkatkan pendekatan/kaedah audit agar bersesuaian dengan persekitaran dinamik dan risiko yang dihadapi oleh Bank.
- Menjadi pemangkin/ejen perubahan dalam memupuk budaya risiko dan pematuhan di seluruh Bank dan pematuhan budaya dengan peranan yang lebih jelas.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Agrobank mengakui kepentingan tadbir urus korporat, justeru mengutamakan dalam mengekalkan kejayaan, kewibawaan, nilai mampan dan identiti korporat dalam perniagaan. Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), Lembaga Pengarah Agrobank (Lembaga Pengarah) mendukung prinsip-prinsip tadbir urus korporat seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat DFI Bank Negara Malaysia (Dasar CG BNM) dan mematuhi amalan yang disyorkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA 2002) dan Akta Syarikat 2016 (CA 2016) (secara kolektifnya dirujuk sebagai Garis Panduan).

Lembaga komited terhadap piawaian tertinggi tadbir urus korporat bagi memastikan Agrobank dan anak syarikat beroperasi dengan selamat dan kukuh. Ini termasuk menyeimbangkan ketelitian perniagaan dengan pertimbangan risiko, melindungi daripada aktiviti penipuan, serta mencapai objektif sosioekonomi sambil memastikan kelestarian kewangan.


Amalan tadbir urus korporat yang kukuh adalah perlu bagi Agrobank dalam melaksanakan kewajipan dan tugas fidusiarinya di segenap sudut organisasi kami melalui nilai-nilai, struktur, dasar dan prosedur kami. Kami mewujudkan objektif tadbir urus korporat yang jelas, bertujuan untuk mencapai nilai pemegang saham jangka panjang sambil memastikan perniagaan kami beroperasi secara telus, beretika, saksama dan bertanggungjawab serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan.

STRUKTUR TADBIR URUS KORPORAT

Kumpulan menekankan rangka kerja tadbir urus korporat yang kukuh yang tertanam dalam budaya, operasi, dan pematuhan terhadap peraturan. Rangka kerja ini bertujuan untuk mewujudkan impak positif dan lestari terhadap pelanggan, pembekal, pekerja, komuniti, dan alam sekitar, selaras dengan pendekatan pengantaraan berasaskan nilai (VBI).

Agrobank menilai dan menambah baik struktur tadbir urus korporatnya dari semasa ke semasa bagi mendukung kepentingan para pemegang saham dan pemegang taruh. Lembaga Pengarah menerima pakai secara proaktif pelbagai dasar dan amalan tadbir urus yang mengutamakan keselarasan kepentingan Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan, pemegang saham dan pemegang taruh bagi mendukung piawaian tingkah laku beretika dan pengurusan risiko tertinggi di segenap peringkat organisasi.

Struktur tadbir urus Agrobank merangkumi Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan, dengan fleksibiliti untuk menubuhkan jawatankuasa lain mengikut keperluan bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab tertentu.



Agrobank mempunyai struktur tadbir urus korporat kukuh yang disokong oleh peraturan dan prosedur dalaman yang memastikan kecekapan proses dan menggariskan pengagihan tanggungjawab. Dalam mengawasi keseluruhan strategi termasuk strategi risiko Agrobank, Lembaga Pengarah disokong oleh pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Lembaga Strategik, Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan, Jawatankuasa Lembaga Disiplin Peringkat dan Jawatankuasa Lembaga Pengawasan. Kesemua jawatankuasa tersebut bertujuan meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan menggalakkan perbincangan secara terbuka.

Struktur tadbir urus mentakrif dengan jelas peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan bagi menggalakkan ketelusan dan sikap saling mempercayai. Pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (P/KPE), Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Perniagaan, Ketua Pegawai Pembangunan, Ketua Pegawai Strategi, Ketua Pegawai Kredit, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Sumber Manusia, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Pegawai Pematuhan dan Ketua Juruaudit Dalaman, bertanggungjawab melaksanakan Keputusan Lembaga Pengarah dan menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Struktur tadbir urus korporat Agrobank dirancang supaya bersesuaian dengan sifat, saiz dan ciri-ciri organisasi yang kompleks. Lembaga Pengarah turut menyedari persekitaran global yang berubah, perubahan dalam kawal selia dan peningkatan tumpuan terhadap penglibatan dan kebertanggungjawaban pemegang taruh untuk terus menambah baik rangka kerja tadbir urus korporatnya supaya sentiasa selari dengan amalan terbaik dan faktor-faktor luaran.

KOMPOSISI, KESEIMBANGAN DAN KEBEBASAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dianggotai oleh lapan (8) orang ahli iaitu seorang Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, lima Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (INED), dan dua Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (NINED). Pada tahun 2024, tiada pelantikan baharu, satu pelantikan semula dan satu peletakan jawatan. Profil setiap pengarah dinyatakan dalam Laporan Tahunan ini. Ahli Lembaga Pengarah semasa adalah seperti berikut:

DATUK YUNOS ABD GHANI

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 12 November 2022)

DATUK LOKMAN HAKIM ALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 4 Disember 2023)
(Meletakkan jawatan berkuat kuasa 23 September 2024)

DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 17 November 2020)

MOHD HANIF MASTUKI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 13 Julai 2022)

RIZLEEN MOKHTAR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 1 Ogos 2022)

WAN ZAMRI WAN ZAIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 2 Februari 2023)

MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 2 Februari 2023)

DATIN ARLINA ARIFF

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik berkuat kuasa 30 Ogos 2023)

INED memainkan peranan penting dalam memastikan proses membuat keputusan yang seimbang di Agrobank. Tanggungjawab utama mereka adalah untuk mencegah kemungkinan percanggahan kepentingan antara fungsi pembentukan dasar dan pengurusan harian Bank. INED juga diperlukan untuk memberi pandangan, nasihat dan pertimbangan yang saksama dan bebas terhadap cadangan daripada Pengurusan bagi memastikan Agrobank beroperasi dengan selamat dan teguh, di samping menyumbangkan perspektif baharu untuk menambah baik keberkesanan Lembaga Pengarah.

NINED mewakili kepentingan pemegang taruh Kementerian dalam Lembaga Pengarah Agrobank, termasuk MoF Inc. dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Mereka memikul tugas dan tanggungjawab yang sama seperti ahli-ahli Lembaga Pengarah lain iaitu memberi tumpuan kepada kepentingan Agrobank sambil memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kepentingan pelanggan dan pendeposit, sejajar dengan mandat Agrobank yang diluluskan. Jika berlaku percanggahan kepentingan antara tugas mereka dengan Agrobank dan dengan pemegang taruh Kementerian yang mereka wakili, keutamaan akan diberikan kepada tugas mereka dengan Agrobank.

Komposisi Lembaga Pengarah pada masa ini mematuhi keperluan Dasar CG BNM yang menghendaki supaya majoriti daripada ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada INED dan sekurang-kurangnya tiga (3) orang pengarah memiliki pengalaman berkaitan kewangan atau perakaunan. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya Lembaga Pengarah mempunyai gabungan kecekapan teras yang seimbang dalam bidang kewangan, perakaunan, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat, pengurusan pelaburan dan pertanian, serta pengetahuan dalam pasaran dan sektor-sektor sasaran Agrobank.

KEPELBAGAIAN LEMBAGA PENGARAH

Agrobank mementingkan kepelbagaian dalam komposisi lembaga pengarah mencakupi jantina, usia, latar belakang budaya dan pendidikan, kaum, pengalaman profesional, kemahiran dan pengetahuan. Kepelbagaian ini membawa kepelbagaian perspektif dalam pertimbangan Lembaga Pengarah. Semasa proses pemilihan, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan akan mempertimbangkan calon-calon daripada jantina, kaum dan usia berlainan yang memiliki kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri bersesuaian.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Agrobank dipantau oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada para pemegang saham untuk mengemudi Bank. Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara muktamad terhadap tadbir urus korporat, hala tuju strategik dan objektif, keputusan berkaitan kakitangan penting, perbelanjaan modal utama, pengurusan risiko, belanjawan tahunan, pencapaian berbanding petunjuk prestasi penting yang dipersetujui (KPI) dan kewajipan pematuhan Agrobank. Setelah beralih menjadi sebuah bank Islam pada Julai 2015, Lembaga Pengarah menggalas peranan yang lebih luas dalam memikul kebertanggungjawaban dan tanggungjawab muktamad bagi keseluruhan tadbir urus Syariah dan pematuhan Syariah Agrobank.

Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh DATUK YUNOS ABD GHANI, seorang Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif. Memandangkan pengalaman beliau yang luas dalam industri, Lembaga Pengarah terus yakin dengan kewibawaan beliau menyandang jawatan tersebut. Melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan, Lembaga akan sentiasa menilai komposisi Lembaga Pengarah dan mendapatkan para pengarah bebas yang sesuai supaya selari dengan MCCG 2021.

Piagam Lembaga Pengarah mentakrif peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dengan menggariskan mandat, tanggungjawab dan prosedur Agrobank bagi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga yang meliputi:

- Menyelia operasi Agrobank bagi memastikan pengurusan yang mantap dan melindungi kepentingan pendeposit dan pemegang taruh.
- Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan objektif dan strategi perniagaan Agrobank.
- Melaksanakan rangka kerja tadbir urus Agrobank dengan mengambil kira perubahan dalam landskap kewangan dan peraturan yang memberi kesan material kepada strategi dan operasi perniagaan Agrobank.
- Menetapkan selera risiko (risk appetite) Agrobank berdasarkan cadangan oleh pihak pengurusan kanan.
- Memastikan Agrobank ditadbir urus oleh dasar-dasar yang kukuh, termasuk kecukupan modal, rancangan mudah tunai, dasar pematuhan dan sistem kawalan dalaman.

Bidang tanggungjawab utama Lembaga Pengarah meliputi tadbir urus korporat, pengawasan pentadbiran, tadbir urus risiko tadbir urus Syariah dan operasi perniagaan serta prestasi kewangan.

Peranan Lembaga Pengarah juga adalah untuk menetapkan nilai-nilai etika dan memastikan operasi Agrobank berjaya dan pertumbuhan jangka panjang.

Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi dan P/KPE

Tanggungjawab Pengerusi dan P/KPE Agrobank diasingkan dengan jelas bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti. Pengerusi dicalonkan oleh pemegang saham dan hendaklah berkhidmat dalam kapasiti bukan eksekutif yang bebas. Manakala P/KPE pula adalah bukan ahli Lembaga Pengarah dan merupakan jawatan eksekutif tertinggi di Agrobank.

Pengerusi memimpin Lembaga, memastikan keputusan dibuat melalui konsensus atau kehendak majoriti berdasarkan maklumat yang kukuh. Beliau memudahkan perbincangan terbuka, membenarkan pandangan yang berbeza, dan memastikan aktiviti pengurusan kanan selaras dengan objektif Agrobank.

P/KPE mengawasi operasi harian, membangunkan hala tuju strategik, melaksanakan pelan perniagaan dan dasar korporat, serta memberi maklumbalas terhadap keputusan dan arahan Lembaga. Beliau menyediakan kepimpinan yang teguh, menyampaikan visi dan strategi kepada kakitangan, serta memastikan aspek penting operasi dimaklumkan kepada Lembaga. P/KPE mesti menunjukkan integriti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan, memastikan aktiviti perniagaan dijalankan secara beretika, serta membangunkan pelan penggantian bagi jawatan kritikal.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga Pengarah disokong oleh sembilan (9) Jawatankuasa Lembaga bagi memastikan pengawasan yang teguh dan perbincangan yang mendalam dilakukan berhubung kawalan dalaman, pengurusan risiko, prestasi dan pencalonan bagi jawatan-jawatan utama. Walaupun fungsi-fungsi tertentu diagihkan kepada Jawatankuasa tersebut, namun Lembaga Pengarah secara muktamad kekal bertanggungjawab terhadap keputusan Jawatankuasa Lembaga.

Berikut adalah senarai sembilan (9) Jawatankuasa Lembaga:

- Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (BCIVC);
- Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC);
- Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC);
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan (NRC);
- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (BITC);
- Jawatankuasa Lembaga Strategi (BSC);
- Jawatankuasa Lembaga Pemerolehan (BPC);
- Jawatankuasa Peringkat Lembaga Disiplin (BLDC); dan
- Jawatankuasa Lembaga Pengawasan (BOSC).

(Tarikh pembentukan: 30 Mac 2023, tarikh pembubaran: 26 Januari 2024)

Setiap Jawatankuasa Lembaga beroperasi menurut Terma Rujukan (TOR) yang ditetapkan dengan jelas bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Selepas setiap mesyuarat, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga akan melaporkan aktiviti dan menyampaikan butiran perbincangan, keputusan dan cadangan yang berkaitan kepada Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bulanan. Minit mesyuarat setiap Jawatankuasa Lembaga juga dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dimaklumkan berhubung perbincangan dan keputusan yang dicapai. Jawatankuasa juga akan memaklumkan Lembaga Pengarah berhubung keputusan mesyuarat dan mengemukakan cadangan bagi kelulusan Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa dan wakil Pengurusan. Jawatankuasa akan mendapatkan nasihat profesional bebas daripada pakar-pakar yang berpengalaman dan berkemahiran berkaitan hal-hal teknikal apabila perlu.

JAWATANKUASA LEMBAGA KREDIT DAN PELABURAN (BCIVC)

BCIVC membuat keputusan mengenai isu urus niaga yang melebihi had kuasa Jawatankuasa Kredit Pengurusan (MCC) dan memastikan kawalan kualiti dalam proses pembiayaan, pelaporan dan pematuhan Agrobank. Peranan jawatankuasa ini termasuk:

- Mengkaji dan menilai semua cadangan pembiayaan yang melebihi had kuasa kelulusan MCC dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- Membincangkan hal-hal mengenai pembiayaan dan pelaburan yang mungkin memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan menyemak semula cadangan pembiayaan dan pinjaman strategik bagi memastikan keuntungan mampan, serta mendapatkan sokongan Lembaga Pengarah.
- Menilai dan mencadangkan sebarang pelaburan ekuiti yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah.
- Memantau prestasi portfolio pelaburan Agrobank dan mencadangkan tindakan bersesuaian yang perlu diambil.
- Menilai, prestasi perkhidmatan pengurus dana, broker serta wakil-wakil lain di bawah Agrobank.

BCIVC terdiri daripada empat Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahli BCIVC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Rizleen Mokhtar	Pengerusi	17/17
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	Ahli	17/17
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Ahli	17/17
Datin Arlina Ariff	Ahli	16/17

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO (BRMC)

BRMC meluluskan strategi risiko Agrobank, termasuk kesanggupan mengambil risiko, dan menyelia pelaksanaannya. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko menyeluruh yang kukuh serta memberikan panduan bagi aktiviti pengambilan risiko. BRMC menyemak dan memantau pematuhan terhadap kesanggupan mengambil risiko Agrobank serta membuat cadangan kepada Lembaga.

Tanggungjawab BRMC merangkumi semakan keberkesanan pengurusan risiko menyeluruh, termasuk risiko strategik, kredit, pasaran, pematuhan, dan operasi. Jawatankuasa ini juga mengawasi dasar risiko dan semua isu berkaitan risiko.

Skop BRMC adalah seperti berikut:

- Mengesyorkan visi, objektif dan strategi pengurusan risiko serta toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan mengkaji rangka kerja, dasar dan prosedur pengurusan risiko Agrobank.
- Meluluskan strategi pengurusan risiko yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC).

- Menyemak laporan risiko berkala daripada Pengurusan mengenai kedudukan portfolio, aktiviti pengurusan risiko, serta tindakan yang diambil untuk mengenal pasti, mengukur, memantau, dan mengawal risiko.
- Menilai tahap modal dalaman dan modal pengawalseliaan Agrobank serta faktor risiko utama yang mempengaruhi kecukupan modalnya.
- Meluluskan pelantikan perunding dan penasihat luar bagi infrastruktur sistem pengurusan risiko dan perkara teknikal mengikut keperluan.
- Meluluskan pelantikan dan menilai prestasi Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Pegawai Pematuhan.
- Memastikan pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan oleh BNM dan badan pengawalseliaan lain.
- Meluluskan perkara berkaitan risiko Syariah serta pelan tindakan untuk membetulkan ketidakpatuhan Syariah.

BRMC terdiri daripada tiga Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli BRMC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Wan Zamri Wan Zain	Pengerusi	11/11
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Ahli	11/11
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	Ahli	11/11

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT (BAC)

BAC mengawasidasar perakaunan, kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses pelaporan kewangan kumpulan untuk memastikan penyata laporan tahunan disediakan secara tepat dan segerasebelum dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Ia memastikan keberkesanan dasar pemberian maklumat untuk melaporkan salah laku kewangan.

BAC menilai fungsi audit dalaman, meluluskan pelantikan serta menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman, dan memastikan sumber serta akses kepada maklumat mencukupi bagi menjalankan audit yang berkesan. Jawatankuasa ini menyemak aktiviti audit dalaman, penemuan, dan syor, serta memastikan tindakan yang sesuai diambil.

Tanggungjawab BAC adalah berikut:

- Mengkaji semua urus niaga pihak ketiga/berkaitan dan memaklumkan Lembaga Pengarah berhubung urus niaga tersebut.
- Mengkaji prosedur Kumpulan bagi membolehkan kakitangan melaporkan secara rahsia sebarang kemungkinan terjadinya salah laku dalam laporan kewangan atau hal-hal lain, serta memastikan siasatan yang adil.
- Mengesyorkan pelantikan, pelantikan semula dan penyingkiran juruaudit luar Kumpulan.
- Menyelia hubungan dengan juruaudit luar, iaitu meluluskan imbuhan dan terma lantikan mereka.
- Meluluskan peruntukan bagi sebarang perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar.
- Meluluskan pelan audit tahunan dan mengkaji penemuan juruaudit luar.

BAC terdiri daripada tiga orang Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa hendaklah mempunyai pengalaman perakaunan dalam bidang kewangan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Komposisi BAC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Pengerusi	14/14
Mohd Hanif Mastuki	Ahli	14/14
Rizleen Mokhtar	Ahli	14/14

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (NRC)

NRC mengenal pasti calon-calon berpotensi dan mencadangkan untuk jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan. Ia menilai keberkesanan dan prestasi setiap pengarah, Lembaga, Jawatankuasa Syariah Kumpulan (JKS Kumpulan), P/KPE, Setiausaha Syarikat, dan pengurusan kanan. NRC memastikan ahli Lembaga memiliki kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, menetapkan keperluan set kemahiran minimum, serta mengesahkan kriteria 'Layak dan Sesuai' bagi setiap pengarah. Jawatankuasa ini juga menyemak saiz dan komposisi Lembaga untuk memastikan gabungan bakat yang berkesan.

NRC mensasarkan kepelbagaian dalam komposisinya dengan melantik INED dari pelbagai industri. Ia membantu Lembaga dalam mewujudkan dasar sumber manusia dan pampasan yang adil serta telus bagi pengarah, P/KPE, dan pengurusan kanan, memastikan pakej diberikan berdasarkan merit, kelayakan, dan prestasi.

Tanggungjawab utama NRC adalah:

- Mengawasi komposisi Lembaga Pengarah dengan memastikan saiz, gabungan kemahiran, pengalaman dan kepakarannya yang bersesuaian.
- Mengesyorkan penyingkiran pengarah, Jawatankuasa Kumpulan Syariah, P/KPE atau pengurusan kanan jika mereka dianggap tidak lagi Layak dan Sesuai atau didapati tidak berkesan, menyeleweng atau lalai.
- Mewujud dan mengesyorkan mekanisme rasmi bagi menilai prestasi Lembaga Pengarah, sumbangan setiap pengarah kepada keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan jawatankuasa Lembaga dan prestasi P/KPE serta pengurusan kanan yang lain.
- Memastikan semua pengarah menjalani program latihan secara berterusan agar sentiasa mengikuti perkembangan terkini industri.
- Menyelia dan mendelegasikan penilaian Layak dan Sesuai kepada P/KPE atau jawatankuasa yang dilantik, membuat keputusan pelantikan, merancang penggantian pengurusan, serta menilai prestasi pengurusan kanan.
- Menilai kesesuaian dan kelayakan Setiausaha Syarikat serta mencadangkan pelantikan atau penyingkirannya.
- Mencadangkan rangka kerja remunerasi dan pakej pampasan khusus bagi pengarah, Jawatankuasa Syariah Kumpulan, P/KPE, dan pengurusan kanan untuk kelulusan Lembaga.

Aktiviti utama yang dijalankan oleh NRC sepanjang Tahun Kewangan 2024 termasuk:

- Menyemak saiz, komposisi dan keberkesanan Lembaga.
- Mencadangkan KPI bagi P/KPE.
- Mencadangkan semakan remunerasi, kenaikan tahunan dan bonus prestasi untuk kakitangan.

NRC terdiri daripada empat orang Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Wan Zamri Wan Zain	Pengerusi	16/16
Mohd Hanif Mastuki	Ahli	15/16
Datin Arlina Ariff	Ahli	15/16
Rizleen Mokhtar	Ahli	14/15* (Dilantik sebagai ahli berkuat kuasa 18 Disember 2023)

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA LEMBAGA TEKNOLOGI MAKLUMAT (BITC)

BITC menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi strategi Teknologi Maklumat (IT) Kumpulan berhubung keutamaan membuat keputusan mengenai hal-hal strategik dan memastikan pematuhan.

Peranan dan tanggungjawab BITC adalah seperti berikut:

- Menyediakan hala tuju strategik bagi pengurusan IT dan pelan strategik IT selaras dengan pelan perniagaan Kumpulan.
- Mengkaji dan meluluskan hala tuju dan dasar pelaburan strategik IT Kumpulan bagi memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan kemantapan sistem maklumat pengurusan.
- Memastikan penggunaan dasar yang teliti dan berkesan untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal risiko IT.
- Menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah.
- Meluluskan pelantikan perunding dan penasihat luar untuk memberi nasihat mengenai sistem pengurusan risiko dan hal-hal teknikal.

BITC terdiri daripada lima orang Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahli BITC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	Pengerusi	4/4
Wan Zamri Wan Zain	Ahli	4/4
Mohd Hanif Mastuki	Ahli	4/4
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Ahli	4/4
Datuk Lokman Hakim Ali	Ahli	1/3* (Dilantik sebagai ahli berkuat kuasa 18 Disember 2023) (Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuat kuasa 23 September 2024)

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA LEMBAGA STRATEGIK (BSC)

BSC mengkaji, mengesyorkan dan menyelaraskan pelan strategik, pelan perniagaan serta belanjawan Kumpulan untuk kelulusan Lembaga.

Peranan dan tanggungjawab BSC adalah seperti berikut:

- Memastikan keputusan, hal-hal strategik, pelan perniagaan dan belanjawan dilaksanakan secara cekap dan berkesan oleh Pengurusan sambil mematuhi keperluan amalan tadbir urus korporat yang baik.
- Mengawasi pelaksanaan dan pemantauan keputusan Lembaga Pengarah dan menyediakan panduan strategik kepada Kumpulan seperti yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah.
- Menggunakan kuasanya demi kepentingan Kumpulan bagi mencapai strategi dan objektif Kumpulan.
- Merangka, mengkaji dan membincangkan hal-hal strategik dengan Pengurusan.

BSC mengesyorkan atau membuat keputusan berhubung perkara yang selaras dengan keputusan lembaga, termasuk:

- Mengkaji dan memberikan panduan dalam pelaksanaan dan pemantauan strategi.
- Mengkaji pelan strategik, belanjawan, strategi modal dan keperluan sumber Kumpulan dalam usaha mencapai strategi.
- Menilai hasil strategik jangka sederhana dan jangka panjang yang dicadangkan oleh Pengurusan.
- Menilai pelaburan, penggabungan, pengambilalihan yang berpotensi, kelestarian, pelaksanaan mandat dan penyahlaburan perniagaan/aset.
- Menilai laporan pengurusan tentang inisiatif penting.
- Memantau dan menilai keadaan serta perkembangan politik, ekonomi dan perniagaan dalam pasaran kewangan serta membincangkan potensi impaknya bersama Pengurusan.

BSC terdiri daripada lima (5) orang Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Butiran ahli BSC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Datin Arlina Ariff	Pengerusi	10/10
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Ahli	9/9* (Dilantik sebagai ahli berkuat kuasa 31 Julai 2024)
Wan Zamri Wan Zain	Ahli	10/10
Datuk Lokman Hakim Ali	Ahli	5/7* (Dilantik sebagai ahli berkuat kuasa 18 Disember 2023) (Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuat kuasa 23 September 2024)
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	Ahli	10/10

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN (BPC)

BPC ditubuhkan pada Disember 2022 dengan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- Mengkaji dasar perolehan Kumpulan untuk mengukuhkan kawalan dan tadbir urus yang merangkumi matriks had kuasa dan had kelulusan BPC (Matriks AAL BPC) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Meluluskan proses tender dan pemilihan pemohon tender yang berjaya bagi permohonan tender tertutup dan terbuka menurut Matriks AAL BPC.
- Menjalankan tugas yang diserahkan oleh Lembaga Pengarah.

BPC terdiri daripada lima orang Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Ahli BPC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	Pengerusi	5/5
Rizleen Mokhtar	Ahli	5/5
Mohd Hanif Mastuki	Ahli	5/5
Datin Arlina Arif	Ahli	4/5
Datuk Lokman Hakim Ali	Ahli	2/3* (Dilantik sebagai ahli berkuat kuasa 18 Disember 2023) (Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuat kuasa 23 September 2024)

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGAWASAN (BOSC)

Ditubuhkan pada 30 Mac 2023, BOSC telah menyokong Lembaga dalam memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang cekap terhadap PelanTadbir urus Dalaman dan Persekitaran Kawalan oleh Pengurusan Agrobank, seperti yang dilaporkan oleh PwC Consulting Associates (M) Sdn Bhd pada 11 November 2022 (Pelan IGCE). Setelah objektifnya tercapai, BOSC telah dibubarkan pada 26 Januari 2024

Peranan dan tanggungjawab BOSC adalah seperti berikut:

- Memberi hala tuju strategik bagi Bank, menyelia pelaksanaan dan pemantauan Pelan IGCE, serta membuat keputusan apabila perlu.
- Menilai kemajuan Pengurusan terhadap pelan tindakan dan memberikan cadangan kepada Lembaga.
- Menyelia keputusan Pengurusan yang memerlukan kelulusan P/KPE.
- Memberi cadangan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara yang berkaitan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

BOSC terdiri daripada empat (4) orang Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh INED yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Butiran ahli-ahli BOSC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Wan Zamri Wan Zain	Pengerusi	1/1
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Ahli	1/1
Rizleen Mokhtar	Ahli	1/1
Datin Arlina Ariff	Ahli	1/1

* Menunjukkan bilangan mesyuarat dihadiri sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan

JAWATANKUASA DISIPLIN PERINGKAT LEMBAGA (BLDC)

BLDC menyokong Lembaga dalam tadbir urus yang menumpukan kepada urusan disiplin bagi jawatan peringkat Ketua (C-Suite) di Bank, dan tanggungjawabnya termasuk:

- Mencadangkan tindakan berkaitan tingkah laku dan urusan disiplin yang melibatkan jawatan Ketua-ketua Pegawai (C-Suite).
- Mencadangkan hukuman yang sesuai berdasarkan jawapan pekerja terhadap surat tunjuk sebab dan penemuan Siasatan Domestik.
- Melaksanakan pembicaraan disiplin dan menangani dakwaan salah laku.
- Mencadangkan hukuman dengan mengambil kira tahap keseriusan kesalahan, peruntukan undang-undang, rekod lampau pekerja, dan faktor mitigasi lain.
- Mencadangkan tindakan berpandukan Matrik Disiplin mengikut Dasar PL-98/12 mengenai Amalan Baik IR, selaras dengan dasar dan prosedur semasa.
- Membentangkan cadangan kepada Lembaga untuk kelulusan.
- Mengekalkan kerahsiaan semua maklumat, kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau dasar dalaman.
- Melaksanakan tindakan yang perlu, selaras dengan undang-undang dan dasar dalaman yang berkuatkuasa.

BLDC terdiri daripada empat orang Pengarah. Butiran ahli-ahli BLDC adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Datin Arlina Ariff	Pengerusi	0/0
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	Ahli	0/0
Mohd Hanif Mastuki	Ahli	0/0
Rizleen Mokhtar	Ahli	0/0

Nota:
Mesyuarat BLDC akan diadakan mengikut keperluan. Tiada mesyuarat diadakan bagi tahun 2024.

KEKERAPAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga mengadakan mesyuarat secara berkala mengikut Piagam Lembaga dan Terma Rujukan (TOR) masing-masing, dengan ahli dijangka mengambil bahagian secara aktif dalam setiap mesyuarat. Mesyuarat tambahan boleh diadakan mengikut keperluan. Sepanjang Tahun Kewangan berakhir 2024, mesyuarat berikut telah dijalankan:

Mesyuarat	Kekerapan Minimum	Bilangan Mesyuarat yang Diadakan
BOD	10 kali/tahun	17 mesyuarat, termasuk 6 mesyuarat khas
BAC	Sekali setiap 2 bulan	14 mesyuarat, termasuk 7 mesyuarat khas
BRMC	Bulanan	11 mesyuarat
BCIVC	Bulanan	17 mesyuarat, termasuk 6 mesyuarat khas
NRC	Suku tahunan	14 mesyuarat, termasuk 9 mesyuarat khas
BITC	Suku tahunan	4 mesyuarat
BSC	Suku tahunan	10 mesyuarat, termasuk 6 mesyuarat khas
BPC	Mengikut keperluan	1 mesyuarat



Kehadiran ahli Lembaga dalam mesyuarat Lembaga Agrobank bagi tahun kewangan berakhir 2024 disenaraikan di bawah. Kehadiran yang dihitamkan menunjukkan peranan Pengerusi:

Ahli Lembaga	BOD	BAC	BRMC	BCIVC	NRC	BITC	BSC	BPC	BOSC
Datuk Yunos Abd Ghani ¹	15/15	-	-	-	-	-	-	-	-
Datuk Lokman Hakim Ali ²	9/12	-	-	-	-	1/3	5/7	2/3	-
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din ³	17/17	-	11/11	17/17	-	4/4	10/10	5/5	-
Datin Arlina Ariff ⁴	16/17	-	-	16/17	15/16	-	10/10	4/5	1/1
Rizleen Mokhtar ⁵	16/17	14/14	-	17/17	14/15	-	-	5/5	1/1
Mohd Hanif Mastuki ⁶	14/17	14/14	-	-	15/16	4/4	-	5/5	-
Wan Zamri Wan Zain ⁷	17/17	-	11/11	-	16/16	4/4	10/10	-	1/1
Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal ⁸	17/17	14/14	11/11	17/17	-	4/4	9/9	-	1/1
Jumlah Mesyuarat pada tahun kewangan 2024	17	14	11	17	16	4	10	5	1

1. Dilantik sebagai Pengarah pada 17 Disember 2021. Dilantik sebagai Pengerusi pada 12 November 2022.
2. Dilantik sebagai Pengarah pada 4 Disember 2023. Tamat perkhidmatan pada 23 September 2024.
3. Dilantik sebagai Pengarah pada 17 November 2020.
4. Dilantik sebagai Pengarah pada 29 Ogos 2023.
5. Dilantik sebagai Pengarah pada 1 Ogos 2022.
6. Dilantik sebagai Pengarah pada 13 Julai 2022.
7. Dilantik sebagai Pengarah pada 2 Februari 2023.
8. Dilantik sebagai Pengarah pada 2 Februari 2023.

PENGAWASAN LEMBAGA TERHADAP HAL EHWAL SYARIAH

Sejajar dengan usaha untuk menyokong fungsi penyeliaan Lembaga dan memupuk komunikasi berkesan antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang telah disahkan, yang memperincikan keputusan dan perbincangan penting, telah diserahkan kepada Lembaga untuk makluman dan perhatian.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memperkukuh interaksi antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga, dua (2) sesi pertemuan telah dianjurkan yang mengumpulkan ahli Lembaga dan Jawatankuasa Syariah untuk membincangkan perkara-perkara yang dikenal pasti dan terpilih bagi tahun 2024.

IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Pakej imbuhan Lembaga bagi Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengerusi Bukan Eksekutif adalah selaras dengan peranan dan tanggungjawab mereka di peringkat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Ia mengikut Garis Panduan Tadbir Urus dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] 2024 serta arahan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. Jumlah imbuhan pengarah bagi tahun kewangan berakhir 2024 dinyatakan di halaman 305 hingga 308.

NRC menilai prestasi pengarah eksekutif setiap tahun bagi menentukan imbuhan, bonus, dan manfaat lain, yang dikaitkan dengan objektif prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga. Secara keseluruhan, Lembaga menilai imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif bagi memastikan ia selaras dengan piawaian pasaran dan tanggungjawab mereka.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PELANTIKAN DAN PELAN PENGGANTIAN LEMBAGA PENGARAH

Proses pelantikan para pengarah Agrobank dilakukan secara telus dan mematuhi undang-undang serta peraturan tempatan. Setiap pelantikan adalah tertakluk kepada Perlembagaan Bank, pengesahan oleh BNM serta kelulusan daripada MoF Inc. sebagaimana ditetapkan di bawah Seksyen 6(1) DFIA 2002.

NRC mengawasi keseluruhan proses pelantikan. Gambar rajah di bawah memaparkan proses pencalonan Pengerusi dan pengarah:



KRITERIA LAYAK DAN SESUAI

Kriteria 'Layak dan Sesuai' menuntut agar pengarah, P/KPE dan pengurusan kanan mempunyai kaliber yang tinggi kerana mereka dipertanggungjawabkan oleh pemegang saham dan pemegang taruh Agrobank untuk menguruskan Bank dengan berkesan. Lembaga Pengarah mematuhi Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi IKP oleh BNM bagi piawaian 'Layak dan Sesuai' untuk Lembaga Pengarah.

Dalam menentukan sama ada seseorang individu 'Layak dan Sesuai' untuk menyandang jawatan-jawatan ini, faktor-faktor berikut akan diambil kira:

- Ketulusan tidak diragui, ketekunan, kecekapan dan kemandirian pertimbangan.
- Reputasi, karakter, integriti (termasuk integriti kewangan) dan kejujuran.
- Sejarah kesalahan melibatkan penyelewengan, ketidakjujuran dan keganasan.
- Pembabit dalam amalan penipuan, penindasan atau yang tidak wajar.
- Tingkah laku yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kecekapan dan pertimbangan mereka.
- Pelanggaran undang-undang yang melindungi orang ramai daripada kerugian kewangan akibat ketidakjujuran, ketidakcekapan atau salah laku.
- Status kebangkrutan.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

Peningkatan berterusan terhadap proses Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga memastikan tadbir urus Agrobank selaras dengan amalan terbaik. Ini dicapai melalui penilaian tahunan Lembaga, yang menyediakan maklum balas berharga untuk meningkatkan keberkesanan, memaksimumkan kekuatan, dan mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki. Penilaian yang berkesan membantu Lembaga, Jawatankuasa Lembaga, dan setiap pengarah melaksanakan peranan mereka secara optimum.

NRC memastikan pengarah memenuhi kriteria 'Layak dan Sesuai' BNM melalui penilaian tahunan atau penilaian dua tahun sekali oleh Perunding Bebas. Bagi tahun kewangan berakhir 2024, penilaian dijalankan secara dalaman menggunakan soal selidik untuk penilaian sendiri dan rakan sejawat pada suku pertama 2025. Berdasarkan hasil penilaian, Setiausaha Syarikat mencadangkan tindakan bagi menangani sebarang kekurangan dan memperkukuh keupayaan Lembaga.

PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN UNTUK PENGARAH

Lembaga menekankan kepentingan pembangunan profesional dan pendidikan berterusan bagi pengarahnya agar sentiasa mengikuti perkembangan terkini persekitaran perniagaan dan dapat melaksanakan peranan mereka dengan berkesan. Setiap ahli Lembaga baharu akan menyertai taklimat induksi yang diselenggarakan oleh Setiausaha Syarikat dan P/KPE, yang merangkumi pembentangan oleh pengurusan kanan bagi memberikan gambaran menyeluruh mengenai Agrobank.

Pengarah baharu diwajibkan menghadiri program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) dan Program Kewangan Islam untuk Lembaga Pengarah seperti yang ditetapkan oleh BNM. Pengarah juga digalakkan menghadiri program latihan dan bengkel yang berkaitan berdasarkan penilaian tahunan. Lembaga sentiasa menilai dan menentukan keperluan latihan pengarah, serta menggalakkan mereka menyertai program pendidikan berterusan dan seminar.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 2024, para pengarah telah menyertai pelbagai program latihan, persidangan, dan forum, seperti yang disenaraikan pada halaman 168 - 174 Laporan Tahunan Bersepadu ini.

SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat menasihati Lembaga Pengarah bagi memastikan prosedur dan semua peraturan serta kod tadbir urus dipatuhi. Setiausaha Syarikat juga menyediakan panduan kepada para pengarah berhubung tadbir urus, pematuan dan tanggungjawab fidusiari mereka dan semua pengarah mempunyai akses yang tidak terhad kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

Peranan utama Setiausaha Syarikat adalah seperti berikut:

• Membantu Pengerusi dan Lembaga Pengarah

Dengan menggalakkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi, memudahkan fungsi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga berjalan dengan berkesan, memberi nasihat mengenai tanggungjawab dan peranan pengarah, memastikan kelancaran mesyuarat serta merekodkan keputusan Lembaga, serta menyediakan akses dan perkhidmatan sepenuhnya.

• Pelantikan pengarah baharu

Memastikan pentadbiran pelantikan pengarah baharu berjalan lancar, memberikan taklimat kepada pengarah baharu mengenai struktur dan prosedur Agrobank, serta memastikan mereka menerima induksi yang sesuai dan maklumat yang relevan.

• Pematuhan terhadap keperluan pemfailan berkanun dan pentadbiran

Memastikan Agrobank mematuhi keperluan pemfailan statutori di bawah undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan. Setiausaha Syarikat memainkan peranan penting dalam membimbing dan menasihati Lembaga mengenai pematuhan undang-undang, memastikan pematuhan terhadap prosedur mesyuarat dan penyimpanan dokumen korporat dengan selamat, mentafsir akta dan peraturan undang-undang, memaklumkan kepada Pengerusi mengenai sebarang pelanggaran akta atau peraturan undang-undang, serta memberi nasihat berkaitan keperluan pendedahan maklumat.

• Pelaksanaan Tadbir Urus Korporat

Memastikan standard tadbir urus yang tinggi dengan sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam tadbir urus korporat, perubahan undang-undang dan peraturan, serta amalan terbaik antarabangsa.

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga disokong oleh jawatankuasa pengurusan, masing-masing terdiri daripada pengurusan kanan yang berpengetahuan dalam bidang yang menjadi tumpuan jawatankuasa. P/KPE boleh melantik seorang ahli untuk menjadi pengerusi mesyuarat sekiranya beliau tidak dapat hadir.

BEKALAN MAKLUMAT

Pengurusan dan Setiausaha Syarikat mesti memastikan Lembaga menerima maklumat yang lengkap, tepat dan pada masanya untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Pek mesyuarat yang mengandungi maklumat berkaitan disediakan sekurang-kurangnya lima hari sebelum setiap Mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga, dan maklumat penting tambahan akan diberi apabila diperlukan.

Semua isu, perbincangan, keputusan, pandangan berbeza dan tindakan yang perlu diambil dalam mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga akan direkodkan. Pengarah mempunyai akses tanpa had kepada semua maklumat Agrobank dan nasihat Setiausaha Syarikat. Mereka juga boleh mendapatkan nasihat profesional bebas sekiranya perlu.

KETERLIBATAN PEMEGANG TARUH

Agrobank memahami bahawa kelestarian perniagaan bergantung kepada interaksi dengan pemegang taruh serta kesedaran terhadap kesan alam sekitar. Penglibatan proaktif dalam dialog dengan pemegang taruh utama membantu Agrobank memperoleh pandangan, mengenal pasti peluang dan kekal berdaya saing. Kerjasama strategik ini adalah penting untuk merealisasikan visinya.

Walaupun tiada dasar rasmi berhubung keterlibatan pemegang taruh, Agrobank kerap berhubung dengan pemegang sahamnya, iaitu MoF Inc. dan pemegang taruh utama lain, iaitu KPKM, Kementerian Industri Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, serta BNM.

Mesyuarat tahunan peringkat tertinggi diadakan bersama menteri dan timbalan berkaitan bagi membincangkan prestasi industri pertanian, sumbangan Agrobank serta cara bagaimana Agrobank boleh memberi sokongan selanjutnya kepada pembangunan industri. Mesyuarat ini disokong oleh mesyuarat-mesyuarat berkala pada peringkat pengurusan kanan antara Agrobank dengan wakil-wakil kementerian dan badan kawal selia.

Agrobank memberikan maklum balas mengenai pengurusan dan pengagihan dana konsesi bagi memastikan ia selaras dengan objektif kerajaan serta menggalakkan pembangunan segmen sasaran. Penglibatan sedemikian adalah sebahagian daripada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA).

Agrobank mempunyai jabatan khas untuk hubungan kerajaan, industri dan kakitangan. Setiap pasukan mempunyai rangka kerja keterlibatan tersendiri dengan pemegang taruh masing-masing.

IMBUHAN

1. Ganjaran dan Pampasan

Struktur imbuhan Agrobank adalah berdaya saing dengan pasaran, mengimbangi antara imbuhan tetap dan berubah, serta imbuhan dan insentif jangka pendek dan jangka panjang. Ia merangkumi gaji pokok, manfaat, caruman tambahan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), perlindungan takaful hayat berkelompok (GTL) dan Kemalangan Peribadi Berkelompok (GPA)), pembiayaan kakitangan dan program kesejahteraan. Prestasi cemerlang dihargai bagi memupuk budaya ganjaran berdasarkan prestasi.

2. Perkembangan Kerjaya

Agrobank menggunakan Model Pembelajaran 70:20:10 yang menggabungkan latihan di tempat kerja (70% – pengalaman), pembelajaran melalui orang lain (20% – pendedahan) dan pembelajaran formal (10% – pendidikan). Program Bakat Muda (YTP) menawarkan pembangunan berstruktur untuk bakat muda dalam perbankan, manakala Program Anugerah Biasiswa (SAP) menyediakan biasiswa kepada pelajar yang layak. Inisiatif ini menyokong pembangunan tenaga kerja jangka panjang bagi memenuhi keperluan bakat masa hadapan Bank.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para pengarah memastikan penyata kewangan Agrobank memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan, prestasi serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 2024. Penyata ini disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Akta Syarikat 2016 (CA 2016) dan garis panduan BNM.

Penyata kewangan diedarkan kepada pemegang saham mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah CA 2016 dan diterbitkan dalam laporan tahunan Agrobank yang turut disediakan secara dalam talian di laman sesawang Agrobank iaitu www.agrobank.com.my.

KAWALAN DALAMAN

Agrobank menyenggara dan membangunkan sistem kawalan dalaman untuk menambah baik prestasi perniagaannya, dan mematuhi undang-undang dan peraturan. Kawalan dalaman merangkumi dasar, proses, prosedur dan struktur organisasi bagi memastikan Agrobank mencapai objektifnya dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyenggara dan mengkaji keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman untuk memastikan pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Agrobank dilindungi. Lembaga Pengarah sentiasa mengkaji rangka kerja pengurusan risiko untuk memastikan prosedur yang mencukupi dan kawalan yang mencukupi serta berkesan dilaksanakan dan dikemas kini mengikut keperluan.

BAC menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dengan menyemak tindakan pemuliharaan ke atas kelemahan/kekurangan yang dikenal pasti dalam laporan audit dalaman dan luaran. BAC juga menyemak syor juruaudit serta maklum balas pengurusan bagi memastikan kelemahan ditangani dengan segera.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Agrobank berazam untuk mencapai piawaian integriti, keterbukaan dan kebertanggungjawaban yang tertinggi dalam mengendalikan perniagaan dan operasinya. Agrobank bercita-cita untuk mengendalikan hal ehwalnya secara beretika, bertanggungjawab dan telus, selaras dengan prinsip VBI yang diterima pakai. Agrobank berusaha bersungguh-sungguh untuk mencegah sebarang tingkah laku yang tidak wajar yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada Agrobank atau kakitangannya. Ia turut memandang serius sebarang penyelewengan atau salah laku oleh mana-mana kakitangan, ahli pengurusan atau Lembaga Pengarah, khususnya berkaitan kewajipan mereka terhadap kepentingan Agrobank.

Bagi mengekang sebarang penyelewengan atau salah laku, Agrobank telah menyediakan saluran-saluran pemberian maklumat untuk kakitangan menyuarakan kemusykilan secara rahsia tentang kemungkinan berlakunya penyelewengan atau salah laku yang mereka sedari. Dasar Pendedahan Maklumat Agrobank menyediakan akses kepada saluran yang ditakrif dengan jelas bagi mana-mana individu melaporkan dengan niat yang baik, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas, kemusykilan tentang kemungkinan berlaku ketidakwajaran dalam pelaporan kewangan atau sebarang penyelewengan yang disyaki sama ada yang sedang atau yang telah berlaku yang boleh memudaratkan Agrobank. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kejadian tidak beretika seperti rasuah, kegiatan jenayah atau pelanggaran undang-undang/peraturan yang dilakukan oleh kakitangan atau ahli pengurusan atau Lembaga Pengarah Bank.

Menurut Dasar Pendedahan Maklumat Agrobank, pemberi maklumat akan diberikan perlindungan kerahsiaan identiti dan akan dilindungi daripada apa jua tindakan memudaratkan kerana mendedahkan sebarang tatakelaku tidak wajar yang telah dilakukan atau akan dilakukan dalam Agrobank, dengan syarat pendedahan tersebut dibuat dengan niat yang baik.

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI AGROBANK

Agrobank telah mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) pada tahun 2022. OACP dirangka selaras dengan cita-cita kerajaan mewujudkan inisiatif Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 di mana sektor swasta yang dikawal selia oleh badan-badan kawal selia akan membangunkan pelan antirasuah mereka sendiri. OACP Agrobank menggariskan visi dua tahun bagi strategi dan usaha antirasuah bagi meperkuh budaya integriti di Bank. OACP bertindak sebagai dokumen asas antirasuah di peringkat Bank untuk mengatasi kelemahan dan isu-isu dalam bidang tadbir urus, integriti dan antirasuah. OACP juga dirangka untuk memerangi rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam operasi Bank.

SENARAI LATIHAN BAGI TAHUN 2024 BAGI AHLI LEMBAGA

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
1	YBhg. Datuk Yunos Abd Ghani	1. Sesi Perkongsian Ilmu Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca Hijau (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Sidang Panggilan (Microsoft Teams)
		2. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		3. Libat Urus Lembaga Bersama Jawatankuasa Syariah: Perbincangan Tentang Hajah dan Darurah	Lembaga & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		4. Sesi Perkongsian Ilmu Tentang Perubahan Iklim: Sesi Kedua – Strategi Iklim dan Risiko	Jabatan Akademi, Agrobank & Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	11 Oktober 2024	Maya - Microsoft Teams
		5. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi tentang Mengemudi Modal untuk Perubahan Mampan	Jabatan Akademi, Agrobank & EY Malaysia	6 November 2024	Maya - Microsoft Teams

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
2	YBhg. Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din	1. Persidangan Pembiakan Tumbuhan Antarabangsa Ke-6, 2024	Persatuan Genetik Malaysia	5-7 Mac 2024	Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor
		2. Sesi Perkongsian Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Conference Call (Microsoft Teams)
		3. Sidang Kemuncak Kumpulan TH 2024	Lembaga Tabung Haji	7-8 Mei 2024	Impiana Hotel, Kuala Lumpur
		4. Liabiliti Pengarah dalam Rangka Kerja AML Institusi Masing-Masing	Asia School of Business	3 Julai 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		5. Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) 2024	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	4 Julai 2024	Tenera Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor
		6. Siri <i>Masterclass</i> Pengarah mengenai Perkembangan Terkini dalam Imbuhan Eksekutif Selaras Iklim	Asia School of Business	17 Julai 2024	Asia School of Business, CR-E2-03 (Level 2, East Wing)
		7. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		8. Libat Urus Lembaga Bersama Jawatankuasa Syariah: Perbincangan Tentang Hajah dan Darurah	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		9. Liabiliti Korporat	TH Plantations Bhd (THPB)	24 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, THPB, Level 23, Menara TH Selborn, 153, Jalan Tun Razak, KL
		10. Siri Kepimpinan Lembaga Berwibawa 2024: Transformasi Digital di Bank Terbaik Dunia	Fide Forum	3 September 2024	Khazanah Auditorium, Level 1 Asia School of Business
		11. Sesi Perkongsian Ilmu Tentang Perubahan Iklim: Sesi Kedua - Strategi Iklim dan Risiko	Jabatan Akademi, Agrobank & Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	11 Oktober 2024	Maya - Microsoft Teams
		12. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi tentang Mengemudi Modal untuk Perubahan Mampan	Jabatan Akademi, Agrobank & EY Malaysia	6 November 2024	Maya - Microsoft Teams
		13. MAP Bahagian II : Memimpin Untuk Impak	Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM)	18-19 November 2024	ICDM, Level 9, Mercu 2 KL Eco City Bangsar, KL
		14. Libat Urus Lembaga Pengarah bersama Jawatankuasa Syariah - Pengenalan kepada Syarat Jaza'i	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	28 November 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
3	YBhg. Datin Arlina Ariff	1. Sesi Perkongsian Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Sidang Panggilan (Microsoft Teams)
		2. Program Pensijilan Kelestarian dan Risiko Iklim (SCR)	Asia School of Business	15 Julai 2024 12 Ogos 2024 9 September 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		3. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		4. Libat Urus Lembaga Bersama Jawatankuasa Syariah: Perbincangan Tentang Hajah dan Darurah	Lembaga & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		5. Pencegahan Penipuan: Peranan dan Tanggungjawab Lembaga	Fide Forum	8 Ogos 2024	Asia School of Business, CR-E2-03 (Level 2)
		6. Pengenalan Analisis Scenario Iklim	GE Takaful Bhd	20 Ogos 2024	Menara Grest Eastern
		7. Program Akreditasi Wajib Bahagian II: Kepimpinan untuk Impak (LIP)	ICDM	21-22 Ogos 2024	Kelas Maya ICDM
		8. Penyelarasan Pengurusan Risiko terhadap Strategi dan Tujuan	ICDM	7 Oktober 2024	Kelas Maya ICDM
		9. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi tentang Mengemudi Modal ke Arah Perubahan Mampan	Jabatan Akademi, Agrobank & EY Malaysia	6 November 2024	Maya - Microsoft Teams
		10. Bengkel Kewangan Hijau IKP oleh BNM - Tindakan IKP: Strategi untuk Menutup Jurang bagi Daya Tahan Iklim & Kelestarian	BNM & World Bank	26 November 2024	Conference Room 1, Sasana Kijang
		11. Libat Urus Lembaga Pengarah bersama Jawatan Kuasa Syariah - Pengenalan kepada Syarat Jaza'i	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	28 November 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
4	Encik Mohd Hanif Mastuki	1. Pengenalan kepada Bon dan Sukuk & Pengenalpastian Isyarat Amaran dalam Penyata Kewangan	Prokhas Sdn Bhd	18 Januari 2024	Sama-Sama Hotel, Sepang
		2. <i>Masterclass</i> : Persidangan Audit Bank 2024 – Masa Hadapan Audit Dalam: Menerima Perubahan, Kekal Relevan	Asian Institute of Chartered Bankers	6 Mac 2024	Four Seasons Hotel, KL
		3. Persidangan: Persidangan Audit Bank 2024 – Masa Hadapan Audit Dalam: Menerima Perubahan, Kekal Relevan	Asian Institute of Chartered Bankers	7 Mac 2024	Four Seasons Hotel, KL
		4. Sesi Perkongsian Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Sidang Panggilan (Microsoft Teams)
		5. Kursus Kepimpinan: Asas-asas Perundingan	Razak School of Government	15-17 Mei 2024	Perdana Hotel, KL
		6. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		7. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah tentang Hajah dan Darurah	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		8. Program Penempatan Syarikat British untuk Pegawai Kanan Kerajaan	Jabatan Perkhidmatan Awam & British Malaysian Chamber of Commerce	20 Ogos - 25 Oktober 2024	KL & UK
		9. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi 2 – Strategi & Risiko Iklim	Jabatan Akademi, Agrobank & Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	11 Oktober 2024	Maya - Microsoft Teams
		10. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi tentang Mengemudi Modal ke Arah Perubahan Mampan	Jabatan Akademi, Agrobank & EY Malaysia	6 November 2024	Maya - Microsoft Teams
		11. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah – Pengenalan kepada Syarat Jaza'i	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	28 November 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
5	Puan Rizleen Mokhtar	1. Mengurus Budaya untuk Mencegah Salah Laku	Iclif Executive Education Center Asia School of Business	28 Februari 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		2. <i>Masterclass</i> : Persidangan Audit Bank 2024 – Masa Depan Audit Dalam: Menerima Perubahan, Kekal Relevan	Asian Institute of Chartered Bankers	6 Mac 2024	Four Seasons Hotel, KL
		3. Persidangan: Persidangan Audit Bank 2024 – Masa Depan Audit Dalam: Menghadapi Perubahan, Kekal Relevan	Asian Institute of Chartered Bankers	7 Mac 2024	Four Seasons Hotel, KL
		4. Sesi Perkongsian Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Sidang Panggilan (Microsoft Teams)
		5. Siri Power Talk ICDM: Disaman sebagai INED – Satu Perjalanan Peribadi	Institut Pengarah Korporat Malaysia	10 Mei 2024	Maya
		6. Liabiliti Pengarah dalam Kerangka AML Institusi Mereka masing-masing	Asia School of Business	3 Julai 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		7. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		8. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah tentang Hajah dan Darurah	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		9. Menjadikan Perniagaan Anda Tahan Masa Depan: Apa yang Perlu Anda Tahu tentang "S" dalam "ESG"	Asia School of Business	7 September 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		10. <i>Masterclass</i> FIDE FORUM Asas Perubahan Iklim untuk Dewan Lembaga	Fide Forum	11 September 2024	Sasana Kijang
		11. Sesi Perkongsian Pengetahuan mengenai Perubahan Iklim: Sesi mengenai Pengurusan Modal untuk Perubahan Lestari	Jabatan Akademi, Agrobank & EY Malaysia	6 November 2024	Maya - Microsoft Teams
		12. Melindungi Perniagaan Anda untuk Masa Depan: Apa yang Perlu Anda Tahu tentang "S" dalam "ESG"	Asia School of Business	7 November 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		13. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah – Pengenalan kepada Syarat Jaza'i	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	28 November 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
6	Encik Wan Zamri Wan Zain	1. BNM – FIDE FORUM Sesi Libat Urus Bersama Lembaga Pengarah Institusi Kewangan Islam: Dokumen Dasar Haji dan Darurah	Fide Forum	7 Mac 2024	Forum, Level 1, Sasana Kijang, BNM
		2. Sesi Perkongsian Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Sidang Panggilan (Microsoft Teams)
		3. BNM – FIDE FORUM Sesi Libat Urus: Pemetaan Tanggungjawab bersama Pengarah Institusi Kewangan	Fide Forum	24 April 2024	Conference Hall 1, Sasana Kijang, BNM
		4. Inovasi Data untuk Memacu Kewangan Inklusif – Menjelajah Sempadan Baharu	Fide Forum	21 Jun 2024	Conference Hall 1, Sasana Kijang, BNM
		5. Acara Meja Bulat Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Cukai (TCGF)	PwC Consulting Associates (M) Sdn Bhd	9 Julai 2024	PwC Office Level 10, Room BC1000
		6. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		7. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah – Perbincangan mengenai Haji dan Darurah	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		8. Siri Kepimpinan Lembaga Berwibawa 2024: Transformasi Digital dalam Bank Terbaik Dunia	Fide Forum	3 September 2024	Khazanah Auditorium, Level 1 Asia School of Business
		9. Sesi Perkongsian Pengetahuan mengenai Perubahan Iklim: Sesi 2 – Strategi dan Risiko Iklim	Jabatan Akademi, Agrobank & Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	11 Oktober 2024	Maya - Microsoft Teams
7	Encik Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal	10. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah – Pengenalan kepada Syarat Jaza'i	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	28 November 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		1. Program Pengarah Risiko Bertauliah – Siri 13: Panduan Pengarah mengenai COSO 2013 dan Jawatankuasa Audit Berkuasa	Institute of Enterprise Risk Practitioners (IERP)	11 Januari 2024	Maya
		2. <i>Masterclass</i> : Persidangan Audit Bank 2024: Masa Depan Audit Dalaman – Menerima Perubahan, Kekal Relevan	Asian Institute of Chartered Bankers	6 Mac 2024	Four Seasons Hotel, KL
		3. Persidangan: Persidangan Audit Bank 2024: Masa Depan Audit Dalaman – Menerima Perubahan, Kekal Relevan	Asian Institute of Chartered Bankers	7 Mac 2024	Four Seasons Hotel, KL
		4. Sesi Perkongsian Pertama: Pengenalan kepada Perubahan Iklim dan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)	Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	13 Mac 2024	Sidang Panggilan (Microsoft Teams)

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Bil.	Lembaga Pengarah	Latihan	Penganjur/Hos	Tarikh	Tempat
		5. Jemputan ke Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (GFIEF) 2024	Fide Forum	28-29 Mei 2024	Kuala Lumpur Convention Centre
		6. Simposium Sasana BNM 2024	BNM	12 Jun 2024	BNM, Jalan Dato' Onn, 50480 KL
		7. Program Sijil Kelestarian dan Risiko Iklim (SCR)	Asia School of Business	15 Julai 2024 12 Ogos 2024 9 September 2024	ASB Academic Building, Jalan Dato' Onn KL
		8. Bengkel Pengenalan Pengurusan Krisis	DRI Malaysia Sdn Bhd	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		9. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah – Perbincangan mengenai Haji dan Darura	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	17 Julai 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank
		10. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi 2 – Strategi dan Risiko Iklim	Jabatan Akademi, Agrobank & Environmental Resources Management (M) Sdn Bhd	11 Oktober 2024	Maya - Microsoft Teams
		11. Sesi Perkongsian Ilmu mengenai Perubahan Iklim: Sesi tentang Mengemudi Modal ke Arah Perubahan Mampan	Jabatan Akademi, Agrobank & EY Malaysia	6 November 2024	Maya - Microsoft Teams
		12. Program Pengarah Risiko Bertauliah – Siri 15: Panduan Pengarah mengenai ESG dan Pengurusan Risiko ESG	Institute of Enterprise Risk Practitioners (IERP)	11 November 2024	Maya - Zoom
		13. Program Pengarah Risiko Bertauliah – Siri 16: Panduan Pengarah untuk RMIT	Institute of Enterprise Risk Practitioners (IERP)	11 November 2024	Maya - Zoom
		14. Bengkel Kewangan Hijau IKP oleh BNM – Tindakan IKP : Strategi untuk Menutup Jurang bagi Daya Tahan Iklim & Kelestarian	BNM & World Bank	26 November 2024	Conference Room 1, Sasana Kijang
		15. Libat Urus Lembaga bersama Jawatankuasa Syariah – Pengenalan kepada Syarat Jaza'i	Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Syariah Agrobank	28 November 2024	Bilik Mesyuarat Lembaga, Agrobank

PENYATA PEMATUHAN

Kami di Agrobank amat komited dalam memartabatkan tadbir urus korporat dan integriti yang cemerlang. Komitmen ini adalah sangat penting bagi melindungi dan meningkatkan kesejahteraan kewangan pelanggan, komuniti, dan pemegang taruh di samping berusaha mewujudkan impak positif yang berkekalan terhadap ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar. Kami berpegang teguh pada keyakinan bahawa pematuhan merupakan tanggungjawab bersama yang merupakan elemen penting dalam memupuk amalan perbankan yang berhemah serta mengekalkan kepercayaan yang diberikan kepada kami.

Bahagian Pematuhan (CD) memainkan peranan penting dalam menyokong objektif keseluruhan Agrobank. Ia melaksanakannya dengan mengaplikasikan piawaian dan metodologi yang ketat dan tersusun untuk sentiasa menilai dan meningkatkan integriti serta keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan pematuhan Bank merangkumi semua aspek tadbir urus, pengurusan, dan operasi. Bahagian Pematuhan terdiri daripada empat fungsi antara disiplin bagi memastikan pendekatan pematuhan yang menyeluruh.

JABATAN PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN

Jabatan Pencegahan Jenayah Kewangan (AFCD) memainkan peranan penting dalam usaha Agrobank membanteras kegiatan pengubahan wang haram dan keganasan serta pembiayaan percambahan. Melalui pemantauan teliti, ia mengesan tanda-tanda aktiviti perniagaan yang luar biasa dan mengambil tindakan segera bagi melindungi Bank daripada digunakan untuk aktiviti haram dan memastikan pematuhan terhadap peraturan.

Dedikasi teguh Bank dalam melindungi dan meningkatkan kestabilan sistem kewangan bermatlamat untuk mencegah potensi penyalahgunaan yang boleh membuka ruang kepada aktiviti haram atau menjurus kepada kerugian kewangan yang berpotensi memudaratkan para pelanggan yang kami hargai, kerajaan, masyarakat serta komuniti secara keseluruhannya. AFCD memberi jaminan bahawa Bank telah melaksanakan mekanisme kawalan yang berkesan bagi membanteras jenayah pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan dalam operasi kami.

JABATAN PEMATUHAN KAWAL SELIA

Jabatan Pematuhan Kawal Selia (RCD) berperanan memastikan Agrobank mematuhi piawaian yang berkaitan dalam amalan perniagaan kami, seterusnya meminimumkan risiko kawal selia dan melindungi kepentingan Bank, pemegang saham dan pelanggan. Pengurusan risiko pematuhan yang lemah boleh membawa kepada implikasi negatif kepada pemegang taruh, serta kemungkinan membawa kepada kesan buruk seperti amaran atau denda daripada pihak pengawal selia dan agensi-agensi penguatkuasaan.

Oleh itu, RCD telah menetapkan strategi yang sistematik bagi melaksanakan kawalan yang teguh di Bank melibatkan penilaian terhadap keberkesanan kawalan dalaman pengurusan risiko pematuhan. RCD turut melaksanakan pemantauan dan ujian secara berkala serta memberi panduan, cadangan dan kesedaran yang sesuai kepada pemegang taruh untuk memastikan pematuhan dengan piawaian yang diperlukan.

SEKSYEN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Penubuhan Seksyen Integriti dan Tadbir Urus (IGS) merupakan komponen penting dalam inisiatif Syarikat Kepentingan Kerajaan (GIC) yang bertujuan untuk membanteras korupsi dan penyelewengan. Objektif utamanya adalah untuk memperkukuhkan tadbir urus dan amalan etika Bank.

IGS menggalas tanggungjawab dalam menyelia empat fungsi utama merangkumi Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesahan, Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus.

IGS komited sepenuhnya untuk mendukung tingkah laku yang beretika di tahap yang tertinggi. Sehubungan itu, ia melibatkan diri secara aktif dalam inisiatif latihan dan kempen kesedaran untuk memupuk dan menyuburkan budaya integriti di Agrobank.

SEKSYEN SEMAKAN SYARIAH

Sebagai badan bebas, Seksyen Semakan Syariah (SRS) telah dipertanggungjawabkan untuk memberi penilaian secara objektif dan menumpukan komitmen Bank terhadap keperluan Syariah, serta menguruskan risiko berkaitan dengan ketidakpatuhan Syariah secara berkesan. Proses semakan menyeluruh ini bukan hanya melibatkan pemeriksaan penyata kewangan, tetapi juga meneliti kontrak, perjanjian, urus niaga, aktiviti, dan proses pembangunan produk secara keseluruhan untuk memastikan pematuhan Syariah dan meningkatkan kebolehpercayaan terhadap aktiviti-aktiviti Bank.

Menurut Seksyen 126 Akta Institusi Kewangan Pembangunan (DFIA) 2002, peranan ini adalah untuk memastikan bahawa matlamat, operasi, hal ehwal perniagaan dan aktiviti Bank berada dalam keadaan harmoni berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Oleh itu, pemerhatian daripada aktiviti Semakan Syariah, termasuk kes-kes ketidakpatuhan Syariah, telah didokumentasikan dan diketengahkan kepada pihak Pengurusan, Jawatankuasa Syariah Kumpulan (JKS), dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan pemakluman.

Laporan Pendedahan Syariah boleh dibaca di halaman 184.

PENYATA PEMATUHAN

BUDAYA PEMATUHAN: ULASAN TAHUNAN

Agrobank telah melancarkan Program Kesedaran Pematuhan (CAP) pada tahun 2020 sebagai inisiatif strategik untuk memupuk budaya pematuhan yang kukuh dan mampan di seluruh organisasi. Sejak itu, Bank sentiasa membangunkan program tahunan untuk memperteguh prinsip bahawa pematuhan merupakan tanggungjawab bersama.

Menjelang tahun 2024, komitmen kami untuk mengukuhkan budaya ini tetap utuh. Bagi menguatkan mesej dan meningkatkan kesedaran, Bahagian Pematuhan (CD) memperkenalkan kempen “Buat Betul-Betul” (3B), dengan objektif utamanya meningkatkan kesedaran pematuhan dalam kalangan semua kakitangan Agrobank dan anak syarikat. Melalui kempen ini, pelbagai aktiviti dinamik dan menarik dijalankan sepanjang tahun termasuk lawatan ke Ibu Pejabat, sesi penglibatan serantau, taklimat pagi tentang pematuhan di cawangan, program latihan pematuhan berstruktur untuk Unit Perniagaan dan Cawangan, serta integrasi modul pembelajaran beranimasi dan gamifikasi untuk mempelbagaikan pengalaman pembelajaran. Inisiatif tambahan merangkumi sesi perkongsian ilmu di cawangan dan kios, Program Pembangunan Penolong Pengurus Cawangan (ABM), dan pelaksanaan berterusan *Shariah Learning Awareness Roadshow* (SLAR) yang dijalankan di wilayah-wilayah utama seperti Kuala Lumpur-Negeri Sembilan-Selangor, Pulau Pinang-Kedah-Perlis, Perak, dan Sabah.

Selain itu, pusat-pusat perkhidmatan kami dipertingkat dengan Pegawai Pematuhan Dalaman (ECO) dan Pegawai Pematuhan Berfungsi (FCO), serta pengukuhan tanggungjawab kepimpinan melalui Program Pensijilan Pengurus Cawangan (BMCP) khasnya Modul 2 yang menumpukan kepada pengurusan dan operasi cawangan. Kesemua usaha ini mencerminkan pendekatan holistik kami dalam menjadikan pematuhan sebagai nilai teras di seluruh organisasi.

Kemuncak inisiatif kesedaran pematuhan tahun 2024, CD bersama jabatan dan bahagian lain telah berjaya menganjurkan Minggu Integriti iaitu satu acara yang direka untuk menggalakkan etika, ketelusan, dan akauntabiliti di semua peringkat. Acara ini menampilkan pelbagai aktiviti bermula dengan majlis perasmian yang termasuk sesi perkongsian oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ceramah Pematuhan dan Etika oleh Ketua Pegawai Pematuhan (CCOM) Agrobank, serta Ikhar Bebas Rasuah (IBR) yang dipimpin oleh ahli Pengurusan Tertinggi. Penglibatan kakitangan dimeriahkan melalui segmen interaktif seperti aktiviti santai dan reruai permainan, ceramah kesedaran pematuhan dan risiko oleh Jabatan Pengurusan Risiko Operasi, Polis Diraja Malaysia (PDRM), serta sesi kesedaran Syariah oleh Bahagian Syariah. Suasana diceriakan lagi dengan trak makanan di kawasan letak kereta Agrobank yang turut menyediakan kawasan interaksi santai bagi kakitangan untuk berhubung secara tidak formal. Kejayaan acara ini mengukuhkan komitmen kami untuk menanamkan integriti dalam budaya tempat kerja bukan hanya melalui polisi, tetapi melalui pengalaman bersama dalam persekitaran yang mesra.

Bagi menilai keberkesanan usaha ini dan mengukur tahap kematangan budaya pematuhan, Kajian Budaya Pematuhan (CCS) telah dijalankan pada tahun 2024. Kajian ini menilai tujuh atribut kritikal iaitu nada kepimpinan, akauntabiliti diri, kawalan dan infrastruktur, sokongan daripada Bahagian Pematuhan, peranan ECO dan FCO, mekanisme pelaporan, serta komunikasi dan latihan. CCS 2024 mencatat kadar penyertaan 89.5%, dengan 3,507 daripada 3,923 kakitangan memberikan respon iaitu peningkatan 7.5% berbanding tahun sebelumnya. Keputusannya amat memberangsangkan dengan skor purata bagi tujuh atribut utama meningkat kepada 98.4%, berbanding 97.2% pada 2023. Peningkatan ini mencerminkan perubahan positif dalam pengiktirafan, kesedaran, dan pemahaman amalan pematuhan dalam kalangan kakitangan.

Walaupun kami berbangga dengan pencapaian ini, kami sedar bahawa membudayakan pematuhan merupakan usaha yang berterusan. Melangkah ke hadapan, CD akan terus memperkukuh peranan penasihatnya di semua unit perniagaan, meningkatkan lagi fungsi ECO dan FCO, serta membangunkan inisiatif khusus untuk menutup jurang pematuhan yang dikenal pasti. Tumpuan khusus akan diberikan kepada bidang-bidang seperti Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT), Pematuhan Peraturan, Pematuhan Syariah, Etika, dan Integriti. Melalui usaha ini, Agrobank berhasrat mengukuhkan pematuhan sebagai nilai teras organisasi dan memastikan semua kakitangan sentiasa konsisten dan yakin dalam melakukan perkara yang betul.



PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah Agrobank komited untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh serta berkesan di seluruh Kumpulan. Penyata ini menggariskan tanggungjawab Lembaga dan Pengurusan dalam mengawasi profil risiko Bank serta memastikan integriti persekitaran kawalan dalaman bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024.



TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Agrobank mengakui tanggungjawab utamanya dalam menubuhkan dan mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap merangkumi aspek kewangan, operasi, pematuhan, dan Syariah. Sistem ini direka untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan yang memastikan risiko dikenal pasti, dinilai, dan diuruskan secara berkesan dalam parameter yang wajar. Melalui jawatankuasa, Lembaga menyediakan kepimpinan dan pengawasan, serta memupuk budaya kesedaran risiko yang kukuh di seluruh organisasi.



TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

Pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan harian dan operasi sistem pengurusan risiko serta kawalan dalaman Bank. Ini termasuk mengenal pasti, menilai, mengurus, dan memantau risiko signifikan yang dihadapi Bank. Pengurusan juga bertanggungjawab melaksanakan keputusan risiko Lembaga dan membangunkan dasar dan prosedur risiko yang komprehensif.



FALSFAH DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO

Falsafah pengurusan risiko Agrobank adalah sebahagian daripada objektif strategiknya bagi menyokong mandat untuk memacu pertanian mampan dan memastikan keterjaminan makanan. Kami komited terhadap pengurusan risiko yang proaktif dan menyeluruh yang membolehkan pembuatan keputusan yang berlandaskan maklumat, melindungi modal, dan meningkatkan nilai pemegang kepentingan. Objektif kami adalah untuk:

- Mengintegrasikan pengurusan risiko ke dalam semua proses perniagaan dan perancangan strategik.
- Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan, dan prinsip Syariah yang berkaitan.
- Mengoptimumkan pulangan terlaras risiko dan mengekalkan kestabilan kewangan.
- Melindungi reputasi Kumpulan dan ketahanan operasi.
- Memupuk budaya risiko yang kukuh di mana semua pekerja memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam pengurusan risiko.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Struktur tadbir urus risiko Agrobank memastikan penetapan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas, bermula daripada Lembaga Pengarah sehingga ke pelbagai peringkat pengurusan. Lembaga mengekalkan tanggungjawab keseluruhan terhadap pengawasan risiko dengan sokongan jawatankuasa utama di peringkat Lembaga. Struktur ini selaras dengan komitmen Bank terhadap tadbir urus yang mantap dan pengurusan risiko yang berkesan.

Lembaga Pengarah

Menyediakan hala tuju strategik keseluruhan dan pengawasan utama terhadap sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Bank, memastikan penyediaan dasar, proses, dan infrastruktur yang berkesan dan menyeluruh untuk mengurus semua jenis risiko yang diambil oleh Bank.

Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC)

Menyelia rangka kerja pengurusan risiko, dasar, dan strategi keseluruhan Kumpulan. Jawatankuasa ini menyemak kesesuaian dan keberkesanan sistem pengurusan risiko, memantau pendedahan risiko utama, dan meluluskan kesanggupan mengambil risiko Kumpulan.

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC)

Menyelia integriti laporan kewangan Bank, keberkesanan kawalan dalaman, dan fungsi audit dalaman.

Jawatankuasa Syariah Kumpulan (JKS Kumpulan)

Memainkan peranan penting dalam memacu penciptaan nilai dengan memastikan semua produk dan perkhidmatan diiktiraf dan selaras dengan prinsip Syariah. JKS mengadakan mesyuarat secara berkala untuk membincangkan kelulusan produk baharu, isu operasi berkaitan Syariah, laporan kewangan tahunan, serta kelulusan dasar dan manual berkaitan Syariah.

Jawatankuasa Peringkat Pengurusan

Pelbagai jawatankuasa pengurusan seperti Jawatankuasa Risiko Pengurusan, Jawatankuasa Aset dan Liabiliti, dan Jawatankuasa Risiko Operasi ditubuhkan untuk mengurus portfolio risiko tertentu dan mengoperasikan arahan Lembaga.

Rangka kerja tadbir urus risiko ini dibina berdasarkan model "Tiga Barisan Pertahanan" yang memastikan pemisahan tugas dan akauntabiliti yang jelas:



Barisan Pertahanan Pertama (Unit Perniagaan & Operasi)

Unit perniagaan dan sokongan bertanggungjawab terutamanya untuk mengenal pasti, menilai, mengurus, dan memantau risiko yang wujud dalam operasi harian mereka. Mereka melaksanakan kawalan dalaman dan mematuhi dasar serta prosedur yang telah ditetapkan.



Barisan Pertahanan Kedua (Pengurusan Risiko, Pematuhan, dan Syariah)

Fungsi bebas ini membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, dasar, metodologi, dan had risiko. Mereka melakukan pengawasan, semakan kritikal, dan menyediakan panduan kepada barisan pertama memastikan pengenalpastian, pengukuran, pemantauan, dan pelaporan risiko dijalankan dengan berkesan mencakupi semua jenis risiko. Sebagai contoh, Bahagian Pematuhan menumpukan usaha untuk memupuk budaya pematuhan yang kukuh dan kepatuhan terhadap piawaian profesional.



Barisan Pertahanan Ketiga (Audit Dalaman)

Bahagian Audit Dalaman memberikan jaminan bebas kepada Lembaga dan Jawatankuasa Audit mengenai keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko, dan proses kawalan dalaman Kumpulan.



PENGAWASAN OLEH LEMBAGA DAN PENGURUSAN

Dalam konteks Agrobank, Pengawasan oleh Lembaga dan Pengurusan merupakan elemen penting dalam rangka kerja tadbir urus korporat yang memastikan Bank dapat mengimbangi mandat komersial dan pembangunan sambil mengurus risiko dan mencapai objektif strategiknya.

Fungsi pengawasan ini disusun melalui Lembaga Pengarah dan pelbagai jawatankuasa yang menyediakan panduan strategik dan penyeliaan, serta pasukan pengurusan kanan yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan harian.

Aspek Utama Pengawasan Lembaga

- **Hala Tuju Strategik:** Lembaga bertanggungjawab menetapkan hala tuju strategik jangka panjang Bank termasuk pelan perniagaan, belanjawan, dan strategi modal. Ia memastikan strategi Bank selaras dengan mandatnya sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) untuk menyokong sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.
- **Pengurusan Risiko:** Lembaga memainkan peranan utama dalam mengawasi rangka kerja pengurusan risiko keseluruhan Bank, termasuk risiko kewangan (seperti risiko kredit dan pasaran) serta risiko bukan kewangan seperti risiko berkaitan iklim, reputasi, dan undang-undang. Jawatankuasa khusus, seperti Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, membantu dalam fungsi ini.
- **Kelestarian dan Perubahan Iklim:** Lembaga bertanggungjawab khusus dalam mengawasi pelaksanaan inisiatif kelestarian dan perubahan iklim Bank yang berkait terus dengan mandat menyokong komuniti pertanian yang tahan lasak dan mampan.
- **Tadbir Urus Korporat:** Lembaga memastikan Bank mematuhi amalan tadbir urus korporat yang baik seperti yang ditetapkan oleh peraturan BNM. Ini termasuk melantik dan menilai prestasi pengurusan kanan serta Jawatankuasa Syariah, serta memastikan pematuhan terhadap keperluan peraturan.
- **Pemantauan Prestasi:** Lembaga memantau prestasi Bank bagi memastikan pengurusan melaksanakan keputusan Lembaga secara berkesan dan mencapai sasaran strategik serta kewangan yang diluluskan.

Aspek Utama Pengawasan Pengurusan

- **Pelaksanaan Strategi:** Pengurusan kanan, yang diketuai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (P/CEO), bertanggungjawab melaksanakan strategi dan dasar yang diluluskan oleh Lembaga.
- **Pengurusan Operasi:** Pasukan pengurusan mengawasi operasi harian Bank bagi memastikan unit perniagaan dan fungsi sokongan berjalan dengan cekap dan berkesan.
- **Kawalan Risiko dan Pematuhan:** Pengurusan bertanggungjawab menubuhkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman dan pematuhan yang kukuh untuk mengurus semua jenis risiko. Ketua Pegawai Risiko (CRO) dan Ketua Pegawai Pematuhan (CCO) merupakan pegawai penting dalam bidang ini yang memastikan Bank mematuhi dasar dalaman dan peraturan luaran.
- **Pelaporan dan Komunikasi:** Pengurusan menyediakan laporan berkala kepada Lembaga dan jawatankuasa mengenai prestasi kewangan, status operasi, pendedahan risiko, dan kemajuan inisiatif strategik Bank. Ini memastikan Lembaga mendapat maklumat yang mencukupi dan dapat menjalankan fungsi pengawasan dengan berkesan.



RANGKA KERJA DAN PROSES PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja pengurusan risiko Agrobank adalah dinamik dan sentiasa berkembang untuk menangani risiko baharu serta perubahan dalam persekitaran operasi. Komponen utama termasuk:

- **Pengenalpastian Risiko:** Suatu proses sistematik mengenal pasti risiko berpotensi dalam semua aktiviti perniagaan, termasuk risiko strategik, kewangan (kredit, pasaran, kecairan), operasi, Syariah, IT, dan kelestarian (contohnya, perubahan iklim)).
- **Pengukuran dan Penilaian Risiko:** Menggunakan metodologi kualitatif dan kuantitatif untuk menilai kemungkinan dan impak risiko yang dikenal pasti. Ini termasuk ujian tekanan, analisis senario, dan penggunaan petunjuk risiko utama (*Key Risk Indicators, KRI*).
- **Rangka Kerja Kesanggupan Mengambil Risiko (*Risk Appetite Framework, RAF*):** RAF yang diluluskan oleh Lembaga menyatakan tahap risiko yang sedia ditanggung Agrobank untuk mencapai objektif strategiknya. Ia disalurkan kepada unit perniagaan melalui had dan ambang risiko, memastikan keselarasan di seluruh Kumpulan.
- **Mitigasi dan Kawalan Risiko:** Melaksanakan strategi dan kawalan yang sesuai untuk mengurus risiko dalam had kesanggupan pengambilan risiko yang ditetapkan. Ini termasuk dasar, prosedur, kawalan dalaman, insurans, dan perancangan kontingensi.

* Komponen Utama Rangka Kerja Kesanggupan Pengambilan Risiko (RAF):

Penyataan Kesanggupan Pengambilan Risiko (*Risk Appetite Statement, RAS*): Dokumen rasmi yang menyatakan toleransi risiko keseluruhan Bank yang merangkumi metrik kualitatif dan kuantitatif bagi pelbagai jenis risiko (contohnya, kredit, pasaran, operasi, kecairan).

Had dan Ambang Risiko: Batasan khusus ditetapkan bagi setiap kategori risiko untuk memastikan Bank beroperasi dalam had kesanggupan pengambilan risiko yang ditetapkan. Pemantauan dijalankan melalui Petunjuk Risiko Utama (KRI).

Tadbir Urus dan Pengawasan: Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan memainkan peranan utama dalam menetapkan, menyemak, dan mengemas kini RAF. RAF berfungsi sebagai perjanjian antara Lembaga dan pengurusan.

Integrasi dengan Strategi dan Pembuatan Keputusan: RAF disepadukan ke dalam perancangan strategik Bank, peruntukan modal, dan pengurusan prestasi, serta membimbing tingkah laku pengambilan risiko di seluruh organisasi.

Pemantauan dan Pelaporan: Pengesanan berterusan terhadap pendedahan risiko berbanding kesanggupan pengambilan risiko. Sebarang pelanggaran akan dilaporkan dan ditangani dengan segera.

Sifat Dinamik dan Adaptif: RAF moden adalah tidak statik. Ia berkembang selaras dengan perubahan persekitaran Bank termasuk perubahan ekonomi, kemas kini peraturan, atau perubahan strategi dalaman.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN


BIDANG-BIDANG RISIKO UTAMA DAN STRATEGI PENGURANGAN RISIKO

Agrobank mengurus pelbagai jenis risiko yang wujud dalam operasinya sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dengan fokus kepada sektor pertanian.

- **Risiko Kredit:** Risiko kerugian kewangan akibat kegagalan pihak berkenaan memenuhi obligasinya.
 - > Pengurangan Risiko: Proses penilaian kredit yang kukuh, portfolio pembiayaan yang pelbagai, pengurusan cagaran, semakan portfolio secara berkala, dan strategi pemulihan yang proaktif.
 - > Jabatan Pemantauan Kredit membantu unit perniagaan meningkatkan kualiti aset dengan mengenal pasti punca masalah dan mencadangkan penambahbaikan dalam penilaian kredit dan dasar. Jabatan Pengurusan Risiko Kredit juga telah mengemaskini senarai semak penilaian Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip (CCPT) sebagai panduan dalam pengelasan setiap tahap pembiayaan, termasuk Prinsip Panduan (GP) dalam penilaiannya. Pada akhir tahun kewangan 2024, nisbah Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF) Agrobank adalah 7.98% (tidak termasuk pembiayaan kakitangan dan pembiayaan tidak patuh Syariah).
- **Risiko Operasi:** Risiko kerugian akibat proses dalaman, sistem, atau manusia yang tidak mencukupi atau gagal, atau akibat kejadian luaran.
 - > Pengurangan Risiko: Kawalan dalaman yang kukuh, dasar dan prosedur yang jelas, perancangan kesinambungan perniagaan, langkah keselamatan IT, latihan staf, dan rangka kerja pengurusan insiden.
 - > Untuk mengenal pasti kejadian risiko operasi yang berpotensi signifikan dan menilai kawalan, semakan berkala terhadap rangka kerja dan dasar dilakukan selaras dengan kemas kini peraturan dan keperluan perniagaan. Alat Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) termasuk Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dan Penilaian Impak Perniagaan (BIA) dibangunkan untuk meminimumkan kesan material akibat gangguan operasi, termasuk latihan kesinambungan perniagaan dan *call tree exercise*.
- **Risiko Pasaran:** Risiko kerugian dalam posisi *on-balance sheet* dan *off-balance sheet* akibat pergerakan harga pasaran (contohnya, kadar untung, kadar pertukaran asing).
 - > Pengurangan Risiko: Rangka kerja Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALM), pengurusan risiko kadar untung, pengurusan risiko pertukaran asing, dan strategi lindung nilai.

- **Risiko Kecairan:** Risiko Kumpulan tidak dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tempohnya tanpa menanggung kerugian yang tidak boleh diterima.
 - > Pengurangan Risiko: Mengekalkan penampungan kecairan yang mencukupi, sumber pembiayaan yang pelbagai, ujian tekanan kecairan yang mantap, dan Pelan Pendanaan Luar Jangka yang komprehensif.
 - > Risiko kecairan dipantau menggunakan metrik berikut:
 - Rangka Kerja Kecairan Baharu (NLF)** - NLF menyediakan penilaian terhadap kecukupan kecairan Bank dalam operasi biasa untuk tempoh satu (1) minggu dan satu (1) bulan akan datang.
 - Nisbah Liputan Kecairan (LCR)** - Pemantauan dalaman berdasarkan amalan terbaik daripada garis panduan LCR, yang menekankan keperluan Bank untuk memegang Aset Cecair Berkualiti Tinggi (HQLA) yang mencukupi bagi menghadapi senario tekanan kecairan akut dalam tempoh 30 hari, di peringkat entiti mahupun dan disatukan.
 - Nisbah Pembiayaan Dana Stabil Bersih (NSFR)** - Pemantauan dalaman berdasarkan amalan terbaik daripada garis panduan NSFR yang menggalakkan pembiayaan aset dan liabiliti jangka sederhana hingga panjang bagi memastikan aset jangka panjang dibiayai dengan sekurang-kurangnya jumlah liabiliti stabil minimum mengikut profil risiko kecairannya.
- **Risiko Syariah:** Risiko bahawa operasi atau produk Kumpulan tidak mematuhi prinsip Syariah.
 - > Pengurangan Risiko: Rangka kerja tadbir urus Syariah yang menyeluruh, ulasan dan audit Syariah, latihan Syariah untuk staf, dan proses pematuhan Syariah yang mantap.
 - > Kawalan & Penilaian Sendiri Risiko Syariah (SRCSA) dihimpun, dipantau, dan disemak. Kemajuan signifikan dicapai dalam meningkatkan amalan BCM melalui latihan Pelan Pengurusan Krisis bersama BNM. Jabatan Syariah juga menganjurkan program pengukuhan Syariah secara berkala termasuk sesi halaqah untuk pegawai Syariah dan *Shariah Learning and Awareness Roadshow* (SLAR) untuk kakitangan cawangan di seluruh negara bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran Syariah.
- **Risiko Siber dan Teknologi Maklumat (IT):** Risiko gangguan atau kerugian akibat kegagalan sistem IT, serangan siber, atau pencerobohan data.
 - > Pengurangan Risiko: Rangka kerja keselamatan siber yang kukuh, penilaian kerentanan secara berkala, ujian penembusan, program kesedaran pekerja, dan pelan tindak balas insiden.
 - > Pada tahun 2024, Agrobank meningkatkan ketahanan sibernya melalui ujian latihan siber melibatkan pelbagai pemegang taruh, manakala budaya kesedaran risiko teknologi dipertingkatkan melalui pembelajaran dalam talian dan program keselamatan siber. Bank terus mengukuhkan ketahanan siber dengan mengintegrasikan pengurusan risiko siber ke dalam strategi perniagaan secara menyeluruh.

- **Risiko Perubahan Iklim:** Risiko yang timbul daripada risiko fizikal (contohnya, kejadian cuaca ekstrem yang menjejaskan aset pertanian) dan risiko peralihan (contohnya, perubahan dasar, peralihan pasaran ke arah ekonomi rendah karbon).
 - > Pengurangan Risiko: Mengintegrasikan pertimbangan risiko berkaitan iklim ke dalam rangka kerja dan dasar, menilai potensi impak secara berterusan, mengenal pasti kelemahan, dan membangunkan analisis senario berkaitan iklim. Agrobank mensasarkan pencapaian penting menjelang tahun 2025 dengan 20% pembiayaan baharu dan 10% baki pembiayaan diperuntukkan untuk aktiviti hijau dan peralihan yang diklasifikasikan di bawah CCPT BNM.
 - > Di dalam tahun kewangan berakhir 2024, 12.1% daripada baki pembiayaan keseluruhan adalah pembiayaan hijau. Bagi tahun 2025, sasaran ditetapkan adalah 20% pembiayaan baharu dan 10% baki pembiayaan khusus untuk aktiviti hijau dan peralihan (aktiviti C1 dan C2 mengikut CCPT BNM). Bank juga telah memulakan kadar dasar pelepasan GHG bagi 2023 dan sedang membangunkan sasaran pengurangan sebagai sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Sifar Bersih.
- **Risiko Baharu:** Pemantauan berterusan terhadap persekitaran luaran untuk mengenal pasti dan menilai risiko baharu atau yang sedang berkembang, seperti ketidakstabilan geopolitik, pandemik, dan kemajuan teknologi yang pesat. Risiko baharu merujuk kepada risiko yang sedang berkembang atau belum difahami sepenuhnya yang biasanya sukar diukur kerana data sejarah yang terhad atau corak yang sukar diramal.

Organisasi yang mengenal pasti dan bersedia menghadapi risiko baharu adalah lebih bersedia untuk menyesuaikan diri, berinovasi, dan kekal tahan lasak dalam persekitaran yang tidak menentu. Mengabaikannya boleh menyebabkan jurang strategik dan gangguan operasi.

Metrik Utama Risiko Baharu: Diukur menggunakan Petunjuk Risiko Utama (KRI) yang bersifat proaktif dan berfungsi sebagai sistem amaran awal. Ia membantu menjangka ancaman berpotensi sebelum ia meningkat.

Berikut adalah metrik yang paling relevan serta cara ia digunakan:

KRI Teras untuk Risiko Baharu:

Analisis Arah Aliran: Mengesan perubahan dari masa ke masa (contohnya, peningkatan aduan pelanggan atau pusing ganti kakitangan) untuk mengenal pasti corak yang mungkin menunjukkan risiko baharu.

Pelanggaran Ambang: Memantau apabila metrik melebihi had ditetapkan yang mencetuskan amaran untuk potensi pendedahan risiko.

Penanda Aras: Membandingkan prestasi dalaman dengan standard industri untuk mengesan anomali.

Kekerapan Insiden: Mengukur kekerapan kejadian risiko tertentu (contohnya, pelanggaran keselamatan siber, pelanggaran peraturan).

Keberkesanan Kawalan: Menilai sejauh mana kawalan dalaman dapat mengurangkan risiko yang dikenali dan risiko baharu.

Kemaskini Pengurusan Risiko Perubahan Iklim 2024

Pada tahun 2024, Agrobank mencatatkan kemajuan signifikan dalam perjalanan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA). Bank melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mematuhi keperluan Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan Pengurusan Risiko Iklim menjelang 31 Disember 2024. Projek ini yang bermula pada Julai 2024 berjaya menyiapkan Hasil Analisis Senario pada Disember 2024 sebagai suatu aktiviti khas sekali sahaja. Terdapat 14 Prinsip Penting dalam penilaian CRMSA yang merangkumi aspek seperti Tadbir Urus, Strategi, Kesanggupan Mengambil Risiko, Pengurusan Risiko, Analisis Senario, dan Pendedahan. Sepanjang pelaksanaan, Bank telah menganjurkan beberapa bengkel dan perbincangan dalam kumpulan kerja serta pelbagai bahagian bagi mengenal pasti risiko fizikal dan risiko peralihan.

Berikut adalah ringkasan Prinsip Pengurusan Risiko Iklim & Analisis Senario (CRMSA). Sejak pelaksanaan Polisi CRMSA BNM pada 2022, Bank telah memulakan pematuhan kepada prinsip-prinsip ini dan secara berperingkat melaksanakan langkah mitigasi risiko iklim. Ia meliputi peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi sehingga ke peringkat kerja operasi. Usaha ini akan diteruskan sebagai sebahagian daripada perspektif risiko perbankan di masa hadapan.

PRINSIP 12

Institusi Kewangan (IK) mesti **menggunakan analisis senario untuk menilai daya ketahanan strategi perniagaan terhadap risiko berkaitan iklim yang material**. Memandangkan risiko ini bersifat kompleks dan sentiasa berkembang, maklumat daripada analisis senario hendaklah memaklumkan tentang profil risiko, kesanggupan mengambil risiko, dan rangka kerja pengurusan risiko.

PRINSIP 13

Institusi Kewangan mesti **memastikan latihan analisis senario adalah relevan**, mengikut piawaian yang ditetapkan dan diketahui umum, dijalankan pada jangka masa yang sesuai, dan mempunyai tahap perincian yang mencukupi. Ia mesti bersesuaian dengan materialiti risiko berkaitan iklim yang melibatkan operasi dan perniagaan institusi kewangan.


PRINSIP 14

Institusi Kewangan mesti **membuat pendedahan berkaitan iklim yang boleh dipercayai, bermakna, dan boleh dibandingkan** bagi menyokong keputusan yang bermaklumat oleh pemegang taruh dan memperkukuh pengurusan risiko berkaitan iklim yang material dalam sektor kewangan.


Antara semua aspek Pengurusan Risiko Iklim, bahagian paling teknikal dalam penilaian adalah mengukur Analisis Senario dan meramalkan potensi impak terhadap aset Bank, yang secara tidak langsung membuka peluang perniagaan untuk Bank. Risiko fizikal yang dikenal pasti, seperti banjir, merupakan ancaman paling utama sepanjang sejarah Malaysia dan oleh itu dipilih sebagai ancaman iklim yang paling membahayakan. Melalui data daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (DID), lokasi risiko yang dikenalpasti dapat membantu Bank menilai pendedahan risiko iklim terhadap keseluruhan aset Bank.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Integrasi Hasil Analisis Senario



Proses Analisis Senario - status semasa



* Untuk aplikasi senario yang disyorkan, sila rujuk TCFD di bahagian Tindakan Iklim dalam Bab 7.

Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Perubahan Iklim (CRST) telah membolehkan Bank menilai impak risiko fizikal dan peralihan berdasarkan senario iklim buruk jangka panjang. Bank telah mengenal pasti risiko banjir sebagai risiko fizikal yang signifikan, mengakui potensi kerugian sekiranya tidak diurus dengan berhati-hati. Sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang diberi mandat dan mengkhusus dalam Sektor Pertanian, Agrobank memberi keutamaan kepada impak risiko iklim bukan sahaja ke atas operasi dalaman bank, tetapi yang paling penting kepada pelanggan, bagi membantu mengurangkan risiko dalam aktiviti peralihan. Kegagalan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini akan memberi kesan bukan sahaja kepada kemerosotan kredit, malah yang lebih serius pada peringkat nasional memandangkan peranannya sebagai tulang belakang kepada keterjaminan makanan negara. Selain mengurus impak kewangan langsung terhadap portfolio, Bank juga secara proaktif menilai risiko reputasi dan undang-undang yang mungkin timbul daripada kegagalan untuk mematuhi peraturan berkaitan iklim yang berkembang dan jangkaan pemegang taruh.

Pendekatan keseluruhan Agrobank terhadap kelestarian dan perubahan iklim dirangkumkan dalam Strategi Kestarian yang dimasukkan ke dalam SBP 2021-2025 yang disemak semula. Agrobank juga bertindak sebagai pemaju utama dan pengurus projek bagi Panduan Sektor Kohort Ke-3 VBI AF BNM untuk sektor Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan.

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Agrobank mengekalkan tahap kewaspadaan yang tinggi sebagai sebahagian daripada budaya keseluruhan bagi mencapai pengurangan risiko dan kawalan pematuhan. Ini dijalankan melalui sistem kawalan dalaman yang merangkumi pelbagai proses utama dan mekanisme penyeliaan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah untuk menangani isu pengurusan. Ia termasuk struktur organisasi, pelan perniagaan, dan peranan jawatankuasa utama seperti Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, dan Jawatankuasa Lembaga Pematuhan. Bahagian Audit Dalaman menyediakan jaminan bebas.

Lembaga Pengarah menegaskan tanggungjawabnya terhadap sistem kawalan dalaman Kumpulan yang direka untuk menyediakan jaminan yang munasabah, tetapi bukan mutlak, terhadap salah nyataan material atau kerugian. Sistem ini merangkumi:

- Struktur organisasi yang tersusun, dengan dokumen peranan dan tanggungjawab yang terperinci.
- Dasar dan prosedur menyeluruh untuk semua operasi utama, termasuk pengurusan penipuan, antirasuah dan antisogokan (ABAC).
- Ulasan berkala prestasi kewangan dan operasi.
- Pemisahan tugas untuk mengelakkan konflik kepentingan dan mengurangkan kesilapan.
- Sistem maklumat yang mantap dan kawalan integriti data.
- Mekanisme pemberian maklumat yang berkesan.

SEMAKAN KEBERKESANAN

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, menjalankan semakan berkala terhadap keberkesanan dan kesesuaian sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Semakan ini dimaklumkan melalui:

- Laporan daripada Bahagian Audit Dalaman.
- Laporan daripada Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan.
- Penemuan daripada juruaudit luar.
- Pengumuman regulatori dan amalan terbaik industri.



Untuk maklumat lanjut mengenai risiko utama, sila rujuk Strategi Risiko dan Pengurangan Risiko Kami dalam Bab 4.

TINJAUAN DAN INISIATIF MASA HADAPAN

Agrobank kekal komited untuk memperkukuh keupayaan pengurusan risiko secara berterusan bagi menghadapi persekitaran yang semakin kompleks dan dinamik. Inisiatif utama bagi tahun 2024 dan seterusnya termasuk:

- Memperkukuhkan lagi Rangka Kerja Kesanggupan Mengambil Risiko dalam pembuatan keputusan harian.
- Meningkatkan analitik data dan keupayaan ramalan bagi pengurusan risiko.
- Memperkuat rangka kerja pengurusan risiko iklim, termasuk analisis senario lanjutan dan penetapan sasaran pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG).
- Terus memupuk budaya risiko yang kukuh melalui latihan dan komunikasi berterusan di semua peringkat organisasi.
- Memanfaatkan inisiatif transformasi digital untuk meningkatkan proses pemantauan dan kawalan risiko.

KESIMPULAN

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024, sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi aset Kumpulan dan mencapai objektif perniagaannya. Lembaga akan terus mempertingkatkan dan menambah baik sistem ini untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaiannya berterusan.

LAPORAN PENDEDAHAN SYARIAH

KOMITMEN TERHADAP TADBIR URUS SYARIAH YANG KUKUH DAN BERSEPADU

Agrobank menekankan kepentingan tadbir urus Syariah yang menyeluruh dan mampan bagi memastikan setiap aspek operasi perniagaannya mematuhi rukun, prinsip dan syarat yang ditetapkan oleh Syariah. Sehubungan itu, Dasar Pematuhan Syariah dalaman telah disemak semula dan diselaraskan dengan keperluan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah (SGPD) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk Institusi Kewangan Islam (IFI).

Dasar ini menggariskan rangka kerja kawalan pematuhan Syariah yang menyeluruh, termasuk pengawasan berkesan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan, pelaksanaan prosedur operasi Jawatankuasa Syariah Kumpulan (JKS Kumpulan), serta kod etika dan tatalaku bagi ahli-ahlinya.

JKS Kumpulan disokong oleh empat fungsi utama Syariah:

1. Jabatan Syariah
2. Bahagian Semakan Syariah
3. Bahagian Pengurusan Risiko
4. Bahagian Audit Syariah

Setiap fungsi beroperasi dengan peranan dan kuasa yang jelas selaras dengan keperluan SGPD serta dasar dan panduan Syariah dalaman Agrobank. Di peringkat institusi, Jabatan Syariah berperanan sebagai penghubung utama antara JKS Kumpulan dan Pengurusan, termasuk unit perniagaan dan sokongan.

Fungsi Semakan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah, dan Audit Syariah masing-masing dilaksanakan oleh Bahagian Pematuhan, Bahagian Pengurusan Risiko, dan Bahagian Audit Dalaman. Bagi meningkatkan kecekapan operasi, satu parameter delegasi kuasa telah dibangunkan membolehkan Ketua Jabatan Syariah menyemak dan memberikan kelulusan awal terhadap cadangan rutin dan jelas seperti manual operasi dan aktiviti perbankan harian selagi ia memenuhi kriteria yang ditetapkan. Kelulusan tersebut kemudiannya akan dilaporkan secara rasmi kepada JKS Kumpulan untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA SYARIAH KUMPULAN (JKS KUMPULAN)

JKS Kumpulan ditubuhkan sebagai badan utama yang bertanggungjawab memastikan semua urusan perniagaan, operasi, dan aktiviti Agrobank adalah sejajar dengan prinsip dan keperluan Syariah. Selaras dengan garis panduan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah (SGPD) yang dikeluarkan oleh BNM, peranan utama JKS Kumpulan adalah memberikan nasihat dan panduan Syariah yang objektif, berkualiti tinggi, dan berautoriti kepada Bank. Ia memastikan setiap keputusan dan aktiviti Bank sentiasa berlandaskan prinsip Syariah yang kukuh dan berwibawa.

Tanggungjawab utama JKS Kumpulan adalah termasuk:

- Memberi nasihat mengenai keputusan atau piawaian yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) BNM atau mana-mana pihak berkuasa Syariah yang relevan;
- Meluluskan dasar, manual, dan garis panduan Syariah dalaman Bank;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan daripada fungsi kawalan Syariah Bank seperti Semakan Syariah, Audit Syariah, dan Pengurusan Risiko Syariah;
- Meluluskan tindakan pembetulan terhadap sebarang isu ketidakpatuhan Syariah yang dikenal pasti;
- Membincangkan secara mendalam sebarang isu atau cadangan berkaitan kawalan Syariah bagi mengurangkan risiko ketidakpatuhan Syariah;
- Mengeluarkan resolusi berkaitan insiden ketidakpatuhan Syariah untuk memastikan tindakan pembetulan yang sesuai diambil oleh Bank dan mencegah berulangnya isu yang sama di masa hadapan.

Keanggotaan JKS Kumpulan terdiri daripada enam (6) ahli, di mana lima (5) daripadanya adalah pakar dalam pelbagai disiplin Syariah, manakala seorang (1) lagi adalah pakar perakaunan yang memberikan pandangan praktikal mengenai pelaksanaan dan operasi perbankan. Kepelbagaian kepakaran ini membolehkan JKS Kumpulan membuat penilaian dan keputusan yang holistik serta seimbang dengan mengambil kira keperluan Syariah dan keperluan operasi.

Bagi memastikan keberkesanan fungsi JKS Kumpulan, Bank telah melaksanakan mekanisme penilaian prestasi individu bagi setiap ahli. Penilaian ini merangkumi aspek kompetensi, pengetahuan, komitmen, dan sumbangan ahli terhadap prestasi keseluruhan jawatankuasa.

Menurut Piagam JKS Kumpulan, mesyuarat mesti diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap dua bulan dengan kuorum minimum empat (4) ahli yang berlatarbelakangkan Syariah. Sepanjang tahun 2024, JKS Kumpulan telah mengadakan 13 mesyuarat yang meliputi antara lain perbincangan mengenai:

- Kelulusan produk baharu;
- Penilaian isu Syariah dalam operasi harian;
- Semakan laporan kewangan tahunan dari perspektif Syariah; dan
- Kelulusan dasar dan manual berkaitan Syariah.

JKS Kumpulan juga menyemak penemuan daripada fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah sebelum mencadangkan tindakan pembetulan yang sesuai. Jawatankuasa akan menilai sama ada penemuan tersebut merupakan isu ketidakpatuhan Syariah yang sebenar dan menentukan sama ada tindakan lanjut diperlukan oleh pihak berkaitan.

Ahli-ahli JKS Kumpulan dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan	Mesyuarat											%		
			1	2	3	4	5	K1	6	7	K2	8	9		10	11
1	Tn. Hj. Azizi Che Seman	Pengerusi	/	/	/	/	/									100
2	Ustaz Wan Rumaizi W.Husin @ Abdul Aziz	Pengerusi	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	100
3	Dr. Shafaai Musa	Ahli	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	100
4	Dr. Abdullaah Jalil	Ahli	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	100
5	Prof. Dr. Sharifah Faigah Syed Alwi	Ahli	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	100
6	Prof. Datin Dr. Rusni Hassan	Ahli						/	/	/	/	/	/	/	/	100
7	Puan Shabnam Mohamad Mokhtar	Ahli						/	/	/	/	/	/	/	/	100

Kekerapan : Sekurang-kurangnya sekali setiap 2 bulan

Kuorum : Minimum 4 ahli lembaga (termasuk pengerusi)

Keputusan : Berdasarkan keputusan majoriti

Kehadiran Minimum: 75%

JABATAN SYARIAH: MEMPERKUKUH TADBIR URUS SYARIAH SECARA HOLISTIK

Jabatan Syariah memainkan peranan strategik dalam memperkukuh mekanisme tadbir urus Syariah yang menyeluruh dan mampan di Agrobank. Ia berfungsi sebagai tonggak utama bagi memastikan semua produk dan perkhidmatan Bank sentiasa selaras dan mematuhi prinsip serta keperluan Syariah.

Sebagai unit sokongan utama kepada operasi keseluruhan Bank, Jabatan Syariah bertanggungjawab melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi memastikan pelaksanaan menyeluruh Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah (SGPD) termasuk penubuhan dan pengurusan JKS Kumpulan serta penyelarasan kelulusan Syariah untuk produk dan perkhidmatan Bank. Jabatan ini juga berperanan sebagai penghubung aktif antara JKS Kumpulan dan pelbagai jabatan serta jawatankuasa dalaman dalam menangani hal-hal berkaitan Syariah.

Antara tanggungjawab utama Jabatan Syariah ialah:

- Menyemak dan meneliti produk sebelum dibentangkan kepada JKS Kumpulan, termasuk menilai isu-isu Syariah yang timbul dan menguruskan hal-hal pentadbiran serta sekretariat berkaitan JKS Kumpulan;
- Menjalankan penyelidikan Syariah secara mendalam serta menyediakan khidmat nasihat dan konsultasi harian kepada pihak yang terlibat dalam pembangunan produk dan operasi perbankan;
- Menyelaraskan mesyuarat JKS Kumpulan, menyediakan kertas cadangan Syariah, menyampaikan keputusan Syariah kepada pemegang taruh yang berkaitan, dan berinteraksi dengan JKS Kumpulan mengenai isu yang memerlukan perbincangan lanjut;
- Membina budaya tadbir urus Syariah yang menyeluruh dan berterusan di seluruh organisasi.

Bank mengakui bahawa pendekatan dan pemikiran yang berkembang terhadap pematuan Syariah adalah penting untuk meningkatkan kesedaran, motivasi, dan akauntabiliti kakitangan. Sehubungan itu, Jabatan Syariah terus mempergiat usaha memperkukuh kefahaman Syariah melalui pelbagai program pembangunan dan pendidikan.

Inisiatif utama tahun 2024 adalah termasuk:

- Sesi halaqah khas untuk pegawai Syariah yang bertujuan memperkukuh pemahaman mereka mengenai fatwa dan piawaian yang ditetapkan oleh AAOIFI (Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam). Inisiatif ini bertujuan menggalakkan penerapan amalan terbaik antarabangsa dalam tadbir urus dan pematuan Syariah;

- *Shariah Learning and Awareness Roadshow (SLAR)* dijalankan di seluruh negara untuk memberi pendedahan kepada kakitangan di cawangan mengenai konsep Syariah yang diterapkan dalam produk Bank, sekali gus mengukuhkan peranan mereka sebagai barisan hadapan dalam memastikan pematuan Syariah;
- Penyertaan sebagai penceramah dalam Kursus Induksi untuk kakitangan baharu, berkongsi asas perbankan Islam dan memperkenalkan peranan Jabatan Syariah dalam ekosistem tadbir urus Bank;
- Sumbangan kepada penerbitan buku bertajuk "Islam dan Pertanian" dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Ahli JKS Kumpulan turut menyumbang penulisan untuk buku tersebut yang dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
- Penglibatan aktif dalam program "Satu Hadis, Satu Hari" sebagai pencipta kandungan dan penceramah sepanjang bulan Ramadan bagi meningkatkan kesedaran rohani dalam kalangan kakitangan;
- Penceramah untuk bacaan hadis harian melalui program "Hadis Apa Hari Ini?" yang diadakan selepas solat Asar dengan kerjasama Badan Dakwah Islamiah Agrobank (BADIA);
- Penganjuran program Tadarus al-Quran sepanjang Ramadan dengan kerjasama BADIA bertujuan memperkukuh pembangunan rohani dan memupuk semangat beribadah secara berjemaah;

LAPORAN PENDEDAHAN SYARIAH

- Pelaksanaan tazkirah mingguan di semua cawangan. Nota kuliah dikongsi dengan Pengurus dan Penolong Pengurus Cawangan untuk dibentangkan semasa taklimat mingguan selaras dengan usaha Bank untuk menanam semangat PATRIOT kepada kakitangan dalam konteks pematuhan Syariah.

Secara keseluruhan, peranan Jabatan Syariah melangkaui skop pematuhan tradisional. Ia berperanan sebagai rakan strategik dalam memastikan pematuhan Syariah yang bersepadu dalam operasi, selain berfungsi sebagai penyumbang utama dalam misi Agrobank untuk menjadi institusi kewangan Islam yang dipercayai.

PENGURUSAN ZAKAT DAN PEMBANGUNAN ASNAF

Selain menguruskan aktiviti-aktiviti di atas, Jabatan Syariah melalui Seksyen Kesedaran Syariah & Zakat berperanan sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengagihan Zakat Bank yang bertanggungjawab memastikan semua proses, penilaian, dan pengagihan zakat dijalankan secara telus, sistematik, dan mematuhi Garis Panduan Zakat yang telah ditetapkan sepenuhnya.

Peruntukan dana zakat kepada setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah berbeza bergantung pada kriteria dan pertimbangan dalaman yang telah ditetapkan. Bagi memastikan integriti dan keberkesanan proses ini, Seksyen ini turut melaksanakan mekanisme semak dan imbang di mana laporan pengagihan zakat dibentangkan kepada JKS Kumpulan untuk maklum balas, penambahbaikan, dan cadangan berkaitan.

Selain itu, Bank telah memperkenalkan inisiatif berimpak tinggi dikenali sebagai Program Pembangunan Asnaf yang bertujuan membantu komuniti asnaf keluar daripada kitaran kemiskinan dan berubah daripada penerima zakat kepada pembayar zakat. Program ini menumpukan kepada pemerdayaan ekonomi asnaf melalui bimbingan dalam bidang keusahawanan.

Antara tugas tambahan yang dilaksanakan oleh Jabatan Syariah melalui Seksyen ini termasuk:

- Mengadakan mesyuarat dan menjalin kerjasama dengan MAIN untuk membincangkan perkongsian strategik, penambahbaikan proses pengagihan, dan keberkesanan program pembangunan asnaf;
- Melaksanakan penyerahan zakat secara rasmi kepada MAIN, memastikan pematuhan penuh terhadap semua prosedur pengagihan dan keperluan undang-undang;
- Menganjurkan sesi latihan dan bengkel untuk peserta asnaf agar mereka dilengkapi dengan pengetahuan untuk menggunakan dana zakat yang diterima secara optimum;
- Melaksanakan sesi temuduga untuk menilai kelayakan pemohon asnaf menyertai Program Pembangunan Asnaf, bagi memastikan calon yang dipilih layak dan berpotensi mendapat manfaat daripada inisiatif pembangunan tersebut.

Melalui pendekatan menyeluruh ini, Jabatan Syariah bukan sahaja memastikan pengagihan zakat dijalankan secara adil dan telus, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sosioekonomi komuniti asnaf sejajar dengan aspirasi Agrobank untuk menjadi institusi kewangan Islam yang prihatin dan bertanggungjawab.

PENGURUSAN PENDAPATAN TIDAK HALAL

Jabatan Syariah, sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Pengagihan, turut memainkan peranan penting dalam menguruskan pelupusan pendapatan tidak halal yang diterima oleh Bank. Pengurusan ini dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang digariskan dalam Dasar Penyucian Pendapatan Tidak Halal serta sebarang panduan atau arahan tambahan yang dikeluarkan oleh JKS Kumpulan dari semasa ke semasa.

Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan proses penyucian, Jabatan Syariah melaksanakan beberapa tugas utama, termasuk:

- Menganalisis permohonan yang diterima berdasarkan kategori, tujuan, dan kesesuaian penerima;
- Menguruskan proses kelulusan melalui Jawatankuasa Pengagihan yang bertanggungjawab menilai dan meluluskan penggunaan dana tidak halal;
- Melaksanakan pengagihan kepada penerima yang diluluskan bagi memastikan sumbangan disalurkan kepada pihak yang layak dan mengikut kriteria pelupusan yang digariskan dalam dasar dan panduan dalaman Bank.

Pendekatan berstruktur ini bukan sahaja memastikan pematuhan terhadap prinsip pemurnian selaras dengan hukum Syariah tetapi juga mencerminkan komitmen Agrobank terhadap tanggungjawab sosial dan tadbir urus yang beretika dan telus.

RISIKO SYARIAH


Tadbir urus Syariah yang mantap dan menyeluruh diperkukuh lagi dengan penerapan rangka kerja pengurusan risiko bagi ketidakpatuhan Syariah, di mana pengurusan risiko Syariah merupakan sebahagian daripada rangka kerja pengurusan risiko bersepadu Bank. Fungsi utama pengurusan risiko Syariah adalah mengenal pasti, menilai, memantau, dan melaporkan risiko ketidakpatuhan Syariah secara sistematik yang berkaitan dengan perniagaan, operasi, urusan, dan aktiviti Bank selaras dengan keperluan bawah Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh BNM. Melalui pemantauan berterusan terhadap profil risiko Syariah Bank dan keberkesanan kawalan sedia ada, Risiko Syariah memudahkan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah secara cekap dan berkesan serta berperanan dalam memperkukuh budaya sifar kes Ketidakpatuhan Syariah yang signifikan di seluruh Bank.

Sehubungan itu, Risiko Syariah bertanggungjawab terhadap pembangunan, penyelenggaraan, dan penambahbaikan dasar dan manual operasi Pengurusan Risiko Syariah serta pelaksanaannya, termasuk melaporkan pendedahan risiko ketidakpatuhan Syariah kepada JKS Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC), Jawatankuasa Risiko Pengurusan (MRC), Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC), dan Lembaga Pengarah. Mandat lain termasuk pembangunan dan pelaksanaan langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran risiko Syariah dalam Bank, memastikan pemurnian pendapatan tidak halal akibat ketidakpatuhan Syariah seperti yang digariskan oleh JKS Bank, serta menyediakan langkah mitigasi dan pelan tindakan untuk mengelakkan berulangnya kejadian yang berpotensi menghasilkan pendapatan tidak halal.

Fungsi Risiko Syariah juga memastikan sebarang kejadian ketidakpatuhan Syariah dilaporkan segera kepada BNM melalui sistem ORR (Laporan Risiko Operasi), ditangani, dan diperbetulkan. Ini bukan sahaja memastikan kesucian pendapatan yang diperoleh, tetapi yang lebih penting, memastikan sistem dan kawalan mencukupi bagi mengelakkan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan prinsip Syariah. Risiko Syariah akan mengesan semua insiden ketidakpatuhan Syariah, status pembetulan, dan memastikan laporan yang tepat pada masa kepada JKS, Lembaga, dan BNM.

Sepanjang tahun 2024, Profil Risiko Syariah Agrobank telah dibuat dan dilaporkan pada separuh pertama dan separuh kedua yang merangkumi status kejadian Ketidakpatuhan Syariah (SNC) berdasarkan Pengumpulan Data Pengurusan Insiden (IMDC), Petunjuk Risiko Utama (KRI), Kawalan & Penilaian Sendiri Risiko Syariah (SRCSA) daripada Pegawai Perhubungan Risiko (RLO) di cawangan/Ibu Pejabat, gambaran keseluruhan portfolio produk Bank berdasarkan kontrak Syariah, akaun tidak patuh Syariah Bank, serta inisiatif strategik Bank. Selain itu, papan pemuka risiko Syariah Bank dibentangkan setiap bulan kepada ORMC, MRC, SC, dan BRMC. Ia diteruskan dengan aktiviti kesedaran dan pengetahuan kakitangan di mana Risiko Syariah turut terlibat dalam pembangunan modul serta pelaksanaan latihan dan kesedaran. Risiko Syariah juga terlibat dalam proses kelulusan (*sign-off*) dan pelaksanaan pengeluaran dasar dalaman serta manual operasi yang baharu.

Inisiatif Risiko Syariah pada tahun 2024 merangkumi:



LAPORAN PENDEDAHAN SYARIAH

SEMAKAN SYARIAH

Laporan ini merumuskan aktiviti semakan Syariah yang telah dijalankan oleh Seksyen Semakan Syariah (SRS) Agrobank bawah Bahagian Pematuhan bagi tahun 2024.

Semakan Syariah merujuk kepada fungsi kawalan yang mengendalikan penilaian tetap terhadap pematuhan operasi, hal ehwal perniagaan dan aktiviti Bank berkaitan dengan tuntutan Syariah. Proses semakan menyeluruh ini bukan melibatkan semakan penyata kewangan sahaja, malah turut meneliti kontrak, perjanjian, urus niaga, aktiviti dan proses pembangunan produk secara keseluruhan untuk memastikan pematuhan Syariah dan mengukuhkan kebolehpercayaan terhadap pelbagai aktiviti Bank.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 2024, semua pemerhatian yang diperoleh daripada aktiviti Semakan Syariah, termasuk kes-kes ketidakpatuhan Syariah, telah didokumentasikan dan diketengahkan dalam Laporan Semakan Syariah. Laporan Semakan Syariah ini seterusnya dibentangkan kepada pihak Pengurusan, Jawatankuasa Syariah (JKS) dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan permakluman. Laporan tersebut mengandungi pelbagai langkah dan tindakan cadangan pembetulan yang dinyatakan secara terperinci dan perlu dilaksanakan bagi menangani sebarang ketidakpatuhan Syariah, serta terdapat mekanisme kawalan bagi mencegah kejadian ketidakpatuhan.

Sebagai barisan pertahanan kedua, SRS memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan ketat terhadap prinsip Syariah sepanjang tahun 2024. SRS melaksanakan pengawasan menyeluruh melalui 45 semakan cawangan di lokasi dan 40 semakan cawangan secara desktop, sekali gus menyediakan pemantauan terperinci terhadap pematuhan Syariah di seluruh operasi.

Di peringkat Ibu Pejabat, SRS telah menjalankan 6 semakan meliputi pelbagai segmen perniagaan. Semakan ini diiringi dengan 2 semakan ad hoc yang memberi tumpuan kepada Penilaian Awal terhadap Hajah dan Darurah bawah Dokumen Dasar BNM, termasuk 1 semakan khas untuk menangani isu Potensi Ketidakpatuhan Syariah (PSNC).

Secara keseluruhannya, pada tahun 2024, Bank telah mengenal pasti dan menangani dua kes Potensi Ketidakpatuhan Syariah (PSNC) dan hanya satu kes telah diisytiharkan sebagai Ketidakpatuhan Syariah Sebenar oleh Jawatankuasa Kumpulan Syariah.



Kesedaran dan Latihan Semakan Syariah

Bagi meningkatkan lagi kesedaran pematuhan Syariah, SRS telah menganjurkan serta terlibat dalam beberapa program kesedaran bagi memperkukuh pematuhan Syariah, termasuk:

- Taklimat pagi/tazkirah bagi setiap cawangan/kiosk
- Kempen 'Buat Betul Betul' (3B)
- Program Pembangunan Penolong Pengurus Cawangan (ABM)
- *Shariah Learning and Awareness Roadshow* (SLAR): Empat sesi telah dijalankan melibatkan 1,213 kakitangan merentas tiga wilayah: Kuala Lumpur, Selangor & Negeri Sembilan; Sabah; serta Pulau Pinang, Kedah & Perlis
- Sesi libat urus ECO & FCO
- Program Pensijilan Pengurus Cawangan (BMCP) Modul 2 mengenai Pengurusan dan Operasi Cawangan dengan fokus kepada pematuhan Syariah
- Program Pembangunan Wakil Khidmat Pelanggan (CSR)

Melangkah ke hadapan, Bank komited untuk memperkukuh kesedaran dan aktiviti semakan Syariah bagi memastikan misi pematuhan Syariah 100% terus terpelihara. Usaha ini merangkumi penerusan *Shariah Learning and Awareness Roadshow* (SLAR) ke wilayah-wilayah lain (Kelantan & Terengganu serta Sarawak) serta memperkenalkan kempen Tadbir Urus Syariah atau e-Pembelajaran. Selain itu, Semakan Syariah akan terus menyumbang dan menyokong Kempen 3B (Buat Betul Betul) bawah Bahagian Pematuhan serta berkongsi pengajaran yang diperoleh daripada pemerhatian pematuhan Syariah. Memupuk budaya pematuhan Syariah yang kukuh melalui penglibatan kakitangan dan pendidikan berterusan kepada warga SRS akan menjadi keutamaan strategik pada tahun 2025.

AUDIT SYARIAH

Seksyen Audit Syariah bawah Bahagian Audit Dalaman (IAD) terus memainkan peranan dalam menyediakan penilaian bebas terhadap kualiti dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko, kawalan dalaman serta pematuhan keseluruhan operasi Bank terhadap keperluan dan prinsip Syariah.

Bagi tahun 2024, suatu program dan pelan audit komprehensif telah dibangunkan merangkumi objektif, skop, tugas juruaudit, kaedah persampelan, garis masa, serta proses yang jelas dan prosedur audit yang mantap. Objektif dan skop ditentukan berdasarkan prinsip dan keperluan Syariah, dokumen dasar berkaitan Syariah yang dikeluarkan oleh BNM, serta resolusi daripada Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah Kumpulan Bank (JKS Kumpulan).

Sepanjang tahun ini, Audit Syariah meliputi, antara lain, produk deposit perbendaharaan, produk perdagangan, pengurusan Zakat dan tadbir urus Syariah. Laporan audit yang merangkumi penemuan audit, cadangan penambahbaikan dan pelan tindakan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan (MAC) dan seterusnya dikemukakan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) serta Jawatankuasa Syariah Kumpulan.



INDEKS TCFD

Teras dan Pendedahan yang Disyorkan oleh TCFD	Pendedahan Sokongan Agrobank	No. Halaman
Tadbir Urus		
a) Menerangkan pengawasan Lembaga Pengarah terhadap risiko dan peluang berkaitan iklim.	Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC), mengawasi rangka kerja pengurusan risiko Bank yang merangkumi risiko berkaitan iklim. Peranan Lembaga Pengarah dalam mengawasi inisiatif kelestarian dan perubahan iklim dinyatakan secara jelas.	99, 176, 177, 178
b) Menerangkan peranan pengurusan dalam menilai dan mengurus risiko serta peluang berkaitan iklim.	Pengurusan bertanggungjawab melaksanakan strategi Lembaga termasuk mewujudkan dan mengekalkan kawalan bagi semua jenis risiko seperti risiko iklim. Ketua Pegawai Risiko dan jawatankuasa pengurusan yang berkaitan merupakan pihak utama dalam proses ini.	99, 176, 178
Strategi		
a) Menerangkan risiko dan peluang berkaitan iklim yang telah dikenal pasti oleh organisasi dalam jangka pendek, sederhana, dan panjang.	Bank mengenal pasti risiko iklim fizikal dan peralihan. Inisiatif utama dan sasaran pembiayaan hijau telah digariskan berserta integrasi risiko iklim ke dalam Rangka Kesanggupan Mengambil Risiko dan perancangan strategik.	100, 101, 179, 180
b) Menerangkan kesan risiko dan peluang berkaitan iklim terhadap perniagaan, strategi, dan perancangan kewangan organisasi.	Strategi Bank merangkumi sokongan terhadap sektor pertanian yang berdaya tahan. Analisis senario iklim digunakan untuk menilai daya ketahanan strategi perniagaan dan memberi maklumat kepada profil risiko serta perancangan kewangan Bank.	100, 101, 180, 181
c) Menerangkan daya ketahanan strategi organisasi dengan mengambil kira senario berkaitan iklim yang berbeza, termasuk senario 2°C atau lebih rendah.	Bank telah melaksanakan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA) menggunakan senario NGFS (contohnya, Sifar Bersih 2050) bagi menguji daya ketahanan strategik.	103, 180, 181
Pengurusan Risiko		
a) Menerangkan proses organisasi dalam mengenal pasti dan menilai risiko berkaitan iklim.	Bank mempunyai proses yang sistematik untuk mengenal pasti risiko termasuk risiko berkaitan iklim. Proses ini melibatkan bengkel, analisis data, dan pengintegrasian risiko iklim ke dalam rangka kerja pengurusan risiko keseluruhan.	103, 178, 180, 181
b) Menerangkan proses organisasi dalam mengurus risiko berkaitan iklim.	Risiko iklim diuruskan melalui pengintegrasian ke dalam polisi, strategi mitigasi risiko, dan sasaran khusus (contohnya, untuk pembiayaan hijau) dan Ujian Tekanan Risiko Iklim (CRST) merupakan alat utama.	103, 179, 180, 181
c) Menerangkan cara proses mengenal pasti, menilai, dan mengurus risiko berkaitan iklim diintegrasikan ke dalam pengurusan risiko keseluruhan organisasi.	Pengurusan risiko iklim adalah sebahagian daripada rangka kerja pengurusan risiko meliputi seluruh organisasi Bank dan diawasi oleh BRMC serta jawatankuasa pengurusan.	103, 177, 178
Metrik dan Sasaran		
a) Mendedahkan metrik yang digunakan oleh organisasi untuk menilai risiko dan peluang berkaitan iklim selaras dengan strategi dan proses pengurusan risikonya.	Bank menggunakan metrik seperti peratusan pembiayaan hijau, pelepasan gas rumah kaca (GHG), dan Petunjuk Risiko Utama (KRI) untuk risiko yang semakin berkembang termasuk risiko berkaitan iklim.	99, 103, 180, 181
b) Mendedahkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) Skop 1, Skop 2, dan jika sesuai, Skop 3, serta risiko yang berkaitan.	Bank telah memulakan pengiraan kadar dasar pelepasan GHG bagi tahun 2023 dan sedang membangunkan sasaran pengurangan.	181
c) Menerangkan sasaran yang digunakan oleh organisasi untuk mengurus risiko dan peluang berkaitan iklim serta prestasi berbanding sasaran.	Bank telah menetapkan sasaran untuk tahun 2025 (20% daripada pembiayaan baharu, 10% daripada baki pembiayaan untuk aktiviti hijau/penyesuaian) dan sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Sifar Bersih.	102, 181

PENYATA KEWANGAN

Laporan Pengarah	192
Penyata Pengarah	196
Akuan Berkanun	196
Laporan Jawatankuasa Syariah	197
Laporan Juruaudit Bebas	199
Penyata Pendapatan Komprehensif	201
Penyata Kedudukan Kewangan Digabungkan	202
Penyata Kedudukan Kewangan	203
Penyata Perubahan Ekuiti Digabungkan	204
Penyata Perubahan Ekuiti	205
Penyata Aliran Tunai	206
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	208



LAPORAN PENGARAH

LAPORAN PENGARAH

Lembaga Pengarah dengan sukacita membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Bank") yang telah diaudit termasuk penyata kewangan Bank dan anak-anak syarikat ("Kumpulan") yang digabungkan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank ialah perbankan Islam, pembiayaan, pelaburan, dan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad, 2008.

Aktiviti utama anak-anak syarikat dibentangkan pada Nota 21 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	187,962	188,779
Cukai	(47,187)	(47,187)
Zakat	(4,719)	(4,719)
Keuntungan bersih bagi tahun	136,056	136,873

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 8, 17, 18, 19, 20, dan 28(c) kepada penyata kewangan dan penyata perubahan ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan, atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang dibayar oleh Bank sejak 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023:	
Dividen akhir satu peringkat sebanyak 3.00 sen ke atas 1,000,000,000 saham biasa, diisytiharkan pada 28 Jun 2024 dan dibayar pada 7 Ogos 2024 dan 30 Oktober 2024	30,000

Pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, satu dividen akhir satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 sebanyak 2.04 sen ke atas 1,000,000,000 saham biasa, dengan jumlah dividen belum bayar sebanyak RM20,408,000 akan dicadangkan untuk kelulusan pemegang saham.

Penyata kewangan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 tidak mencerminkan cadangan dividen ini. Dividen ini, jika diluluskan oleh pemegang saham, akan dirangkumkan di bawah ekuiti sebagai peruntukan keuntungan terkumpul bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

TERBITAN MODAL SAHAM DAN DEBENTUR

Bank tidak menerbitkan sebarang saham baru atau debentur sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

OPSYEN SAHAM

Tiada opsyen diberikan oleh Bank kepada mana-mana pihak untuk melanggan saham-saham Bank yang belum diterbitkan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Tiada saham diterbitkan sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2024 menerusi pelaksanaan sebarang opsyen bagi melanggan saham-saham Bank yang belum diterbitkan. Pada penghujung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, tiada saham Bank yang belum diterbitkan di bawah opsyen.

LAPORAN PENGARAH

PENGARAH-PENGARAH BANK

Pengarah-pengarah yang berkhidmat di Bank sejak permulaan tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

Y. Bhg Datuk Yunos Abd Ghani
 Y. Bhg Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din
 Puan Rizleen Mokhtar
 Encik Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal
 Y. Bhg Datin Arlina Ariff
 Encik Wan Zamri Wan Zain (Tamat pada 2 Februari 2025)
 Encik Mohd Hanif Mastuki (Meletak jawatan pada 28 Januari 2025)
 Y. Bhg Datuk Lokman Hakim Ali (Meletak jawatan pada 23 September 2024)

Pengarah-pengarah anak-anak syarikat Bank yang memegang jawatan sejak permulaan tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

(i) Agro Captive Takaful Limited
 Encik Wan Zamri Wan Zain
 Dato' Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani
 Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin
 Encik Mohd Zukki Ab Rahman

MANFAAT PENGARAH

Tiada sebarang urusan di penghujung atau sepanjang tahun kewangan yang bertujuan membolehkan Bank atau anak-anak syarikatnya memperoleh manfaat menerusi perolehan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah daripada Bank dan perbadanan berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 40 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Bank atau sebuah perbadanan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Manfaat pengarah adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Elaun	1,515	1,310
Emolumen lain	86	86
	1,601	1,396

KEPENTINGAN PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham para pengarah, tiada pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan ini memegang saham atau mempunyai kepentingan dalam saham Bank atau perbadanan berkaitan sepanjang tahun kewangan.

PEMATUHAN KEPADA JANGKAAN PELAPORAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan bahawa Garis Panduan Pelaporan Kewangan untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan oleh Bank Negara Malaysia telah dipatuhi sepenuhnya.

LAPORAN PENGARAH

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Bank disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung hapus kira hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu, dan bahawa mereka berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasikan nilainya seperti melalui urusan perniagaan biasa yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan telah dikurangkan nilainya kepada satu jumlah yang dijangka boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang akan apa-apa keadaan yang timbul di dalam laporan ini atau penyata kewangan Bank yang boleh menyebabkan:
- (i) jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi pada tahap yang ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank ini mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada untuk penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Bank yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini selain daripada yang ditanggung dalam urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Bank.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas berakhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak; dan
 - (ii) tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa keadaannya telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PERLINDUNGAN UNTUK PENGARAH & PEGAWAI

Bank mengekalkan Takaful Liabiliti Pengarah dan Pegawai dengan had agregat sehingga RM50,000,000 bagi melindungi para pengarah dan pegawai daripada sebarang liabiliti undang-undang yang ditanggung dalam melaksanakan tugas mereka semasa memegang jawatan di Bank. Jumlah sumbangan takaful yang dibayar bagi pengarah dan pegawai untuk tahun kewangan semasa adalah sebanyak RM80,750.

PERISTIWA PENTING ATAU SUSULAN

Tiada peristiwa penting atau susulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan sehingga tarikh penyata kewangan ini diluluskan untuk penerbitan.

LAPORAN PENGARAH

PELAN DAN STRATEGI PERNIAGAAN

Agrobank akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan mampan sektor pertanian negara, menggiatkan pembiayaan untuk bidang tumpuan nasional serta memperluaskan pangkalan pelanggan bagi memastikan liputan menyeluruh untuk komuniti pertanian.

Dari sudut perniagaan, Agrobank akan terus mempergiat pertumbuhan aset pembiayaan bagi bidang tumpuan nasional yang mengukuhkan keterjaminan dan ekonomi makanan negara, menyokong aktiviti hijau dan peralihan yang sejajar dengan amalan-amalan kelestarian dan ESG yang baik, menyokong usaha pemodenan dan gunapakai teknologi dalam sektor pertanian, serta menyediakan sokongan perdagangan bagi memangkin aktiviti eksport pertanian.

Dari sudut pembangunan, Agrobank akan memperkukuh keupayaannya mencapai keterangkuman kewangan untuk segmen komuniti pertanian yang kurang mendapat perkhidmatan menerusi usaha pendigitalan, penambahbaikan saluran fizikal sedia ada, dan pengenalan format cawangan baharu bagi memberi pengalaman pelanggan yang lebih baik, di samping terus memastikan pencapaian matlamat perantaraan berasaskan nilai.

Akhir sekali, Agrobank terus komited melaksanakan migrasi sosioekonomi berstruktur bagi usahawan tani menerusi program-program pembangunan keusahawanan yang merangkumi sokongan perniagaan, kewangan, dan teknikal.

SYARIKAT INDUK

Bank dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) bagi pihak Kerajaan Malaysia.

JURUAUDIT

Jruaudit, Tetuan Ernst & Young PLT, telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Imbuan Jruaudit adalah seperti berikut:


	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Audit berkanun	1,107	1,092
Perkhidmatan berkaitan kawal selia	13	13
	1,120	1,105

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah-pengarah bertarikh 26 Jun 2025.



DATUK YUNUS ABD GHANI

Kuala Lumpur, Malaysia



ENCIK MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

PENYATA PENGARAH

Menurut Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Kami, **DATUK YUNOS ABD GHANI** dan **ENCIK MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL**, merupakan dua daripada para pengarah BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 201 hingga 344 disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS, serta peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2024 serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan yang baru berakhir.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para pengarah bertarikh 26 Jun 2025.



DATUK YUNOS ABD GHANI

Kuala Lumpur, Malaysia



ENCIK MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

AKUAN BERKANUN

Menurut Seksyen 251 (1)(b) Akta Syarikat 2016 dan Seksyen 73(l)(e)
Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Kami, **DATUK YUNOS ABD GHANI** dan **DATO' TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN**, masing-masing selaku Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Bank, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 201 hingga 344 adalah pada pendapat kami betul, dan kami membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akaan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama di atas



DATUK YUNOS ABD GHANI



DATO' TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama di atas
DATUK YUNOS ABD GHANI dan **DATO' TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN**
di KUALA LUMPUR dalam Wilayah Persekutuan pada **26 Jun 2025**.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAAH



LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah, Yang Maha Penyayang lagi Maha Mengasihani Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Kepada pemegang saham, pendeposit, dan pelanggan Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Bank"):

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh BNM serta selaras dengan terma pelantikan kami, kami dengan ini mengemukakan Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Kami, Jawatankuasa Syariah Kumpulan (JS Kumpulan), bertanggungjawab memberi nasihat objektif dan berwibawa kepada Bank bagi memastikan matlamat, operasi, perniagaan, urusan, dan aktiviti mematuhi Syariah serta resolusi dan keputusan relevan yang dikeluarkan oleh Majlis-majlis Penasihat Syariah badan-badan pengawal selia. Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami, kami telah memperoleh semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu bagi menyediakan bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan munasabah bahawa Bank telah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah yang berkaitan.

JS Kumpulan mengesahkan dasar dan prosedur Syariah, serta menyemak laporan yang dibentangkan oleh fungsi kawalan dalaman di bawah tadbir urus Syariah. JS Kumpulan turut membuat pertimbangan teliti terhadap isu-isu dan syor-syor untuk mengurangkan sebarang isu Syariah dan potensi ketidakpatuhan Syariah. Di peringkat organisasi, Jabatan Syariah melapor kepada JS Kumpulan dan bertanggungjawab menyediakan sokongan operasi bagi memastikan keberkesanan fungsi JS Kumpulan. Sementara itu, fungsi kawalan dalaman berada di bawah tadbir urus Syariah yang merangkumi Risiko Syariah, Semakan Syariah, dan Audit Syariah yang mana masing-masing ditempatkan dalam Bahagian Pengurusan Risiko, Bahagian Pematuhan, dan Bahagian Audit Dalaman serta diselia oleh Ketua Pegawai Risiko, Ketua Pegawai Pematuhan, dan Ketua Audit Dalaman bagi memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah Bank dilaksanakan dengan berkesan.

Pengurusan Bank bertanggungjawab memastikan bahawa Bank dan anak-anak syarikatnya menjalankan operasi selaras dengan prinsip Syariah serta pematuhan terhadap ketetapan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah ("MPS") BNM dan Jawatankuasa Syariah Bank. Tanggungjawab kami adalah untuk membentuk pandangan bebas berhubung operasi Bank berdasarkan semakan ke atas urusan dan aktiviti perniagaan Bank serta melaporkannya kepada pihak tuan.

Sepanjang tahun kewangan, kami telah mengadakan tiga belas (13) mesyuarat termasuk dua (2) mesyuarat khas, di mana kami meneliti dan membincangkan, antara lain, produk, transaksi, perkhidmatan, proses, dan dokumen Bank yang dibentangkan kepada kami. Semua ahli jawatankuasa telah memenuhi keperluan kehadiran minimum seperti yang ditetapkan dalam Perenggan 11.4 Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah BNM, yang mewajibkan setiap ahli jawatankuasa Syariah untuk menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan operasi perniagaan, kami menyerahkan kuasa kepada Ketua Jabatan Syariah untuk meluluskan variasi tidak ketara yang tidak menjejaskan hal-hal berkaitan Syariah, di mana kelulusan tersebut dimaklumkan kepada kami secara berkala untuk semakan dan pengesahan.

Kami telah menilai kerja yang dijalankan oleh Semakan Syariah dan Audit Syariah di mana kedua-dua fungsi kawalan dalaman di bawah tadbir urus Syariah ini telah meneliti, secara ujian, setiap jenis transaksi, dokumentasi berkaitan, dan prosedur yang digunakan oleh Bank. Laporan lengkap mereka telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa Syariah kami bagi mengesahkan bahawa Bank telah mematuhi ketetapan berkenaan yang dikeluarkan oleh Majlis-majlis Penasihat Syariah badan pengawal selia serta keputusan kami sendiri.

Sepanjang tahun 2024, peristiwa Ketidakpatuhan Syariah yang disahkan (SNC) dinyatakan dalam Nota 43 kepada penyata kewangan. Pada masa sama, terdapat pendapatan SNC yang diterima oleh Bank daripada akaun konvensional sedia ada sebelum menerima status Bank Islam Sepenuhnya (Full-fledged Islamic Bank, FFIB) pada Julai 2015 yang tidak dapat ditukar. Aliran pendapatan ini diasingkan daripada pendapatan Bank bagi tujuan pelupusan seperti yang dinyatakan dalam Nota 28(a)(i).

Berdasarkan perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

- (a) Kontrak, transaksi dan urusan yang dilakukan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tahun berakhir 31 Disember 2024 yang telah kami semak adalah mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Bagi kes-kes di mana ia telah dikenalpasti sebagai tidak memenuhi unsur-unsur tertentu di bawah prinsip Syariah, langkah-langkah pemulihan telah dikenalpasti dan usaha-usaha pembedaan yang berterusan ke atas akaun-akaun yang terlibat sedang dilaksanakan. Sekiranya akaun terjejas tidak boleh diperbaiki, pendapatan tersebut tidak akan diiktiraf sebagai pendapatan Bank.
- (b) Sumber utama dan pelaburan Bank yang didedahkan kepada kami adalah selaras dengan asas yang telah diluluskan oleh kami mengikut peraturan dan prinsip Syariah.
- (c) Peruntukan keuntungan dan pembebanan kerugian yang berkaitan dengan aset dan liabiliti Bank adalah selaras dengan asas yang telah diluluskan oleh kami mengikut prinsip Syariah.
- (d) Semua pendapatan yang diperoleh daripada sumber atau cara yang dilarang oleh Syariah akan disalurkan untuk tujuan kebajikan atau dikembalikan kepada pihak yang berhak.
- (e) Pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat perniagaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 14 mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang berkenaan.
- (f) Kami dengan ini mengesahkan bahawa keseluruhan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti Bank mematuhi Syariah dan tidak melibatkan sebarang peristiwa ketidakpatuhan Syariah yang material, kecuali perkara yang dinyatakan dalam Nota 43 kepada penyata kewangan, di mana perkara tersebut telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Syariah.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kami, **WAN RUMAIZI W.HUSIN @ABDUL AZIZ** dan **DR. SHAFAAI MUSA**, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank, setakat yang kami maklum, dengan ini mengesahkan bagi pihak ahli-ahli Jawatankuasa Syariah bahawa operasi Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 telah dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.



WAN RUMAIZI W.HUSIN @ ABDUL AZIZ
Pengerusi Jawatankuasa

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Jun 2025



DR. SHAFAAI MUSA
Ahli Jawatankuasa

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli Bank Pertanian Malaysia Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bank Pertanian Malaysia Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024 bagi Kumpulan dan Bank, serta penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti, dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Bank untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan maklumat dasar perakaunan yang penting, seperti yang dinyatakan pada halaman 201 hingga 344.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan ini memberikan gambaran yang benar dan wajar mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2024, serta prestasi kewangan dan aliran tunai mereka untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS, dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas pendapat

Kami telah menjalankan audit selaras dengan piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk dijadikan asas bagi pendapat audit kami.

Kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami adalah bebas daripada Kumpulan dan Bank selaras dengan Undang-undang Kecil (Mengenai Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kemerdekaan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah menunaikan tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para pengarah Bank bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain ini merangkumi Laporan Pengarah, Laporan Jawatankuasa Syariah, dan laporan tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Bank serta laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak merangkumi maklumat lain ini dan kami tidak memberi sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Berkaitan audit kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain tersebut dan, dengan demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu bercanggah secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Bank atau dengan pengetahuan yang diperoleh semasa audit atau kelihatan secara material mengandungi kesilapan.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami mendapati terdapat kesilapan material dalam maklumat lain ini, kami diwajibkan untuk melaporkan perkara tersebut. Dalam hal ini, tiada perkara berkaitan yang perlu dilaporkan.

Apabila membaca laporan tahunan, dan mendapati terdapat kesilapan material di dalamnya, kami diwajibkan untuk memaklumkan perkara tersebut kepada pengarah Bank dan mengambil tindakan yang sesuai.

Tanggungjawab pengarah terhadap penyata kewangan

Para pengarah Bank bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS, dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang bebas daripada kesilapan material, sama ada akibat penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, para pengarah bertanggungjawab menilai keupayaan Kumpulan dan Bank untuk meneruskan kelangsungan perniagaan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara berkaitan kelangsungan perniagaan dan menggunakan asas perakaunan kelangsungan perniagaan, melainkan para pengarah mempunyai niat untuk membubarkan Kumpulan atau Bank, atau menghentikan operasi, atau tiada alternatif realistik selain daripada berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli Bank Pertanian Malaysia Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

Tanggungjawab juruaudit ke atas audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Bank secara keseluruhan bebas daripada kesilapan material, sama ada akibat penipuan atau kesilapan, serta mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi ia bukanlah jaminan bahawa audit yang dijalankan adalah selaras dengan piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan bahawa Piawaian Audit Antarabangsa sentiasa dapat mengesan kesilapan material apabila ia wujud. Kesilapan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, ia boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang dijalankan selaras dengan piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko kesilapan material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank, sama ada akibat penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang bersesuaian dengan risiko tersebut, serta memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk dijadikan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan kesilapan material akibat penipuan adalah lebih tinggi berbanding akibat kesilapan biasa, kerana penipuan ini mungkin melibatkan persekongkolan, pemalsuan, pengabaian yang disengajakan, penyampaian maklumat palsu, atau pengabaian kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi merancang prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberi pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Bank.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan serta pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan kelangsungan perniagaan oleh para pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, menilai sama ada terdapat ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan terhadap keupayaan Kumpulan atau Bank untuk meneruskan kelangsungan perniagaan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat ketidakpastian material, kami diwajibkan untuk menekankan perkara tersebut dalam laporan juruaudit berkaitan pendedahan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, meminda pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit ini. Namun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan atau Bank berhenti meneruskan kelangsungan perniagaan.
- Menilai penyampaian keseluruhan, struktur, dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, termasuk pendedahan, serta sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Bank mencerminkan transaksi dan peristiwa asas dengan gambaran yang wajar.
- Merancang dan melaksanakan audit kumpulan bagi memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai mengenai maklumat kewangan entiti atau unit perniagaan dalam kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab terhadap arahan, penyeliaan, dan semakan kerja audit yang dilaksanakan untuk tujuan audit kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara lain, skop dan jadual audit yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kekurangan signifikan dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan semata-mata untuk ahli Bank, sebagai satu badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

ERNST & YOUNG PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Jun 2025

MUHAMMAD SYARIZAL ABDUL RAHIM
No. 03157/01/2027/J
Akauntan Bertauliah

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pendeposit dan lain-lain	6(a)	941,116	851,313	941,116	851,313
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pemegang saham	6(b)	284,701	271,192	284,701	271,192
Hasil khidmat Takaful	7	(380)	-	-	-
Peruntukan penjejasan	8	(84,309)	(70,486)	(84,309)	(70,486)
Jumlah pendapatan boleh agih		1,141,128	1,052,019	1,141,508	1,052,019
Pendapatan daripada pendeposit	9	(272,084)	(224,055)	(272,993)	(224,153)
Jumlah pendapatan bersih		869,044	827,964	868,515	827,866
Perbelanjaan kakitangan	10	(408,812)	(366,443)	(407,521)	(366,342)
Lain-lain overhead dan perbelanjaan	11	(228,619)	(210,816)	(228,564)	(210,808)
Kos kewangan	12	(43,651)	(35,460)	(43,651)	(35,460)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		187,962	215,245	188,779	215,256
Perbelanjaan cukai	13	(47,187)	(49,794)	(47,187)	(49,794)
Zakat	14	(4,719)	(5,381)	(4,719)	(5,381)
Keuntungan bersih bagi tahun		136,056	160,070	136,873	160,081
Pendapatan komprehensif/(perbelanjaan) lain:					
Item mungkin diklasifikasi semula sebagai untung atau rugi					
<u>Instrumen hutang pada nilai saksama menerusi</u>					
<u>pendapatan komprehensif lain ("FVOCI"):</u>					
Perubahan bersih pada nilai saksama semasa tahun kewangan		3,493	56,665	3,493	56,665
Klasifikasi semula sebagai untung atau rugi	8(e)	(26,878)	(18,226)	(26,878)	(18,226)
Perubahan dalam jangkaan kerugian kredit		(6,263)	(80)	(6,263)	(80)
Cukai pendapatan berkaitan hal-hal di atas		5,613	(9,225)	5,613	(9,225)
Jumlah item mungkin diklasifikasi semula sebagai untung atau rugi		(24,035)	29,134	(24,035)	29,134
Item yang tidak akan diklasifikasi semula					
sebagai untung atau rugi					
<u>Instrumen ekuiti pada FVOCI</u>					
Perubahan bersih pada nilai saksama semasa tahun kewangan		166	20	166	20
Cukai pendapatan berkaitan hal-hal di atas		(40)	(5)	(40)	(5)
Jumlah item yang tidak akan diklasifikasi semula sebagai untung atau rugi		126	15	126	15
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun, ditolak cukai		(23,909)	29,149	(23,909)	29,149
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		112,147	189,219	112,964	189,230

Nota-nota iringan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DIGABUNGKAN

setakat 31 Disember 2024

Kumpulan	Nota	31 Disember 2024 RM'000	Dinyata Semula 31 Disember 2023 RM'000	Dinyata Semula 1 Januari 2023 RM'000
ASET				
Tunai dan dana jangka pendek	15	2,553,251	3,113,749	2,053,211
Simpanan dengan institusi kewangan	16	-	57,000	-
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif ("FVOCI") lain	17 (a)	3,831,613	2,698,189	3,422,446
Aset kewangan pada kos dilunaskan ("AC")	17 (b)	314,022	264,559	49,977
Pembiayaan dan pendahuluan	18	15,379,785	14,250,633	13,528,150
Lain-lain pendahuluan	19	43	498	1,511
Lain-lain aset	20	136,902	141,703	136,193
Hartanah, loji, dan peralatan	23	157,177	152,943	144,701
Aset tidak ketara	24	32,307	29,881	23,593
Aset hak guna	25	30,155	28,698	28,335
Aset cukai tertunda	26	25,740	24,261	27,513
Aset sijil takaful semula	34	3,444	-	-
JUMLAH ASET		22,464,439	20,762,114	19,415,630
LIABILITI DAN EKUITI				
Liabiliti				
Deposit daripada pelanggan	27 (a)	8,655,660	8,507,547	8,518,883
Deposit dan simpanan di bank dan lain-lain institusi kewangan	27 (b)	4,544,202	3,259,648	2,616,137
Lain-lain liabiliti:				
Pelbagai pemiutang dan akruan	28 (a)	186,326	232,777	223,261
Skim pampasan kredit padi	28 (b)	1,517	1,667	1,773
Peruntukan jangkaan kerugian kredit ("ECL") untuk jaminan kewangan dan komitmen pembiayaan	28 (c)	6,480	10,091	7,436
Liabiliti sewa	25	23,648	22,283	22,053
Dana skim pembiayaan	29	3,790,006	3,516,852	3,290,893
Geran Kerajaan:				
Operasi	30	17,213	17,489	17,765
Pelancaran	31	1,424	1,436	1,464
Dana	32	1,257,521	1,325,681	1,022,541
Sukuk Wakalah	33	503,013	503,117	503,117
Liabiliti sijil Takaful	34	31,756	-	-
Jumlah Liabiliti		19,018,766	17,398,588	16,225,323
Ekuiti				
Modal saham	35	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Rizab	36 & 38	2,445,673	2,363,526	2,190,307
Jumlah Ekuiti		3,445,673	3,363,526	3,190,307
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		22,464,439	20,762,114	19,415,630
Komitmen dan luar jangka	39	1,305,858	1,277,293	796,849

Nota-nota iringan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

setakat 31 Disember 2024

Bank	Nota	31 Disember 2024 RM'000	Dinyata Semula 31 Disember 2023 RM'000	Dinyata Semula 1 Januari 2023 RM'000
Tunai dan dana jangka pendek	15	2,502,906	3,063,651	2,053,211
Simpanan dengan institusi kewangan	16	-	57,000	-
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi Pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")	17 (a)	3,831,613	2,698,189	3,422,446
Aset kewangan pada kos dilunaskan ("AC")	17 (b)	314,022	264,559	49,977
Pembiayaan dan pendahuluan	18	15,379,785	14,250,633	13,528,150
Lain-lain pendahuluan	19	43	498	1,511
Lain-lain aset	20	136,902	141,703	136,193
Pelaburan dalam anak syarikat	21	50,000	50,000	-
Jumlah belum terima daripada anak syarikat	22	2,065	109	-
Hartanah, loji, dan peralatan	23	157,177	152,943	144,701
Aset tidak ketara	24	31,435	29,881	23,593
Aset hak guna	25	30,155	28,698	28,335
Aset cukai tertunda	26	25,740	24,261	27,513
JUMLAH ASET		22,461,843	20,762,125	19,415,630
LIABILITI DAN EKUITI				
Liabiliti				
Deposit daripada pelanggan	27 (a)	8,706,121	8,507,547	8,518,883
Deposit dan simpanan di bank dan lain-lain institusi kewangan	27 (b)	4,544,202	3,259,648	2,616,137
Lain-lain liabiliti:				
Pelbagai pemiutang dan akruan	28 (a)	183,394	232,777	223,261
Skim pampasan kredit padi	28 (b)	1,517	1,667	1,773
Peruntukan jangkaan kerugian kredit ("ECL") untuk jaminan kewangan dan Komitmen pembiayaan	28 (c)	6,480	10,091	7,436
Liabiliti sewa	25	23,648	22,283	22,053
Dana skim pembiayaan	29	3,790,006	3,516,852	3,290,893
Geran Kerajaan:				
Operasi	30	17,213	17,489	17,765
Pelancaran	31	1,424	1,436	1,464
Dana	32	1,238,324	1,325,681	1,022,541
Sukuk Wakalah	33	503,013	503,117	503,117
Jumlah Liabiliti		19,015,342	17,398,588	16,225,323
Ekuiti				
Modal saham	35	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Rizab	36 & 38	2,446,501	2,363,537	2,190,307
Jumlah Ekuiti		3,446,501	3,363,537	3,190,307
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		22,461,843	20,762,125	19,415,630
Komitmen dan luar jangka	39	1,305,858	1,277,293	796,849

Nota-nota iringan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DIGABUNGKAN

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Kumpulan	Rizab tak boleh agih				Rizab boleh agih	Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	FVOCI tertahan RM'000	Pendapatan kawal selia RM'000	Pendapatan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2024	1,000,000	487,109	32,410	34,951	1,809,056	3,363,526
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	136,056	136,056
Lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun	-	-	(23,909)	-	-	(23,909)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(23,909)	-	136,056	112,147
Dividen dibayar (Nota 37)	-	-	-	-	(30,000)	(30,000)
Pada 31 Disember 2024	1,000,000	487,109	8,501	34,951	1,915,112	3,445,673
Pada 1 Januari 2023, seperti dinyatakan terdahulu	1,000,000	487,109	3,261	34,951	1,707,253	3,232,574
Pelarasan tahun sebelum (Nota 38)*	-	-	-	-	(42,267)	(42,267)
Pada 1 Januari 2023, seperti dinyatakan semula	1,000,000	487,109	3,261	34,951	1,664,986	3,190,307
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	160,070	160,070
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	29,149	-	-	29,149
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	29,149	-	160,070	189,219
Dividen dibayar (Nota 37)	-	-	-	-	(16,000)	(16,000)
Pada 31 Disember 2023	1,000,000	487,109	32,410	34,951	1,809,056	3,363,526

* Yuran penyimpanan diiktiraf berdasarkan konsep Syariah Ujrah, berkaitan perkhidmatan Ar-Rahnu yang diberikan.

Nota-nota iringan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Bank	Rizab tak boleh agih				Rizab boleh agih	Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	FVOCI tertahan RM'000	Pendapatan kawal selia RM'000	Pendapatan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2024, seperti dinyatakan semula	1,000,000	487,109	32,410	34,951	1,809,067	3,363,537
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	136,873	136,873
Lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun	-	-	(23,909)	-	-	(23,909)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(23,909)	-	136,873	112,964
Dividen dibayar (Nota 37)	-	-	-	-	(30,000)	(30,000)
Pada 31 Disember 2024	1,000,000	487,109	8,501	34,951	1,915,940	3,446,501
Pada 1 Januari 2023, seperti dinyatakan terdahulu	1,000,000	487,109	3,261	34,951	1,707,253	3,232,574
Pelarasan tahun sebelum (Nota 38)*	-	-	-	-	(42,267)	(42,267)
Pada 1 Januari 2023, seperti dinyatakan semula	1,000,000	487,109	3,261	34,951	1,664,986	3,190,307
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	-	160,081	160,081
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	29,149	-	-	29,149
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	29,149	-	160,081	189,230
Dividen dibayar (Nota 37)	-	-	-	-	(16,000)	(16,000)
Pada 31 Disember 2023	1,000,000	487,109	32,410	34,951	1,809,067	3,363,537

* Yuran penyimpanan diiktiraf berdasarkan konsep Syariah Ujrah, berkaitan perkhidmatan Ar-Rahnu yang diberikan.

Nota-nota iringan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Kumpulan		Bank	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	187,962	215,245	188,779	215,256
Pelarasan bagi:				
Peruntukan rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan	135,078	104,446	135,078	104,446
Pembalikan rosot nilai ke atas lain-lain pendahuluan (Pembalikan)/peruntukan rosot nilai ke atas jaminan kewangan dan komitmen pembiayaan	(39) (3,611)	(34) 2,655	(39) (3,611)	(34) 2,655
(Pembalikan)/peruntukan rosot nilai ke atas lain-lain aset	(582)	75	(582)	75
Pembalikan rosot nilai aset kewangan pada FVOCI	(6,263)	(80)	(6,263)	(80)
Peruntukan rosot nilai ke atas aset kewangan pada AC	8	28	8	28
Susut nilai hartanah, loji, dan peralatan	31,416	28,408	31,416	28,408
Susut nilai aset hak guna	11,190	10,326	11,190	10,326
Pelunasan perisian komputer	18,572	16,562	18,475	16,562
Hapus kira hartanah, loji, dan peralatan	29	23	29	23
Pertambahan diskaun ditolak pelunasan premium	5,570	1,222	5,570	1,222
Keuntungan pelupusan aset kewangan pada FVOCI (Kerugian)/pendapatan dividen kasar daripada aset kewangan pada FVOCI	(26,878) 166	(18,226) (8)	(26,878) 166	(18,226) (8)
Pelunasan dan penggunaan geran Kerajaan:				
Geran Kerajaan – Operasi	(276)	(276)	(276)	(276)
Geran Kerajaan – Pelancaran	(12)	(28)	(12)	(28)
Geran Kerajaan – Dana	(10,792)	1,963	(10,792)	1,963
Kos kewangan	40,686	34,532	40,686	34,532
Kos kewangan untuk liabiliti sewa	1,186	928	1,186	928
Kos kewangan untuk peruntukan penyataan semula	272	254	272	254
Sekuriti dijual di bawah Perjanjian Pembelian Semula	1,779	-	1,779	-
Keuntungan daripada penilaian semula aset hak guna	92	-	92	-
Peruntukan skim manfaat persaraan	(126)	(228)	(126)	(228)
Pembalikan/(penggunaan) Pendapatan Bukan Syariah ("NSI")	101	(77)	101	(77)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	385,528	397,710	386,248	397,721
Perubahan dalam pembiayaan dan pendahuluan	(1,264,230)	(826,929)	(1,264,230)	(826,929)
Perubahan dalam lain-lain pendahuluan	494	1,047	494	1,047
Perubahan dalam lain-lain aset	5,383	(5,585)	5,383	(5,585)
Perubahan dalam jumlah belum bayar daripada anak syarikat	-	-	(1,956)	(109)
Perubahan dalam aset sijil takaful semula	(3,444)	-	-	-
Perubahan dalam simpanan di institusi kewangan	57,000	(57,000)	57,000	(57,000)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	148,113	(11,336)	198,574	(11,336)
Perubahan dalam deposit dan simpanan di bank dan lain-lain institusi kewangan	1,284,554	643,511	1,284,554	643,511
Perubahan dalam pelbagai pemiutang dan akruan	(36,653)	(2,744)	(39,585)	(2,744)
Perubahan dalam skim pampasan kredit padi	(150)	(106)	(150)	(106)
Perubahan dalam liabiliti sijil takaful	953	-	-	-
Tunai dijana daripada aktiviti operasi	577,548	138,568	626,332	138,470
Cukai dibayar	(56,960)	(45,527)	(56,960)	(45,527)
Zakat dibayar	(2,027)	(4,318)	(2,027)	(4,318)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	518,561	88,723	567,345	88,625

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Kumpulan		Bank	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian aset kewangan pada FVOCI	(4,673,475)	(208,855)	(4,673,475)	(208,855)
Pembelian aset kewangan pada kos pelunasan	(110,189)	(214,650)	(110,189)	(214,650)
Suntikan modal untuk anak syarikat	-	-	-	(50,000)
Hasil daripada pelupusan aset kewangan pada FVOCI	3,538,140	988,575	3,538,140	988,575
Hasil daripada pelupusan aset kewangan pada AC	60,718	40	60,718	40
Dividen diterima daripada aset kewangan pada FVOC	(166)	8	(166)	8
Pembelian hartanah, loji, dan peralatan	(35,679)	(36,673)	(35,679)	(36,673)
Pembelian perisian komputer	(20,998)	(22,850)	(20,029)	(22,850)
Tunai bersih (digunakan)/dijana daripada aktiviti pelaburan	(1,241,649)	505,595	(1,240,680)	455,595
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran liabiliti sewa	(11,430)	(10,384)	(11,430)	(10,384)
Dana tambahan diterima untuk dana skim pembiayaan	548,202	551,446	548,202	551,446
Pembayaran dana skim pembiayaan	(359,836)	(328,143)	(359,836)	(328,143)
Keuntungan dibayar atas dana skim pembiayaan	(13,451)	(11,739)	(13,451)	(11,739)
Dana tambahan diterima untuk geran kerajaan - dana	50,000	300,000	-	300,000
Keuntungan dibayar atas terbitan Sukuk Wakalah	(19,116)	(18,960)	(19,116)	(18,960)
Hasil daripada perjanjian pembelian semula	911,639	-	911,639	-
Pembayaran semula perjanjian pembelian semula	(913,418)	-	(913,418)	-
Dividen dibayar	(30,000)	(16,000)	(30,000)	(16,000)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan	162,590	466,220	112,590	466,220
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN SETARA TUNAI	(560,498)	1,060,538	(560,745)	1,010,440
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN	3,113,749	2,053,211	3,063,651	2,053,211
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2,553,251	3,113,749	2,502,906	3,063,651
TUNAI DAN SETARA TUNAI TERDIRI DARIPADA:				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 15)	2,553,251	3,113,749	2,502,906	3,063,651

Nota-nota iringan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

1. MAKLUMAT KORPORAT

Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Bank") adalah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Pejabat berdaftar Bank terletak di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia. Tempat utama perniagaan Bank adalah di Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia.

Syarikat induk Bank adalah Kementerian Kewangan (Diperbadankan), dipegang bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Kegiatan utama Bank adalah perbankan Islami, pembiayaan, pelaburan, dan yang berkaitan sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad, 2008.

Kegiatan utama anak-anak syarikat dibentangkan pada Nota 21.

Gabungan penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Jun 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan. Kumpulan dan Bank membentangkan penyata kedudukan kewangan.

2.1 Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), dan semua keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Operasi Takaful anak syarikat dan dana-dananya

Dana Takaful disatukan dan digabungkan mulai tarikh kawalan diperoleh dan terus disatukan sehingga kawalan tersebut tamat, iaitu apabila lesen anak syarikat untuk menguruskan perniagaan Takaful ditarik balik atau dikembalikan.

Di bawah konsep Takaful, individu menyumbang ke dalam satu tabung yang diuruskan oleh pihak ketiga, dengan matlamat keseluruhan untuk menggunakan dana tersebut bagi menyokong peserta ketika diperlukan. Sebagai Pengendali Takaful, anak syarikat menguruskan dana Takaful Am selaras dengan prinsip Wakalah (agensi), iaitu model perniagaan utama yang digunakan oleh anak syarikat. Di bawah model Wakalah, Pengendali Takaful bukanlah peserta dalam dana tersebut tetapi menguruskannya (termasuk aset dan liabiliti berkaitan) bagi tujuan yang dinyatakan di atas.

Selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, aset dan liabiliti dana Takaful diasingkan daripada aset dan liabiliti Pengendali Takaful, konsep yang dikenali sebagai pengasingan dana. Namun, menurut keperluan MFRS 10 Penyata Kewangan Digabungkan, aset, liabiliti, pendapatan, dan perbelanjaan dana Takaful disatukan dengan Pengendali Takaful bagi mencerminkan kawalan yang dimiliki oleh pengendali terhadap dana berkenaan.

2.2 Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi Kumpulan dan Bank, dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 Perubahan dalam pembentangan

Bermula 1 Julai 2015, Bank telah menjadi bank Islam sepenuhnya. Pembentangan penyata kewangan mematuhi Garis Panduan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Kewangan Pembangunan yang dikeluarkan oleh BNM.

Baki pinjaman konvensional dan aset yang tidak patuh Syariah kini dipaparkan sebagai butiran berasingan pada muka penyata kedudukan kewangan dan dirujuk sebagai 'Lain-lain Pendahuluan'.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Perubahan dalam dasar-dasar dan pendedahan perakaunan

(a) Piawaian dan Tafsiran Baharu dan Dipinda

Dasar perakaunan yang digunakan adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2024, Kumpulan dan Bank telah menggunakan piawaian MFRS baharu dan dipinda berikut yang diwajibkan bagi tempoh kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2024.

Penerangan	Berkuatkuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas
Liabiliti Sewa dalam Jual dan Sewa Balik (Pindaan kepada MFRS 16 Sewa)	1 Januari 2024
Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa dan Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan (Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan)	1 Januari 2024
Perjanjian Pembiayaan Pembekal (Pindaan kepada MFRS 107 Penyata Aliran Tunai dan MFRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan)	1 Januari 2024
Penggunaan MFRS dan pindaan kepada MFRS di atas tidak memberi sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan semasa.	

(b) Piawaian yang Dikeluarkan tetapi Belum Berkuatkuasa

Berikut adalah piawaian dan tafsiran yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank bercadang untuk menggunakan piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa kelak.

Penerangan	Berkuatkuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas
Kekurangan Kebolehtukaran (Pindaan kepada MFRS 121)	1 Januari 2025
Pindaan kepada MFRS 1: Penggunaan Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia	
Pindaan kepada FRS 7: Instrumen Kewangan – Pendedahan	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 9: Instrumen Kewangan	1 Januari 2026
Pindaan kepada MFRS 10: Penyata Kewangan Digabungkan	
Pindaan kepada MFRS 107: Penyata Aliran Tunai	1 Januari 2026
MFRS 18: Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan (Penggantian kepada MFRS 101: Penyampaian Penyata Kewangan)	1 Januari 2027
Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan (Pindaan kepada MFRS 9: Instrumen Kewangan dan MFRS 7: Instrumen Kewangan – Pendedahan)	1 Januari 2027
MFRS 19: Anak Syarikat tanpa Akauntabiliti Awam – Pendedahan (Penggantian kepada MFRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan)	1 Januari 2027

Piawaian-piawaian ini dijangka tidak memberi kesan ketara terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan Dasar Perakaunan Penting

(a) Asas perakaunan

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

(b) Anak-anak syarikat

Anak syarikat adalah entiti di mana Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas, pulangan yang berubah-ubah daripada penglibatannya dengan pelaburan tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasa ke atas pelaburan itu. Secara khusus, Kumpulan mengawal sesuatu pelaburan jika dan hanya jika Kumpulan mempunyai:

- Kuasa ke atas pelaburan, iaitu hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan pelaburan tersebut;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan yang berubah-ubah daripada penglibatan dengan pelaburan tersebut; dan
- Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan bagi mempengaruhi pulangan.

Apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau hak serupa pelaburan, Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang relevan bagi menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa ke atas pelaburan tersebut, termasuk:

- Perjanjian kontrak dengan pemegang undi lain pelaburan;
- Hak yang timbul daripada perjanjian kontrak lain; dan
- Hak mengundi dan potensi hak mengundi Kumpulan.

Kumpulan menilai semula sama ada ia mengawal sesuatu pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan. Dalam penyata kewangan berasingan Bank, pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos selepas ditolak sebarang kerugian susut nilai. Apabila pelaburan tersebut dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan baki perolehan pelaburan termasuk dalam penyata untung rugi. Dividen yang diterima daripada anak syarikat direkodkan sebagai komponen pendapatan dalam penyata untung rugi berasingan Bank.

(c) Asas penggabungan

Penyata kewangan yang digabungkan merangkumi penyata kewangan Bank dan anak syarikatnya pada tarikh pelaporan. Penyata kewangan anak syarikat disediakan bagi tarikh pelaporan yang sama seperti Bank.

Anak syarikat digabungkan mulai tarikh pemerolehan, iaitu tarikh Kumpulan memperoleh kawalan, dan terus digabungkan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam penyediaan penyata kewangan gabungan, baki intrakumpulan, transaksi, dan keuntungan atau kerugian belum direalisasikan dilupuskan sepenuhnya. Dasar perakaunan yang seragam digunakan dalam penyata kewangan gabungan bagi transaksi dan peristiwa yang serupa dalam keadaan yang sama.

(d) Pengiktirafan pendapatan

(i) Pendapatan Keuntungan

Pendapatan keuntungan diiktiraf bagi semua aset kewangan berpendapatan keuntungan yang diklasifikasi sebagai pelaburan hutang pada FVOCI, pelaburan hutang pada kos dilunaskan, dan pembiayaan serta pendahuluan menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

Kaedah keuntungan berkesan ialah kaedah pengiraan kos dilunaskan bagi sesuatu aset atau liabiliti kewangan (atau kumpulan aset dan liabiliti) dan pengagihan pendapatan atau perbelanjaan keuntungan sepanjang tempoh berkaitan. Kadar keuntungan berkesan ialah kadar yang digunakan untuk mendiskaun pembayaran atau penerimaan tunai masa depan yang dijangka sepanjang hayat instrumen kewangan, atau apabila sesuai, bagi tempoh yang lebih pendek, kepada jumlah perolehan kasar instrumen tersebut. Penggunaan kaedah ini berkesan dalam mengiktiraf pendapatan yang diterima atau perbelanjaan yang perlu dibayar ke atas instrumen secara sama rata mengikut baki tertunggak sepanjang tempoh matang atau tempoh pembayaran.

Dalam mengira keuntungan berkesan, Kumpulan dan Bank menganggarkan aliran tunai dengan mengambilkira semua terma kontrak instrumen kewangan tetapi tidak termasuk kerugian kredit masa depan. Yuran, termasuk yuran penebusan awal, dimasukkan dalam pengiraan setakat boleh diukur dan dianggap sebagai sebahagian daripada kadar keuntungan berkesan. Aliran tunai yang timbul daripada kos langsung dan tambahan pengeluaran instrumen kewangan juga diambil kira dalam pengiraan. Apabila aliran tunai atau jangka hayat instrumen kewangan tidak dapat dianggarkan dengan boleh dipercayai, keuntungan berkesan dikira dengan merujuk kepada pembayaran atau penerimaan yang dinyatakan dalam kontrak dan tempoh kontrak penuh.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(d) Pengiktirafan pendapatan

(ii) Murabahah dan Tawarruq

Pendapatan Murabahah dan Tawarruq diiktiraf berdasarkan kadar keuntungan berkesan sepanjang tempoh kontrak berdasarkan jumlah pembiayaan yang disalurkan.

(iii) Bai-Al Inah dan Bai-Bithaman Ajil

Pendapatan Bai' Al-Inah dan Bai' Bithaman Ajil diiktiraf berdasarkan kadar keuntungan berkesan sepanjang tempoh kontrak bagi jumlah pembiayaan.

(iv) Ijarah

Pendapatan Ijarah diiktiraf berdasarkan kadar keuntungan berkesan dengan mengambilkira nilai baki dan tempoh kontrak.

(v) Ujrah

Pendapatan Ujrah diiktiraf berdasarkan kadar keuntungan berkesan dengan mengambil kira nilai baki dan tempoh kontrak.

(vi) Yuran dan komisen

Yuran pemprosesan pembiayaan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan perjanjian kontrak. Yuran perkhidmatan korporat berkaitan kerajaan ("GLC") diiktiraf secara ansuran mengikut terma perjanjian.

Yuran dan komisen secara amnya diiktiraf secara ansuran apabila perkhidmatan telah diberikan. Yuran ini termasuk yuran perkhidmatan perbankan dan yuran Ar-Rahnu.

(vii) Pendapatan dividen

Dividen diiktiraf apabila wujudnya hak untuk menerima bayaran.

(viii) Pendapatan sewa

Dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

(ix) Pendapatan daripada kontrak dengan pelanggan

Pendapatan diiktiraf apabila Kumpulan memenuhi tanggungjawab prestasi dengan memindahkan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan. Secara amnya, pemenuhan tanggungjawab prestasi berlaku apabila/ketika kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan dipindahkan kepada pelanggan. Kawalan boleh ditakrifkan sebagai keupayaan untuk mengarahkan penggunaan aset dan memperoleh hampir semua manfaat yang tinggal daripada aset tersebut. Kawalan juga termasuk keupayaan untuk menghalang entiti lain daripada mengarahkan penggunaan dan memperoleh manfaat daripada aset itu.

Bagi setiap tanggungjawab prestasi yang berasingan, Kumpulan perlu menentukan sama ada tanggungjawab prestasi itu dipenuhi dengan memindahkan kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan secara beransur-ansur. Jika tanggungjawab prestasi tidak dipenuhi secara beransur-ansur, ia dipenuhi pada satu titik masa tertentu.

Apabila tanggungjawab prestasi dipenuhi, Kumpulan akan mengiktiraf pendapatan bagi jumlah harga transaksi (yang tidak termasuk anggaran imbuhan berubah-ubah yang dibatasi, yang diperuntukkan kepada tanggungjawab prestasi tersebut).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(e) Geran Kerajaan

Geran kerajaan diiktiraf pada nilai wajar apabila terdapat keyakinan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat yang berkaitan akan dipenuhi. Geran daripada Kerajaan Malaysia terdiri daripada perkara-perkara berikut:

(i) Geran Kerajaan - Operasi (Nota 30)

Geran operasi yang diterima untuk perbelanjaan modal diiktiraf sebagai geran modal tertanggung dalam penyata kedudukan kewangan. Geran tersebut dilunaskan ke dalam penyata untung rugi secara sistematik sepanjang hayat berguna aset. Geran operasi untuk perbelanjaan pembangunan ditolak daripada geran operasi apabila digunakan.

(ii) Geran Kerajaan - Pelancaran (Nota 31)

Geran pelancaran yang diterima untuk perbelanjaan modal diiktiraf sebagai geran modal tertanggung dalam penyata kedudukan kewangan. Geran tersebut dilunaskan ke dalam penyata untung rugi secara sistematik sepanjang hayat berguna aset. Geran pelancaran untuk perbelanjaan pembangunan ditolak daripada geran pelancaran apabila digunakan.

(iii) Geran Kerajaan - Dana (Nota 32 (a) - (o))

Geran kerajaan yang diterima bagi menyediakan pembiayaan kepada pelanggan yang layak dan subsidi kepada petani padi yang layak di bawah program STTP diiktiraf sebagai geran modal tertanggung dalam penyata kedudukan kewangan. Geran kerajaan ini juga digunakan untuk menampung kerugian kredit dan caj yang timbul daripada pembiayaan tersebut.

(iv) Geran Kerajaan - dana skim pembiayaan (Nota 32 (p) - (ai))

Manfaat dana skim pembiayaan pada kadar keuntungan di bawah pasaran dianggap sebagai geran kerajaan. Dana skim pembiayaan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan dan diukur mengikut MFRS 9 Instrumen Kewangan ("MFRS 9"). Geran kerajaan bagi dana skim pembiayaan diukur pada awalnya sebagai perbezaan antara nilai perolehan awal pembiayaan kerajaan yang ditentukan mengikut MFRS 9 dengan hasil yang diterima. Geran kerajaan bagi dana skim pembiayaan diiktiraf dalam penyata untung rugi (Nota 12) secara sistematik sepanjang tempoh di mana Kumpulan dan Bank mengiktirafnya sebagai perbelanjaan kos berkaitan yang dimaksudkan untuk ditampung oleh geran tersebut.

(f) Aset kewangan

(1) Klasifikasi

Kumpulan dan Bank mengklasifikasi aset kewangannya seperti berikut:

- Aset yang akan diukur pada nilai wajar (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") atau melalui untung rugi ("FVTPL")); dan
- Aset yang akan diukur pada kos pelunasan.

(2) Pengiktirafan dan nyah-pengiktirafan

Pembelian dan penjualan aset kewangan secara biasa diiktiraf pada tarikh penyelesaian, iaitu tarikh di mana Kumpulan dan Bank menyelesaikan komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan dinyah-iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah tamat atau telah dipindahkan, dan Kumpulan serta Bank telah memindahkan hampir semua risiko dan ganjaran pemilikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

(3) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangannya pada nilai saksama ditambah, bagi aset kewangan yang bukan pada FVTPL, dengan kos transaksi yang secara langsung boleh diperuntukkan kepada pemerolehan aset kewangan tersebut.

Model perniagaan

Model perniagaan mencerminkan bagaimana Kumpulan dan Bank menguruskan aset bagi menjana aliran tunai. Ia merangkumi sama ada objektif Kumpulan dan Bank adalah semata-mata untuk mengutip aliran tunai kontraktual daripada aset atau untuk mengutip aliran tunai kontraktual dan aliran tunai daripada penjualan aset. Jika tiada satu pun yang terpakai (contohnya, aset kewangan dipegang untuk tujuan dagangan), aset kewangan tersebut diklasifikasi sebagai sebahagian daripada model perniagaan "lain" dan diukur pada FVTPL. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Kumpulan dan Bank dalam menentukan model perniagaan bagi sekumpulan aset termasuk: pengalaman lepas tentang bagaimana aliran tunai aset tersebut dikutip, bagaimana prestasi aset dinilai dan dilaporkan kepada pengurusan utama, bagaimana risiko dinilai dan diurus, serta bagaimana pengurus diberikan pampasan. Sebagai contoh, model perniagaan Kumpulan dan Bank bagi buku pembiayaan gadai janji adalah dipegang untuk mengutip aliran tunai kontraktual. Contoh lain ialah portfolio kecairan aset, yang dipegang oleh Kumpulan dan Bank sebagai sebahagian daripada pengurusan kecairan dan biasanya diklasifikasi dalam model perniagaan pegangan untuk disimpan dan dijual. Sekuriti yang dipegang untuk tujuan dagangan dipegang terutamanya untuk dijual dalam masa terdekat atau merupakan sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang diurus bersama dan bagi mana terdapat bukti corak sebenar pengambilan untung jangka pendek baru-baru ini. Sekuriti ini diklasifikasikan dalam model perniagaan "lain" dan diukur pada FVTPL.

"Solely Payments of Principal and Profit Test" ("SPPP")

Apabila model perniagaan bertujuan menahan aset dan mengutip aliran tunai kontraktual atau mengutip aliran tunai kontraktual dan menjual aset, Kumpulan dan Bank menilai sama ada aliran tunai instrumen kewangan tersebut hanya terdiri daripada pembayaran modal dan keuntungan ("ujian SPPP"). Dalam membuat penilaian ini, Kumpulan dan Bank mempertimbangkan sama ada aliran tunai kontraktual adalah selaras dengan susunan pembiayaan asas, iaitu keuntungan yang hanya merangkumi imbalan bagi nilai masa wang, risiko kredit, risiko asas pembiayaan lain, dan margin keuntungan yang konsisten dengan susunan pembiayaan asas. Sekiranya terma kontraktual memberi pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak selaras dengan susunan pembiayaan asas, aset kewangan yang berkaitan akan diklasifikasi dan diukur pada FVTPL.

Instrumen hutang

Pengukuran seterusnya bagi instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Bank dalam menguruskan aset tersebut serta ciri-ciri aliran tunai aset. Kumpulan dan Bank mengklasifikasi semula pelaburan hutang hanya apabila model perniagaan untuk menguruskan aset-aset tersebut berubah.

Terdapat tiga kategori pengukuran di mana Kumpulan dan Bank mengklasifikasi instrumen hutangnya:

(i) Kos dilunaskan

Aset yang dipegang untuk mengutip aliran tunai kontraktual, di mana aliran tunai tersebut mewakili SPPP, diukur pada kos dilunaskan. Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini diiktiraf menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada nyah-pengiktirafan diiktiraf terus dalam penyata untung rugi. Kerugian susut nilai dibentangkan sebagai baris berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif.

(ii) Nilai saksama menerusi lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI")

Aset yang dipegang untuk mengutip aliran tunai kontraktual dan untuk dijual, di mana aliran tunai aset tersebut mewakili SPPP, diukur pada FVOCI. Pergerakan dalam amaun tercatat diambil melalui pendapatan komprehensif lain (OCI), kecuali bagi pengiktirafan untung atau rugi susut nilai, pendapatan keuntungan, dan untung rugi pertukaran asing, yang diiktiraf dalam penyata untung rugi. Apabila aset kewangan dinyah-iktiraf, untung atau rugi terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI akan diklasifikasi semula dari ekuiti ke dalam untung rugi. Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini termasuk dalam "pendapatan keuntungan" menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan. Kerugian susut nilai dibentangkan sebagai baris berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif.

(iii) Nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos dilunaskan atau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan dan Bank juga boleh menetapkan aset kewangan pada FVTPL jika ini secara signifikan mengurangkan atau menghapuskan ketidaksesuaian yang timbul akibat aset dan liabiliti diukur menggunakan kaedah berbeza. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata untung rugi bagi tempoh di mana ia timbul.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

(3) Pengukuran (sambungan)

Instrumen ekuiti

Kumpulan dan Bank mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai wajar. Sekiranya pengurusan Kumpulan dan Bank memilih untuk membentangkan untung dan rugi nilai wajar pelaburan ekuiti dalam OCI, tiada pengelasan semula untung dan rugi nilai wajar ke dalam untung rugi dilakukan selepas nyah-iktiraf pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

Perubahan nilai wajar aset kewangan pada FVTPL diiktiraf dalam 'untung dan rugi bersih ke atas instrumen kewangan' dalam penyata pendapatan komprehensif.

(4) Pengukuran lanjut – Susut nilai

Susut nilai bagi instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan

Kumpulan dan Bank menilai secara berwawasan jangkaan kerugian kredit ("ECL") berkaitan instrumen hutang yang dipegang pada kos dilunaskan dan FVOCI serta kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan. Metodologi susut nilai yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

ECL adalah anggaran berwajaran perbezaan antara nilai kini aliran tunai mengikut kontrak dan nilai terkini aliran tunai yang dijangka diterima oleh Kumpulan dan Bank sepanjang tempoh baki hayat instrumen kewangan. Bagi kontrak jaminan kewangan, ECL adalah perbezaan antara bayaran yang dijangka dibuat untuk mengganti pemegang instrumen hutang yang dijamin dengan sebarang jumlah yang dijangka diterima oleh Kumpulan dan Bank daripada pemegang, pelanggan, atau mana-mana pihak lain.

Pengukuran ECL mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan berwajaran, yang ditentukan melalui penilaian pelbagai kemungkinan hasil;
- nilai mata wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dibuktikan, yang tersedia tanpa kos atau usaha berlebihan pada tarikh pelaporan mengenai peristiwa lalu, keadaan semasa, dan ramalan mengenai keadaan ekonomi masa hadapan.

(i) Pendekatan am 3-peringkat

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Bank mengukur ECL melalui peruntukan kerugian pada jumlah bersamaan 12 bulan ECL 12 sekiranya risiko kredit ke atas sesuatu instrumen kewangan atau sekumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, peruntukan kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan ECL sepanjang hayat adalah diperlukan. Kumpulan dan Bank menggunakan pendekatan 3 peringkat bagi instrumen hutang yang diukur pada kos dilunaskan dan FVOCI, kecuali bagi instrumen yang menggunakan pendekatan mudah, seperti yang diterangkan di bawah.

(ii) Pendekatan mudah

Kumpulan dan Bank menggunakan pendekatan mudah MFRS 9 untuk mengukur ECL, yang mana menggunakan ECL sepanjang hayat bagi penghutang perdagangan, aset lain, dan penghutang Takaful.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

Peningkatan ketara dalam risiko kredit ("SICR")

Kumpulan dan Bank mengambilkira kebarangkalian kegagalan pembayaran semula semasa pengiktirafan awal aset dan menilai sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang tempoh pelaporan. Untuk menilai perkara ini, Kumpulan dan Bank membandingkan risiko kegagalan bayaran semula aset pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan bayaran semula pada tarikh pengiktirafan awal. Kumpulan dan Bank juga mengambil kira maklumat berdaya maju dan munasabah.

Petunjuk berikut diambil kira:

- Penarafan kredit luaran (setakat yang berkenaan);
- Perubahan ketara dalam jangkaan prestasi dan tingkah laku pelanggan, termasuk perubahan dalam status pembayaran pelanggan kepada Kumpulan dan Bank, penglibatan dalam aktiviti penipuan, pembatalan projek, dan perubahan dalam keputusan operasi pelanggan;
- Perubahan negatif yang sebenar atau dijangka dalam keadaan perniagaan, kewangan, atau ekonomi yang menyebabkan perubahan ketara terhadap kemampuan pelanggan/penerbit untuk memenuhi obligasinya;
- Perubahan sebenar atau dijangka yang ketara dalam keputusan operasi pelanggan;
- Peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain milik pelanggan yang sama; dan
- Perubahan ketara dalam nilai cagaran yang menyokong obligasi tersebut.

Tanpa mengambilkira analisis di atas, peningkatan ketara dalam risiko kredit dianggap wujud sekiranya pelanggan/penerbit mempunyai bayaran tertunggak lebih daripada 30 hari atau 1 bulan.

Takrif gagal bayar dan susut nilai kredit untuk aset kewangan

Kumpulan dan Bank mentakrif sesuatu instrumen kewangan sebagai gagal bayar, selaras dengan takrif susut nilai kredit, apabila ia memenuhi satu atau lebih penunjuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada kriteria berikut:

- pelanggan dijangka tidak akan membayar obligasi kreditnya kepada Kumpulan dan Bank sepenuhnya, tanpa tindakan lanjut oleh Kumpulan dan Bank seperti menyita cagaran (sekiranya ada);
- pelanggan lewat membayar lebih daripada 3 bulan bagi sebarang obligasi kredit material kepada Kumpulan dan Bank;
- pelanggan lewat membayar lebih daripada 90 hari selepas tarikh matang bagi kemudahan kewangan perdagangan dan kemudahan kredit berulang;
- Petisyen kebangkrutan atau likuidasi;
- Penipuan akaun;
- Dijadual semula dan/atau distruktur semula (R&R) bagi akaun susut nilai; atau
- Syarikat di bawah PN17 – Syarikat tersenarai dengan masalah kewangan seperti dikenalpasti oleh Bursa Malaysia.

Bagi menilai kes gagal bayar, Kumpulan dan Bank menggunakan penunjuk berikut:

- kualitatif – contoh: pelanggaran perjanjian;
- kuantitatif – contoh: status tertunggak dan kegagalan membayar obligasi lain daripada penerbit yang sama kepada Kumpulan dan Bank; dan
- berdasarkan data dalaman dan luaran.

Input penilaian sama ada sesuatu instrumen kewangan berstatus gagal bayar dan kepentingannya boleh berubah dari semasa ke semasa bagi mencerminkan perubahan keadaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

Takrif gagal bayar dan susut nilai kredit untuk aset kewangan (sambungan)

Kumpulan dan Bank terlebih dahulu menilai sama ada terdapat bukti objektif susut nilai aset kewangan secara individu dan signifikan. Sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai bukti objektif susut nilai kredit, bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, ECL jangka hayat akan diiktiraf.

Aset kewangan yang dinilai secara individu dan signifikan tanpa susut nilai kredit, dan yang tidak signifikan secara individu, akan diklasifikasi berdasarkan ciri risiko kredit yang serupa (seperti kualiti kredit, jenis instrumen, penarafan risiko kredit, penggunaan kredit, jenis pelanggan, dan faktor relevan lain) untuk penilaian kolektif.

Dasar hapus kira

Kumpulan dan Bank menghapus kira aset kewangan, sepenuhnya atau sebahagiannya, apabila semua usaha pemulihan praktikal telah dilakukan dan kesimpulan dicapai bahawa tiada jangkaan pemulihan yang munasabah.

Penunjuk bahawa tiada jangkaan pemulihan yang munasabah termasuk:

- pemberhentian aktiviti penguatkuasaan; dan
- apabila kaedah pemulihan Kumpulan dan Bank melibatkan penyitaan cagaran dan nilai cagaran tersebut sehingga tiada jangkaan munasabah untuk pemulihan penuh.

Pengubahsuaian pembiayaan

Kumpulan dan Bank kadangkala merunding semula atau mengubah aliran tunai kontrak pembiayaan pelanggan. Apabila ini berlaku, Bank menilai sama ada terma baru tersebut berbeza secara ketara daripada terma asal. Bank melakukan penilaian ini dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- Jika pelanggan mempunyai masalah kewangan, sama ada pengubahsuaian hanya mengurangkan aliran tunai kontrak kepada jumlah yang dijangka boleh dibayar oleh pelanggan;
- Sama ada sebarang terma baharu yang ketara diperkenalkan, seperti perkongsian keuntungan atau pulangan berasaskan ekuiti yang secara ketara menjejaskan profil risiko pembiayaan;
- Pemanjangan tempoh pembiayaan apabila pelanggan tidak menghadapi kesukaran kewangan;
- Perubahan kadar keuntungan yang ketara;
- Perubahan mata wang di mana pembiayaan didenominasikan; dan
- Perangkuman cagaran, jaminan lain, atau penambahbaikan kredit yang secara ketara menjejaskan risiko kredit berkaitan pembiayaan.

Jika terma-terma tersebut berbeza secara ketara, Kumpulan dan Bank akan menyah-iktiraf aset kewangan asal dan mengiktiraf aset "baharu" pada nilai saksama serta mengira semula kadar keuntungan efektif bagi aset tersebut. Tarikh rundingan semula dianggap sebagai tarikh pengiktirafan awal bagi tujuan susut nilai, termasuk untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara. Namun, Kumpulan dan Bank juga menilai sama ada aset kewangan baharu ini dianggap mengalami susut nilai kredit pada pengiktirafan awal, terutamanya dalam keadaan di mana rundingan semula didorong oleh ketidakupayaan pelanggan untuk membuat bayaran seperti yang dipersetujui. Perbezaan dalam jumlah tercatat juga diiktiraf dalam untung rugi sebagai keuntungan atau kerugian atas penyah-iktirafan.

Jika terma-terma tersebut tidak berbeza secara ketara, rundingan semula atau pengubahsuaian tidak mengakibatkan nyah-iktiraf, dan Kumpulan serta Bank mengira semula jumlah tercatat kasar berdasarkan aliran tunai yang disemak semula bagi aset kewangan serta mengiktiraf keuntungan atau kerugian pengubahsuaian dalam untung rugi. Jumlah tercatat kasar baharu dikira semula dengan menolak aliran tunai yang diubahsuai pada kadar keuntungan efektif asal (atau kadar keuntungan efektif yang diselaraskan bagi aset kewangan susut nilai kredit yang dibeli atau diperolehi).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

Nyah-iktiraf selain pengubahsuaian

Aset kewangan, atau sebahagian daripadanya, dinyah-iktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat, atau apabila ia telah dipindahkan dan sama ada (i) Kumpulan dan Bank memindahkan secara ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan, atau (ii) Kumpulan dan Bank tidak memindahkan atau mengekalkan secara ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan serta Kumpulan dan Bank tidak mengekalkan kawalan.

Menjana struktur terma kebarangkalian gagal bayar

Bulan tertunggak ("MIA") adalah input utama dalam penentuan struktur terma Kebarangkalian Gagal Bayar ("PD") bagi pendedahan. Kumpulan dan Bank mengumpul maklumat prestasi dan gagal bayar berdasarkan MIA bagi setiap segmen.

Kumpulan dan Bank menggunakan model statistik untuk menganalisis data yang dikumpul dan menjana anggaran PD sepanjang hayat baki pendedahan serta bagaimana ia dijangka berubah mengikut masa.

PD sepanjang hayat dibangunkan dengan merangkumkan profil matang kepada PD 12 bulan semasa. Profil matang menilai bagaimana kegagalan berlaku dalam sesuatu portfolio dari titik pengiktirafan awal sepanjang hayat pembiayaan. Profil matang ini berdasarkan data sejarah dan dianggap sama bagi semua aset dalam sesuatu portfolio. Analisis sejarah menyokong pendekatan ini.

Pendedahan Gagal Bayar ("EAD") bagi 12 bulan dan sepanjang hayat ditentukan berdasarkan jangkaan profil pembayaran, yang berbeza mengikut segmen.

Analisis ini merangkumi pengenalanpastian dan penentuan hubungan antara perubahan kadar gagal bayar dengan perubahan faktor makroekonomi utama serta analisis mendalam terhadap kesan faktor lain tertentu (contoh: pengalaman toleransi pembayaran) terhadap risiko gagal bayar. Bagi kebanyakan pendedahan, petunjuk makroekonomi utama termasuk: pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"), kadar keuntungan penanda aras, kadar pengangguran, dan lain-lain.

Kumpulan dan Bank merumuskan pandangan 'kes asas' mengenai arah aliran masa depan bagi pembolehubah ekonomi yang relevan serta julat representatif bagi senario ramalan lain (rujuk bahagian "Rangkuman maklumat berwawancara" di bawah). Kumpulan dan Bank kemudian menggunakan ramalan ini untuk melaraskan anggaran PD.

Menentukan sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara

Kriteria untuk menentukan sama ada risiko kredit telah meningkat secara ketara berbeza mengikut portfolio dan merangkumi perubahan kuantitatif dalam PD serta faktor kualitatif, termasuk langkah penyandar berdasarkan tunggakan.

Risiko kredit bagi sesuatu pendedahan dianggap telah meningkat secara ketara sejak pengiktirafan awal jika, berdasarkan pemodelan kuantitatif Kumpulan dan Bank, PD sepanjang hayat baki ditentukan meningkat melebihi peratusan/julat yang telah ditetapkan.

Dengan menggunakan pertimbangan kredit pakar serta, di mana wajar, pengalaman sejarah yang berkaitan, Kumpulan dan Bank boleh menentukan sama ada sesuatu pendedahan telah mengalami peningkatan ketara dalam risiko kredit berdasarkan penunjuk kualitatif tertentu yang dianggap mencerminkan keadaan tersebut dan yang kesannya mungkin tidak dapat digambarkan sepenuhnya dalam analisis kuantitatif secara tepat.

Sebagai langkah penyandar, Kumpulan dan Bank menganggap bahawa peningkatan ketara dalam risiko kredit berlaku tidak lewat daripada apabila sesuatu aset adalah lebih daripada satu MIA. Tarikh matang ditentukan tanpa mengambilkira sebarang tempoh ihsan yang mungkin disediakan kepada pelanggan.

Aset kewangan diubahsuai

Terma kontrak sesuatu pembiayaan/pendahuluan boleh diubah atas pelbagai sebab, termasuk perubahan keadaan pasaran, pengekalan pelanggan, dan faktor lain yang tidak berkaitan dengan susut nilai kredit semasa atau berpotensi bagi pelanggan. Pembiayaan/pendahuluan sedia ada yang mana terma-termannya telah diubah boleh dinyah-iktiraf dan pembiayaan/pendahuluan yang dirunding semula diiktiraf sebagai pembiayaan/pendahuluan baharu pada nilai saksama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

Aset kewangan diubahsuai (sambungan)

Kumpulan dan Bank merunding semula pembiayaan/pendahuluan untuk pelanggan yang menghadapi masalah kewangan bagi memaksimumkan peluang kutipan dan meminimumkan risiko gagal bayar. Toleransi pembiayaan/pendahuluan diberikan secara terpilih sekiranya: pelanggan berstatus gagal bayar atau mempunyai risiko gagal bayar yang tinggi, terdapat bukti bahawa pelanggan atau penerbit telah berusaha sedaya upaya untuk membuat bayaran di bawah terma kontrak asal, dan pelanggan atau penerbit dijangka mampu memenuhi terma yang disemak semula.

Terma yang disemak semula biasanya merangkumi lanjutan tempoh matang, perubahan masa pembayaran, dan pindaan terhadap terma perjanjian pembiayaan/pendahuluan.

Bagi aset kewangan yang diubah suai, anggaran PD mencerminkan sama ada pengubahsuaian tersebut telah meningkatkan atau memulihkan keupayaan Kumpulan dan Bank untuk mengutip prinsipal dan keuntungan, serta mengambil kira pengalaman Kumpulan dan Bank berkaitan tindakan toleransi terdahulu. Sebagai sebahagian daripada proses ini, Kumpulan dan Bank menilai prestasi pembayaran pelanggan untuk terma kontrak yang diubah dan mempertimbangkan pelbagai penunjuk tingkah laku.

Secara umumnya, toleransi adalah penunjuk kualitatif peningkatan ketara dalam risiko kredit dan jangkaan berlakunya toleransi boleh menjadi bukti bahawa sesuatu pendedahan telah mengalami susut nilai kredit. Pelanggan perlu menunjukkan prestasi pembayaran yang baik secara konsisten untuk tempoh tertentu sebelum pendedahan tidak lagi dianggap terjejas/gagal bayar atau PD dianggap telah menurun sehingga amaun peruntukan kerugian kembali diukur pada jumlah bersamaan ECL 12 bulan.

Rangkuman maklumat berwawasan

Kumpulan dan Bank menggabungkan maklumat berwawasan dalam menilai sama ada risiko kredit sesuatu instrumen telah meningkat secara ketara sejak pengiktirafan awal serta dalam pengukuran ECL. Kumpulan dan Bank merumuskan pandangan 'kes asas' mengenai arah aliran masa hadapan bagi pembolehubah ekonomi yang relevan serta julat representatif bagi senario ramalan lain yang mungkin berlaku.

Proses ini melibatkan pembangunan dua atau lebih senario ekonomi tambahan dan pertimbangan kebarangkalian relatif bagi setiap hasil. Maklumat luar merangkumi data ekonomi dan unjuran yang diterbitkan oleh agensi kerajaan dan pihak berkuasa monetari di Malaysia.

Kes asas merujuk kepada hasil paling berkemungkinan dan diselaraskan dengan maklumat yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank bagi tujuan lain seperti perancangan strategik dan penyediaan bajet. Senario-senario lain pula mewakili hasil yang lebih optimistik dan pesimistik. Secara berkala, Bank menjalankan ujian tekanan terhadap kejutan ekstrem bagi menentukur senario representatif lain.

Kumpulan dan Bank telah mengenalpasti dan mendokumentasi pemacu utama risiko kredit dan kerugian kredit bagi setiap portfolio instrumen kewangan dan, melalui analisis data sejarah, menganggarkan hubungan antara pembolehubah makroekonomi dengan risiko kredit dan kerugian kredit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

Ukuran jangkaan kerugian kredit ("ECL")

Kumpulan dan Bank menggunakan tiga kategori instrumen kewangan pada kos pelunasan untuk mengiktiraf ECL.

Kategori	Takrif	Asas pengiktirafan
Akaun berbayar	(i) Akaun yang tidak menunjukkan sebarang peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal aset dan tidak berkemungkinan menjadi tertunggak/gagal bayar; atau (ii) Prinsipal atau keuntungan atau kedua-duanya tertunggak sebanyak satu (1) ansuran (termasuk Cashline-i); atau (iii) Akaun lain yang tidak diklasifikasi di bawah Tahap 2 dan 3.	12 bulan ECL (Tahap 1)
Akaun tidak berbayar	(i) Prinsipal atau keuntungan atau kedua-duanya tertunggak sebanyak dua (2) atau tiga (3) ansuran; atau (ii) Bayaran tertunggak dalam tempoh 90 hari selepas tarikh matang bagi kemudahan kewangan perdagangan dan kredit berulang (tidak termasuk Cashline-i); atau (iii) Memenuhi mana-mana pencetus kriteria SICR.	ECL jangka hayat – susut nilai bukan kredit (Tahap 2)
Akaun susut nilai	(i) Prinsipal atau keuntungan atau kedua-duanya tertunggak lebih tiga (3) ansuran; atau (ii) Bayaran tertunggak melebihi 90 hari selepas tarikh matang bagi kemudahan kewangan perdagangan dan kredit berulang; atau (iii) Bagi kemudahan Cashline-i, ia diklasifikasi sebagai terjejas apabila jumlah tertunggak melebihi had yang diluluskan untuk tempoh melebihi 90 hari atau 3 bulan; atau (iv) Apabila pembayaran dijadualkan pada selang masa 3 bulan atau lebih, pembiayaan diklasifikasi sebagai terjejas sebaik sahaja berlaku kegagalan pembayaran (kecuali bagi program khusus yang dinyatakan dalam perenggan (ii) di atas); atau (v) Memenuhi mana-mana satu kriteria pencetus kualitatif; atau (vi) Memenuhi mana-mana tiga pencetus SICR.	ECL jangka hayat – susut nilai kredit (Tahap 3)

Kumpulan dan Bank tidak menggunakan pengecualian risiko kredit rendah bagi mana-mana instrumen kewangan. Input utama dalam pengukuran ECL ialah struktur terma bagi pembolehubah berikut:

- PD;
- Kerugian Sekiranya Gagal Bayar ("LGD"); dan
- EAD.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(f) Aset kewangan (sambungan)

Ukuran jangkaan kerugian kredit ("ECL") (sambungan)

Parameter-parameter ini secara amnya diperoleh daripada model statistik yang dibangunkan secara dalaman dan data sejarah lain. Ia diselaraskan untuk mencerminkan maklumat berwawasan seperti yang diterangkan di atas.

Anggaran PD adalah anggaran pada tarikh tertentu, yang dikira berdasarkan model penarafan statistik dan dinilai menggunakan alat penarafan yang disesuaikan dengan pelbagai kategori pemegang taruh dan pendedahan. Model statistik ini berdasarkan data dalaman yang merangkumi faktor kuantitatif dan kualitatif. Sekiranya pemegang taruh atau pendedahan bergerak antara kelas penarafan, ia akan menyebabkan perubahan dalam anggaran PD yang berkaitan. PD dianggarkan dengan mengambil kira tempoh matang kontrak bagi pendedahan dan anggaran kadar prabayar.

LGD adalah tahap kerugian yang dijangka sekiranya berlaku gagal bayar. Kumpulan dan Bank menganggarkan parameter LGD berdasarkan sejarah kadar pemulihan tuntutan terhadap pemegang taruh yang gagal bayar. Model LGD mengambil kira struktur, cagaran, keutamaan tuntutan, industri pemegang taruh, dan kos pemulihan sebarang cagaran yang menjadi sebahagian daripada aset kewangan. Anggaran LGD diselaraskan semula bagi senario ekonomi yang berbeza dan dikira berdasarkan aliran tunai diskaun menggunakan kadar keuntungan efektif sebagai faktor diskaun.

EAD adalah jangkaan pendedahan sekiranya berlaku gagal bayar. Kumpulan dan Bank memperoleh EAD daripada pendedahan semasa pemegang taruh serta potensi perubahan jumlah semasa yang dibenarkan di bawah kontrak termasuk amaun ansuran. EAD bagi aset kewangan adalah jumlah tercatat kasar. Bagi komitmen pinjaman dan jaminan kewangan, EAD merangkumi jumlah yang telah dikeluarkan, serta amaun masa depan yang berpotensi dikeluarkan di bawah kontrak, yang dianggarkan berdasarkan pemerhatian sejarah dan unjuran berwawasan. Bagi sesetengah aset kewangan, EAD ditentukan dengan memodelkan julat kemungkinan hasil pendedahan menggunakan teknik senario dan statistik.

ECL ditentukan dengan meramalkan PD, LGD dan EAD pada setiap titik masa akan datang bagi setiap pendedahan individu atau segmen kolektif, dan menolak semula kerugian jangkaan bulanan ini ke tarikh pelaporan. Kadar diskaun yang digunakan dalam pengiraan ECL adalah kadar keuntungan asal atau anggarannya.

Seperti yang diterangkan di atas, dan tertakluk kepada penggunaan maksimum PD 12 bulan bagi aset kewangan yang risiko kreditnya tidak meningkat secara ketara, Kumpulan dan Bank mengukur ECL dengan mengambil kira risiko gagal bayar sepanjang tempoh kontrak maksimum (termasuk sebarang opsyen lanjutan) yang terdedah kepada risiko kredit, walaupun bagi tujuan pengurusan risiko, Bank mempertimbangkan tempoh yang lebih panjang. Tempoh kontrak maksimum adalah sehingga tarikh Bank berhak untuk menuntut pembayaran pendahuluan atau menamatkan komitmen pembiayaan atau jaminan.

Maklumat ekonomi berwawasan juga dirangkumkan dalam penentuan PD 12 bulan dan sepanjang hayat, EAD dan LGD.

Apabila pemodelan parameter dijalankan secara kolektif, instrumen kewangan diklasifikasi berdasarkan ciri risiko bersama yang merangkumi:

- jenis produk/instrumen;
- penarafan risiko kredit;
- jenis cagaran;
- tarikh pengiktirafan awal;
- baki tempoh sehingga matang;
- industri; dan
- lokasi geografi pelanggan.

Klasifikasi ini tertakluk kepada semakan berkala untuk memastikan pendedahan sesuatu kumpulan kekal seragam.

Tiada perubahan ketara dalam teknik penganggaran atau andaian penting sepanjang tempoh pelaporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(g) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama yang diterima selepas ditolak kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan. Liabiliti kewangan yang diukur pada kos pelunasan termasuk deposit daripada pelanggan dan institusi kewangan, dana skim pembiayaan, serta lain-lain akaun yang perlu dibayar.

Liabiliti kewangan dinyah-iktiraf apabila ia ditebus atau dilunaskan.

(h) Penentuan nilai saksama

Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangan pada nilai saksama FVOCI pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai wajar adalah harga yang diterima untuk penjualan aset atau dibayar untuk pemindahan liabiliti dalam transaksi teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan andaian bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti tersebut, atau
- (ii) Dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti, apabila tiada pasaran utama. Pasaran utama atau pasaran paling menguntungkan ini boleh diakses oleh Kumpulan dan Bank.

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian yang akan digunakan oleh peserta pasaran semasa menilai harga aset atau liabiliti, dengan andaian peserta pasaran bertindak untuk mencapai keuntungan ekonomi terbaik.

Kumpulan dan Bank menggunakan teknik penilaian yang sesuai mengikut keadaan dan apabila data yang mencukupi tersedia untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang jelas, dan meminimumkan penggunaan input yang tidak jelas.

(i) Kontrak jaminan kewangan dan komitmen kewangan

Kontrak jaminan kewangan ialah kontrak yang mewajibkan penerbit membuat pembayaran tertentu bagi mengganti kerugian yang ditanggung oleh pemegang apabila pelanggan gagal membuat pembayaran mengikut tempoh, selaras dengan terma instrumen hutang. Jaminan kewangan ini diberikan kepada bank, institusi kewangan, dan pihak lain bagi pihak pelanggan untuk mendapatkan pembiayaan, seperti Agro Cashline-i dan kemudahan perbankan lain.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama, dan seterusnya diukur pada jumlah yang lebih tinggi antara:

- Jangkaan kerugian kredit di bawah MFRS 9; dan
- Premium yang diterima pada pengiktirafan awal ditolak pendapatan diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15.

Komitmen pembiayaan yang diberikan oleh Kumpulan dan Bank diukur berdasarkan jumlah peruntukan kerugian. Bank tidak memberi sebarang komitmen untuk menyediakan pembiayaan/pendahuluan pada kadar keuntungan di bawah pasaran, atau yang boleh diselesaikan secara bersih melalui tunai atau dengan menyerahkan atau mengeluarkan instrumen kewangan lain.

(j) Matawang asing

Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, transaksi dalam matawang selain daripada matawang fungsian Bank direkodkan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh pelaporan, item monetari yang didenominasi dalam matawang asing diterjemah semula pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh pelaporan. Item bukan monetari yang dinilai pada nilai saksama dan didenominasi dalam matawang asing diterjemah semula pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh penentuan nilai saksama. Item bukan monetari yang diukur berdasarkan kos sejarah dalam matawang asing tidak diterjemah semula.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama adalah termasuk dalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali perbezaan yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang serupa juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(k) Cukai pendapatan

(i) Cukai semasa

Aset cukai semasa dan liabiliti diukur pada jumlah yang dijangka boleh diperoleh semula atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira amaun adalah yang digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah "liabiliti" ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara asas cukai dan amaun pembawa bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara manakala aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara berpunca daripada muhibah atau daripada permulaan pengiktirafan aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan dalam pada masa urus niaga itu, tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan dan pendapatan bercukai.

Amaun pembawa bagi aset cukai tertunda, sekiranya ada, akan diukur pada setiap tarikh pelaporan dan akan berkurangan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai tidak boleh diramalkan untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset diperoleh semua.

Cukai tertunda diukur dengan menggunakan kadar cukai yang dijangka digunakan dalam jangka masa aset direalisasikan atau liabiliti telah dibuat bayaran, berdasarkan kadar cukai yang telah diwartakan dalam tempoh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali cukai itu wujud daripada urus niaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dimansuhkan apabila terdapat arahan sah undang-undang untuk menghapuskan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai di mana Kumpulan dan Bank berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa berdasarkan asas bersih.

(l) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, pelbagai imbuhan tetap dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku atas sebab kesihatan.

(ii) Pelan caruman tertakrif

Kumpulan dan Bank dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") pada kadar tetap tertentu berdasarkan gaji pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ia berlaku.

(iii) Manfaat persaraan

Kakitangan yang layak berhak menerima pembayaran ganjaran persaraan secara sekaligus apabila mencapai umur persaraan biasa 60 tahun atau umur persaraan awal 45 tahun bagi kakitangan wanita dan 50 tahun bagi kakitangan lelaki. Pembayaran ganjaran adalah bersamaan 0.75 gaji terakhir kakitangan didarab bilangan tahun perkhidmatan dan bayaran penggantian manfaat cuti bersamaan 4 kali gaji terakhir kakitangan.

Liabiliti faedah persaraan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah nilai semasa obligasi manfaat pada akhir tempoh pelaporan, bersama pelarasan untung/rugi aktuari dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf, mencerminkan hanya jumlah tahun perkhidmatan sehingga tarikh pelaporan.

Liabiliti manfaat bertakrif, dikira menggunakan kaedah unjuran kredit unit dengan mendiskaunkan anggaran aliran keluar tunai masa hadapan menggunakan kadar keuntungan pasaran pada akhir tempoh pelaporan atas Terbitan Pelaburan Kerajaan yang mempunyai matawang dan tempoh kematangan dianggarkan bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Keuntungan dan kerugian yang timbul daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif dalam tempoh di mana ia muncul. Keuntungan dan kerugian aktuari tidak dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh berikutnya.

(iv) Skim persaraan awal ("ERS")

ERS berkuatkuasa Jun 2021 untuk kakitangan yang layak bagi mencapai bilangan optimal. Bayaran ERS diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana permohonan kakitangan tersebut diluluskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(m) Penjejasan aset bukan kewangan

Amaun bawaan hartanah, loji, dan peralatan serta aset tak nyata disemak untuk sebarang petanda penjejasan. Kerugian penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila amaun bawaan aset mengatasi amaun boleh pulihnya.

Jumlah pemulihan ialah nilai saksama tertinggi ditolak kos jualan dan nilai terpakai. Dalam menilai nilai terpakai, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menunjukkan nilai pasaran semasa bagi nilai semasa wang dan risiko kepada aset yang mana anggaran aliran tunai masa hadapannya belum diselaras.

Sekiranya jumlah pemulihan aset dianggarkan kurang daripada jumlah bawaan, jumlah bawaan aset dikurangkan kepada jumlah pemulihan. Kerugian penjejasan diiktiraf dalam penyata untung dan rugi.

Kerugian penjejasan hanya dibalikkan sehingga tahap di mana amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya, ditolak pelunasan dan susut nilai, jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf. Pembalikan ini diiktiraf dalam untung atau rugi dengan serta merta.

(n) Hartanah, loji, dan peralatan

Hartanah, loji, dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, jika ada.

Tanah milik bebas tidak disusut nilai.

Hartanah, loji, dan peralatan disusut nilai pada kadar yang dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos ditolak nilai baki aset-aset tersebut berbanding anggaran jangka hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan yang dipakai adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan	20%
Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan dan mesin pejabat	10%
Perkakasan komputer	20%

Sekiranya bahagian item-item hartanah, loji, dan peralatan mempunyai jangka hayat guna berbeza, kos item-item tersebut diperuntukkan berdasarkan asas yang munasabah dan disusut nilai secara berasingan.

Pada setiap tarikh pelaporan, baki nilai dan jangka hayat guna akan disemak semula. Sebarang kesan perubahan diiktiraf secara prospektif. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan aset ditetapkan sebagai perbezaan di antara hasil bersih pelupusan dan amaun bawaan aset, dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan dicajkan kepada untung atau rugi dalam tahun di mana ia berlaku.

(o) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara terdiri daripada perisian komputer yang pada mulanya dicatatkan sebagai kos. Selepas pengiktirafan, perisian komputer diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, jika ada. Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus bagi memperuntukkan kos perisian komputer sepanjang anggaran tempoh hayat bergunanya selama 3 tahun. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan amaun bawaan aset, dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Perbelanjaan lanjut ke atas aset tidak ketara selepas pembelian atau pelupusan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia berlaku, melainkan jika terdapat kemungkinan bahawa perbelanjaan ini akan membolehkan aset menjana manfaat ekonomi masa depan melebihi prestasi standard asalnya dan perbelanjaan akan diukur dan dikaitkan kepada aset.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(p) Pajakan

Kumpulan dan Bank menilai pada permulaan kontrak sama ada kontrak tersebut adalah, atau mengandungi, pajakan. Iaitu, sama ada kontrak tersebut memberi hak untuk mengawal penggunaan aset tertentu untuk tempoh masa tertentu sebagai pertukaran kepada bayaran atau imbuhan.

Bank sebagai penerima pajakan

Kumpulan dan Bank menggunakan pendekatan pengiktirafan dan pengukuran bagi semua pajakan, kecuali untuk pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah. Kumpulan dan Bank mengiktiraf liabiliti pajakan untuk membuat pembayaran pajakan dan aset hak guna iaitu hak untuk menggunakan aset asas tersebut.

(i) Aset hak guna

Kumpulan dan Bank mengiktiraf aset hak guna pada tarikh permulaan pajakan (iaitu, tarikh aset asas tersedia untuk digunakan). Aset hak guna diukur pada kos, ditolak sebarang susut nilai terkumpul dan kerugian susut nilai, serta diselaraskan dengan sebarang pengukuran semula liabiliti pajakan. Kos aset hak guna merangkumi jumlah liabiliti pajakan yang diiktiraf, kos langsung awal yang ditanggung, serta pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima. Aset hak guna disusut nilai secara garis lurus sepanjang tempoh yang lebih pendek antara tempoh pajakan dan jangka hayat aset yang dianggarkan, seperti berikut:

Peralatan dan perkakasan komputer	1 hingga 5 tahun
Hartanah	2 hingga 10 tahun
Tanah pegangan pajakan	60 hingga 99 tahun

Sekiranya pemilikan aset pajakan dipindahkan kepada Kumpulan dan Bank pada akhir tempoh pajakan, atau kos mencerminkan pelaksanaan opsyen pembelian, susut nilai dikira berdasarkan jangka hayat aset yang dianggarkan.

Aset hak guna juga tertakluk kepada penilaian susut nilai seperti yang dihuraikan dalam Nota 3.2 (m).

(ii) Liabiliti pajakan

Pada tarikh permulaan pajakan, Kumpulan dan Bank mengiktiraf liabiliti pajakan yang diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang perlu dibuat sepanjang tempoh pajakan. Pembayaran pajakan merangkumi pembayaran tetap (termasuk pembayaran tetap pada hakikatnya) ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima, pembayaran pajakan berubah-ubah yang bergantung kepada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangka dibayar di bawah jaminan nilai baki. Pembayaran pajakan juga termasuk harga pelaksanaan opsyen pembelian yang dijangka dilaksanakan oleh Bank dan bayaran penalti untuk menamatkan pajakan, sekiranya tempoh pajakan mencerminkan pelaksanaan opsyen oleh Bank untuk menamatkan pajakan. Pembayaran pajakan berubah-ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar diiktiraf sebagai perbelanjaan (melainkan ia ditanggung untuk menghasilkan inventori) dalam tempoh di mana peristiwa atau syarat yang mencetuskan pembayaran berlaku.

Dalam mengira nilai semasa pembayaran pajakan, Kumpulan dan Bank menggunakan kadar pembiayaan tambahan pada tarikh permulaan pajakan kerana kadar untung tersirat dalam pajakan tidak mudah ditentukan. Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti pajakan bertambah untuk mencerminkan akrual untung dan dikurangkan oleh pembayaran pajakan yang dibuat. Selain itu, jumlah buku liabiliti pajakan akan diukur semula sekiranya berlaku pengubahsuaian, perubahan tempoh, perubahan pembayaran (contohnya perubahan bayaran masa depan akibat perubahan indeks atau kadar yang digunakan untuk menentukan pembayaran pajakan tersebut), atau perubahan dalam penilaian opsyen untuk membeli aset asas.

Aset hak guna dan liabiliti pajakan Kumpulan dan Bank didedahkan dalam Nota 25.

(iii) Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Kumpulan dan Bank menggunakan pengecualian pengiktirafan pajakan jangka pendek bagi pajakan jangka pendek peralatan dan perkakasan komputer (iaitu pajakan dengan tempoh sewaan 12 bulan atau kurang dari tarikh permulaan dan tidak mengandungi opsyen pembelian). Bank juga menggunakan pengecualian pengiktirafan pajakan aset bernilai rendah bagi sewaan peralatan pejabat yang dianggap bernilai rendah. Pembayaran bagi pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah diiktiraf sebagai perbelanjaan secara garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(q) Hartanah yang disita

Hartanah yang disita adalah hartanah yang diperoleh bagi menyelesaikan hutang, dan diukur pada nilai yang lebih rendah antara kos perolehan dan nilai direalisasi bersih.

(r) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapatnya obligasi di bawah undang-undang atau obligasi konstruktif berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi, diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini dan anggaran yang boleh diyakini dapat dibuat mengenai amaun obligasi berkenaan.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

Apabila kesan nilai wang adalah penting, peruntukan didiskaunkan menggunakan kadar pra-cukai semasa yang menunjukkan risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut, sekiranya wajar.

(s) Modal saham

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti apabila tiada obligasi berkontrak untuk memindahkan tunai atau aset kewangan lain. Kos langsung daripada penerbitan saham ekuiti baharu dibawa kepada ekuiti sebagai pengurangan daripada hasil.

(t) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, deposit permintaan, dan pelaburan berkecairan tinggi yang boleh ditukar kepada tunai dengan risiko tidak ketara bagi perubahan nilai dengan kematangan asal kurang daripada 3 bulan.

(u) Impak risiko iklim ke atas penilaian dan anggaran perakaunan

Di mana wajar, Kumpulan dan Bank mengambil kira isu berkaitan iklim dalam tahap anggaran dan andaian yang boleh meningkatkan ketidakpastian. Penilaian ini merangkumi pelbagai kemungkinan kesan risiko fizikal dan risiko peralihan ke atas Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank serta pelanggannya terdedah kepada risiko fizikal akibat perubahan iklim serta risiko peralihan ke ekonomi sifar bersih. Risiko ini mungkin melibatkan risiko pembiayaan semula dan kecairan bagi sesetengah pelanggan dalam sektor berisiko tinggi, di mana institusi kewangan mungkin berhasrat mengurangkan pendedahan mereka pada masa depan. Namun, sifat dan lokasi pihak bertentangan serta cagaran asas menghadkan kesan pendedahan ini. Walaupun risiko berkaitan iklim mungkin belum memberikan impak ketara ke atas pengukuran semasa, Kumpulan dan Bank memantau secara teliti perubahan dan perkembangan yang berkaitan bagi memastikan tindakan proaktif dapat diambil sekiranya keadaan berubah.

Item dan pertimbangan yang menerima impak langsung isu berkaitan iklim ialah:

- (i) Kerugian kredit yang dijangka (ECL): Pelanggan dan portfolio yang terdedah kepada risiko berkaitan iklim mungkin mengalami penjejakan kelayakan kredit, yang seterusnya memberi kesan kepada ECL. Contohnya, pengukuran ECL boleh terjejas akibat risiko fizikal berkaitan iklim seperti banjir atau kebakaran, yang juga menjejaskan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman, atau menyebabkan penurunan nilai cagaran asas. Risiko peralihan pula mungkin timbul daripada perubahan dasar kerajaan atau institusi, yang seterusnya menyebabkan penurunan kualiti kredit dalam sektor atau negara yang terjejas.

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa secara keseluruhan, pihak-pihak bertentangan dijangka tidak akan terjejas secara material oleh risiko fizikal atau risiko peralihan berkaitan perubahan iklim. Sebagai contoh, majoriti pihak bertentangan tidak beroperasi dalam sektor berisiko tinggi, dan tidak berada di kawasan geografi berisiko tinggi. Selain itu, cagaran asas bagi aset-aset tersebut dijangka tidak terjejas oleh risiko iklim kerana aset-aset tersebut tidak berada di kawasan geografi berisiko tinggi dan juga mempunyai penarafan EPC yang secara umumnya mematuhi peraturan semasa. Rujuk Nota 18 untuk pendedahan amaun bawaan kasar dan peruntukan untuk ECL bagi setiap segmen industri.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(v) Qard

Qard merujuk kepada pinjaman kebajikan daripada Pengendali Takaful untuk menampung defisit dalam Dana Risiko Peserta ("PRF") dan akan dibayar balik daripada lebihan masa depan PRF dalam dana Takaful.

Dalam penyediaan penyata kewangan berasingan Pengendali Takaful, qard boleh terima dinyatakan pada kos, dan pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk susut nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, analisis dijalankan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh dipulihkan sepenuhnya. Penyusutan dibuat sekiranya amaun bawaan melebihi jumlah boleh pulih.

Dalam penyediaan penyata kewangan berasingan Dana Takaful Am, qard boleh bayar dinyatakan pada kos. Baki qard dihapuskan semasa penyediaan penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

Baki dan penyesuaian aliran tunai pelaksanaan termasuk tanggungjawab untuk membayar balik Qard yang diberikan oleh Dana Pemegang Saham kepada Dana Takaful Am. Qard diberikan oleh Dana Pemegang Saham selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam Perenggan 19 Rangka Kerja Operasi Takaful ("TOF") BNM. Seajar dengan keperluan tersebut, jumlah ini tidak menghasilkan faedah. Jumlah ini boleh dibayar balik, sekiranya Dana Takaful Am mempunyai sumber yang mencukupi. Selaras dengan Perenggan 19.4 TOF BNM, Dana Pemegang Saham telah menetapkan tempoh masa di mana Qard perlu dibayar balik, dan sebarang Qard yang tidak dibayar selepas tempoh tersebut akan dianggap tidak dapat diperolehi semula dan jumlah tertunggak akan dihapuskan. Jadual di bawah menyelaraskan nilai nominal Qard yang termasuk dalam aliran tunai pelaksanaan:

Amaun nominal	Dana Takaful Am	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Baki permulaan		
Qard diberikan semasa tahun	769	-
Baki akhir	769	-

Baki semasa Qard yang tertunggak dijangka dilangsaikan dalam tempoh 3 tahun apabila terdapat amaun lebihan dalam Dana Takaful Am.

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula

Sijil Takaful

Kumpulan mengeluarkan sijil yang mengandungi risiko Takaful atau gabungan risiko Takaful dan risiko kewangan. Risiko kewangan merujuk kepada kemungkinan perubahan masa depan terhadap satu atau lebih daripada kadar keuntungan tertentu, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit, atau pemboleh ubah lain, dengan syarat bahawa pemboleh ubah bukan kewangan tidak tertumpu kepada mana-mana pihak dalam sijil. Risiko Takaful pula merujuk kepada risiko selain daripada risiko kewangan.

Sijil Takaful ialah sijil di mana suatu entiti telah menerima risiko Takaful yang signifikan daripada pihak lain (para peserta) dan bersetuju untuk memberi pampasan kepada peserta sekiranya sesuatu peristiwa masa depan (peristiwa dilindungi) memberi kesan buruk kepada peserta. Sebagai garis panduan umum, Kumpulan menentukan sama ada risiko Takaful yang signifikan telah diterima dengan membandingkan manfaat yang dibayar atau perlu dibayar apabila berlaku peristiwa dilindungi dengan manfaat yang dibayar atau perlu dibayar sekiranya peristiwa dilindungi tidak berlaku.

Kumpulan juga menyerahkan risiko Takaful dalam urusan perniagaan lazimnya. Susunan takaful semula yang diserahkan tidak melepaskan Kumpulan daripada tanggungjawabnya kepada peserta. Bagi takaful semula yang diserahkan dan diterima, sumbangan, tuntutan, serta manfaat yang dibayar atau perlu dibayar dibentangkan dalam nilai kasar.

Sijil Takaful Semula

Takaful semula yang dimeterai oleh Kumpulan dan memenuhi keperluan pengelasan sijil Takaful, seperti yang dihuraikan di atas, diterangkan di bawah. Takaful semula yang tidak memenuhi keperluan pengelasan ini akan diklasifikasi sebagai aset kewangan.

Aset takaful semula merujuk kepada jumlah boleh tuntutan daripada pengendali takaful semula bagi liabiliti sijil Takaful yang masih belum diselesaikan pada tarikh pelaporan. Jumlah boleh tuntutan ini diukur secara konsisten dengan jumlah yang berkaitan dengan sijil Takaful asas dan terma takaful semula yang berkaitan.

Pada setiap tarikh pelaporan, atau lebih kerap jika perlu, Kumpulan menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset takaful semula mengalami susut nilai. Sebarang kerugian susut nilai yang dikenalpasti diiktiraf dalam untung rugi.

Aset takaful semula dinyah-iktiraf apabila hak kontrak ditamatkan, luput, atau sijil dipindahkan kepada pihak lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula (sambungan)

(i) Pengasingan komponen daripada sijil takaful semula

Kumpulan menilai sijil Takaful Am dan takaful semula keluarannya untuk menentukan sama ada ia mengandungi komponen berasingan yang perlu diklasifikasi mengikut piawaian selain MFRS 17. Selepas memisahkan sebarang komponen berasingan, entiti mesti mengaplikasi MFRS 17 ke atas semua komponen baki sijil Takaful (induk). Pada masa ini, produk Kumpulan tidak mengandungi komponen berasingan yang memerlukan pemisahan.

(ii) Tahap agregat

Tahap agregat bagi Kumpulan ditentukan dengan membahagikan perniagaan kepada portfolio. Portfolio terdiri daripada kumpulan sijil dengan risiko serupa yang diuruskan bersama. Portfolio ini kemudian dibahagikan berdasarkan jangkaan keuntungan kepada tiga kategori: sijil membebankan (onerous), sijil tanpa risiko ketara menjadi beban, dan semua sijil lain. Bagi menentukan tahap agregat, Kumpulan mengenalpasti sijil sebagai 'unit' terkecil (iaitu, penyebut lazim terendah).

Penilaian dijalankan untuk menentukan sama ada satu siri sijil boleh dipertimbangkan bersama dalam membuat penilaian keuntungan berdasarkan maklumat yang munasabah dan boleh disokong, atau sama ada satu sijil tunggal mengandungi komponen yang perlu dipisahkan dan diurus seolah-olah ia sijil tunggal. Oleh itu, sijil untuk tujuan perakaunan mungkin berbeza daripada sijil untuk tujuan lain (iaitu, undang-undang atau pengurusan). Bagi sijil takaful semula yang dipegang, asasnya bergantung kepada jenis takaful semula. Unit akaun minimum adalah pada peringkat perjanjian.

Portfolio sijil takaful semula dibahagikan kepada:

- Kumpulan sijil yang membebankan pada awal pengiktirafan.
- Kumpulan sijil yang pada awal pengiktirafan tiada kemungkinan untuk menjadi beban.
- Kumpulan baki sijil dalam portfolio.

(iii) Pengiktirafan

Kumpulan mengiktiraf kumpulan sijil Takaful yang dikeluarkan daripada tarikh terawal berikut:

- Permulaan tempoh perlindungan bagi kumpulan sijil tersebut.
- Tarikh pembayaran pertama oleh peserta, atau tarikh pembayaran pertama diterima jika tiada tarikh bayaran ditetapkan.
- Bagi kumpulan sijil membebankan, sebaik sahaja fakta dan keadaan menunjukkan bahawa kumpulan sijil ini adalah membebankan.

Kumpulan mengiktiraf kumpulan sijil takaful semula yang dimeterai daripada tarikh terawal berikut:

- Permulaan tempoh perlindungan bagi kumpulan sijil takaful semula yang dipegang. Namun, Kumpulan menunda pengiktirafan kumpulan sijil takaful semula yang menyediakan perlindungan separa sehingga tarikh mana-mana sijil Takaful asas diiktiraf buat pertama kali, sekiranya tarikh tersebut lebih lewat daripada permulaan tempoh perlindungan kumpulan sijil takaful semula tersebut;
- Tarikh Kumpulan mengiktiraf kumpulan sijil Takaful asas yang membebankan, sekiranya Kumpulan telah memeterai sijil takaful semula tersebut dalam kumpulan sijil takaful semula yang dipegang pada atau sebelum tarikh tersebut.

Sekumpulan sijil takaful semula direka untuk melindungi tuntutan yang ditanggung di bawah kontrak asas yang ditulis dalam tempoh tertentu. Dalam sesetengah keadaan, kontrak takaful semula melindungi kerugian kontrak individu secara berkadar, manakala dalam keadaan lain ia melindungi kerugian terkumpul daripada sekumpulan kontrak asas yang melebihi jumlah tertentu.

Jika kumpulan sijil takaful semula yang dipegang melindungi kerugian sekumpulan kontrak asas secara berkadar, maka berdasarkan pendekatan di atas, entiti tidak akan mengiktiraf kumpulan sijil takaful semula yang dipegang sehingga sekurang-kurangnya satu daripada kontrak asas tersebut diiktiraf, sekiranya kontrak asas itu menguntungkan.

Jika kumpulan sijil takaful semula yang dipegang melindungi kerugian terkumpul daripada sekumpulan kontrak asas yang melebihi jumlah tertentu, maka entiti beroleh manfaat perlindungan apabila kerugian asas melebihi nilai ambang tersebut sejak bermulanya tempoh perlindungan, kerana kerugian ini terkumpul sepanjang tempoh tersebut.

Dalam kedua-dua keadaan, kumpulan sijil takaful semula yang dipegang diiktiraf serta-merta apabila kumpulan sijil asas membebankan yang dilindunginya diiktiraf, sekiranya sijil takaful semula yang dipegang tersebut dimeterai pada atau sebelum tarikh itu. Jika kumpulan sijil takaful semula yang dipegang dimeterai selepas kumpulan sijil asas membebankan diiktiraf, maka ia akan diiktiraf serta-merta pada tarikh ia dimeterai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula (sambungan)

(iv) Kumpulan sijil membebaskan

Untuk Takaful Am, Kumpulan menganggap tiada sijil dalam portfolio adalah membebaskan pada pengiktirafan awal, kecuali fakta dan keadaan membuktikan sebaliknya.

Penilaian Kumpulan ke atas fakta dan keadaan ini bergantung kepada:

- nisbah gabungan sejarah ("CoR"), iaitu jumlah Nisbah Kerugian Akhir ("ULR") dan Nisbah Yuran Wakalah.
- maklumat dalam Kumpulan mengenai sijil yang diketahui membebaskan (contoh: berdasarkan niat proses kelulusan awal produk untuk memasuki pasaran atau tujuan pemasaran).

Memandangkan Kumpulan baru ditubuhkan pada 13 September 2024, ia menyandarkan analisis kepada sejarah tuntutan Tabung Bencana Tanaman Padi ("TBTP"). Kumpulan juga mengambil kira andaian harga yang digunakan untuk menentukan sumbangan kasar Skim Takaful Tanaman Padi ("STTP").

Berdasarkan sejarah tuntutan TBTP dan andaian harga bagi STTP, kontrak STTP dianggap akan menguntungkan Kumpulan.

Sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa sesuatu kumpulan sijil dijangka membebaskan, komponen kerugian harus diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan manakala kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

(v) Had kontrak

Kumpulan mengambil kira semua aliran tunai masa depan dalam had setiap kumpulan sijil. Aliran tunai berada dalam had sijil Takaful jika ia timbul daripada hak dan kewajiban substantif yang wujud semasa tempoh pelaporan di mana Kumpulan boleh memaksa peserta membayar sumbangan, atau di mana Kumpulan mempunyai kewajiban substantif untuk menyediakan perkhidmatan kepada peserta. Kewajiban substantif untuk menyediakan perkhidmatan berakhir apabila:

- Kumpulan berupaya menilai semula risiko peserta tertentu dan justeru boleh menetapkan harga atau tahap manfaat yang mencerminkan sepenuhnya risiko tersebut; atau
- Kumpulan berupaya menilai semula risiko bagi portfolio yang mengandungi sijil tersebut dan boleh menetapkan harga atau tahap manfaat yang mencerminkan sepenuhnya risiko portfolio itu, serta penetapan harga sumbangan sehingga tarikh penilaian semula tidak mengambil kira risiko dalam tempoh selepas tarikh penilaian semula.

(vi) Pengukuran

Sijil Takaful yang diterbitkan dan sijil takaful semula yang dipegang oleh Kumpulan layak untuk model pengukuran berikut:

Pendekatan Peruntukan Premium ("PAA")

Ukuran awal

Kumpulan boleh menggunakan PAA untuk sijil Takaful yang diterbitkan dan sijil takaful semula yang dipegang, dengan syarat:

- Tempoh perlindungan setiap sijil dalam kumpulan adalah satu tahun atau kurang, termasuk perlindungan yang timbul daripada semua sumbangan dalam had sijil tersebut; atau
- Bagi sijil yang tempohnya melebihi satu tahun, Kumpulan memodelkan kemungkinan senario masa depan dan secara munasabah menjangkakan bahawa pengukuran liabiliti bagi perlindungan baki kumpulan yang mengandungi sijil tersebut di bawah PAA tidak jauh berbeza daripada pengukuran yang akan terhasil menggunakan model umum. Kelayakan PAA dinilai pada awal penubuhan kumpulan sijil dan tidak perlu dinilai semula pada pengukuran berikutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula (sambungan)

(vi) Pengukuran (sambungan)

Pendekatan Peruntukan Premium ("PAA") (sambungan)

Ukuran awal (sambungan)

Bagi sijil dengan had sijil 12 bulan atau kurang, ringkasan berikut digunakan:

- Kumpulan mengandaikan bahawa tiada sijil dalam portfolio adalah membebankan pada pengiktirafan awal melainkan fakta dan keadaan menunjukkan sebaliknya; dan
- Walaupun Kumpulan boleh membahagikan kumpulan sijil dengan lebih lanjut jika ia selaras dengan tujuan pengurusan dalaman dan pelaporan, dasar ini tidak memerlukan sebarang pembahagian lanjut.

Kumpulan telah melaksanakan penilaian kelayakan dan memutuskan bahawa sijil-sijil tersebut layak untuk PAA, memandangkan tiada perbezaan material dalam pengukuran liabiliti bagi perlindungan baki antara PAA dan model pengukuran umum bagi sijil yang tempohnya melebihi 1 tahun.

Apabila fakta dan keadaan menunjukkan bahawa sesuatu sijil adalah membebankan pada pengiktirafan awal, Kumpulan melaksanakan analisis tambahan untuk menentukan jangkaan aliran keluar bersih daripada sijil tersebut. Sijil membebankan diasingkan daripada sijil lain, dan Kumpulan mengiktiraf kerugian dalam untung rugi bagi aliran keluar bersih, yang mengakibatkan amaun bawaan liabiliti bagi kumpulan sijil setara dengan aliran tunai pelaksanaan. Komponen kerugian ditetapkan oleh Kumpulan bagi liabiliti perlindungan baki kumpulan yang membebankan, menunjukkan kerugian yang diiktiraf.

Ukuran lanjut

Bagi kumpulan sijil yang menggunakan PAA, Kumpulan mengukur liabiliti untuk baki perlindungan sebagai:

- Sumbangan, jika ada, yang diterima pada awal pengiktirafan;
- Ditolak sebarang pemerolehan aliran tunai Takaful pada tarikh tersebut, kecuali jika bayaran diiktiraf sebagai perbelanjaan; dan
- Tambah atau tolak sebarang jumlah yang timbul daripada nyah-iktiraf pada tarikh aset atau liabiliti tersebut diiktiraf untuk pemerolehan aliran tunai Takaful.

Apabila, sepanjang tempoh perlindungan, kumpulan sijil Takaful menjadi membebankan, Kumpulan mengiktiraf kerugian dalam untung rugi bagi aliran keluar bersih, yang mengakibatkan amaun bawaan liabiliti bagi kumpulan setara dengan aliran tunai pelaksanaan. Komponen kerugian ditetapkan oleh Kumpulan bagi liabiliti perlindungan baki kumpulan membebankan tersebut, menunjukkan kerugian yang diiktiraf.

Aliran tunai pemerolehan Takaful diagihkan secara garis lurus sebagai sumbangan kepada untung rugi (melalui pendapatan Takaful).

Kumpulan mengukur aset takaful semula bagi kumpulan sijil takaful semula yang dipegang menggunakan asas yang sama dengan sijil Takaful yang diterbitkan. Namun, pengukuran disesuaikan untuk mencerminkan perbezaan di antara sijil takaful semula yang dipegang dengan sijil Takaful yang diterbitkan, contohnya penjanaan atau pengurangan perbelanjaan dan bukannya pendapatan.

Apabila Kumpulan mengiktiraf kerugian pada pengiktirafan awal bagi kumpulan sijil Takaful asas yang membebankan atau apabila terdapat tambahan sijil Takaful asas membebankan dalam kumpulan, ia menetapkan komponen pemulihan kerugian bagi aset perlindungan baki kumpulan sijil takaful semula yang dipegang, yang menunjukkan pemulihan kerugian.

Kumpulan mengira komponen pemulihan kerugian dengan mendarab kerugian yang diiktiraf pada sijil Takaful asas dan peratusan tuntutan pada sijil Takaful asas yang dijangka dapat dipulihkan daripada kumpulan sijil takaful semula yang dipegang. Sekiranya hanya sebahagian sijil dalam kumpulan asas membebankan dilindungi oleh kumpulan sijil takaful semula yang dipegang, Kumpulan menggunakan kaedah sistematik dan rasional untuk menentukan bahagian kerugian yang diiktiraf pada kumpulan sijil Takaful asas yang dilindungi oleh sijil takaful semula yang dipegang.

Komponen pemulihan kerugian melaraskan amaun bawaan aset bagi perlindungan baki.

Apabila Kumpulan memeterai sijil takaful semula dipegang yang menyediakan perlindungan bagi kejadian yang berlaku sebelum pembelian takaful semula, kos takaful semula tersebut diiktiraf dalam untung rugi pada pengiktirafan awal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula (sambungan)

(vi) Pengukuran (sambungan)

Pendekatan Peruntukan Premium ("PAA") (sambungan)

Ukuran lanjut (sambungan)

Bagi Takaful Am, pengukuran lanjut bagi sijil takaful semula yang dipegang mengikut prinsip yang sama seperti sijil Takaful yang diterbitkan dan disesuaikan untuk mencerminkan ciri khusus sijil takaful semula yang dipegang.

Apabila Kumpulan menetapkan komponen pemulihan kerugian, Kumpulan seterusnya mengurangkan komponen pemulihan kerugian kepada sifar selaras dengan pengurangan pada kumpulan sijil Takaful asas yang membebaskan bagi mencerminkan bahawa komponen pemulihan kerugian tidak boleh melebihi bahagian amaun bawaan komponen kerugian kumpulan sijil Takaful asas yang membebaskan yang dijangka dapat dipulihkan daripada kumpulan sijil takaful semula yang dipegang.

Apabila komponen kerugian ditetapkan selepas pengiktirafan awal bagi kumpulan sijil Takaful asas, bahagian pendapatan yang telah diiktiraf daripada sijil takaful semula yang berkaitan dan dipegang didedahkan sebagai komponen pemulihan kerugian.

Apabila Kumpulan telah menetapkan komponen pemulihan kerugian, Kumpulan melaraskan komponen tersebut bagi mencerminkan perubahan dalam komponen kerugian kumpulan sijil Takaful asas yang membebaskan.

Komponen pemulihan kerugian dibalikkan selaras dengan pembalikan komponen kerugian bagi kumpulan sijil asas yang diterbitkan, walaupun pembalikan komponen pemulihan kerugian bukan suatu perubahan dalam aliran tunai pelaksanaan bagi kumpulan sijil takaful semula yang dipegang.

(vii) Tuntutan dan hutang Takaful

Liabiliti baki perlindungan yang didedahkan di bawah liabiliti sijil Takaful termasuklah tuntutan dan hutang Takaful.

Liabiliti baki perlindungan – tuntutan Takaful

Tuntutan Takaful diiktiraf apabila bayarannya tertangguh dan diukur pada pengiktirafan awal pada nilai saksama pertimbangan yang akan diterima. Nilai bawaan sumbangan terhutang dan belum diterima disemak untuk penurunan nilai apabila peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak boleh dipulihkan, di mana kerugian penurunan nilai direkodkan dalam untung rugi.

Tuntutan Takaful dinyah-iktiraf mengikut kriteria penyah-iktirafan bagi instrumen kewangan.

Penurunan nilai bagi tuntutan Takaful diukur pada pengiktirafan awal dan sepanjang hayatnya pada jumlah yang sama dengan ECL seumur hidup. ECL dikira menggunakan matriks peruntukan berdasarkan data sejarah, di mana tuntutan Takaful dan takaful semula dikelompokkan berdasarkan saluran jualan dan jenis sumbangan takaful semula yang berbeza. Penurunan nilai dikira ke atas jumlah baki tertunggak termasuk semua kategori umur dari yang terkini hingga 12 bulan ke atas. Kadar pusingan digunakan ke atas baki tertunggak bagi setiap kategori umur yang menjadi asas kadar pusingan tersebut.

Liabiliti baki perlindungan – hutang Takaful

Hutang Takaful diiktiraf apabila bayarannya tertangguh dan diukur pada pengiktirafan awal pada nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar, ditolak kos transaksi langsung. Selepas pengiktirafan awal, ia diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah hasil efektif.

Sijil Takaful – ubahsuai dan nyah-iktiraf

Kumpulan menyah-iktiraf sijil Takaful apabila:

- Hak dan kewajipan berkaitan sijil tersebut telah luput (diselesaikan, dibatalkan, atau tamat tempoh); atau
- Sijil diubah suai sehingga mengakibatkan perubahan dalam model pengukuran atau piawaian untuk mengukur komponen sijil tersebut. Dalam kes ini, Kumpulan menyah-iktiraf sijil asal dan mengiktiraf sijil yang diubah suai sebagai sijil baharu.

Apabila sesuatu pengubahsuaian tidak dianggap sebagai penyah-iktirafan, Kumpulan mengiktiraf jumlah yang dibayar atau diterima bagi pengubahsuaian tersebut bersama sijil sebagai pelarasan kepada liabiliti berkaitan baki perlindungan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula (sambungan)

(viii) Aliran tunai pemerolehan Takaful

Aliran tunai pemerolehan Takaful timbul daripada kos pengedaran, penulisan, dan permulaan kumpulan sijil Takaful (yang telah atau dijangka diterbitkan) yang boleh dikaitkan secara langsung dengan portfolio sijil Takaful yang dimiliki oleh kumpulan tersebut.

Apabila aliran tunai pemerolehan Takaful telah dibayar atau ditanggung sebelum kumpulan sijil Takaful yang berkaitan diiktiraf dalam penyata kewangan, aset berasingan bagi aliran tunai pemerolehan Takaful diiktiraf bagi setiap kumpulan yang berkaitan.

Aset bagi aliran tunai pemerolehan Takaful dinyah-iktiraf daripada penyata kewangan apabila aliran tunai pemerolehan Takaful dimasukkan dalam pengukuran awal bagi kumpulan sijil Takaful yang berkaitan. Kumpulan menjangkakan untuk menyah-iktiraf semua aset bagi aliran tunai pemerolehan Takaful dalam tempoh perlindungan Takaful tersebut.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan mengkaji semula jumlah aliran tunai pemerolehan Takaful yang diperuntukkan kepada kumpulan sijil Takaful yang belum diiktiraf, bagi mencerminkan perubahan dalam andaian berkaitan kaedah peruntukan yang digunakan.

Selepas sebarang peruntukan semula, Kumpulan menilai kemampuan pemulihan aset bagi aliran tunai pemerolehan Takaful, sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa aset tersebut mungkin mengalami penurunan nilai. Dalam menilai kemampuan pemulihan, Kumpulan menggunakan:

- Ujian penurunan nilai pada peringkat kumpulan sijil Takaful sedia ada atau yang akan datang; dan
- Ujian penurunan nilai tambahan khusus merangkumi aliran tunai pemerolehan Takaful yang diperuntukkan bagi jangkaan pembaharuan kontrak masa depan.

Apabila kerugian penurunan nilai diiktiraf, nilai bawaan aset tersebut diselaraskan dan kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung rugi. Kumpulan mengiktiraf dalam untung rugi sebahagian atau keseluruhan pembalikan kerugian penurunan nilai yang sebelum ini diiktiraf dan meningkatkan nilai bawaan aset tersebut, sehingga syarat penurunan nilai tidak lagi wujud atau telah diperbaiki.

(ix) Pembentangan dan pendedahan

Kumpulan membentangkan secara berasingan dalam penyata kedudukan kewangan amaun bawaan bagi kumpulan sijil Takaful yang dikeluarkan sebagai aset, kumpulan sijil Takaful yang dikeluarkan sebagai liabiliti, sijil takaful semula yang dipegang sebagai aset, dan kumpulan sijil takaful semula yang dipegang sebagai liabiliti.

Sebarang aset atau liabiliti bagi aliran tunai pemerolehan Takaful yang diiktiraf sebelum sijil Takaful berkaitan diterbitkan akan dirangkumkan dalam amaun bawaan kumpulan sijil Takaful yang berkaitan.

Kumpulan tidak mengasingkan perubahan dalam pelarasan risiko bagi risiko bukan kewangan kepada bahagian kewangan dan bukan kewangan, tetapi merangkumkan keseluruhan perubahan tersebut sebagai sebahagian daripada hasil perkhidmatan Takaful.

Kumpulan mengasingkan pendapatan atau perbelanjaan daripada sijil takaful semula yang dipegang daripada perbelanjaan atau pendapatan daripada sijil Takaful yang dikeluarkan.

Pendapatan Takaful

Pendapatan Takaful bagi sesuatu tempoh ialah jumlah sumbangan yang dijangka diterima (tidak termasuk komponen pelaburan) yang diperuntukkan kepada tempoh tersebut. Kumpulan memperuntukkan sumbangan yang dijangka diterima kepada setiap tempoh perkhidmatan sijil Takaful berdasarkan peredaran masa. Namun, sekiranya corak jangkaan pelepasan risiko sepanjang tempoh perlindungan jauh berbeza dengan peredaran masa, peruntukan dibuat berdasarkan jangkaan masa perbelanjaan perkhidmatan Takaful yang akan ditanggung.

Kumpulan boleh menukar asas peruntukan di antara dua kaedah di atas, jika perlu, sekiranya terdapat perubahan dalam fakta dan keadaan. Perubahan sedemikian dibuat secara prospektif sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Rumusan dasar perakaunan penting (sambungan)

(w) Sijil Takaful dan klasifikasi sijil takaful semula (sambungan)

(ix) Pembentangan dan pendedahan (sambungan)

Komponen kerugian

Kumpulan mengasingkan sijil yang membebankan pada pengiktirafan awal daripada sijil dalam portfolio yang sama yang tidak membebankan pada pengiktirafan awal. Kumpulan yang tidak membebankan pada pengiktirafan awal boleh menjadi beban kemudian sekiranya andaian dan pengalaman berubah. Kumpulan telah menubuhkan komponen kerugian bagi liabiliti baki perlindungan untuk mana-mana kumpulan membebankan bagi menggambarkan kerugian masa depan yang diiktiraf.

Komponen kerugian ialah rekod nominal kerugian yang disumbangkan setiap kumpulan sijil Takaful membebankan (atau sijil yang menguntungkan pada permulaan tetapi kemudian menjadi beban). Komponen kerugian diterbitkan berdasarkan peruntukan sistematik perubahan berikutnya dalam aliran tunai pelaksanaan kepada:

- komponen kerugian; dan
- liabiliti baki perlindungan, tidak termasuk komponen kerugian.

Komponen kerugian juga dikemaskini untuk perubahan anggaran berikutnya dalam aliran tunai pelaksanaan berkaitan perkhidmatan masa depan. Peruntukan sistematik bagi perubahan berikutnya kepada komponen kerugian memastikan jumlah keseluruhan yang diperuntukkan kepada komponen kerugian menjadi sifar pada akhir tempoh perlindungan bagi kumpulan sijil (kerana komponen kerugian akan direalisasikan dalam bentuk tuntutan yang ditanggung). Kumpulan menggunakan perkadaran pada pengiktirafan awal untuk menentukan peruntukan sistematik perubahan berikutnya dalam aliran tunai masa depan antara komponen kerugian dan liabiliti baki perlindungan, tidak termasuk komponen kerugian.

Komponen pemulihan kerugian

Apabila Kumpulan mengiktiraf kerugian pada pengiktirafan awal bagi kumpulan sijil Takaful asas yang membebankan atau apabila sijil Takaful asas membebankan ditambah ke dalam kumpulan, Kumpulan menubuhkan komponen pemulihan kerugian bagi aset baki perlindungan untuk kumpulan sijil takaful semula yang dipegang, menggambarkan pemulihan kerugian tersebut.

Apabila komponen kerugian telah ditetapkan selepas pengiktirafan awal bagi kumpulan sijil Takaful asas, bahagian pendapatan yang telah diiktiraf daripada sijil takaful semula berkaitan yang dipegang didedahkan sebagai komponen pemulihan kerugian.

Apabila komponen pemulihan kerugian telah ditetapkan pada pengiktirafan awal atau kemudiannya, Kumpulan menyesuaikan komponen pemulihan kerugian tersebut untuk mencerminkan perubahan dalam komponen kerugian bagi kumpulan sijil Takaful asas yang merugikan.

Nilai bawaan komponen pemulihan kerugian tidak boleh melebihi bahagian nilai bawaan komponen kerugian bagi kumpulan sijil Takaful asas yang merugikan yang dijangka dapat pulihkan daripada kumpulan sijil takaful semula yang dipegang. Berdasarkan asas ini, komponen pemulihan kerugian yang diiktiraf pada pengiktirafan awal dikurangkan kepada sifar selaras dengan pengurangan dalam kumpulan sijil Takaful asas yang merugikan dan menjadi sifar apabila komponen kerugian kumpulan sijil Takaful asas yang merugikan adalah sifar.

Pendapatan atau perbelanjaan bersih daripada sijil takaful semula yang dipegang

Pendapatan atau perbelanjaan kewangan Takaful merangkumi perubahan dalam nilai bawaan kumpulan sijil Takaful yang timbul daripada:

- Kesan nilai masa wang dan perubahan dalam nilai masa wang; dan
Lembaga Pengarah, disokong BRMC, meluluskan semua dasar berkaitan risiko kadar pasaran, khususnya pengurusan risiko kadar keuntungan, yang disemak secara berkala. BRMC turut menyelia keberkesanan dan pematuhan terhadap dasar-dasar tersebut.

Di peringkat pengurusan atasan, MRC mempertimbangkan pengurusan risiko pasaran dengan melaksanakan keputusan, strategi perniagaan, dan pelan tindakan yang terkandung dalam dasar-dasar dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, disokong oleh BRMC.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

(iii) Pengurusan risiko pasaran (sambungan)

Pengurusan harian portfolio pelaburan dilaksanakan oleh Jabatan Perbendaharaan ("TD"). CMRD bertindak sebagai pejabat tengah bagi aktiviti pelaburan dan perbendaharaan dengan melaksanakan tadbir urus risiko dan penilaian risiko secara berkala. CMRD juga menyediakan penilaian bebas terhadap risiko pasaran berkaitan aktiviti pelaburan, termasuk syor bagi pemerolehan baharu dan penilaian harga 'mark-to-market' serta keluk hasil ke atas pulangan pelaburan, khususnya bagi portfolio FVOCI dan Kos Pelunasan. CMRD menyediakan laporan bulanan kepada MRC dan BRMC mengenai tadbir urus portfolio pelaburan, termasuk pematuhan terhadap had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dan disokong oleh BRMC.

Bagi pengurusan risiko pasaran di peringkat Bank, Jabatan Kewangan Operasi ("OFD") memantau sensitiviti risiko kadar keuntungan melalui analisis Pendapatan Berisiko ("Earnings at Risk" - "EaR") dan Nilai Ekonomi Ekuiti ("Economic Value of Equity" - "EVE") secara berkala dan membentangkan laporan kepada ALCO setiap bulan. CMRD dan OFD turut meluluskan kertas dan dokumen cadangan produk baharu (bersama unit pengurusan risiko lain) dengan penilaian dan nasihat relevan mengenai risiko pasaran (dan kecairan) sebelum dikemukakan ke peringkat lebih tinggi untuk kelulusan BNM.

(iv) Pengukuran risiko kadar keuntungan

Pengukuran pendedahan Bank kepada risiko kadar keuntungan dilakukan menerusi:

- **Analisis sensitiviti**

Analisis sensitiviti menentukan bagaimana nilai berbeza bagi satu pemboleh ubah bebas akan memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar tertentu di bawah satu set andaian. Teknik ini digunakan dalam had tertentu yang bergantung kepada satu atau lebih pemboleh ubah input, seperti kesan perubahan kadar keuntungan ke atas harga bon.

- **Analisis Pendapatan Berisiko ("EaR")**

Analisis EaR mengukur potensi kerugian pendapatan tahunan Bank berdasarkan pendedahan semasa terhadap aset dan liabiliti sensitif dan penentuan semula harga (repricing) sekiranya kadar keuntungan naik atau turun. Bagi pengukuran EaR, Bank mengambil kira semua bucket dalam tempoh satu tahun bagi kedudukan Aset Sensitif dan Liabiliti Sensitif, dan memadankannya dengan had yang telah ditetapkan untuk mencerminkan sensitiviti terhadap pergerakan Pendapatan Keuntungan Bersih ("NPI") dan modal.

- **Analisis Nilai Ekonomi Ekuiti ("EVE")**

Analisis EVE mengukur potensi kesan terhadap modal Bank berdasarkan pendedahan semasa ke atas aset dan liabiliti sensitif dan penentuan semula harga (repricing) sekiranya kadar keuntungan naik atau turun. EVE dikira dengan membahagikan jumlah kedudukan berwajib (dikira berdasarkan bucket masa yang telah ditetapkan dan didarab dengan pemberat skala yang ditentukan oleh BNM).

- **Analisis Pendapatan Berisiko ("EaR")**

Analisis EaR bertujuan mengkuantifikasi kesan terhadap unjuran NPI sekiranya berlaku perubahan negatif dalam kadar keuntungan semasa bagi tempoh 1 tahun, bergantung kepada sensitiviti kadar keuntungan Bank (Sensitif Aset atau Sensitif Liabiliti).

- **Analisis Nilai Berisiko ("VaR")**

Bank mempunyai model VaR bagi mengukur risiko kadar keuntungan ke atas portfolio pelaburannya, walaupun tidak mempunyai portfolio buku dagangan. VaR ialah ukuran statistik bagi potensi kerugian akibat pergerakan kadar dan harga pasaran dalam tempoh masa tertentu pada paras keyakinan tertentu. Bank menggunakan Pendekatan Simulasi Sejarah untuk 250 hari dengan paras keyakinan 99% dan had VaR yang telah ditetapkan.

- **Ujian tekanan/analisis simulasi**

Ujian tekanan/analisis simulasi dijalankan berdasarkan pemboleh ubah makroekonomi, khususnya "kadar hasil ke atas nilai sukuk ("Tempoh")" dan "nisbah beta ke atas ekuiti", serta kemungkinan kesan penurunan taraf sukuk. Ujian tekanan/analisis simulasi ini menggunakan pelbagai senario simulasi ke atas portfolio pelaburan Bank untuk menilai kesan terhadap nilai pelaburan, keuntungan, dan modal Bank.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

(v) Risiko Kadar Keuntungan

Jadual-jadual berikut menunjukkan kadar keuntungan efektif pada tarikh laporan dan sensitiviti Bank terhadap kadar keuntungan mengikut julat masa berdasarkan tarikh penentuan semula kontraktual atau tarikh matang yang mana lebih awal.

Kumpulan	<6 bulan RM'000	6 - 12 bulan RM'000	1 - 3 tahun RM'000	3 - 5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Tidak sensitif keuntungan RM'000	Jumlah RM'000	Kadar Untung
2024								
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	2,179,485	-	-	-	-	373,766	2,553,251	3.56%
Aset kewangan pada FVOCI	70,244	80,435	1,227,465	512,359	1,941,110	-	3,831,613	5.87%
Aset kewangan pada AC*	49,381	50,000	99,737	114,963	-	-	314,081	4.09%
Pembiayaan dan pendahuluan*	11,592,803	43,656	910,343	965,609	1,323,828	1,281,034	16,117,273	5.84%
Pendahuluan lain*	-	-	-	-	-	222	222	
Aset-aset lain	-	-	-	-	-	136,902	136,902	
Jumlah aset	13,891,913	174,091	2,237,545	1,592,931	3,264,938	1,791,924	22,953,342	
Liabiliti								
Deposit daripada pelanggan	5,578,900	18,186	1,260,060	1,798,514	-	-	8,655,660	1.41%
Deposit dan simpanan di banks dan institusi kewangan lain	4,312,486	231,716	-	-	-	-	4,544,202	3.60%
Liabiliti lain	-	-	-	-	-	194,323	194,323	
Dana skim pembiayaan	146,731	154,287	693,799	636,992	2,158,197	-	3,790,006	0.44%
Geran kerajaan	-	-	-	-	-	1,276,158	1,276,158	
Sukuk Wakalah	-	-	201,154	301,859	-	-	503,013	3.80%
Jumlah liabiliti	10,038,117	404,189	2,155,013	2,737,365	2,158,197	1,470,481	18,963,362	

* Jumlah kasar sebelum peruntukan penjejasan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

(v) Risiko kadar keuntungan (sambungan)

Jadual-jadual berikut menunjukkan kadar keuntungan efektif pada tarikh laporan dan sensitiviti Bank terhadap kadar keuntungan mengikut julat masa berdasarkan tarikh penentuan semula kontraktual atau tarikh matang yang mana lebih awal. (sambungan)

Bank	<6 bulan RM'000	6 - 12 bulan RM'000	1 - 3 tahun RM'000	3 - 5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Tidak sensitif keuntungan RM'000	Jumlah RM'000	Kadar Untung
2024								
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	2,179,485	-	-	-	-	323,421	2,502,906	3.56%
Aset kewangan pada FVOCI	70,244	80,435	1,227,465	512,359	1,941,110	-	3,831,613	5.87%
Aset kewangan pada AC*	49,381	50,000	99,737	114,963	-	-	314,081	4.09%
Pembiayaan dan pendahuluan*	11,592,803	43,656	910,343	965,609	1,323,828	1,281,034	16,117,273	5.84%
Pendahuluan lain*	-	-	-	-	-	222	222	
Aset-aset lain	-	-	-	-	-	136,902	136,902	
Jumlah aset	13,891,913	174,091	2,237,545	1,592,931	3,264,938	1,741,579	22,902,997	
Liabiliti								
Deposit daripada pelanggan	5,578,900	18,186	1,310,521	1,798,514	-	-	8,706,121	1.41%
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	4,312,486	231,716	-	-	-	-	4,544,202	3.60%
Liabiliti lain	-	-	-	-	-	191,391	191,391	
Dana skim pembiayaan	146,731	154,287	693,799	636,992	2,158,197	-	3,790,006	0.44%
Geran kerajaan	-	-	-	-	-	1,256,961	1,256,961	
Sukuk Wakalah	-	-	201,154	301,859	-	-	503,013	3.80%
Jumlah liabiliti	10,038,117	404,189	2,205,474	2,737,365	2,158,197	1,448,352	18,991,694	

* Jumlah kasar sebelum peruntukan penjejasan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

(v) Risiko Kadar Keuntungan (sambungan)

Kumpulan	<6 bulan RM'000	6 - 12 bulan RM'000	1 - 3 tahun RM'000	3 - 5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Tidak sensitif keuntungan RM'000	Jumlah RM'000	Kadar Untung
31 Disember 2023, seperti dinyatakan semula								
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	2,559,483	-	-	-	-	554,266	3,113,749	3.34%
Deposit di Institusi kewangan	57,000	-	-	-	-	-	57,000	3.95%
Aset kewangan pada FVOCI	5,014	216,074	619,009	386,424	1,471,416	252	2,698,189	5.71%
Aset kewangan pada AC*	-	-	95,000	149,573	20,037	-	264,610	4.11%
Pembiayaan dan pendahuluan*	10,926,338	41,755	848,771	704,375	1,283,003	1,096,472	14,900,714	5.94%
Pendahuluan lain*	-	-	-	-	-	837	837	
Aset-aset lain	-	-	-	-	-	141,703	141,703	
Jumlah aset	13,547,835	257,829	1,562,780	1,240,372	2,774,456	1,793,530	21,176,802	
Liabiliti								
Deposit daripada pelanggan	7,145,748	1,030,721	301,390	29,688	-	-	8,507,547	1.39%
Deposit dan simpanan di bank dan institusi	-	-	-	-	-	-	-	
Kewangan lain	3,141,286	118,362	-	-	-	-	3,259,648	3.47%
Liabiliti lain	-	-	-	-	-	244,535	244,535	
Dana skim pembiayaan	145,642	143,172	764,196	682,114	1,781,728	-	3,516,852	0.38%
Geran kerajaan	-	-	-	-	-	1,344,606	1,344,606	
Sukuk Wakalah	-	-	-	201,194	301,923	-	503,117	3.79%
Jumlah liabiliti	10,432,676	1,292,255	1,065,586	912,996	2,083,651	1,589,141	17,376,305	

* Julah kasar sebelum peruntukan penjejasan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

(v) Risiko Kadar Keuntungan (sambungan)

Bank	<6 bulan RM'000	6 - 12 bulan RM'000	1 - 3 tahun RM'000	3 - 5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Tidak sensitif keuntungan RM'000	Jumlah RM'000	Kadar Untung
31 Disember 2023, seperti dinyatakan semula								
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	2,559,483	-	-	-	-	504,168	3,063,651	3.34%
Deposit di Institusi kewangan	57,000	-	-	-	-	-	57,000	3.95%
Aset kewangan pada FVOCI	5,014	216,074	619,009	386,424	1,471,416	252	2,698,189	5.71%
Aset kewangan pada AC*	-	-	95,000	149,573	20,037	-	264,610	4.11%
Pembiayaan dan pendahuluan*	10,926,338	41,755	848,771	704,375	1,283,003	1,096,472	14,900,714	5.94%
Pendahuluan lain*	-	-	-	-	-	837	837	
Aset-aset lain	-	-	-	-	-	141,703	141,703	
Jumlah aset	13,547,835	257,829	1,562,780	1,240,372	2,774,456	1,743,432	21,126,704	
Liabiliti								
Deposit daripada pelanggan	7,145,748	1,030,721	301,390	29,688	-	-	8,507,547	1.39%
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	3,141,286	118,362	-	-	-	-	3,259,648	3.74%
Liabiliti lain	-	-	-	-	-	244,535	244,535	
Dana skim pembiayaan	145,642	143,172	764,196	682,114	1,781,728	-	3,516,852	0.38%
Geran kerajaan	-	-	-	-	-	1,344,606	1,344,606	
Sukuk Wakalah	-	-	-	201,194	301,923	-	503,117	3.79%
Jumlah liabiliti	10,432,676	1,292,255	1,065,586	912,996	2,083,651	1,589,141	17,376,305	

* Jumlah kasar sebelum peruntukan penjejasan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

(v) Risiko Kadar Keuntungan (sambungan)

Kumpulan dan Bank	<6 bulan RM'000	6 - 12 bulan RM'000	1 - 3 tahun RM'000	3 - 5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Tidak sensitif keuntungan RM'000	Jumlah RM'000	Kadar Untung Rate
1 Januari 2023, seperti dinyatakan semula								
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	1,722,414	-	-	-	-	330,797	2,053,211	3.24%
Deposit di Institusi kewangan	-	-	-	-	-	-	-	
Aset kewangan pada FVOCI	120,250	255,918	443,630	520,644	2,081,772	232	3,422,446	3.48%
Aset kewangan pada AC*	-	-	50,000	-	-	-	50,000	4.55%
Pembiayaan dan pendahuluan*	11,138,257	28,363	157,353	638,157	1,207,024	1,035,938	14,205,092	5.30%
Pendahuluan lain*	-	-	-	-	-	2,057	2,057	
Aset-aset lain	-	-	-	-	-	136,193	136,193	
Jumlah aset	12,980,921	284,281	650,983	1,158,801	3,288,796	1,505,217	19,868,999	
Liabiliti								
Deposit daripada pelanggan	7,288,301	898,074	284,912	47,596	-	-	8,518,883	0.59%
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	2,616,137	-	-	-	-	-	2,616,137	2.43%
Liabiliti lain	-	-	-	-	-	232,470	232,470	
Dana skim pembiayaan	181,599	184,905	997,853	381,895	1,544,641	-	3,290,893	0.34%
Geran kerajaan	-	-	-	-	-	1,041,770	1,041,770	
Sukuk Wakalah	-	-	-	201,194	301,923	-	503,117	3.79%
Jumlah liabiliti	10,086,037	1,082,979	1,282,765	630,685	1,846,564	1,274,240	16,203,270	

* Jumlah kasar sebelum peruntukan penjejasan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko pasaran (sambungan)

Sensitiviti kadar keuntungan

Jadual di bawah menunjukkan kesan ke atas keuntungan sebelum cukai dan zakat Kumpulan dan Bank serta ekuiti akibat kejutan kadar selari naik dan turun sebanyak 100 mata asas.

Kumpulan dan Bank	Kumpulan		Bank	
	+100bp RM'000	-100bp RM'000	+100bp RM'000	-100bp RM'000
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai dan zakat	121,274	(121,274)	114,150	(114,150)
Kesan ke atas ekuiti	(205,326)	174,441	(73,085)	72,027

(e) Risiko operasi

(i) Sifat risiko operasi

Risiko operasi wujud secara semulajadi dalam operasi perniagaan Bank dan berkaitan dengan penglibatan Bank dalam instrumen kewangan, selain daripada risiko kredit, pasaran, dan kecairan.

(ii) Takrif risiko operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian yang timbul daripada proses dalaman, manusia dan sistem, serta peristiwa luaran. Takrif ini merangkumi risiko undang-undang tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi.

(iii) Pengurusan risiko operasi

Pengurusan risiko operasi ditadbir oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan ("GRMF") dan Dasar Pengurusan Risiko Operasi ("ORMP") yang menetapkan tadbir urus dan infrastruktur pengurusan risiko, proses pengurusan risiko, serta tanggungjawab kawalan, selaras dengan garis panduan pengawalseliaan yang ditetapkan oleh Bank of International Settlements ("BIS"), Perjanjian Basel, dan BNM.

Lembaga meluluskan semua dasar berkaitan pengurusan risiko operasi yang disemak secara berkala. BRMC menyelia isu-isu risiko material bank secara menyeluruh dan bertanggungjawab mengemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan serta memastikan keberkesanan dan pematuhan terhadap dasar-dasar tersebut.

Pengurusan atasan bertanggungjawab menguruskan risiko perniagaan, dengan tanggungjawab utama membangun dan mengekalkan proses pengurusan risiko yang sesuai, menerapkan pengurusan risiko dalam operasi Bank, menyelaraskan pengurusan risiko dengan dasar dan prosedur dalaman, serta memastikan semua had berasaskan risiko dipatuhi oleh bahagian perniagaan, jabatan, dan unit.

(iv) Pengurusan risiko operasi

• Struktur pengawasan dan lapisan pertahanan

Interaksi antara pemilik risiko di peringkat perniagaan, Bahagian Pengurusan Risiko ("RMD"), dan Bahagian Audit Dalaman ("IAD") membentuk rangka kerja bagi "tiga lapisan pertahanan" Bank dalam pengurusan risiko operasi.

Lapisan pertahanan pertama adalah pemilik risiko perniagaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko operasi harian di mana Penunjuk Prestasi Utama ("KPI"), Penunjuk Risiko Utama ("KRI"), dan Penunjuk Kawalan Utama ("KCI"), Peta Risiko, Penilaian Kendiri Kawalan Risiko Utama ("RCSA"), dan Pengurusan Insiden serta Pengumpulan Data ("IMDC") dilaksanakan dan diselaraskan dengan objektif perniagaan.

RMD, sebagai lapisan pertahanan kedua, bertanggungjawab menyelia pengurusan risiko operasi, manakala IAD, sebagai lapisan pertahanan ketiga, bertanggungjawab menyediakan jaminan bebas terhadap keberkesanan inisiatif pengurusan risiko operasi yang dilaksanakan oleh RMD dan Unit Perniagaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko operasi (sambungan)

(iv) Pengukuran risiko operasi

- **Proses pengurusan risiko**

Pengurusan Risiko Operasi ("ORM") merujuk kepada proses menyeluruh yang memastikan risiko operasi diuruskan dengan berkesan dari masa risiko dikenalpasti sehingga risiko tersebut dikurangkan mengikut tahap toleransi risiko Bank. Ini merupakan tanggungjawab semua warga Bank. Proses umum ini digunakan untuk menguruskan risiko operasi di semua peringkat, daripada unit, Ibu Pejabat, cawangan, serta pejabat serantau. Proses pengurusan risiko operasi merangkumi 4 langkah iaitu:

- (i) Pengenalpastian risiko
- (ii) Penilaian risiko
- (iii) Pengurusan dan pengawalan risiko
- (iv) Pemantauan dan pelaporan risiko

- **Garis panduan pelaporan dan komunikasi**

Bagi memastikan ORM yang mantap di Bank, pelaporan dan komunikasi adalah amat penting. Memandangkan risiko operasi wujud secara menyeluruh dalam organisasi di samping julat dan jenis insiden yang pelbagai, iaitu daripada penipuan hingga kegagalan produk dan sistem serta kesilapan di pejabat hadapan dan belakang, perkongsian maklumat di semua peringkat adalah penting. Perkongsian maklumat hendaklah dilakukan melalui kedua-dua laluan pelaporan formal dan komunikasi secara bersemuka.

- **Budaya**

Budaya risiko operasi merangkumi tahap kesedaran umum serta sikap dan tingkah laku kakitangan terhadap punca utama risiko operasi seperti manusia, proses, sistem, dan peristiwa luaran.

Kesedaran dan latihan yang mencukupi berkaitan risiko operasi dilaksanakan sama ada melalui latihan fizikal di bilik darjah, e-pembelajaran, dan sesi libat urus dengan kakitangan di mana peranan dan tanggungjawab mereka ditakrifkan dengan jelas dalam menguruskan risiko operasi perbankan. Selain itu, proses pengurusan prestasi menggalakkan kakitangan untuk melaksanakan tugas dan berkelakuan sejajar dengan objektif pengurusan risiko operasi Bank. Latihan dan program kesedaran yang berterusan dijalankan untuk kakitangan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab pengurusan risiko operasi masing-masing.

(f) Pengurusan modal

BNM menetapkan dan memantau keperluan modal Bank secara menyeluruh.

Modal kawal selia Bank terdiri daripada dua tahap:

- Modal Tahap 1, yang merangkumi modal saham biasa, premium saham, sukuk berpanjangan (yang diklasifikasi sebagai sekuriti inovatif Tahap 1), pendapatan terkumpul, rizab terjemahan, dan kepentingan bukan kawalan selepas ditolak muhibah dan aset tidak ketara, serta pelarasan pengawalseliaan lain berkaitan item yang termasuk dalam ekuiti tetapi diurus dengan cara berbeza bagi tujuan kecukupan modal.
- Modal Tahap 2, yang merangkumi liabiliti subordinat yang layak, geran kerajaan, dan peruntukan penjejakan kolektif bagi pembiayaan yang tidak terjejas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(f) Pengurusan modal (sambungan)

Pelbagai had dikenakan ke atas elemen asas modal. Amaun bagi sekuriti inovatif Tahap 1 tidak boleh melebihi 15 peratus daripada jumlah modal Tahap 1; modal Tahap 2 yang layak tidak boleh melebihi modal Tahap 1; dan modal pembiayaan subordinat berjangka yang layak tidak boleh melebihi 50 peratus daripada modal Tahap 1. Terdapat juga sekatan ke atas amaun peruntukan penjejasan kolektif yang boleh dirangkumkan dalam modal Tahap 2.

Dasar Bank adalah untuk mengekalkan asas modal yang kukuh bagi mengekalkan keyakinan pelabur, pemiutang, dan pasaran serta menyokong pembangunan masa hadapan perniagaan. Kesan tahap modal terhadap pulangan pemegang saham juga diambil kira dan Bank mengiktiraf kepentingan mengekalkan keseimbangan di antara pulangan lebih tinggi yang mungkin dicapai melalui penggearing lebih besar serta kedudukan modal yang kukuh.

Bank dan operasi yang dikawal selia secara individu telah mematuhi semua keperluan luar untuk modal sepanjang tempoh tersebut. Pengurusan menggunakan nisbah modal pengawalseliaan untuk memantau asas modalnya, dan nisbah modal ini kekal sebagai piawaian antarabangsa untuk mengukur kecukupan modal. Bank telah membangunkan Pelan Pengurusan Modal ("CMP") bagi memudahkan pengurusan modal yang berkesan serta menangani potensi kesan daripada kemerosotan pembiayaan selain menyediakan penampungan yang mencukupi untuk menyokong pengembangan perniagaan.

Bank memilih untuk menggunakan Aturan Peralihan bagi Pendekatan Modal Pengawalseliaan terhadap Peruntukan Perakaunan untuk Institusi Kewangan Pembangunan ("IKP") seperti yang dinyatakan dalam Nota 5(a) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 sebagai tempoh pelaporan pertama bagi gunakan tersebut.

Peruntukan modal

Peruntukan modal antara operasi dan aktiviti tertentu dipacu, sebahagian besarnya, oleh pengoptimuman pulangan yang dicapai atas modal yang diperuntukkan. Jumlah modal yang diperuntukkan kepada setiap operasi atau aktiviti adalah berdasarkan kepada modal pengawalseliaan, namun dalam sesetengah keadaan keperluan pengawalseliaan tidak mencerminkan sepenuhnya tahap risiko yang berbeza-beza bagi aktiviti yang berlainan. Dalam keadaan sedemikian, keperluan modal boleh diubah bagi mencerminkan profil risiko yang berbeza, tertakluk kepada jumlah keseluruhan modal untuk menyokong sesuatu operasi atau aktiviti agar tidak jatuh di bawah paras minimum bagi tujuan pengawalseliaan. Proses peruntukan modal kepada operasi dan aktiviti tertentu adalah tertakluk kepada semakan ALCO di mana wajar.

Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal Bank pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

Kumpulan	2024 %	Dinyatakan semula 31 Disember 2023 %	Dinyatakan semula 1 Januari 2023 %
Sebelum menolak cadangan dividen:			
Nisbah modal teras	21.30	19.69	20.25
Nisbah modal berwajaran risiko	26.75	24.63	24.81
Selepas menolak cadangan dividen:			
Nisbah modal teras	21.17	19.58	20.15
Nisbah modal berwajaran risiko	26.62	24.51	24.70

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(f) Pengurusan modal (sambungan)

Kecukupan Modal (sambungan)

Nisbah kecukupan modal Bank pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut: (sambungan)

Bank	2024 %	Dinyatakan semula 31 Disember 2023 %	Dinyatakan semula 1 Januari 2023 %
Sebelum menolak cadangan dividen:			
Nisbah modal teras	21.31	19.69	20.25
Nisbah modal berwajaran risiko	26.32	24.33	24.81
Selepas menolak cadangan dividen:			
Nisbah modal teras	21.18	19.58	20.15
Nisbah modal berwajaran risiko	26.19	24.21	24.70

	2024 RM'000	Kumpulan Dinyatakan semula 31 Disember 2023 RM'000	Dinyatakan semula 1 Januari 2023 RM'000	2024 RM'000	Bank Dinyatakan semula 31 Disember 2023 RM'000	Dinyatakan semula 1 Januari 2023 RM'000
Komponen modal Tahap I dan Tahap II						
Modal Tahap I						
Modal saham	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Rizab berkanun	487,109	487,109	487,109	487,109	487,109	487,109
Pendapatan tersimpan	1,915,112	1,809,056	1,664,994	1,915,940	1,809,067	1,664,994
Peruntukan ECL ¹	-	30,557	70,263	-	30,557	70,263
Ditolak: Aset cukai tertunda	(25,740)	(24,261)	(27,513)	(25,740)	(24,261)	(27,513)
Jumlah modal Tahap I	3,376,481	3,302,461	3,194,853	3,377,309	3,302,472	3,194,853

¹ Jumlah yang layak bagi modal Tahap I dan Tahap II adalah terhad kepada ECL bagi pembiayaan dan pinjaman yang tidak terjejas. Selaras dengan gunapakai Aturan Peralihan, peruntukan ECL Tahap 1 dan Tahap 2 yang ditanggung dalam tahun berkenaan dibenarkan untuk dimasukkan semula ke dalam modal Tahap 1 dalam tempoh empat tahun bermula tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(f) Pengurusan modal (sambungan)

		Kumpulan Dinyatakan semula 31 Disember 2023 RM'000	Dinyatakan semula 1 Januari 2023 RM'000		Bank Dinyatakan semula 31 Disember 2023 RM'000	Dinyatakan semula 1 Januari 2023 RM'000
	2024 RM'000			2024 RM'000		
Komponen modal Tahap I dan Tahap II (sambungan)						
Modal Tahap II						
Peruntukan ECL ¹	165,511	137,329	130,194	165,511	137,329	130,194
Rizab kawal selia	34,951	34,951	34,951	34,951	34,951	34,951
Geran kerajaan:						
Operasi	17,213	17,489	17,765	17,213	17,489	17,765
Pelancaran	1,424	1,436	1,464	1,424	1,436	1,464
Dana ²	644,723	636,318	534,355	625,526	636,318	534,355
Jumlah modal Tahap II	863,822	827,523	718,729	844,625	827,523	718,729
Jumlah modal	4,240,303	4,129,984	3,913,582	4,221,934	4,129,995	3,913,582
Ditolak: Pelaburan dalam anak syarikat	-	-	-	(50,000)	(50,000)	-
Jumlah asas modal	4,240,303	4,129,984	3,913,582	4,171,934	4,079,995	3,913,582

¹ Jumlah yang layak bagi modal Tahap I dan II adalah terhad kepada ECL bagi pembiayaan dan pinjaman yang tidak terjejas. Selaras dengan gunapakai Aturan Peralihan, peruntukan ECL Tahap 1 dan Tahap 2 yang ditanggung dalam tahun berkenaan dibenarkan untuk dimasukkan semula ke dalam modal Tahap 1 dalam tempoh empat tahun bermula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

² Geran Kerajaan – Dana tidak termasuk geran yang berkaitan dengan penilaian saksama dana skim pembiayaan pada kadar di bawah paras pasaran berjumlah RM612.80 juta (2023: RM689.4 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(f) Pengurusan modal (sambungan)

Perincian aset berwajaran risiko dalam pelbagai kategori berwajaran risiko adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	Notional RM'000	Berwajaran risiko RM'000	Notional RM'000	Berwajaran risiko RM'000
0%	5,318,602	-	5,318,257	-
20%	2,251,968	450,394	2,251,968	450,394
50%	26,078	13,039	26,078	13,039
100%	14,867,791.00	14,867,791	14,865,540	14,865,540
Aset berwajaran risiko di luar lembaranimbangan	-	522,429	-	522,429
Jumlah aset berwajaran risiko pada 31 Disember 2024	22,464,439	15,853,653	22,461,843	15,851,402
0%	2,238,884	-	2,238,785	-
20%	2,688,991	537,798	2,688,991	537,798
50%	27,209	13,605	27,209	13,605
100%	15,807,030	15,807,030	15,807,140	15,807,140
Aset berwajaran risiko di luar lembaranimbangan	-	409,931	-	409,931
Jumlah aset berwajaran risiko pada 31 Disember 2023 (Dinyatakan semula)	20,762,114	16,768,364	20,762,125	16,768,474
0%	2,558,559	-	2,558,559	-
20%	1,765,210	353,042	1,765,210	353,042
50%	29,460	14,730	29,460	14,730
100%	15,062,401	15,062,401	15,062,401	15,062,401
Aset berwajaran risiko di luar lembaranimbangan	-	346,473	-	346,473
Jumlah aset berwajaran risiko pada 1 Januari 2023 (Dinyatakan semula)	19,415,630	15,776,646	19,415,630	15,776,646

B. NILAI SAKSAMA ASET KEWANGAN DAN LIABILITI KEWANGAN

Nilai wajar adalah jumlah di mana aset kewangan boleh ditukarkan atau liabiliti kewangan boleh diselesaikan, antara pihak yang berpengetahuan dan bersedia dalam urusan tanpa pengaruh tidak wajar. Maklumat yang dibentangkan ini mewakili anggaran terbaik nilai saksama pada tempoh pelaporan.

Susunan nilai saksama

Penentuan nilai saksama dan susunan nilai saksama

Bank menggunakan susunan berikut untuk menentukan dan mendedahkan nilai wajar instrumen kewangan mengikut teknik penilaian: Tahap 1: Harga yang disenaraikan (tidak diselaraskan) di pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa;

Tahap 2: Teknik lain yang mana semua input yang mempunyai kesan signifikan terhadap nilai saksama yang direkodkan boleh diperhatikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung;

Tahap 3: Teknik yang menggunakan input dengan kesan signifikan terhadap nilai saksama yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

B. NILAI SAKSAMA ASET KEWANGAN DAN LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(i) Aset kewangan dan liabiliti kewangan dibawa pada nilai saksama

Berikut adalah perbandingan kategori nilai saksama bagi instrumen kewangan Kumpulan dan Bank:

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2024				
Aset kewangan				
FVOCI	-	3,831,613	-	3,831,613
2023				
Aset kewangan				
FVOCI	252	2,697,937	-	2,698,189

(ii) Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada amaun bawaan

	2024		2023	
	Amaun bawaan RM'000	Nilai saksama RM'000	Amaun bawaan RM'000	Nilai saksama RM'000
Aset kewangan				
Aset kewangan pada kos pelunasan	314,022	315,436	264,559	266,191
Pembiayaan dan pendahuluan	15,379,785	15,928,235	14,250,633	14,708,480
	15,693,807	16,243,671	14,515,192	14,974,671
Liabiliti kewangan				
Deposit daripada pelanggan	8,655,660	8,446,346	8,507,547	8,511,111
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	4,544,202	4,364,926	3,259,648	3,239,156
	13,199,862	12,811,272	11,767,195	11,750,267

Nilai saksama bagi pembiayaan dan pinjaman, deposit daripada pelanggan, serta deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain adalah pada Tahap 2 (2023: Tahap 2)

Kaedah dan andaian yang digunakan dalam menganggarkan nilai saksama instrumen kewangan adalah seperti berikut:

(i) Aset kewangan pada kos pelunasan

Nilai saksama instrumen pelaburan dianggarkan berdasarkan nilai pasaran pada akhir tempoh pelaporan dengan merujuk kepada nilai pasaran instrumen tersebut yang diterbitkan oleh Bond Pricing Agency Malaysia ("BPAM").

(ii) Aset kewangan pada FVOCI

Nilai saksama sekuriti hutang swasta dan terbitan pelaburan kerajaan Malaysia ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran instrumen tersebut yang diterbitkan oleh Bond Pricing Agency Malaysia ("BPAM").

Nilai saksama sekuriti ekuiti ditentukan berdasarkan harga yang disenaraikan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

B. NILAI SAKSAMA ASET KEWANGAN DAN LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(ii) Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada amaun bawaan (sambungan)

(iii) Pembiayaan dan pendahuluan

Bagi pembiayaan kadar tetap dengan tempoh matang dalam setahun, serta pembiayaan dan pendahuluan pada kadar berubah, nilai saksama dianggarkan hampir sama dengan nilai bawaan masing-masing.

Bagi pembiayaan kadar tetap dengan tempoh matang melebihi setahun, nilai saksama dianggarkan berdasarkan unjuran aliran tunai masa depan daripada ansuran kontrak dan didiskaunkan pada kadar semasa pada akhir tempoh pelaporan yang ditawarkan bagi pembiayaan serupa kepada pelanggan baharu dengan profil kredit yang serupa, di mana berkenaan.

(iv) Deposit daripada pelanggan

Nilai saksama deposit daripada pelanggan dengan baki tempoh matang kurang daripada setahun dianggarkan hampir sama dengan amaun bawaannya. Nilai saksama deposit dengan baki tempoh matang melebihi setahun dianggarkan menggunakan aliran tunai didiskaunkan berdasarkan kadar pasaran bagi deposit serupa daripada pelanggan.

C. ANALISIS ASET DAN LIABILITI KEWANGAN MENGIKUT ASAS PENGUKURAN

Kumpulan	Aset kewangan pada FVOCI RM'000	Aset dan liabiliti kewangan pada kos pelunasan RM'000	Jumlah RM'000
2024			
Aset kewangan			
Tunai dan dana jangka pendek	-	2,553,251	2,553,251
Deposit di institusi kewangan	-	-	-
Aset kewangan pada FVOCI	3,831,613	-	3,831,613
Aset kewangan pada kos pelunasan	-	314,022	314,022
Pembiayaan dan pendahuluan	-	15,379,785	15,379,785
Aset kewangan lain	-	130,807	130,807
	3,831,613	18,377,865	22,209,478
Liabiliti kewangan			
Deposit daripada pelanggan	-	8,655,660	8,655,660
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	4,544,202	4,544,202	-
Dana skim pembiayaan	-	3,790,006	3,790,006
Liabiliti kewangan lain	-	47,837	47,837
Sukuk Wakalah	-	503,013	503,013
	-	17,540,718	17,540,718

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

C. ANALISIS ASET DAN LIABILITI KEWANGAN MENGIKUT ASAS PENGUKURAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Aset kewangan pada FVOCI RM'000	Aset dan liabiliti kewangan pada kos pelunasan RM'000	Jumlah RM'000
2024			
Aset kewangan			
Tunai dan dana jangka pendek	-	2,502,906	2,502,906
Deposit di institusi kewangan	-	-	-
Aset kewangan pada FVOCI	3,831,613	-	3,831,613
Aset kewangan pada kos pelunasan	-	314,022	314,022
Pembiayaan dan pendahuluan	-	15,379,785	15,379,785
Aset kewangan lain	-	130,807	130,807
	3,831,613	18,327,520	22,159,133
Liabiliti kewangan			
Deposit daripada pelanggan	-	8,706,121	8,706,121
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	-	4,544,202	4,544,202
Dana skim pembiayaan	-	3,790,006	3,790,006
Liabiliti kewangan lain	-	47,837	47,837
Sukuk Wakalah	-	503,013	503,013
	-	17,591,179	17,591,179
2023			
Aset kewangan			
Tunai dan dana jangka pendek	-	3,113,749	3,113,749
Deposit di institusi kewangan	-	57,000	57,000
Aset kewangan pada FVOCI	2,697,937	-	2,697,937
Aset kewangan pada kos pelunasan	-	264,559	264,559
Pembiayaan dan pendahuluan	-	14,250,633	14,250,633
Aset kewangan lain	-	135,608	135,608
	2,697,937	17,821,549	20,519,486
Liabiliti kewangan			
Deposit daripada pelanggan	-	8,507,547	8,507,547
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	-	3,259,648	3,259,648
Dana skim pembiayaan	-	3,516,852	3,516,852
Liabiliti kewangan lain	-	65,113	65,113
Sukuk Wakalah	-	503,117	503,117
	-	15,852,277	15,852,277

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

C. ANALISIS ASET DAN LIABILITI KEWANGAN MENGIKUT ASAS PENGUKURAN (SAMBUNGAN)

Bank	Aset kewangan pada FVOCI RM'000	Aset dan liabiliti kewangan pada kos pelunasan RM'000	Jumlah RM'000
2023			
Aset kewangan			
Tunai dan dana jangka pendek	-	3,063,651	3,063,651
Deposit di institusi kewangan	-	57,000	57,000
Aset kewangan pada FVOCI	2,697,937	-	2,697,937
Aset kewangan pada kos pelunasan	-	264,559	264,559
Pembiayaan dan pendahuluan	-	14,250,633	14,250,633
Aset kewangan lain	-	135,608	135,608
	2,697,937	17,771,451	20,469,388
Liabiliti kewangan			
Deposit daripada pelanggan	-	8,507,547	8,507,547
Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain	- 3,259,648	3,259,648	
Dana skim pembiayaan	-	3,516,852	3,516,852
Liabiliti kewangan lain	-	65,113	65,113
Sukuk Wakalah	-	503,117	503,117
	-	15,852,277	15,852,277

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

43. PERISTIWA KETIDAKPATUHAN SYARIAH

(1) Sifat Peristiwa Ketidakpatuhan ("SNC")

Kumpulan dan Bank telah mewujudkan rangka kerja tadbir urus Syariah yang kukuh bagi memastikan pematuhan ketat terhadap keperluan Syariah dalam semua prosesnya. Jawatankuasa Syariah Kumpulan (Group SC) menyediakan pengawasan Syariah ke atas semua risiko ketidakpatuhan Syariah di seluruh Kumpulan.

Peristiwa Ketidakpatuhan Syariah berlaku akibat kegagalan Kumpulan dan Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang ditetapkan oleh majlis pengawalseliaan Syariah dan Jawatankuasa Syariah. Sebarang urusan yang disyaki tidak mematuhi kehendak Syariah dilaporkan kepada Jawatankuasa Syariah untuk dibincangkan sama ada sebarang pelanggaran keperluan Syariah telah berlaku.

Sepanjang tahun kewangan, terdapat satu (1) (2023: 1) peristiwa SNC yang telah diselesaikan dan dilaporkan kepada BNM. Kesan kewangan berkaitan pendapatan tidak patuh Syariah adalah sebanyak RM Tiada (2023: RM96,912.20).

Produk deposit

Sifat urusan yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Syariah (SC) bagi peristiwa SNC adalah seperti berikut:

- Keuntungan pendahuluan (Hamish Jiddiyah) dianggap sebagai sebahagian daripada Harga Belian Bank sebelum pelaksanaan urusan Tawarruq.
- Secara prinsip, jumlah keuntungan pendahuluan berdasarkan Hamish Jiddiyah tidak sepatutnya dianggap sebagai sebahagian daripada harga jualan dan ia perlu dibezakan daripada Harga Belian Bank.
- Insiden ini tidak melibatkan sebarang impak kewangan kerana pelanggan menggunakan sebahagian bayaran keuntungan pendahuluan bagi tujuan pembaharuan akad.

Selain daripada pemurnian pendapatan daripada peristiwa ketidakpatuhan Syariah, Bank telah mengambil beberapa langkah pembetulan berkaitan sistem, proses, dan prosedur bagi memperkukuh mekanisme kawalan dan mengurangkan kemungkinan berulangnya insiden ketidakpatuhan Syariah.

Pelan tindakan pembetulan tersebut adalah seperti berikut:

Sifat Peristiwa	Langkah-langkah Pencegahan	Status
Keuntungan pendahuluan dianggap sebagai sebahagian daripada Harga Belian Bank sebelum pelaksanaan Tawarruq.	1. Membangunkan dan melaksanakan aqad harian (termasuk pada hujung minggu) bersama Penyedia Aqad Tawarruq melalui fail kelompok pada T+1 dalam sistem Perbankan. 2. Ukuran sementara bagi pembaharuan aqad bagi tahun berakhir 2024 hendaklah dilaksanakan secara berurutan memandangkan fail aqad untuk Tambahan Berperingkat, Deposit Baharu, dan Pembaharuan dijana secara berasingan (tidak digabungkan).	Selesai

STATUS KORPORAT

Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) telah didaftarkan dan diperbadankan pada 31 Mac 2008 di bawah Akta Syarikat 1965. BPMB yang secara komersialnya dikenali sebagai Agrobank, ialah sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Walau bagaimanapun, pembiayaan sektor pertanian adalah selaras dengan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 3, Bangunan Agrobank
Leboh Pasar Besar
50726 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Tetuan (Messrs) Ernst & Young PLT
Aras 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur

Telefon : (603)-7495 8000
Faks : (603)-2095 5332

IBU PEJABAT

Bank Pertanian Malaysia Berhad
Bangunan Agrobank
Leboh Pasar Besar
50726 Kuala Lumpur

Telefon : (603)-2731 1600
Laman web : www.agrobank.com.my

TARIKH DIPERBADANKAN

31 Mac 2008 di bawah Akta Syarikat 1965

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pusat Panggilan : 1300 88 2476
E-mel : customer@agrobank.com.my



Sila imbas Kod QR untuk mengemukakan maklum balas Laporan Tahunan Bersepadu Agrobank 2024

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

DATUK YUNOS ABD GHANI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik sebagai Pengerusi: 12 November 2022)

DATUK LOKMAN HAKIM ALI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik sebagai Pengarah: 4 Disember 2023)

DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik: 17 November 2020)

MOHD HANIF MASTUKI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik sebagai Pengarah: 13 Julai 2022)

RIZLEEN MOKHTAR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik: 1 Ogos 2022)

WAN ZAMRI WAN ZAIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik sebagai Pengarah: 2 Februari 2023)

MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik: 2 Februari 2023)

DATIN ARLINA ARIFF

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik: 30 Ogos 2023)

JAWATANKUASA LEMBAGA KREDIT DAN PELABURAN

 Pengerusi: **RIZLEEN MOKHTAR**

 Ahli: **DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN**
MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL
DATIN ARLINA ARIFF

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

 Pengerusi: **WAN ZAMRI WAN ZAIN**

 Ahli: **DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN**
MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

 Pengerusi: **MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL**

 Ahli: **MOHD HANIF MASTUKI**
RIZLEEN MOKHTAR

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

 Pengerusi: **WAN ZAMRI WAN ZAIN**

 Ahli: **MOHD HANIF MASTUKI**
DATIN ARLINA ARIFF
RIZLEEN MOKHTAR

JAWATANKUASA LEMBAGA TEKNOLOGI MAKLUMAT

 Pengerusi: **DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN**

 Ahli: **DATUK LOKMAN HAKIM ALI**
WAN ZAMRI WAN ZAIN
MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL
MOHD HANIF MASTUKI

JAWATANKUASA LEMBAGA STRATEGI

 Pengerusi: **DATIN ARLINA ARIFF**

 Ahli: **DATUK LOKMAN HAKIM ALI**
DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN
WAN ZAMRI WAN ZAIN
MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHANPengerusi: **DATUK DR. AHMAD KUSHAIRI DIN**

Ahli: **DATIN ARLINA ARIFF**
MOHD HANIF MASTUKI
RIZLEEN MOKHTAR
DATUK LOKMAN HAKIM ALI

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGAWASANPengerusi: **WAN ZAMRI WAN ZAIN**

Ahli: **DATIN ARLINA ARIFF**
MOHAMED IQBAL MOHAMED IQBAL
RIZLEEN MOKHTAR

KUMPULAN JAWATANKUASA SYARIAHPengerusi: **USTAZ WAN RUMAIZI W.HUSIN @ ABDUL AZIZ**
(Dilantik: 1 Jun 2024)

Ahli: **DR. SHAFAAI MUSA**
(Dilantik: 1 Jun 2023)
DR. ABDULLAAH JALIL
(Dilantik: 1 Jun 2023)
PROF. DR. SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI
(Appointed: 1 Jun 2023)
PROF. DATIN DR. RUSNI HASSAN
(Dilantik: 1 Jun 2024)
PUAN SHABNAM MOHAMAD MOKHTAR
(Dilantik: 1 Jun 2024)

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN**YM DATO' TENGKU AHMAD BADLI
SHAH RAJA HUSSIN**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
(Dilantik: 3 Januari 2022)

ZAHID AHMAD ZAWAWI

Ketua Pegawai Operasi
(Dilantik: 23 Julai 2015)

MOHAMAD TAUFIK MAHAMAD ZAKARIA

Ketua Pegawai Strategi
(Dilantik: 6 April 2018)

ZULKEEFLI MAD KARIM

Ketua Pegawai Kewangan
(Dilantik: 1 Jun 2023)

HUSSIEN MULLAR

Ketua Pegawai Risiko
(Dilantik: 15 November 2023)

ELINA AHMAD

Ketua Pegawai Pematuhan
(Dilantik: 1 Mei 2020)

SYED HAIRUL ANUAR SYED FADZIL

Ketua Pegawai Perniagaan
(Dilantik: 16 October 2023)

KAMARUDIN SAMSUDIN

Ketua Juruaudit Dalaman
(Dilantik: 1 Mac 2023)

AMINUDDIN AMENON

Ketua Pegawai Pembangunan
(Dilantik: 18 Oktober 2021)

AZIZAN NOOR ABD WAHAB

Memangku, Ketua Pegawai Kredit
(Dilantik: 29 November 2023)

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.



WWW.AGROBANK.COM.MY

Leboh Pasar Besar
Peti Surat 10815
50726 Kuala Lumpur
Malaysia

T 603-2731 1600
E customer@agrobank.com.my

eISSN 3122-7074

